

**KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR & WILAYAH**

2015

Laporan Tahunan

KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR & WILAYAH

2015

Laporan Tahunan



Cetakan Pertama 2016

© Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan sisi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.

KANDUNGAN



BAHAGIAN SATU MAKLUMAT KORPORAT

Perutusan Menteri	06
Visi, Misi dan Moto	08
Objektif	09
Carta Organisasi	10
Piagam Pelanggan dan Peranan	13
Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan	14
Komitmen dan Pencapaian	16



BAHAGIAN TIGA TRANSFORMASI LUAR BANDAR

Fokus 1 - Prasarana Luar Bandar	40
Fokus 2 - Pembangunan Belia Luar Bandar	67
Fokus 3 - Ekonomi	75
Fokus 4 - Keusahawanan	101
Fokus 5 - Modal Insan	115
Fokus 6 - Sistem Penyampaian	163



BAHAGIAN LIMA SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	208
Bahagian Kewangan	222
Bahagian Akaun	225
Bahagian Perolehan	230
Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Aset	231
Bahagian Pengurusan Maklumat	234



BAHAGIAN DUA PERANCANGAN DASAR

Rangkuman Rancangan Malaysia Kesebelas [RMke-11]	21
Pelan Strategik	28
Penglibatan di Peringkat Antarabangsa	33



BAHAGIAN EMPAT PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek	176
Bahagian Teknikal	179
Bahagian Pelaburan & Anak Syarikat	182
Unit Audit Dalam	197
Unit Perundangan	197
Unit <i>National Key Result Areas</i> [NKRA]	198
Unit Integriti	203
Unit Petunjuk Prestasi [KPI]	205



BAHAGIAN ENAM PUBLISITI DAN PROMOSI KKLW

Unit Komunikasi Korporat	240
Aktiviti Publisiti dan Promosi	241
Kalendar Program KKLW	244



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH






MAKLUMAT KORPORAT

- ◆ Perutusan Menteri
- ◆ Visi, Misi dan Moto
- ◆ Objektif
- ◆ Carta Organisasi
- ◆ Anggota Pentadbiran
- ◆ Piagam Pelanggan dan Peranan
- ◆ Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan
- ◆ Komitmen dan Pencapaian

BAHAGIAN SATU



PERUTUSAN YB MENTERI

Assalamualaikum WBT,
Salam Transformasi.

Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan dan rahmatNya jua, Laporan Tahunan 2015 ini berjaya dihasilkan. Penerbitan naskhah tahunan ini merupakan satu khazanah ilmu yang merakamkan perjalanan program dan aktiviti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [KKLW] sepanjang tahun 2015.

Persekitaran masyarakat luar bandar yang semakin dinamik masa kini menuntut dedikasi warga KKLW untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada *stakeholders* dan rakyat keseluruhannya. Rakyat dan pelanggan di luar bandar menaruh harapan yang tinggi terhadap perkhidmatan berkesan yang diberikan.

Reaksi masyarakat luar bandar bagi mendepani realiti dan situasi masa kini menyaksikan keperluan transformasi yang lebih dinamik dalam penyampaian perkhidmatan demi kemajuan luar bandar yang lebih realistik. Pelbagai inisiatif yang disediakan adalah pancaran komitmen Kementerian terhadap kecemerlangan memajukan kawasan luar bandar dan wilayah.

Saya berharap KKLW dapat memperhebatkan lagi usaha-usaha transformasi luar bandar agar menjadi lambang kesungguhan warga KKLW dan Kerajaan sebagai pemacu utama kesejahteraan masyarakat luar bandar khususnya dan negara amnya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua warga KKLW yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang padu dalam menggalas tanggungjawab demi memartabatkan KKLW. Semoga KKLW terus mempotretkan kejayaan demi kejayaan sebagai peneraju tranformasi luar bandar.

Sekian, wassalam.

“MEMBANDARKAN LUAR BANDAR”

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



“ Pelbagai inisiatif yang disediakan adalah pancaran komitmen Kementerian terhadap kecemerlangan memajukan kawasan luar bandar dan wilayah. ”

- YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob
Menteri Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah

VISI

Menjadi **PENERAJU
KEMAJUAN
Luar Bandar**

MISI

Meningkatkan
Kesejahteraan Masyarakat
Luar Bandar Secara
Menyeluruh dan Berkesan

MOTO


Memandarkan
Luar Bandar

OBJEKTIF

1. Peningkatan pendapatan penduduk desa ke tahap 80% daripada penduduk bandar menjelang 2020.
2. Mewujudkan Desa Berkualiti (Desa Q) menjelang 2016.
3. Mewujudkan 30% penduduk desa terlibat dalam aktiviti keusahawanan menjelang 2020.
4. Mewujudkan masyarakat berilmu dan berkemahiran.
5. Mempercepatkan pelaksanaan konsep dan Program Pembangunan Bersepadu.
6. Meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa.
7. Mencapai liputan 100% prasarana asas, utiliti dan infrastruktur menjelang 2020.
8. Memastikan penduduk desa mendapat 100% manfaat teknologi maklumat dan komunikasi menjelang 2020.
9. Membantu menghapuskan kemiskinan tegar, dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8%.
10. Meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan di luar bandar.
11. Meningkatkan pembangunan jalan di kawasan luar bandar dan lain-lain kawasan kurang membangun.
12. Meningkatkan liputan bekalan elektrik bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak kepada 95% dan di Semenanjung Malaysia kepada 99.9% menjelang tahun 2013.
13. Meningkatkan liputan bekalan air bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak kepada 90% dan di Semenanjung Malaysia kepada 98% menjelang tahun 2013.
14. Memastikan semua kawasan 30 km radius dari pusat bandar/pekan mendapat liputan infrastruktur 100% menjelang 2016.
15. Meneruskan usaha merapatkan jurang digital dan meningkatkan penembusan perkhidmatan internet jalur lebar (*broadband*) melalui Pelan Jalur Lebar Negara.
16. Memastikan pengagihan seimbang peluang-peluang bermutu yang dapat menjana pendapatan, pekerjaan, perniagaan dan pendidikan ke seluruh pelosok negara.



CARTA ORGANISASI



PIAGAM PELANGGAN

1. Menyiapkan Projek Jalan Perhubungan Desa [JPD] dan Projek Ameniti Sosial [PAMS] tidak melebihi 12 bulan daripada tarikh milik tapak.
2. Menyiapkan Projek Bantuan Rumah [PBR] bina baru dalam tempoh 4 bulan dan baikpulih dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh milik tapak.
3. Memutuskan permohonan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa [SPED] tidak melebihi 18 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima daripada pihak bank.
4. Melaksanakan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Desa kepada JKKK dan JKKKP dalam tempoh 21 hari bekerja selepas menerima permohonan dari Kerajaan Negeri dan Agensi KKLW.
5. Mengeluarkan keputusan permohonan kemasukan kanak-kanak ke Tabika dan Taska dalam tempoh 14 hari bekerja.
6. Menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar Orang Asli dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan Skim Bantuan Galakan Pendidikan [SBGP] diluluskan.
7. Membuat akuan terima aduan dalam tempoh 3 hari bekerja.

PERANAN

1. **Penyediaan Infrastruktur Asas Luar Bandar**
Meningkatkan liputan prasarana asas di luar bandar yang meliputi lima program utama seperti Jalan Luar Bandar [JALB], Jalan Perhubungan Desa [JPD], Bekalan Elektrik Luar Bandar [BELB], Bekalan Air Luar Bandar [BALB] dan Projek Ameniti Sosial [PAMS].
2. **Pembangunan Usahawan**
Mewujudkan usahawan baharu yang berpotensi dalam pelbagai bidang, industri dan sektor serta meningkatkan keupayaan usahawan sedia ada supaya lebih berdaya maju dan berdaya saing.
3. **Pemajuan Tanah Dan Wilayah**
Menerajui pembangunan spatial, kawasan, wilayah dan tanah yang seimbang secara bersepadu melalui LKT dan LKW, serta Program Lonjakan Mega Luar Bandar.
4. **Pembasmian Kemiskinan**
Meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan bagi isi rumah berpendapatan 40% terendah di luar bandar.
5. **Pembangunan Modal Insan**
Mendaya upaya dan membangunkan modal insan bagi melahirkan masyarakat yang progresif dan cemerlang serta mengamalkan nilai-nilai hidup yang murni.
6. **Pembangunan ICT**
Merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar serta pembudayaan teknologi komunikasi dan maklumat [ICT] dalam kalangan masyarakat luar bandar yang berupaya meningkatkan taraf hidup.

PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN

PRESTASI BAJET PEMBANGUNAN

Prestasi Belanja Pembangunan merekodkan perbelanjaan berjumlah RM4,291,215,318.01 atau 97.49% yang digunakan bagi membiayai projek-projek pembangunan. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan mengikut Jabatan / Agensi / Bahagian bagi tahun 2015 adalah seperti Jadual 1 di bawah :

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan mengikut Jabatan / Agensi / Bahagian bagi tahun 2015

BIL	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
1	KEMAS	23,405,000.00	23,353,365.70	99.78
2	INFRA	10,300,000.00	9,178,866.56	89.12
3	JAKOA	298,106,200.00	297,008,940.05	99.63
4	Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	888,359,100.00	797,879,081.46	89.81
5	Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	310,220,000.00	301,404,485.70	97.16
6	Jalan Luar Bandar (JALB)	891,323,800.00	978,239,974.09	99.69
7	Ameniti Sosial	63,146,100.00	60,867,485.36	96.39
8	Program Bersepadu Pemajuan Kawasan	13,300,000.00	13,300,000.00	100
9	Program Lonjakan Mega Luar Bandar	26,860,000.00	26,655,235.15	99.24
10	Pembangunan Ladang Berskala Besar	6,530,000.00	6,424,073.03	93.38
11	Pembangunan Ekonomi Luar Bandar	51,000,000.00	50,997,302.80	99.99
12	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat	275,000,000.00	274,668,900.57	99.98
13	FELCRA	136,939,000.00	136,939,000.00	100
14	FELCRA [Pinjaman]	210,014,100.00	210,014,100.00	100
15	RISDA	352,808,500.00	352,808,500.00	100
16	KEJORA	41,400,000.00	41,400,000.00	100
17	KETENGAH	51,750,000.00	51,750,000.00	100
18	KESEDAR	97,345,000.00	97,345,000.00	100
19	KEDA	40,200,000.00	40,200,000.00	100
20	LIGS	4,684,900.00	4,684,900.00	100
21	Penanaman Semula Getah Sarawak	22,475,000.00	21,751,579.00	96.78
22	LKTS	4,684,900.00	4,684,900.00	100
23	BDA	5,600,000.00	5,600,000.00	100
24	SALCRA	4,430,000.00	4,430,000.00	100
25	SALCRA [Pinjaman]	22,648,000.00	22,648,000.00	100
26	NKEA	215,894,100.00	215,894,100.00	100
27	MARA	201,600,000.00	201,600,000.00	100
JUMLAH KESELURUHAN		4,401,775,300.00	4,291,215,318.01	97.49

PRESTASI BAJET MENGURUS

Prestasi Bajet Mengurus pada tahun 2015 menunjukkan KKLW telah berbelanja sebanyak RM5,945,202,478.11 atau 99.70%. Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan pecahan peruntukan dan perbelanjaan Mengurus KKLW bagi tahun 2015.

Jadual 2: Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus KKLW Bagi Tahun 2015

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
1	DASAR SEDIA ADA	4,342,227,800.00	4,333,740,789.90	99.80
2	PROGRAM KHUSUS	1,292,197,100.00	1,286,125,241.68	99.53
3	DASAR BARU	87,559,200.00	87,101,228.56	99.48
4	DASAR ONE-OFF	241,018,100.00	238,235,217.96	98.85
JUMLAH KESELURUHAN		5,963,002,200.00	5,945,202,478.11	99.70


Jadual 3: Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Bahagian/Jabatan/Agensi KKLW Bagi Tahun 2015

BIL	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
1	Pentadbiran dan Pengurusan Aset	70,001,690.00	67,923,305.64	97.03
2	Perancangan Strategik	2,845,600.00	2,763,110.55	97.10
3	Pengurusan Sumber Manusia	3,922,110.00	3,689,424.57	94.07
4	Kewangan	3,610,200.00	3,630,259.13	100.56
5	Pengurusan Maklumat	4,910,600.00	4,663,424.69	94.97
6	Kesejahteraan Rakyat	2,170,300.00	2,203,985.07	101.55
7	Pengupayaan Ekonomi	12,367,700.00	12,164,150.04	98.35
8	Kemajuan Tanah dan Wilayah	9,384,200.00	9,321,600.41	99.33
9	Pelaburan dan Anak Syarikat	1,285,900.00	1,134,592.84	88.23
10	Infrastruktur	4,085,000.00	3,984,146.02	97.53
11	Perolehan	1,194,800.00	1,111,240.07	93.01
12	Pengupayaan Komuniti dan Infodesa	5,012,000.00	5,041,960.13	100.60
13	Pembangunan dan Pemantauan Projek	15,444,300.00	14,673,892.83	95.01
14	Teknikal	3,031,500.00	2,626,399.36	86.64
15	INFRA	12,795,700.00	12,481,983.09	97.55
16	KEMAS	134,086,600.00	132,889,209.81	99.11
17	JAKOA	56,794,900.00	54,153,405.66	95.35
18	KETENGAH	33,741,700.00	33,741,700.00	100
19	KESEDAR	29,934,600.00	29,934,600.00	100
20	KEDA	21,776,000.00	21,776,600.00	100
21	KEJORA	20,579,500.00	20,579,500.00	100
22	RISDA	195,255,700.00	195,255,700.00	100
23	MARA	3,697,997,200.00	3,697,997,200.00	100
24	Dasar Sedia Ada	4,342,227,800.00	4,342,227,800.00	100
25	Program Khusus	1,292,197,100.00	1,286,125,241.68	99.53
26	Dasar Baru	87,559,200.00	87,101,228.56	99.48
27	Dasar One-Off	241,018,100.00	238,235,217.96	98.85
JUMLAH KESELURUHAN		5,963,002,200.00	5,945,202,478.11	99.70


KOMITMEN DAN PENCAPAIAN

PRESTASI PENCAPAIAN SEHINGGA DISEMBER 2015


Pencapaian KPI – scorecard YB Menteri sehingga Disember 2015 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014



NKRA – NATIONAL KEY RESULT AREA



MKRA – MINISTERIAL KEY RESULT AREA





BAHAGIAN DUA



PERANCANGAN DASAR



- ◆ Rangkuman Rancangan Malaysia Kesebelas
- ◆ Pelan Strategik
- ◆ Penglibatan di Peringkat Antarabangsa



PERANCANGAN DASAR

KKLW melalui Bahagian Perancangan dan Strategik memainkan peranan yang penting dalam menyediakan rangka dasar dan strategi makro bagi pembangunan luar bandar yang menyeluruh meliputi aspek-aspek pembangunan infrastruktur, ekonomi, sosial dan modal insan ke arah meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Selain itu, Bahagian ini memastikan segala perancangan dan program-program KKLW diselaraskan dan dilaksanakan mengikut matlamat yang ditetapkan. Bahagian ini melaksanakan peranan dan tanggungjawab itu melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa berikut;

MESYUARAT JAWATANKUASA DASAR (JKD) TAHUN 2015

a. Kertas dibentangkan:

- Cadangan Penempatan Felo Penyelidikan [Tenaga Pakar] Di Institut Kemajuan Desa, [INFRA];
- Cadangan Bagi Kenaikan Kos Purata Penyambungan Paip Ke Setiap Rumah Untuk Pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar;
- Cadangan Pelaksanaan Program Perumahan Mampu Milik Generasi Kedua Luar Bandar

ialitu Rumah Bina Negara Oleh Lembaga Kemajuan Tanah Dan Lembaga Kemajuan Wilayah;

- Cadangan *Key Performance Indicators* Bagi Syarikat Milik Agensi oleh Bahagian Pelaburan Dan Anak Syarikat; dan
- Cadangan Kolaborasi Terus Pelaksanaan Semua Program/Projek Pembangunan Luar Bandar di Bahagian Bintulu Dengan Lembaga Kemajuan.

b. Kertas makluman/edaran:

- Permohonan Program/Projek Rancangan Malaysia Kesebelas KKLW; dan
- Penambahbaikan Garis Panduan Dan Pengurusan Dana Skim Pembiayaan Ekonomi, KKLW.

JAWATANKUASA PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA (JKPEB)

JKPEB KKLW telah ditubuhkan pada 29 November 2013 bagi menyelaras pelaksanaan inisiatif Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) sebelum pelaporan pencapaian inisiatif PEB dibentangkan dalam Majlis Ekonomi Bumiputera [MEB] yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Mesyuarat JKPEB Bilangan 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 6 Julai 2015 bagi memuktamadkan program-program KKLW yang akan dijadikan KPI PEB. KPI PEB yang dipersetujui untuk pelaksanaan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Mendaya modal insan Bumiputera – Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya dan Program Pendidikan di Institut Pendidikan MARA (IPMA);
- Memperkuuhkan pemilikan aset bukan kewangan – Program Bantuan Rumah (PBR); dan
- Memperhebat keusahawanan dan perniagaan – menyalurkan pembiayaan perniagaan (SPIM, SPIKE & SJUM), SPED, *Rural Business Challenge* (RBC) dan Program Desa Lestari.

Mesyuarat JKPEB Bilangan 2 Tahun 2015 telah diadakan pada 29 Disember 2015 bertujuan untuk menilai prestasi pencapaian PEB KKLW bagi sukuan kedua (Q2) dan ketiga (Q3) tahun 2015. Selain itu, mesyuarat berkenaan juga telah membincangkan cadangan Program PEB KKLW tahun 2016 dengan mengekalkan 3 fokus seperti berikut:

- Mendaya modal insan – Program Institut Pendidikan MARA (IPMA);
- Pemilikan ekuiti bukan kewangan – Program Bantuan Rumah; dan
- Keusahawanan dan perniagaan – Pembiayaan MARA dan *Rural Business Challenge* (RBC).

KKLW turut mengadakan kolaborasi bersama-sama pihak Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan TERAJU dalam usaha merealisasikan Agenda Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera khususnya untuk masyarakat luar bandar melalui Program *Intensive Business Training and Coaching* (INTACT).

RANGKUMAN RMKe-11

PERSEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11)

Rancangan Malaysia Kesebelas [RMKe-11] merupakan Rancangan Malaysia Lima Tahun yang terakhir untuk mencapai Wawasan 2020. Garis

Panduan Penyediaan RMKe-11 2016-2020: Prospek Ekonomi, Teras Strategik dan Penyediaan Projek Pembangunan telah dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk:

- memaklumkan prospek ekonomi dalam tempoh RMKe-11 2016-2020;
- menggariskan teras strategik RMKe-11 ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020; dan
- memberi panduan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun mengenai kaedah permohonan projek dalam tempoh 2016-2017 di bawah RMKe-11.
- RMKe-11 akan melaksanakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau *Malaysian National Development Strategy* [MyNDS]. MyNDS adalah berasaskan:

- ekonomi berteraskan rakyat [people economy] yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat; dan
- ekonomi berasaskan modal [capital economy] yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi.

MyNDS akan memberi keutamaan kepada inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua teras tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah [high impact, fast execution and low cost].

Untuk melaksanakan pendekatan ini, satu kerangka perancangan bersepadu yang menghubungkan teras strategik dengan bidang keberhasilan utama [Key Result Area - KRA] dan *outcome* nasional telah dibangunkan. Semua Kementerian, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun dikehendaki merancang projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* nasional.

Bagi mencapai matlamat MyNDS, kerangka perancangan bersepadu RMKe-11 akan berasaskan kepada enam teras strategik utama iaitu:

- Teras Pertama** : Memperkuuhkan pembangunan inklusif;
- Teras Kedua** : Meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- Teras Ketiga** : Membangun modal insan;
- Teras Keempat** : Menuju ke arah pertumbuhan hijau;

- **Teras Kelima** : Memperkasa asas pertumbuhan; dan
- **Teras Keenam**: Merekayasa pertumbuhan ekonomi.

KKLW terlibat secara langsung dalam 3 teras strategik:

a) **Teras Pertama**, iaitu Memperkukuh Pembangunan Inklusif bertujuan untuk memperkasa kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. [Termiskin, Miskin, Sederhana]

- Tumpuan pembangunan inklusif akan diperluaskan daripada golongan miskin kepada golongan berpendapatan 40% terendah. Sebanyak 62% daripada penduduk luar bandar adalah dalaman golongan B40;
- Peningkatan penyertaan Bumiputera dan golongan minoriti dalam aktiviti ekonomi juga akan diberi tumpuan;
- mempercepat transformasi bandar dan luar bandar; serta
- memperkukuh pembangunan masyarakat.

b) **Teras Ketiga**, iaitu Membangun Modal Insan bagi memastikan transformasi dalam pembangunan modal insan negara ke arah melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam ekonomi berpendapatan tinggi, meningkatkan kualiti dan produktiviti pekerja bagi menyokong pertumbuhan industri serta meneruskan transformasi sistem pendidikan negara berteraskan *outcome*.

c) **Teras Kelima**, iaitu Memperkasa Asas Pertumbuhan akan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan dan kemudahan infrastruktur termasuk komunikasi, mewujudkan sistem logistik bersepadu, memastikan penyediaan perkhidmatan berdasarkan kemampuan pengguna dan penyedia perkhidmatan, dan meningkatkan akses kepada sanitasi dan bekalan air serta elektrik.

Bagi mengukuhkan perancangan dan penyediaan projek pembangunan dalam RMKe-11 ini, setiap cadangan projek baharu akan dinilai menggunakan *Creativity Index* (CI) yang merupakan elemen Strategi Lautan Biru. CI adalah nisbah faedah yang diterima oleh rakyat berbanding jumlah kos. Kementerian/Agensi juga hendaklah menyusun keutamaan projek berasaskan CI.

Bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pegawai-pegawai di peringkat Kementerian dan Agensi KKLW, Majlis Taklimat Garis Panduan Penyediaan RMKe-11 (2016-2020); dan Penggunaan 'Creativity Index' Sebagai Komponen Baharu Dalam Permohonan Program/Projek Pembangunan Di Bawah RMKe-11 telah diadakan pada 12 Januari 2015 bertempat di Dewan Serbaguna Aras B1, KKLW.

Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE JPM). Taklimat diadakan bertujuan untuk memberi panduan secara terperinci kepada semua pegawai KKLW dan Agensi khususnya yang berperanan selaku *programme manager* mengenai perkara-perkara penting berkaitan RMKe-11. Semasa taklimat ini, para pegawai yang terlibat juga diberikan pendedahan dan bimbingan secara *hands-on* tentang penggunaan CI sebagai komponen baharu yang diperkenalkan dalam permohonan program/projek pembangunan di bawah RMKe-11.

PENYELARAS ROLLING PLAN PERTAMA RMKe-11

Seperti mana RMKe-10, RMKe-11 akan turut dilaksanakan secara *Rolling Plan* (RP), iaitu perancangan dan pelaksanaan program/projek pembangunan yang dibuat setiap dua tahun dan disemak semula setiap tahun. *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMKe-11 adalah untuk tempoh 2016 - 2017. Peranan Bahagian Perancangan Strategik dalam setiap *Rolling Plan* ialah sebagai perancang dan penyelaras bagi penyediaan program/projek pembangunan di peringkat Kementerian. Penyediaan program/projek perlu mematuhi Garis Panduan Penyediaan RMKe-11, 2016-2020 yang telah dikeluarkan oleh UPE, JPM. Sesi Pemeriksaan Bajet [Budget Screening] peringkat Kementerian akan meneliti permohonan setiap Bahagian/Jabatan/Agensi dan membuat tapisan awal sebelum permohonan Kementerian dimuktamadkan dan diperaku kepada pihak UPE, JPM melalui Sistem Pemantauan Projek, SPPII.

Bagi tempoh RP1 RMKe-11, Kementerian telah mengemukakan permohonan 816 projek dengan siling berjumlah RM18.724 bilion, dan diluluskan sebanyak 571 projek dengan jumlah siling RM14.557 bilion. Nilai permohonan program/projek pembangunan berbanding kelulusan adalah seperti jadual berikut:

Rolling Plan	RP1	RP2	RP3	RP4	RP4 (2020)
Permohonan Siling [RM bilion]	18.724				
Bilangan projek	816				
Kelulusan Siling [RM bilion]	14.557				
Bilangan projek	571				
Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
Permohonan Peruntukan [RM bilion]	7.182	11.542			
Kelulusan Peruntukan [RM bilion]	5.451	9.106			

JAWATANKUASA INDUK TRANSFORMASI LUAR BANDAR (JITLB)

JITLB merupakan satu platform bagi membincangkan perancangan dan pemantauan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang dipengerusikan oleh YB Menteri KKLW. Ianya diadakan dua kali setahun bagi merancang, menyelaras dan menilai strategi dan pendekatan pelaksanaan program/projek KKLW; memantau dan menyelaras pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB); dan membincangkan isu-isu yang dikemukakan oleh Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB).

Keahliannya adalah terdiri daripada Pengurusan Tertinggi KKLW, semua Setiausaha Kerajaan Negeri, semua Ketua Agensi KKLW, semua Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW), wakil Kementerian Kewangan (MOF), wakil UPE, JPM, wakil Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan sekiranya terdapat isu-isu berbangkit.

JITLB 2015 telah diadakan di Hotel Sama-Sama, KLIA pada 17 Mac 2015 dan sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan seperti berikut:

- (i) Status Pelaksanaan dan Pencapaian *Rural Transformation Programme* (RTP) sehingga 31 Disember 2014 oleh Bahagian Perancangan Strategik, KKLW;
- (ii) Perancangan Kerajaan Negeri Dalam Memajukan Kampung-Kampung di Negeri Perak oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak;
- (iii) Pendekatan Kerajaan Negeri Sembilan ke Arah Transformasi Luar Bandar oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan.



1



2



3

1. Sesi hands-on Creativity Index (CI) Pegawai KKLW bersama Fasilitator dari UPE, JPM
2. Taklimat RMKe-11 oleh Pegawai UPE, JPM
3. Sesi Pembentangan Creativity Index oleh peserta

MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH KERAJAAN NEGERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI

Program ini merupakan perjumpaan YB Menteri untuk berinteraksi dengan Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Daerah mengenai usaha-usaha pembangunan kawasan luar bandar. Ia sebagai salah satu inisiatif KKLW bagi menjalinkan *engagement* dengan Kerajaan Negeri khususnya di peringkat *front liner* dalam perkara berkaitan luar bandar.


Antara pengisian program adalah dialog di antara YB Menteri bersama Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Daerah mengenai program-program pembangunan yang dilaksanakan KKLW dan isu-isu penting dalam pembangunan luar bandar serta cadangan penambahbaikan yang boleh diguna pakai. Sepanjang 2015, program telah dilaksanakan dengan tiga negeri iaitu:

- i. Kedah [6 Februari 2015] di Bilik Persidangan Bunga Raya, KKLW;
- ii. Terengganu [25 Mac 2015] di Resort World Kijal, Kemaman; dan
- iii. Perak [13 April 2015] di Bilik Persidangan Bunga Raya, KKLW

Pelaksanaan program ini tidak sepenuhnya berikutan pertukaran pucuk pimpinan KKLW.

PENYEDIAAN BLUEPRINT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (TLB)

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet Bil. 21/2015 bertarikh 13 Ogos 2015, satu kajian semula KKLW perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menetapkan hala tuju transformasi KKLW. Pelaksanaan kajian Transformasi Luar Bandar (TLB) ini melibatkan semua Bahagian/Jabatan/Unit dan Agensi di bawah KKLW sebagai penggubal dan pelaksana pembangunan luar bandar di seluruh negara. Hasil daripada kajian semula berkenaan, satu *blueprint* TLB dapat dihasilkan sebagai manifestasi komitmen KKLW untuk memajukan luar bandar seiring dengan matlamat Wawasan 2020.



1. Sesi Roundtable Discussion pada 27 Ogos 2015 di Dewan Gemilang, INFRA, Bangi
2. Pembentangan setiap kumpulan Roundtable Discussion
- 3-4. Sesi perbincangan kumpulan yang dijalankan semasa program Lab TLB di Akademi JPJ Melaka
5. Majlis Pelancaran Blueprint TLB disempurnakan oleh YB Menteri KKLW pada 20 November 2015
6. Antara warga KKLW yang hadir semasa Majlis Pelancaran Blueprint TLB



BLUEPRINT TRANSFORMASI LUAR BANDAR

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri KKLW pada 20 November 2015 sempena 100 hari beliau menerajui KKLW. Tema 'Membandarkan Luar Bandar', TLB menggariskan lima aspirasi yang hendak dicapai bagi menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar.

Enam fokus utama TLB iaitu prasarana luar bandar; pembangunan belia luar bandar; ekonomi; keusahawanan; modal insan; dan sistem penyampaian bakal dilaksanakan melalui 19 inisiatif transformasi yang akan diterjemahkan kepada program dan projek agar matlamat atau aspirasi transformasi ini dapat dicapai.

Beberapa aktiviti berkaitan telah dilaksanakan sepanjang tempoh enam bulan terakhir 2015 bagi melengkapkan keperluan penyediaan *blueprint* TLB berkenaan seperti berikut :

- i. Sesi *Roundtable Discussion* pada 27 Ogos 2015 di Dewan Gemilang, INFRA, Bangi bagi mendapatkan maklumbalas dan membincangkan fungsi dan peranan KKLW;
- ii. Mesyuarat Penyelarasan di antara Bahagian/ Jabatan/Unit dan agensi KKLW diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada 12, 19 dan 20 Oktober 2015 bagi meneliti dan memperhalusi cadangan yang dikemukakan bagi pelaksanaan TLB;
- iii. Pelancaran Transformasi Luar Bandar oleh YB Menteri KKLW pada 20 November 2015 dilaksanakan di Dewan Serbaguna B1, KKLW sempena 100 hari menerajui KKLW;
- iv. Pelaksanaan Lab Transformasi Luar Bandar di Kompleks Akademi JPJ Melaka pada 13-16 Januari 2016 bagi memperhalusi 19 inisiatif transformasi dan 17 resolusi Kongres Pemerksaan Luar Bandar bagi merangka Pelan Tindakan TLB. Kehadiran keseluruhan seramai 75 orang peserta termasuk lima orang fasilitator dari UniKL.

KONGRES PEMERKASAAN LUAR BANDAR

Kongres Pemerksaan Luar Bandar telah diadakan dari 1 hingga 3 Disember 2015 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Menteri KKLW. Seramai lebih 500 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan [Agensi Pusat/ Kementerian/ Jabatan Persekutuan] dan Kerajaan Negeri, Institut Pengajian Tinggi, Ahli


Politik, Badan Bukan Kerajaan (NGO), institusi-institusi di peringkat kampung [Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Koperasi], wakil Belia dan Usahawan Luar Bandar telah menyertai kongres ini.

Matlamat Kongres ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak mengenai aspirasi dan keperluan berhubung dasar dan hala tuju pembangunan luar bandar menjelang 2020. Antara pengisian adalah sesi motivasi, *panel discussion* dan *parallel session* yang mengetengahkan tokoh-tokoh yang berkualiti dalam pembangunan luar bandar dan keusahawanan.

Hasil daripada Kongres ini telah disimpulkan dalam Resolusi Pemerksaan Luar Bandar yang telah menyentuh bidang seperti berikut:

1. Prasarana Luar Bandar
2. Pemerksaan Belia Luar Bandar
3. Pemerksaan Ekonomi Luar Bandar
4. Pemerksaan Keusahawanan Luar Bandar
5. Pemerksaan Modal Insan Luar Bandar
6. Sistem Penyampaian

Resolusi Pemerksaan Luar Bandar tersebut telah pun diserahkan kepada YAB Perdana Menteri pada 3 Disember 2015 semasa Perhimpunan 10,000 JKKK bersama YAB Perdana Menteri.



1. Majlis Perasmian Kongres Pemerksaan Luar Bandar disempurnakan oleh YB Menteri KKLW
2. Lawatan YAB Perdana Menteri di booth KKLW semasa Persada Transformasi Perkhidmatan Awam
3. Warga KKLW yang terlibat menjayakan Persada Transformasi Perkhidmatan Awam 2015
4. Para peserta lab PTPA 2.0 Kementerian semasa persediaan untuk Gallery Walk 2015 di Dewan International Institute of Advance Islamic Studies



PELAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (PTPA)

PTPA merupakan salah satu inisiatif Transformasi Menyeluruh Kerajaan [GTP] sejajar dengan Agenda Transformasi Negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Semasa Ucapan Bajet 2014, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Kerajaan akan melaksanakan pelan transformasi di setiap Kementerian bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam kekal relevan dan memenuhi ekspektasi rakyat.

Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam [TPA] ditunjangi lima teras strategik iaitu mendaya upaya bakat; merekayasa organisasi; merakyatkan penyampaian perkhidmatan; merangkum dan sepunya; dan membudaya nilai. Kembara penyediaan PTPA KKLW bermula sejak Jun 2014 melalui penglibatan di dalam lab TPA yang dianjurkan Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA].

Hasilnya lapan inisiatif PTPA KKLW telah dibangunkan untuk dilaksanakan pada tahun 2015 melibatkan pelaksanaan oleh pelbagai Bahagian/Unit dan INFRA. Sehingga tempoh berakhir 2015, enam daripada inisiatif PTPA KKLW diselesaikan manakala dua inisiatif disambung pelaksanaan dalam tahun 2016.

Pelbagai aktiviti berkaitan telah dilaksanakan antaranya seperti berikut:-

- Temubual KSU bersama Bahagian Transformasi Perkhidmatan Awam, JPA pada 24 April 2015;
- Pameran Persada Transformasi Perkhidmatan Awam 2015 di Putrajaya International Convention Centre [PICC] pada 17 Jun 2015 bersempena dengan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam [MAPPA] XIV. Inisiatif Desa Cemerlang telah terpilih untuk dipamerkan sebagai inisiatif berimpak tinggi KKLW;

Selain itu, bagi memastikan kesinambungan PTPA 2015, pihak JPA memulakan usaha membangunkan PTPA 2016 [PTPA 2.0] bermula dengan pelaksanaan lab di INTENGAH pada 26-27 November 2015 dan Gallery Walk pada 30 November 2015 di Dewan International Institute of Advance Islamic Studies dan majlis dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Empat inisiatif berimpak tinggi KKLW telah dibangunkan melalui lab ini.

PELAN PEMBANGUNAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN – NHRAP)

Malaysia telah bersetuju agar Pelan Pembangunan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan atau *National Human Rights Action Plan* [NHRAP] dibangunkan kerana Malaysia bersama negara-negara lain di dunia tertakluk kepada penilaian hak asasi manusia sejagat yang dibuat melalui proses *Universal Periodic Review* [UPR]. UPR adalah satu mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau dikenali sebagai *United Nation Human Rights Council* [HRC] yang mana rekod hak asasi kesemua 192 negara anggota dinilai semula setiap 4 1/2 tahun. Semasa proses UPR 1992, Malaysia telah menerima 62 syor yang dikemukakan oleh negara-negara yang turut terlibat dalam proses berkenaan dan salah satunya ialah “to further pursue national strategies and policies aimed at consolidating the human rights infrastructure and achieving more progress in the promotion and protection of human rights”.

Lanjutan daripada persetujuan berkenaan, Jemaah Menteri pada 12 Oktober 2012 bersetuju supaya diwujudkan sebuah NHRAP dengan memfokus kepada lima teras. KKLW telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Jawatankuasa Teknikal Teras 4 mengenai Hak Orang Asal dan Orang Asli yang mana mesyuaratnya dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan Bahagian Perancangan Strategik selaku urusetia. Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada Jabatan Peguam Negara; Kementerian Kewangan; Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pelajaran Malaysia; JAKOA; SUK Sarawak; SUK Sabah; Wakil NGO's Orang Asal dari Negeri Sabah; dan Wakil NGO's Orang Asal dari Negeri Sarawak.

Sejak keputusan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Teras 4 pada tahun 2013, sebanyak dua kali mesyuarat berlangsung iaitu pada 24 Februari 2014 dan pada 30 Mei 2015.

PELAN STRATEGIK

Pelan Strategik KKLW 2012 hingga 2016 merupakan satu perancangan yang terperinci dan holistik dengan fokus kepada empat teras utama ke arah

menjadikan KKLW sebagai sebuah organisasi peneraju pembangunan luar bandar. Pelan Strategik ini merupakan tunjang kepada setiap perancangan pembangunan KKLW yang selari dengan dasar-dasar pembangunan negara seperti Program Transformasi Luar Bandar [RTP], Program Transformasi Negara [GTP], dan Program Transformasi Ekonomi [ETP].

Pelan Strategik KKLW 2012 hingga 2016 yang telah dikemaskini pada tahun 2014 bertujuan untuk menggariskan perancangan strategik KKLW bagi tempoh lima tahun agar pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian mencapai hala tuju yang ditetapkan berdasarkan 4 Teras Strategik, iaitu:

- Memantapkan Pembangunan Kapasiti
- Meningkatkan Pendapatan Penduduk Luar Bandar Menerusi Aktiviti Ekonomi Berimpak Tinggi
- Membentuk Modal Insan Luar Bandar Yang Cemerlang
- Memperkemaskan Pembangunan Infrastruktur, Utiliti dan Kemudahan Awam Yang Menyeluruh

Pencapaian Pelan Strategik KKLW perlu dilaporkan bagi memantau pelaksanaan dan mengukur tahap pencapaian dan impak dasar/ program/ aktiviti seperti yang telah dirancang. Maklum balas pencapaian setiap program penting bagi menilai keberkesanan Pelan Strategik KKLW dalam membantu meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan Kementerian ini. Pemantauan dan pelaporan pencapaian Pelan Strategik KKLW juga merupakan kriteria penting dalam penilaian *Star Rating* Agensi Sektor Awam.

Sepanjang tahun 2015, dua mesyuarat telah dilaksanakan, iaitu:

- Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Pelan Strategik KKLW Tahun 2015 pada 9 Julai 2015
- Mesyuarat Pelaporan Pencapaian Pelan Strategik KKLW Tahun 2015 pada 17 Disember 2015

PENGURUSAN RISIKO KKLW

Pengurusan Risiko KKLW yang telah diwujudkan sejak tahun 2010 menggunakan pendekatan berstruktur dan bersepadu bagi mengurus risiko utama yang melibatkan pengenalpastian serta penilaian risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif Kementerian. Pelaksanaan Pelan Tindakan

Pengurusan Risiko KKLW adalah bertujuan untuk memantau dan melaporkan risiko yang telah dikenalpasti melalui pelaksanaan program-program Kementerian di bawah Pelan Strategik KKLW secara tetap.

Pelan Tindakan Pengurusan Risiko KKLW perlu dikemaskini secara berkala bagi memastikan ianya kekal relevan dan terkini dengan memperuntukkan pendekatan yang konsisten berkaitan pengurusan risiko yang sistematik. Pengurusan Risiko KKLW sentiasa dipantau dan diperkukuhkan melalui penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko. Kedua-dua jawatankuasa ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko KKLW sentiasa dipatuhi agar hala tuju Kementerian dapat dicapai.

1. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko KKLW [JIPR] Bilangan 1 Tahun 2015

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko KKLW [JIPR] dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKLW [KSU] selaku Ketua Pengawai Risiko [Chief Risk Officer, CRO] dan dibantu oleh ahli jawatankuasa tertinggi iaitu Timbalan Ketua Setiausaha [Perancangan]/ TKSU[R], Timbalan Ketua Setiausaha [Pembangunan]/ TKSU[P] dan Setiausaha Bahagian Kanan [Khidmat Pengurusan]/ SUBK[KP]. Mesyuarat JIPR kali pertama telah diadakan pada 15 Disember 2015. Peranan jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:

- Meluluskan pengurusan risiko Kementerian;
- Memantau pelaksanaan pengurusan risiko Kementerian;
- Mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan JPPR Kementerian sekurang-kurangnya sekali setahun;
- Mengisytiharkan bencana/ krisis dan; dan
- Meluluskan penambahbaikan atau pindaan pengurusan risiko Kementerian melalui kajian semula mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya dua kali setahun.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko KKLW [JPPR] Bilangan 1 Tahun 2015

Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko KKLW [JPPR] dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha [Perancangan]/ TKSU[R] selaku Ketua

Risiko [Risk Champion] dan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Risiko [Risk Officers] yang terdiri daripada semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit KKLW. Mesyuarat JPPR kali pertama telah diadakan pada 2 Julai 2015. Peranan dan tanggungjawab jawatankuasa berkenaan adalah:

- i. Melaporkan isu-isu berkaitan pengurusan risiko;
- ii. Memastikan dasar-dasar pengurusan risiko dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan;
- iii. Memperakukan cadangan penambahbaikan pengurusan risiko kepada JIPR; dan
- iv. Mengadakan mesyuarat pemantauan pengurusan risiko Kementerian mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya sekali setahun.

Secara keseluruhannya, matlamat utama pengurusan risiko adalah untuk memberi kesedaran kepada semua warga Kementerian terhadap kewujudan risiko dalam melaksanakan tugas harian, mengurangkan kekerapan berlakunya gangguan dan meminimumkan impak gangguan tersebut terhadap penyampaian perkhidmatan Agensi, sekiranya berlaku. Pelan Tindakan Pengurusan Risiko KKLW yang dilaksanakan akan memastikan polisi risiko yang relevan disampaikan sepenuhnya kepada kakitangan dan diamalkan secara efektif dalam pengurusan harian mereka. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Risiko akan sentiasa memantau dan mengkaji semua kemajuan yang dicapai dalam memupuk budaya pengurusan risiko yang sesuai bagi mengekalkan pengurusan risiko Kementerian yang ideal.

MESYUARAT PENYELARASAN ANTARA MENTERI KKLW DENGAN EXCO-EXCO LUAR BANDAR (MEXCLUB)

Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dengan Exco-exco Luar Bandar [MEXCLUB] telah dilaksanakan pada 23 Mac 2015 dan pada 10 September 2015.

MEXCLUB diadakan bagi membincangkan dan memaklumkan dasar-dasar yang berkaitan dengan



pembangunan luar bandar. Selain bertindak sebagai platform bagi YB Menteri menyampaikan hasrat Kementerian serta mendapatkan pandangan daripada Exco-exco Luar Bandar dalam usaha untuk memajukan kawasan luar bandar.

Dua kertas kerja telah dibentangkan sewaktu mesyuarat yang pertama iaitu:

- [i] Strategi FELCRA Berhad Dalam Melaksanakan Obligasi Sosial Dan Pembangunan Peserta; dan
- [ii] Program Penghayatan Pendidikan Islam [PPI] di Tabika KEMAS

1. MEXCLUB Bil. 2/2015 – 10 September 2015 – KKLW
2. YB Menteri KKLW bersama Ahli-Ahli MEXCLUB

Dua kertas kerja yang telah dibentangkan di mesyuarat kedua ialah:

- [i] RMKe-11 - “Mentransformasi Luar Bandar Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat” oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri; dan
- [ii] *Rural Urban Linkages* oleh Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan.

PENYELARASAN KERTAS JEMAAH MENTERI DAN MAKLUM BALAS BAGI MESYUARAT-MESYUARAT UTAMA KERAJAAN

Bahagian Perancangan Strategik juga dipertanggungjawabkan menyelaras Kertas Jemaah Menteri dan maklumbalas bagi Mesyuarat Jemaah Menteri dan lain-lain mesyuarat utama Kerajaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara.

Aktiviti	Bil. Kertas
Memorandum Jemaah Menteri	13
Nota Jemaah Menteri	18
Ulasan terhadap Memorandum Jemaah Menteri daripada Kementerian/ Agensi Pusat	38
Maklumbalas Mesyuarat Jemaah Menteri	17
Maklumbalas Mesyuarat-mesyuarat Utama Kerajaan yang Dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara	11



1. Majlis Perasmian Persidangan Ke-18 African-Asian Rural Development Organization [AARDO] yang disempurnakan oleh the Right Hon Sir Anerood Jugnauth, Perdana Menteri Mauritius.
2. Perdana Menteri Mauritius bersama semua Ketua Delegasi negara-negara anggota AARDO yang menghadiri Persidangan Ke-18 AARDO.
3. YB Timbalan Menteri KKLW bersama Perdana Menteri Mauritius.
4. YB Timbalan Menteri KKLW selaku Ketua Delegasi Malaysia ke Persidangan Ke-18 AARDO bersama Ketua Setiausaha KKLW.
5. YB Timbalan Menteri KKLW dan delegasi Malaysia bersama Pengerusi Persidangan Ke-18 AARDO, Honorable P. Raopun, Menteri Integrasi Sosial dan Pengupayaan Ekonomi Mauritius [tiga dari kanan] dan Secretary General AARDO, HE Eng. Wassfi Hassan El-Sreihin.
6. YB Timbalan Menteri KKLW semasa Kunjungan Hormat terhadap Naib Perdana Menteri Mauritius, Hon. Showkutally Soodhun. Turut serta adalah Ketua Setiausaha KKLW [kanan] dan Mr Saleem R. Beebeejaun, Konsul Kehormat Malaysia di Mauritius [dua dari kiri].
7. YB Timbalan Menteri KKLW semasa Kunjungan Hormat terhadap Hon. Soomilduth Bholah, Menteri Perniagaan, Enterprise dan Koperasi Mauritius. Turut serta adalah Konsul Kehormat Malaysia di Mauritius [kiri] dan Setiausaha Tetap, Kementerian Perniagaan, Enterprise dan Koperasi Mauritius [dua dari kanan].
8. YB Timbalan Menteri KKLW semasa Kunjungan Hormat terhadap Hon Nandcoomar Badha, Menteri Infrastruktur Awam dan Pengangkutan Darat Mauritius. Turut serta adalah Konsul Kehormat Malaysia di Mauritius [dua dari kanan].

PENGLIBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

PERSIDANGAN KE-18 AFRICAN-ASIAN RURAL DEVELOPMENT ORGANIZATION (AARDO), REPUBLIC OF MAURITIUS

Persidangan Ke-18 African-Asian Rural Development Organization [AARDO] telah diadakan di Pointe Aux Piments, Republic of Mauritius dari 6 hingga 9 April 2015. Delegasi Malaysia ke Persidangan Ke-18 AARDO diketuai oleh YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri KKLW bersama tiga orang Pegawai KKLW.

Persidangan Ke-18 AARDO telah dirasmikan oleh The Right Hon Sir Anerood Jugnauth, Perdana Menteri Mauritius pada 6 April 2015 dan seterusnya mesyuarat telah dipengerusikan oleh HE P. Roopun, Menteri Integrasi Sosial and Pengupayaan Ekonomi Mauritius selaku Presiden AARDO. Persidangan Ke-18 AARDO telah dihadiri oleh 16 buah negara anggota yang terdiri daripada lapan buah negara Afrika [Burkina Faso, Ghana, Libya, Mauritius, Mesir, Nigeria, Sudan dan Zambia] serta lapan buah negara Asia [Bangladesh, India, Republik Korea, Lebanon, Malaysia, Oman, Pakistan dan Taiwan] manakala 13 buah negara anggota lain tidak hadir. Persidangan turut disertai oleh tiga pemerhati iaitu Palestin, Korea Rural Community Corporation, Republik Korea dan Regional Office of AARDO for the Far East, Republik Korea.

Selaras dengan triennium baru AARDO bagi tahun 2015 hingga 2018, pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden baru AARDO telah diadakan. Menteri Integrasi Sosial and Pengupayaan Ekonomi Mauritius telah sebulat suara dipilih sebagai Presiden AARDO manakala Menteri Pertanian dan Perikanan Oman dan Menteri Perpaduan Sosial Mesir telah dipilih sebagai dua Timbalan Presiden AARDO, masing-masing mewakili benua Asia dan Afrika.

Malaysia telah terpilih untuk menganggotai *Executive Committee AARDO* yang ke-18 bagi tempoh tiga tahun (2015 - 2018) yang bertindak sebagai jawatankuasa peringkat pegawai tertinggi untuk merealisasikan perancangan yang telah dipersetujui dalam Persidangan Ke-18 AARDO sepanjang tempoh pelantikan berkuat kuasa. Malaysia juga telah dipilih sebulat suara sebagai tuan rumah Persidangan AARDO Ke-19 pada tahun 2018.

KUNJUNGAN HORMAT YB TIMBALAN MENTERI KKLW TERHADAP NAIB PERDANA MENTERI MAURITIUS, MENTERI PERNIAGAAN, ENTERPRISE & KOPERASI MAURITIUS DAN MENTERI INFRASTRUKTUR AWAM & PENGANGKUTAN DARAT MAURITIUS

YB Timbalan Menteri KKLW telah mengadakan Kunjungan Hormat terhadap Hon. Showkataly Soodhun, Naib Perdana Menteri merangkap Menteri Perumahan dan Tanah Mauritius pada 8 April 2015. Antara lain, kedua-dua pemimpin telah membincangkan mengenai pembinaan rumah kos



2

1. YB Timbalan Menteri KKLW bersama H.E. Ratu Epeli Nailatikau, Presiden Fiji semasa Majlis Perasmian 20th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council
2. YB Timbalan Menteri KKLW dan delegasi Malaysia bersama H.E. Ratu Epeli Nailatikau, Presiden Fiji [tengah] dan H.E. Lt. Col. Inia Seruiratu, Minister of Rural and Maritime Development and National Disaster Management, Fiji [kanan]
3. YB Timbalan Menteri KKLW selaku Ketua Delegasi Malaysia ke 20th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
4. YB Timbalan Menteri KKLW dan delegasi Malaysia ke 7th CIRDAP Regional Policy Dialogue

3

rendah untuk penduduk yang kurang berkemampuan serta pembinaan lima lagi bandar pintar di Mauritius.

Sebelum itu, YB Timbalan Menteri KKLW telah membuat kunjungan hormat terhadap Hon. Sunil Bholah, Menteri Perniagaan, Enterprise dan Koperasi Mauritius pada 7 April 2015 antara lain telah membincangkan peluang kerjasama bagi industri minyak dan gas serta dalam bidang pendidikan, terutamanya di peringkat universiti.

Selain itu, kunjungan hormat YB Timbalan Menteri KKLW terhadap Hon. Nandcoomar Codha, Menteri Infrastruktur Awam dan Pengangkutan Darat Mauritius juga pada 7 April 2015 antara lain telah membincangkan mengenai kepentingan pelaburan yang tinggi terutamanya dalam industri pembinaan dan pembangunan infrastruktur.

MESYUARAT 20TH REGULAR MEETING OF CIRDAP GOVERNING COUNCIL DAN SESI DIALOG 7TH CIRDAP REGIONAL POLICY DIALOGUE, NADI, FIJI

Mesyuarat 20th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council dan 7th CIRDAP Regional Policy Dialogue telah diadakan di Nadi, Fiji dari 19 sehingga 21 Ogos 2015. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri KKLW bersama 3 orang Pegawai KKLW bagi menghadiri kedua-dua program tersebut.

4

20th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council telah dirasmikan oleh H.E. Ratu Epeli Nailatikau, Presiden Fiji dengan dihadiri oleh tetamu daripada negara anggota CIRDAP, para diplomat, Menteri-menteri dan pegawai tertinggi Kerajaan Fiji serta jemputan lain. Seterusnya, mesyuarat telah dipengerusikan oleh Lt. Col. Inia Seruiratu, Minister of Rural and Maritime Development and National Disaster Management, Fiji. Mesyuarat peringkat Menteri ini telah dihadiri oleh 13 buah negara anggota yang terdiri daripada Afghanistan, Bangladesh, Fiji, Filipina, India, Indonesia, Iran, Lao PDR, Malaysia, Nepal, Pakistan, Thailand dan Vietnam. Manakala Myanmar dan Sri Lanka tidak menghantar wakil.

Antara agenda penting 20th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council adalah kenyataan daripada semua negara anggota mengenai polisi pembangunan negara berkaitan pembangunan dan pelaksanaan polisi berkaitan pembangunan luar bandar dan Millennium Development Goals.

Kenyataan Malaysia telah disampaikan oleh YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri KKLW mewakili YB Menteri KKLW. Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai Government Transformation Programme [GTP] yang merupakan polisi utama yang memayungi pelaksanaan program-program pembangunan Malaysia. Strategi pembangunan inklusif yang menjadi teras kepada RMKe-11 juga telah diperincikan melalui konsep penumpuan kepada golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah [B40]. Melalui GTP 2.0, Malaysia melaksanakan pembangunan infrastruktur luar bandar secara intensif yang seiring dengan pembangunan ekonomi melalui pelaksanaan Program Desa Lestari, Rural Business Challenge dan Program Ladang Buah Berskala Besar di mana kejayaan program-program ini turut dibentangkan.

Pemilihan Director General baru CIRDAP bagi tempoh 2016 sehingga 2020 telah dibuat semasa mesyuarat di mana Mr Tevita Gadrulevu Boseiwaqa telah dipilih sebagai Director General CIRDAP yang baru bermula Julai 2016.

7th CIRDAP Regional Policy Dialogue telah dirasmikan oleh Lt. Col. Inia Seruiratu, Minister of Rural and Maritime Development and National Disaster Management, Fiji pada 19 Ogos 2015. Sesi dialog ini telah dihadiri oleh delegasi daripada 13 buah negara anggota CIRDAP serta wakil daripada organisasi tempatan dan antarabangsa.



CIRDAP telah membentangkan kertas 'An Outlook on Rural Income and Poverty Alleviation in Asia and the Pacific' yang menggariskan strategi dan pendekatan pembangunan luar bandar secara bersepadu yang dilaksanakan oleh semua 15 negara anggota CIRDAP dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk kawasan luar bandar. Sesi dialog menjurus kepada perkongsian amalan terbaik negara-negara anggota, di mana Malaysia memaklumkan mengenai Program Transformasi Luar Bandar [Rural Transformation Programme] yang melibatkan pelaksanaan program-program baru seperti Program Desa Lestari dan Rural Business Challenge.

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KKLW KE MELBOURNE, AUSTRALIA

YB Timbalan Menteri KKLW telah mengadakan lawatan kerja ke Melbourne, Australia pada 23 Ogos 2015 yang melibatkan sesi engagement bersama pelajar



- 1-2. YB Timbalan Menteri KKLW semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Perjumpaan bersama pelajar dan warga Malaysia di Melbourne, Australia
3. YB Timbalan Menteri KKLW semasa Sesi Roundtable bersama pelajar-pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat [MARA] di Melbourne, Australia

dan warga Malaysia di Melbourne. Majlis tersebut telah dihadiri lebih kurang 70 warga Malaysia di Melbourne dan disertai oleh Konsul Jeneral Malaysia di Melbourne.

Semasa majlis tersebut, YB Timbalan Menteri telah menyampaikan ucapan yang antara lain memaklumkan akan perancangan Kerajaan menuju RMKe-11 dan kepentingan rasa cinta kepada negara walaupun semasa berada di perantauan. Sesi Roundtable bersama pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat [MARA] juga diadakan, di mana antara isu yang dibangkitkan oleh pelajar adalah peningkatan kos sara hidup di Melbourne serta pertambahan tempoh pengajian atas arahan Universiti.

PENYERTAAN PEGAWAI KERAJAAN MALAYSIA DALAM KURSUS / BENGKEL / SEMINAR ANTARABANGSA ANJURAN ASEAN, AARDO DAN CIRDAP

KKLW selaku focal point bagi AARDO, CIRDAP dan ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication telah menyelaras penyertaan pegawai Kerajaan Malaysia ke program-program antarabangsa anjuran ketiga-tiga organisasi tersebut sepanjang tahun 2015. Berikut disenaraikan program-program yang telah disertai oleh pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia daripada pelbagai Kementerian/ Jabatan/Agensi yang diselaraskan oleh KKLW.



PENGANJUR	BIL	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
CIRDAP	i	International Training Programme On Micro Hydro Power For Rural Development, Padang, Indonesia	1
Jumlah Peserta Kursus CIRDAP			1
AARDO	i	Empowerment Of Women For Rural Development, Hyderabad, India	1
	ii	Project Analysis, Dakki, Mesir	1
	iii	Training Programme On 'Participatory Planning For Poverty Reduction And Sustainable Development', Hyderabad, India	1
	iv	International Training Workshop On "Governance In Micro Credit Delivery System For Rural Development", Comilla, Bangladesh	1
	v	Training Course On Sustainable Agriculture Development, Seoul, Korea Selatan	2
	vi	Workshop On Agricultural Development Strategies, Taipei, Taiwan	1
	vii	Study Visit-Cum-Training Programme On Capacity Building On Agricultural And Rural Development Policies, Seoul, Korea Selatan	2
Jumlah Peserta Kursus AARDO			9
ASEAN	i	Regional Training Workshop Secure Housing Project 'Baan Mankong', Bangkok, Thailand	4
	ii	The 125 th Regular Session On Sustainable Rural Development International Center For Land Policy Studies And Training, Taipei, Taiwan	1
	iii	Asean Regional Expo On Community Products [OTOP / OVOP]	1
Jumlah Peserta Kursus ASEAN			6
JUMLAH BESAR			16



TRANSFORMASI LUAR BANDAR

- ◆ Fokus 1 - Prasarana Luar Bandar
- ◆ Fokus 2 - Pembangunan Belia Luar Bandar
- ◆ Fokus 3 - Ekonomi
- ◆ Fokus 4 - Keusahawanan
- ◆ Fokus 5 - Modal Insan
- ◆ Fokus 6 - Sistem Penyampaian

BAHAGIAN TIGA



TRANSFORMASI LUAR BANDAR



Memperhebatkan Penyediaan Infrastruktur Asas Luar Bandar

Fokus 1 ini menekankan kepada usaha Kerajaan dalam memperbanyakkan penyediaan prasarana asas utiliti di kawasan luar bandar terutamanya kepada kawasan yang masih kekurangan liputan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur dan prasarana asas yang sempurna dan mencukupi kepada penduduk luar bandar. Hasrat Kerajaan ini seiring dengan matlamat Kerajaan dalam meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat luar bandar agar dapat mewujudkan kesejahteraan hidup yang lebih sempurna serta dapat menggerakkan pembangunan ekonomi yang lebih pesat dan berdaya saing di kawasan luar bandar.

Pelaksanaan fokus ini dibantu oleh Agensi Pelaksana di bawah KKLW seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli [JAKOA], Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah [KEDA], Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah [KETENGAH], Lembaga Kemajuan Johor Tenggara [KEJORA] dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan [KESEDAR].

Manakala, Unit *National Key Result Area* [NKRA] adalah Unit yang bertanggungjawab dalam menyelaras projek pembangunan luar bandar di seluruh Malaysia.

Bahagian Infrastruktur di bawah KKLW memberikan tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur dan prasarana asas luar bandar dalam menyediakan, menambahbaik dan menaiktaraf rangkaian jalan luar bandar, jalan perhubungan desa, menyediakan bekalan elektrik 24 jam, membekalkan bekalan air bersih dan terawat serta menyediakan kemudahan ameniti sosial yang sempurna dan berkualiti. Di samping itu, keutamaan penyediaan infrastruktur asas diberikan kepada kawasan-kawasan yang masih kurang

mendapat liputan sepenuhnya terutamanya di sekitar Sabah dan Sarawak serta kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia termasuk kawasan Orang Asli. Selain daripada itu, penyediaan kemudahan prasarana asas penting turut dipergiatkan bagi memastikan masyarakat luar bandar khususnya dapat menikmati kemudahan yang setaraf dengan pembangunan yang dinikmati oleh masyarakat bandar dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup ke arah lebih baik.

Malaysia dianggarkan mempunyai populasi penduduk luar bandar seramai 11.38 juta orang menjelang tahun 2020. Berikutan itu, penyediaan infrastruktur dan prasarana asas yang menyeluruh kepada masyarakat luar bandar supaya lebih berdaya saing dan hidup dalam keadaan sejahtera dan harmoni seiring dengan wawasan negara ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai tujuan tersebut, KKLW akan sentiasa mempertingkatkan usaha dalam menyediakan kemudahan infrastruktur dan prasarana asas yang berkualiti, cekap dan sempurna untuk kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Fokus ini ditunjangi oleh empat program utama iaitu:

- Program Jalan Luar Bandar [JALB]
- Program Bekalan Air Luar Bandar [BALB]
- Program Bekalan Elektrik Luar Bandar [BELB]
- Program Ameniti Sosial [PAMS]

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR

Peruntukan dan Pencapaian

Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan RM2,243,049,000.00 kepada KKLW bagi perbelanjaan di bawah Bahagian Infrastruktur. Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM2,145,131,594.37 atau 95.63% peruntukan yang mana secara keseluruhannya digunakan untuk menyediakan infrastruktur dan prasarana asas seperti jalan perhubungan, bekalan air, bekalan elektrik dan ameniti sosial yang memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar. Agihan peruntukan bagi setiap program dinyatakan dalam Carta 1.1 dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di Carta 1.2.



Program Jalan Luar Bandar (JALB)

Accelerated Rural Road Programme [JALB] telah memperkenalkan Program Jalan Luar Bandar yang dilancarkan pada tahun 1977. Program ini diperkenalkan adalah bertujuan untuk mempercepat dan memperbanyak bilangan pembinaan jalan bagi menyediakan sistem perhubungan yang sempurna dan berkualiti kepada penduduk luar bandar di Malaysia.


Selaras dengan kenyataan dasar iaitu 'untuk memperbaiki dan memperluaskan sistem pengangkutan di luar bandar', Program JALB berusaha untuk mempertingkatkan liputan

dan rangkaian sistem jalan raya secara berterusan di kawasan luar bandar.


Pelaksanaan program ini penting dalam memberikan masyarakat luar bandar perkhidmatan yang berkualiti tinggi, cekap dan berkesan bagi memenuhi kehendak rakyat yang semakin meningkat. Di samping itu, program yang dilancarkan ini juga sejajar dengan matlamat KKLW untuk memperluaskan rangkaian infrastruktur dan prasarana asas sehingga 100% yang mana rangkaian ini meliputi kampung-kampung di Semenanjung Malaysia dan 80% di kampung-kampung Sabah dan Sarawak.

Manakala, Jalan Perhubungan Desa [JPD] adalah jalan-jalan yang menyambungkan antara sebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan kampung dengan jalan raya utama. Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan infrastruktur di samping meningkatkan taraf hidup dan memberikan penyelesaian kepada masyarakat luar bandar. Pelaksanaan projek ini juga dapat memberi kemudahan perhubungan kepada pusat-pusat kesihatan/klinik, sekolah, masjid/surau, pusat-pusat riadah serta kemudahan awam yang lain.

Carta 1.1 : Agihan Peruntukan Mengikut Program [RM]





Carta 1.2 : Peruntukan dan Perbelanjaan Projek Infrastruktur Tahun 2015



	JALB	BELB
PERUNTUKAN (RM)	981,323,800	888,359,100
PERBELANJAAN (RM)	981,136,992	797,879,081
	BALB	PAMS
PERUNTUKAN (RM)	310,220,000	63,146,100
PERBELANJAAN (RM)	302,990,266	63,125,253

Program JALB telah menerima peruntukan sebanyak RM981,323,800.00 pada tahun 2015 dan telah membelanjakan sebanyak RM981,136,992.65 yang mana telah menggunakan 99.98% peruntukan bagi pelaksanaan projek pembinaan serta menaiktaraf jalan di kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Agihan peruntukan serta perbelanjaan bagi Program JALB adalah seperti di Carta 1.3.

Carta 1.3 : Peruntukan dan Perbelanjaan Program Jalan Luar Bandar (JALB) Tahun 2015



Projek mengetar dan membatu Jalan Kg. Lubok Agor, Chawas, Tanah Merah, Kelantan.


Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

Program Bekalan Air Luar Bandar [BALB] yang mula dilancarkan di bawah skim *Accelerated Rural Water Supply* merupakan salah satu program yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kedua/ RMKe-2 pada tahun 1971 hingga 1975 dan masih diteruskan sehingga kini.

Tumpuan utama Program BALB adalah untuk menyediakan dan memperluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar seluruh Malaysia. Pelaksanaan program ini adalah penting bagi memastikan rakyat luar bandar khususnya menggunakan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan penduduk luar bandar terjaga dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar seiring dengan objektif utama BALB iaitu mempertingkatkan liputan bekalan air di seluruh negara dengan sasaran liputan sebanyak 90%.

Bagi mencapai objektif utama Program BALB ini, Kementerian dan Agensi-agensi terlibat sentiasa membuat kajian berterusan agar dapat menyediakan bekalan air yang bersih, selamat dan berkualiti untuk kegunaan masyarakat luar bandar. Bagi tahun 2015, sebanyak RM310,220,000.00 telah diperuntukkan sebagai dana peruntukan pelaksanaan bagi Program BALB dan sebanyak RM302,990,266.50 atau 97.67% telah dibelanjakan. Agihan peruntukan dan perbelanjaan untuk Program Bekalan Air Luar Bandar pada tahun 2015 dinyatakan dalam carta 1.4.

Carta 1.4 : Agihan Peruntukan dan Perbelanjaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi Tahun 2015



Pandangan hadapan Loji Rawatan Air Kg. Pandasan, Kota Belud, Sabah.



Tangki air di Loji Rawatan Air Kg. Pandasan, Kota Belud, Sabah.



YB Menteri dan Pemimpin Tempatan diberi penerangan oleh Jurutera Jabatan Air Negeri Sabah [JANS] semasa beliau mengadakan lawatan di Loji Rawatan Air Kg. Pandasan, Kota Belud, Sabah.

Carta 1.6 : Pecahan Peruntukan dan Perbelanjaan Program Ameniti Sosial (PAMS) Tahun 2015




Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar [BELB] bertanggungjawab dalam mengendalikan dan memastikan kesediaan bekalan elektrik di kawasan luar bandar mencukupi dan terjamin. Antara perkhidmatan yang disediakan untuk keselesaan penduduk luar bandar merangkumi pemasangan Lampu Jalan Kampung [LJK], kaedah sambungan grid, serta kaedah alternatif seperti solar hibrid dan mikro hidro.

Pada tahun 2015, Kementerian telah memperuntukkan RM888,359,100.00 untuk pelaksanaan projek BELB dan sejumlah RM797,879,071.46 telah berjaya dibelanjakan iaitu sebanyak 89.81%. Pecahan dan peruntukan perbelanjaan bagi program BELB adalah seperti di Carta 1.5.

Carta 1.5 : Agihan Peruntukan dan Perbelanjaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi Tahun 2015



Program Ameniti Sosial (PAMS)

Program Ameniti Sosial [PAMS] mula diperkenalkan pada tahun 2002 selaras dengan Rancangan Malaysia Kelapan [RMKe-8] yang bertujuan untuk melengkapkan prasarana dan infrastruktur di kawasan luar bandar seimbang dengan pertumbuhan amenities di bandar.

Program yang dilancarkan ini berjaya memberi peningkatan kepada pertambahan dan kualiti amenities sosial masyarakat luar bandar. Di samping itu, Projek Sanitasi Luar Bandar telah dilaksanakan bagi memastikan penduduk luar bandar khususnya dapat menikmati kemudahan perawatan kumbahan yang lebih baik dan berkualiti.

Pada tahun 2015, peruntukan sebanyak RM63,146,100.00 dan PAMS telah membelanjakan RM63,125,253.76 atau 99.97% ke atas 986 projek kecil di seluruh negara. Agihan peruntukan dan perbelanjaan bagi PAMS adalah seperti di Carta 1.6.

JAKOA

Pengenalan

Isu kekurangan prasarana di perkampungan Orang Asli, kadar kemiskinan yang tinggi, isu pendidikan dan perubahan minda dalam kalangan masyarakat Orang Asli merupakan isu utama yang sering diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Justeru itu, usaha-usaha ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dan memperkasakan modal insan dalam kalangan masyarakat Orang Asli telah menjadi fokus utama JAKOA menerusi Bahagian Pembangunan Sosioekonomi (PSE) yang menjadi 'Focal Point' untuk mencapai matlamat dan menentukan semua aktiviti pembangunan sosioekonomi dapat memberi faedah kepada masyarakat Orang Asli serta mengubah dan meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih sempurna setanding dengan masyarakat umum.


Pencapaian Tahun 2015

Bahagian PSE JAKOA telah menyusun strategi dan rangka pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan lebih berfokus. Bagi menjayakan agenda pembangunan masyarakat Orang Asli, PSE telah menyelaras sejumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh pihak Kerajaan meliputi program/ projek teras seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Pecahan Agihan Peruntukan Pembangunan Sosioekonomi bagi tahun 2015

Bil	Nama Program	Peruntukan (RM)
1	Rolling Plan-4 (RP-4) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)	124,283,578.00
2	Program Bantuan Rumah (PBR)	10,762,000.00
3	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia	133,484,000.00
4	Projek Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil Cameron, Highlands	19,096,730.00
5	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput, Perak	34,726,000.00
Jumlah		322,352,308.00

Peruntukan Pembangunan Sosioekonomi bagi Tahun 2015



RP4 RMKe-10	RM124,283,578.00
PBR	RM10,762,000.00
BERSEPADU SEMENANJUNG	RM133,484,000.00
SG. RUIL	RM19,096,730.00
SG. SIPUT	RM34,726,000.00
JUMLAH	RM322,352,308.00

Rolling Plan-4 (RP-4), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)

Menerusi Program Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli [sedia ada], sejumlah RM124.28 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek seperti berikut:

i. Projek Ukur Keliling Tanah Penempatan Orang Asli/ Pengambilan Tanah (PBT)

Skop projek melibatkan urusan permohonan pemilikan tanah Kerajaan Negeri untuk dijadikan milik Kerajaan Persekutuan yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan digunakan oleh JAKOA selaku Agensi Pengguna.

Di samping itu, skop projek juga melibatkan urusan pengambilan tanah berdaftar milik individu melalui proses pengambilan tanah mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 [APT 1960] dan selaras dengan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 [Disemak 1974]. Tujuan pengambilan adalah untuk digunakan sebagai kawasan penempatan dan pembangunan khusus untuk

masyarakat Orang Asli. Status tanah akan didaftarkan sebagai Rizab Orang Asli di bawah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 [Disemak 1974].

Selain itu, skop projek diperluaskan kepada urusan mengukur tanah kawasan penempatan Orang Asli bagi penyediaan Pelan Pelbagai dan Pelan Akui [PA] untuk tujuan perancangan pembangunan tanah dan permohonan kelulusan pewartaan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk diwartakan sebagai Kawasan Orang Asli atau Rizab Orang Asli di bawah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 [Disemak 1974].

Sejumlah RM1,218,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2015 bagi tujuan melaksanakan projek Pengambilan Balik Tanah/Ukur dan sebanyak RM994,959.99 [81.69%] telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja ukur 17 lokasi kawasan penempatan Orang Asli di tiga buah negeri melibatkan keluasan tanah seluas 2,403 hektar untuk manfaat seramai 1,457 Ketua Isi Rumah [KIR].

Prestasi Perbelanjaan Dan Pencapaian Fizikal Projek Kerja Ukur Keliling Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Prestasi Perbelanjaan			Prestasi Fizikal	
	Negeri	Perbelanjaan (RM)	KIR	Luas (Hektar)	Bil. Kampung
1	Perak	78,211.04	811	282	2
2	Pahang	629,644.78	240	1,786	10
3	Selangor	287,104.17	406	335	5
Jumlah		994,959.99	834	2,403	17

ii. **Projek Pembangunan Ekonomi di Pelbagai Negeri**

Pembangunan Luar Bandar KKLW iaitu membasmi kemiskinan tegar dan membantu mengurangkan separuh kadar kemiskinan, JAKOA telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan ekonomi yang berdaya maju dan program keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Antara projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan ialah projek ladang komersial dengan kerjasama Agensi RISDA/ FELCRA, ladang masyarakat, tanaman kontan jangka pendek, ternakan dan pembangunan usahawan menerusi bantuan kelengkapan premis perniagaan dan program keusahawanan.

Prestasi Perbelanjaan Dan Pencapaian Fizikal Projek Pembangunan Ekonomi Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Johor	1,000,000.00	607,888.98	60.79
2	Kelantan	1,400,000.00	1,077,121.60	76.94
3	Melaka	250,000.00	190,888.00	76.36
4	Negeri Sembilan	1,000,000.00	1,122,319.37	112.23
5	Pahang	20,000,000.00	27,179,831.06	135.90
6	Perak	9,675,578.00	10,888,403.82	112.53
7	Selangor	500,000.00	362,270.90	72.45
Jumlah		33,825,578.00	41,428,723.73	122.48

Prestasi Sub-Projek Pembangunan Ladang Komersial Melalui Pendekatan Projek TSK OA dan Projek ROA

Unit Pertanian dan Perladangan menjalankan projek-projek pembangunan ladang dengan tanaman komoditi getah dan kelapa sawit secara komersial dengan *outcome* melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang perladangan dan telah menghasilkan pendapatan tambahan melalui bayaran dividen serta upah kerja. Skop projek merangkumi pembangunan ladang baru dan pembinaan infrastruktur ladang melibatkan rakan sinergi dari Agensi RISDA dan FELCRA.

Pada tahun 2015, Unit ini telah diperuntukkan sejumlah RM33,825,578.00 untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan ladang TSK dan infrastruktur ladang melalui Agensi RISDA. Tujuan pelaksanaan projek ini adalah untuk meningkatkan dividen kumpulan sasar melalui hasil projek ladang dan menambahkan peluang pekerjaan di kawasan penempatan Orang Asli.

Prestasi Fizikal Dan Perbelanjaan Projek Pembangunan Ladang Komersial Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pembangunan Ladang	40,000,000.00	39,744,139.85	99.43%
2	Infrastruktur Ladang	9,000,000.00	8,111,773.36	90.13%
Jumlah		49,000,000.00	47,885,913.21	97.72%



Pemulihan Ladang TSK Sawit RPOA Sg. Bilut, Raub



Pembangunan Ladang Baru Getah KOA Sg. Kelit, Raub

Prestasi Sub-Projek Pembangunan Ladang Getah melalui pendekatan Projek Pembangunan Ladang Masyarakat

Projek Pembangunan Ladang Masyarakat diimplementasikan sebagai projek perintis yang berasaskan konsep perladangan dengan upah berinsentif [incentive wage concept] kepada Masyarakat Orang Asli yang masih dibelenggu dengan isu kemiskinan dan taraf sosioekonomi yang rendah. Konsep perladangan baru ini direncanakan khas bagi memastikan peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan sasaran seperti yang dirancang dengan penumpuan terhadap tanaman getah.

Pada tahun 2015, Unit ini telah menerima peruntukan sebanyak RM5,337,157.50 dan telah dibelanjakan 100% bagi melaksanakan Projek Ladang Masyarakat Orang Asli [PLMOA] yang berteraskan penanaman pokok getah dengan objektif untuk melahirkan pekebun-pekebun kecil getah di kalangan masyarakat Orang Asli dan seterusnya meningkatkan sumber ekonomi mereka.

Prestasi Fizikal Dan Perbelanjaan Projek Pembangunan Ladang Masyarakat Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Negeri	Maklumat			Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
		Bil Projek	Bil KIR	Bil Hektar		
1	Kelantan	12	756	919.10	807,650.00	807,650.00
2	Perak	11	454	641.55	2,041,702.50	2,041,702.50
3	Pahang	4	394	478.36	1,993,075.00	1,993,075.00
4	Negeri Sembilan	5	161	175.26	286,000.00	286,000.00
5	Melaka	1	16	19.43	16,000.00	16,000.00
6	Selangor	2	80	32.38	80,000.00	80,000.00
7	Johor	1	10	6.88	112,730.00	112,730.00
Jumlah		36	1,871	2,272.96	5,337,157.50	5,337,157.50



Projek Ladang Masyarakat Orang Asli Tanaman Getah

iii. Projek Bekalan Air Terawat di Perkampungan Orang Asli

Pada tahun 2015, Projek Bekalan Air Terawat bagi Negeri Pahang dan Perak telah diperuntukkan sebanyak RM40,000,00.00 yang melibatkan 61 buah kampung dan telah dibelanjakan sepenuhnya untuk memberi manfaat kepada 2,103 Ketua Isi Rumah (KIR).

Prestasi Perbelanjaan Dan Pencapaian Fizikal Projek Bekalan Air Terawat Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Bil Kampung	Bil Rumah
1	Pahang	20,000,000.00	19,103,763.01	30	1,334
2	Perak	20,000,000.00	13,602,821.97	31	769
Jumlah		40,000,000.00	32,706,584.98	61	2,103

Rumusan Keseluruhan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengikut Projek Tahun 2015

Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Projek

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pengambilan Balik Tanah/Ukur	1,218,000.00	994,959.99	81.69
2	Program Pembangunan Ekonomi	33,825,578.00	41,428,723.73	122.48
3	Projek Bekalan Air Terawat di Perkampungan Orang Asli	40,000,000.00	32,706,584.98	81.77
4	Infrastruktur dan Kemudahan Awam Pelbagai Negeri	10,000,000.00	10,506,152.27	105.06
5	Pembangunan Manusia dan Minda	4,500,000.00	4,743,747.61	105.42
6	Program Merapatkan Jurang Digital bagi Perkampungan Orang Asli	500,000.00	520,380.00	104.08
7	Pembinaan Pusat Transformasi Modal Insan Orang Asli [Putra Asli]	7,500,000.00	7,500,000.00	100
8	Membina dan Menaiktaraf Pusat Latihan Paya Bungor	11,000,000.00	11,000,000.00	100
9	Menaiktaraf dan Membaikpulih Pusat-pusat Latihan JAKOA	6,000,000.00	6,000,000.00	100
10	Projek Pasca Banjir Di Perkampungan Orang Asli	9,740,000.00	9,686,568.22	99.45
Jumlah		114,543,578.00	125,087,116.80	100.65

Program Bantuan Rumah (PBR)

Skop projek menyediakan kemudahan perumahan kepada masyarakat Orang Asli miskin dan miskin tegar di seluruh Semenanjung Malaysia meliputi komponen membina rumah baru (BB) dan kerja-kerja pembaikan rumah (BP) sedia ada.

Bagi tahun 2015, projek dilaksanakan oleh JAKOA dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM10,762,00.00. Di bawah projek PBR, jumlah keseluruhan projek adalah sebanyak 544 buah unit. Sebanyak 166 unit bagi projek bina baru rumah dan 378 unit bagi projek pembaikan rumah sedia ada yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM10,662,317.40 (99.10%).

Prestasi Perbelanjaan Dan Pencapaian Fizikal Program Bantuan Rumah (PBR) Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Skop (Unit)		Peratus (RM)	Jumlah
				Bina Baru	Baik Pulih		
1	Pahang	3,821,000.00	3,787,560.90	65	101	95.36	166
2	Perak	1,959,000.00	1,946,850.50	30	69	99.38	99
3	Selangor	810,000.00	808,785.60	14	26	99.83	40
4	Kelantan	1,949,000.00	1,896,120.40	27	79	97.29	106
5	N. Sembilan	934,000.00	934,000.00	14	42	100.00	56
6	Melaka	106,000.00	106,000.00	1	6	100.00	7
7	Johor	1,183,000.00	1,183,000.00	15	55	100.00	70
Jumlah		10,762,000.00	10,662,317.40	166	378	99.10	544



Projek Ladang Masyarakat Orang Asli Tanaman Getah

Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi, (EPU) Jabatan Perdana Menteri

Peruntukan program PBR di bawah EPU, JPM melibatkan projek bina baru rumah yang dikhaskan di bawah Peruntukan Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli, Semenanjung Malaysia. Sebanyak 380 unit rumah telah dibina melibatkan perbelanjaan berjumlah RM13,451,284.49 (85.97%) pada tahun 2015 mengikut pecahan seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Dan Pencapaian Fizikal Program Bantuan Rumah (PBR) Di Bawah Peruntukan EPU Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Unit	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Pahang	112	4,500,000.00	3,157,023.25	70.16
2	Perak	71	2,840,000.00	2,580,000.00	90.85
3	Selangor	37	1,480,000.00	1,480,000.00	100
2	Perak	71	2,840,000.00	2,580,000.00	90.85
4	Kelantan	63	2,528,000.00	2,176,261.24	86.09
5	N. Sembilan	50	2,018,000.00	2,018,000.00	100
6	Melaka	7	280,000.00	280,000.00	100
7	Johor	50	2,000,000.00	1,760,000.00	88
Jumlah		390	15,646,000.00	13,451,284.49	85.97

Projek Pembangunan Masyarakat Orang Asli Menerusi Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Sebagai salah satu inisiatif Kerajaan untuk melonjakkan pembangunan masyarakat minoriti ini, satu bentuk program transformasi telah direncanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pembangunan yang lebih inklusif kepada kumpulan sasaran. Justeru itu, sejumlah RM173,822,730.00 telah diperuntukkan khusus bagi pembangunan masyarakat Orang Asli.

Agihan Peruntukan Mengikut Program Menerusi Peruntukan Khas EPU, Jabatan Perdana Menteri

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sg Siput, Perak	34,726,000.00	27,683,123.91
2	Program Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands	19,096,730.00	18,408,100.00
3	Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia	120,000,000.00	125,810,914.24
Jumlah		173,822,730.00	171,902,138.15

Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput, Perak

EPU, JPM telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah perkampungan Orang Asli di Sungai Siput (U), Kuala Kangsar, Perak pada 6 hingga 8 Julai 2012. Hasil lawatan tersebut JAKOA telah diminta membentangkan satu kertas konsep perancangan pembangunan melibatkan lima penempatan utama Orang Asli bagi tempoh 2013 hingga 2017 kepada Ketua Pengarah UPE, JPM pada 31 Julai 2012 untuk memaklumkan cadangan JAKOA. Lima penempatan utama tersebut adalah Kg Bawong, Pos Perwor, RPS Legap, Pos Yum dan Pos Kuala Mu.

UPE, JPM telah meluluskan kertas konsep pembangunan perkampungan Orang Asli Sungai Siput (U) berdasarkan pendekatan bersepadu dan komprehensif yang merangkumi komponen seperti berikut:

- i. Projek Jalan Perhubungan;
- ii. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB);
- iii. Program Bantuan Rumah (PBR);
- iv. Pencawang Telekomunikasi;
- v. Projek Ekonomi (tanaman getah, koko dan tanaman kontan);

- vi. Kemudahan Awam;
- vii. Projek Eko Pelancongan;
- viii. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan; dan
- ix. Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kampung Bawong (Mini RTC) merangkumi komponen berikut masjid, sekolah menengah, dewan orang ramai, kompleks perniagaan dan terminal pengangkutan awam darat.

Kerja-kerja pembangunan sedang giat dijalankan di mana pembinaan masjid (Fasa 1) telah mula dilaksanakan pada 15 Ogos 2013 dan siap pada 14 April 2014. Manakala projek Fasa 2 disusuli dengan pembinaan sekolah menengah di mana projek telah dimulakan pada 25 November 2013 dan telah siap pada 15 April 2015. Projek Fasa 3 iaitu pembinaan pusat komersial telah dimulakan pada tahun 2014. Projek-projek ini diselia sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku Agensi Teknikal yang bertanggungjawab.

Pada tahun 2015, sebanyak RM27,683,123.91 (79.72%) telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek secara berperingkat-peringkat seperti pembinaan jalan perhubungan, pembersihan kawasan untuk tujuan perladangan, penyaluran bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2017.



Kawasan Tapak Cadangan Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput, Perak

Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sungai Siput, Perak (Bangunan)

Program Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang

Kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur pada 7 Ogos 2011 di perkampungan ini telah mengakibatkan tiga buah rumah tertimbus dan tiga buah rumah yang lain mengalami kerosakan. Tragedi tersebut turut mengakibatkan dua orang penduduk mengalami kecederaan parah dan tujuh orang telah meninggal dunia.

JAKOA telah melaksanakan Pelan Bantuan dan Pemulihan Bencana Alam kepada penduduk yang terlibat meliputi perkara berikut:

- i. Penyediaan penempatan sementara iaitu rumah transit di tapak Kem Brinchang, Cameron Highlands; dan
- ii. Pelaksanaan Projek Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil di atas kawasan penempatan sedia ada.

Susulan daripada kejadian tersebut, satu projek pembangunan Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil telah diluluskan pelaksanaannya di atas keprihatinan Kerajaan.

Projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh JKR yang melibatkan kerja-kerja *slope treatment*, pembinaan rumah penduduk (152 unit), surau (kapasiti 150 orang), dewan serbaguna (kapasiti 500 orang), tadika (50 murid), rumah kakitangan (lima unit), tandas awam, gerai/ bazaar, tempat letak bas/ kereta dan lain-lain kemudahan berkaitan dengan kos pembangunan berjumlah RM45 juta.

Pihak JKR telah membina sebanyak 152 unit rumah jenis *semi detached* dengan keluasan binaan 800 kaki persegi. Pembangunan yang dilaksanakan oleh JKR mengambil kira konsep pembangunan lestari dan mesra alam memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan yang berbukit bukau dan kerja-kerja pematongan tanah diminimalkan bagi menjaga alam sekitar.

Pada tahun 2015, sebanyak RM18,408,100 (96.39%) telah dibelanjakan bagi membiayai kos pembangunan oleh JKR melibatkan kawasan seluas 65 ekar. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2016.



Penempatan Semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang

Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia

Program pembangunan ini meliputi komponen pembinaan jalan perhubungan, pembinaan rumah PBR dan penyediaan kemudahan bekalan elektrik di perkampungan Orang Asli. Program ini dilaksanakan secara khusus bagi menangani isu-isu ketiadaan kemudahan asas di kawasan perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2015, sebanyak RM120 juta peruntukan telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek tersebut melibatkan perbelanjaan mengikut negeri seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia Tahun 2015

Bil	Negeri	Perbelanjaan (RM)
1	Ibu Pejabat	102,294,001.77
2	Johor	2,584,578.00
3	N.Sembilan/ Melaka	4,443,335.27
4	Pahang	6,017,869.26
5	Selangor	2,582,875.52
6	Perak	5,555,051.42
7	Kelantan	2,333,203.00
Jumlah		125,810,914.24

Projek-projek pembinaan infrastruktur dan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli akan dilaksanakan secara berterusan. Menjelang tahun 2017, JAKOA mensasarkan masalah kekurangan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli akan dapat ditangani sepenuhnya.



Projek Jalan Masuk Pos Titom, Kuala Lipis, Pahang



Menaiktaraf Jalan dari RPS Legap ke Kg. Orang Asli Beswok, Sungai Siput, Perak

KEDA

Prasarana Luar Bandar

PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) TAHUN 2015

Peruntukan Diterima: RM 8,000,000.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM 7,051,492.60 [88.14%]

Contoh Menerima Bantuan Rumah (PBR)
 Bina Baru Tahun 2015

PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) TAHUN 2015



PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) DUN KUPANG



PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) DUN MERBOK



PERUNTUKAN BAGI 48 PROJEK DI BAWAH PROGRAM JPD - JLN LADANG/ PERTANIAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 2015

Peruntukan Diterima: RM 3,000,000.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM 3,000,000.00

48 PROJEK PROGRAM JPD - JALAN PADANG

RINGKASAN PROJEK JALAN PERTANIAN TAHUN 2015

Bil	Daerah	Bil. Projek	Panjang Jalan (Meter)	Kos Projek (RM)
1	Padang Terap	17	12,279	427,396.46
2	Sik	20	10,305	548,927.58
3	Baling	28	11,502	772,273.95
4	Pokok Sena	9	4630	280,912.60
5	Kuala Muda/Yan	11	3760	216,679.82
6	Bandar Baharu	5	4090	205,214.90
7	Langkawi	8	2235	322,701.53
8	Pendang	4	1760	78,894.00
9	Kubang Pasu	3	3000	146,999.16
JUMLAH		105	53,561	3,000,000.00

Keja-Keja Menaiktaraf Jalan Pertanian Serta Keja-Keja Yang Berkaitan Dengannya Di Kampung Mata Air, Mukim Gajah Mati, Daerah Pokok Sena, Kedah Darul Aman.



Cadangan Naiktaraf Jalan Pertanian Serta Keja-Keja Berkaitan Dengannya Di Kg. Ulu Relau/Kg. Padang, Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman.



KETENGAH

Agenda pembangunan luar bandar dan penyediaan infrastruktur serta ameniti sosial telah diluluskan kepada KETENGAH sebanyak RM28,520,000.00 bagi melaksanakan projek di bawah Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan. Di bawah program ini, pelbagai projek dapat dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar di perbandaran yang diwujudkan oleh KETENGAH sebagai pusat penempatan baru kepada penduduk-penduduk kampung tradisi dan sekitarnya sentiasa terpelihara, bersih, selesa dan mempunyai kemudahan awam yang baik sebagaimana yang dinikmati oleh penduduk di kawasan bandar. Projek-projek yang dilaksanakan adalah seperti menaiktaraf jalan dan sistem perparitan, taman rekreasi awam, tapak pelupusan sampah, sistem rangkaian suwa, pusat perkhidmatan masyarakat, kemudahan awam kampung tradisi dan juga kemudahan pengurusan.

KETENGAH turut diluluskan peruntukan bagi pembangunan kawasan tambahan iaitu di Bandar Ketengah Jaya, Bandar Bukit Besi dan Bandar Al Muktafi Billah Shah dan Pusat Pertumbuhan Desa Air Putih bagi

menyediakan infrastruktur asas, perparitan dan sistem suwa untuk menyediakan penempatan dan ruang niaga bagi menampung keperluan perumahan “generasi kedua”. Melalui pembesaran kawasan perbandaran ini, ianya secara tidak langsung akan turut menjana aktiviti ekonomi di perbandaran tersebut melalui pertambahan bilangan penduduk.

Pembangunan kawasan Tasik Kenyir diberi tumpuan untuk dibangunkan dengan lebih baik sebagai destinasi pelancongan. Pelbagai projek tarikan pelancongan telah dan sedang dilaksanakan dan bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelancong, kemudahan-kemudahan awam turut dibina dan KETENGAH selaku Agensi yang dipertanggungjawabkan bagi merancang dan membangunkan kawasan tersebut telah diluluskan peruntukan sebanyak RM8.94 juta bagi tahun 2015 untuk pembangunan di Tasik Kenyir. Projek-projek di bawah Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan serta Program Pembangunan Tasik Kenyir adalah sebagaimana di Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan bagi Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan Tahun 2015

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1.	Kemudahan Pengurusan	800,000.00	800,000.00	100.00
2.	Infrastruktur Bekalan Elektrik di Perbandaran, Kampung Tradisi dan Pusat Pelancongan Tasik Kenyir	700,000.00	700,000.00	100.00
3.	Infrastruktur Pelengkap Lot IKS di Cenh Baru	4,000,000.00	4,000,000.00	100.00
4.	Pentadbiran Tanah & Ukur Di Lima Perbandaran Ketengah Bagi Kaws Parlimen Dungun & Kemaman	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
5.	Balai Orang Ramai [BALORA] di Bandar Al Muktafi Billah Shah	300,000.00	300,000.00	100.00
6.	Masjid di Perbandaran KETENGAH	500,000.00	500,000.00	100.00
7.	Taman Rekreasi Awam di Lima Perbandaran KETENGAH Parlimen Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu	350,000.00	350,000.00	100.00
8.	Jalan di Lima Perbandaran KETENGAH	1,500,000.00	1,500,000.00	100.00
9.	Hentian Rehat dan Rawat di Bandar Al Muktafi Billah Shah, Bukit Besi dan Cenh Baru	350,000.00	350,000.00	100.00
10.	Program Peningkatan Kualiti Alam Sekitar di Perbandaran KETENGAH	500,000.00	500,000.00	100.00
11.	Kemudahan Awam di Perbandaran KETENGAH	900,000.00	900,000.00	100.00
12.	Kawalan Hakistan di Perbandaran KETENGAH	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
13.	Tapak Pelupusan Sampah di Perbandaran KETENGAH	250,000.00	250,000.00	100.00

14.	Premis Perniagaan serta Rumah Kediaman dan Kedai di Perbandaran KETENGAH	270,000.00	270,000.00	100.00
15.	Pusat Perkhidmatan/Rekreasi di Bukit Besi	300,000.00	229,784.80	76.59
16.	Lot-lot Perumahan di Lima Perbandaran KETENGAH	300,000.00	300,000.00	100.00
17.	Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH	500,000.00	500,000.00	100.00
18.	Program Pembangunan Kawasan Tambahan Bandar Ketengah Jaya	3,000,000.00	2,837,707.59	94.59
19.	Program Pembangunan Kawasan Tambahan Bandar Al Muktafi Billah Shah	3,000,000.00	2,918,610.42	97.29
20.	Taman Permainan Kanak-kanak di Lima Perbandaran KETENGAH	500,000.00	500,000.00	100.00
21.	Program Pembangunan Kawasan Tambahan Bandar Bukit Besi	4,000,000.00	3,516,266.90	87.91
22.	Program Melengkapkan Infrastruktur Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Air	2,000,000.00	585,785.82	29.29
23.	Kemudahan Awam Di Kg Tradisi Wilayah Ketengah	500,000.00	500,000.00	100.00
JUMLAH		28,520,000.00	26,308,155.53	92.24



Program Lawatan Kerja YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek ke Bandar Seri Bandi sempena Program Penyampaian Sumbangan Banjir



YBhg Dato' Seri KSU KKLW menyampaikan sumbangan Sempena Program Transformasi Belia Luar Bandar MyRezeki



Lawatan ke Tapak Pembangunan Perluasan Kawasan [PPK] dalam Wilayah KETENGAH oleh KKLW

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan bagi Program Pembangunan Tasik Kenyir Tahun 2015

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1.	Kemudahan Asas di kawasan Rekreasi Tasik Kenyir	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
2.	Galakan dan Promosi Pelancongan di Tasik Kenyir	1,890,000.00	1,890,000.00	100.00
3.	Bekalan Elektrik Solar dan Pencahayaan di Destinasi Pelancongan, Tasik Kenyir	500,000.00	500,000.00	100.00
4.	Sistem Kumbahan di Tasik Kenyir	50,000.00	50,000.00	100.00
5.	Pusat Perkhidmatan di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir	4,500,000.00	3,121,650.36	69.37
JUMLAH		8,940,000.00	7,561,650.36	84.58

Prestasi perbelanjaan bagi kedua-dua program di atas bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM33,869,805.89 atau 90.42%.



KEJORA

Bagi merealisasikan Wilayah KEJORA sebagai sebuah wilayah yang makmur dan sejahtera menjelang tahun 2020, penyediaan kemudahan infrastruktur dan ameniti yang berkualiti adalah amat diutamakan. Justeru itu, selaras meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti sosial, KEJORA telah menerima Peruntukan Pembangunan KKLW sebanyak RM32,450,000.00 bagi melaksanakan projek pembangunan seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Perincian Peruntukan Wang Pembangunan KKLW

Bil	PROGRAM PEMBANGUNAN	PERUNTUKAN(RM)
1.	Kemudahan-kemudahan dan Infra serta Pembangunan Bandar :	
	Menaiktaraf jalan perumahan bandar-bandar baru KEJORA	3,500,000.00
	Penyelenggaraan perparitan bandar-bandar baru KEJORA	2,500,000.00
	Penyediaan kemudahan lampu jalan bandar-bandar baru	1,650,000.00
	Penyelenggaraan bangunan awam dan bangunan sosial bandar-bandar baru KEJORA	1,000,000.00
	Penyelenggaraan lanskap, pembinaan taman awam dan rekreasi bandar-bandar baru KEJORA	1,500,000.00
	Kemudahan peribadatan bandar-bandar baru	500,000.00
	JUMLAH	10,650,000.00
2.	Pembangunan Kampung Tradisional	
	Penyediaan infrastruktur bagi projek tapak perumahan kos rendah Perumahan Tersusun Kampung Tuan Seh Fasa 2	2,000,000.00
	Pembangunan Infrastruktur Perumahan Tersusun Kampung Paya, Layang-Layang, Kluang	2,000,000.00
	Kemudahan awam dan sosial	2,500,000.00
	JUMLAH	6,500,000.00
3.	Pembangunan Infra dan Ameniti Pertanian	
	Penyediaan bekalan elektrik di kawasan tanaman campuran	700,000.00
	Penyelenggaraan jalan pertanian	400,000.00
	Pembangunan ladang fertigasi	1,000,000.00

	Menaiktaraf dan menyelenggara hentian rehat RNR Penawar	1,000,000.00
JUMLAH		3,100,000.00
4.	Pembangunan Pelancongan	
	Pembangunan infrastruktur pelancongan desa	2,600,000.00
	Pembangunan Kompleks pelancongan Tanjung Balau	1,800,000.00
	Pembangunan pelancongan di Punggai	200,000.00
	Pembangunan kemudahan pelancongan Mukim Sedili	200,000.00
	Promosi dan pemasaran pelancongan	400,000.00
JUMLAH		5,200,000.00
5.	Pembangunan tapak pelupusan sampah KEJORA	7,000,000.00
JUMLAH		32,450,000.00

Kemudahan-kemudahan dan Infra serta Pembangunan Bandar



Cadangan kerja-kerja lanskap dan alat permainan di Taman Mutiara Desaru, Bandar Penawar, Mukim Tanjung Surat, Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Takzim



Cadangan menaiktaraf lanskap di Kawasan Taman Permainan Kanak-kanak dan Kawasan Sekitarnya di Bandar Petri Jaya, Mukim Ulu Sungai Johor, Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Takzim



Cadangan menaiktaraf lanskap di Kawasan Tasik Dataran Bandar Penawar, Mukim Tanjung Surat, Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Takzim



Pembangunan Kampung Tradisional

Cadangan Pembangunan Program Bantuan Rumah (PBR) Tanah Putih, Mukim Sedili Besar, Daerah Kota Tinggi, Johor.

Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan satu program yang mensasarkan kelompok kurang berkemampuan yang telah berdaftar di bawah e-kasih untuk mempunyai tempat berteduh. Melalui program ini, individu yang berkelayakan akan ditawarkan unit rumah sementara dan tidak boleh dimiliki mahupun diwarisi. Ia bertujuan untuk meringankan beban rakyat di samping membantu meningkatkan kualiti hidup peserta.

Di bawah program tersebut, KEJORA telah diperuntukan sejumlah RM6.76 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan utiliti yang telah dilaksanakan oleh KEJORA sepanjang tahun 2015. Di samping itu, KEJORA turut menerima lebih kurang RM4.24 juta bagi tujuan pembangunan 100 unit rumah.



Pelan Susunatur Pembangunan 100 unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah



Cadangan Pembangunan Perumahan Kampung Tersusun Tuan Seh Fasa 2A, Mukim Sedili Besar, Daerah Kota Tinggi, Johor



Cadangan pembangunan ini merupakan projek sambungan Kampung Tersusun Fasa 1 yang telah disiapkan sekitar tahun 1990-an sebanyak lebih kurang 85 unit. Pembangunan Perumahan Kampung Tersusun Fasa 2A ini melibatkan pembangunan sebanyak 24 unit rumah sahaja yang telah pun siap terbina dan terjual.



Di antara unit rumah yang telah siap dibina

Cadangan Pembangunan Perumahan Kampung Tersusun Tg Buai, Mukim Johor Lama, Daerah Kota Tinggi, Johor



Pelan Susunatur Cadangan Pembangunan Perumahan Kampung Tersusun Tanjung Buai



Di antara *artist impression* bagi cadangan pembinaan rumah di tapak cadangan

Pembangunan Infra dan Ameniti Pertanian



Jalan Akuakultur Sg. Lebam – Sg. Layau yang telah siap dilaksanakan.



Pembentung Kawasan Tanaman Campuran Sungai Chemaran 1 yang telah diselesaikan.

RISDA

Pengenalan

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau lebih dikenali sebagai RISDA telah dipertanggungjawabkan kepada KKLW dan merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan pada 1 Januari 1973. Asas penubuhan RISDA berdasarkan kepada petikan ucapan YAB Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein pada upacara pelancaran rasmi RISDA ialah "Kerajaan memandang mustahak mengadakan satu dasar dan strategi baru bagi memajukan sektor pekebun-pekebun kecil dan berasaskan ini, RISDA ditubuhkan. Beliau juga mengarahkan RISDA supaya mengadakan satu *integrated approach* terhadap semua masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil".

Dalam menjadikan RISDA salah sebuah Agensi yang berkaliber dan memberi manfaat kepada masyarakat pekebun kecil Malaysia, visi, misi dan objektif menjadi asas pegangan dan sandaran dalam pelaksanaan program yang diwujudkan. Visi, misi dan objektif RISDA itu sendiri berpandukan kepada Falsafah dan Strategi Baharu Pembangunan Luar Bandar [FSBPLB], Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar [PILB] dan Pelan Strategik KKLW 2012 -2016.

- VISI** Menjadi Agensi Peneraju Kemajuan Pekebun Kecil
- MISI** Membentuk Masyarakat Pekebun Kecil Yang Progresif dan Sejahtera Melalui Aktiviti Perladangan dan Komersil
- OBJEKTIF** Pekebun Kecil Memperolehi Pendapatan Sekurang-kurangnya RM4,000.00 Sebulan Sekeluarga Menjelang Tahun 2020

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 40 program pembangunan telah dilaksanakan oleh RISDA dengan pembiayaan dari sumber peruntukan Bantuan Langsung Kerajaan (BLK), NKEA dan Kumpulan Wang RISDA [KWR]. RISDA telah memperuntukan sejumlah RM551,660,095 untuk program pembangunan dan mengurus pula RM314,170,050. Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan perbelanjaan RISDA ialah RM829,672,901.33 iaitu 95.82% berbanding peruntukan.

Pecahan peruntukan mengikut sumber pembiayaan dan perbelanjaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Agihan Peruntukan dan Perbelanjaan RISDA Mengikut Sumber Peruntukan Bagi Tahun 2015

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
PEMBANGUNAN				
1	BLK	352,808,500.00	352,808,500.00	100
2	NKEA	93,744,970.00	93,744,970.00	100
3	MPOB	7,863,745.00	7,845,461.02	99.77
4	KWR	97,242,880.00	82,412,160.03	84.75
JUMLAH - PEMBANGUNAN		551,660,095.00	536,811,091.05	97.30

MENGURUS				
1	BLK	250,255,700.00	250,255,700.00	100
2	KWR	63,914,350.00	42,606,110.28	66.66
JUMLAH - MENGURUS		314,170,050.00	292,861,810.28	90.48
KESELURUHAN BAJET RISDA		865,830,145.00	829,672,901.33	95.82

RISDA telah dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi para pekebun kecil. Keadaan ini sejajar dengan perkembangan ekonomi yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Dengan perkembangan ekonomi ini, infrastruktur turut berubah mengikut fenomena global pasaran ekonomi. Dari hari ke hari, kemudahan infrastruktur di bandar dan luar bandar mengalami perubahan searus dengan ekonomi. Sejalan dengan itu, RISDA turut memainkan peranan dalam meningkatkan infrastruktur luar bandar. Fokus utama RISDA ialah menyediakan dan meningkatkan taraf kemudahan asas pertanian. Program ini dikenali dengan Prasarana Asas Pertanian [PAP].

Peruntukan yang diterima pada tahun 2015 ialah RM48,363,207.00 dan RISDA telah belanja 100% daripada peruntukan. Komponen utama di bawah program ini adalah jalan pertanian, pembentung, jambatan dan parit. RISDA telah menasarkkan 600 km jalan pertanian, 1600 unit pembentung, 40 unit jambatan dan 1,000 km parit.

RISDA juga turut menyediakan kemudahan prasarana pemasaran pelbagai produk pertanian keluaran pekebun kecil. Program ini dikenali sebagai Pembangunan Infrastruktur Pemasaran [PIP]. PIP diwujudkan demi meningkatkan kecekapan pemasaran dan secara langsung membantu



Pembinaan jambatan besi di projek TBKG Pulau Santap, Janda Baik, Bentong, Pahang



Pembinaan Jalan Pertanian [crusher-run] di projek TSB Teluk Yu, Mukim Bohor, Langkawi, Kedah

Program PAP bertujuan menyediakan kemudahan perhubungan antara projek berkumpulan dan kebun individu dengan jalan utama yang berhampiran. Skop program ini merangkumi pembinaan baru dan penyelenggaraan jalan pertanian. Objektif utama program ini untuk menjamin setiap kebun yang telah menyertai program tanam semula berjaya mengeluarkan hasil dan memberi pulangan pendapatan kepada pekebun kecil. Program ini juga dapat mengelakkan kebun yang rosak atau musnah daripada terus gagal dan terbiar untuk diusahakan.

meningkatkan pendapatan ahli isi rumah pekebun kecil. Program ini melibatkan komponen Pusat Timbang dan Stor [PTS] dan Depo Pengumpulan Lateks / Skrap [DPL/DPS]. Tambahan pula program merupakan salah satu tiang sokongan kepada RISDA Key Result Area [RKRA] dan NKRA/MKRA untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. RISDA telah membelanjakan RM975,000 untuk program ini pada tahun 2015.



Pusat Pengumpulan Hasil Getah dan Sawit



KESEDAR

Program Rancangan Kemajuan Tanah (RKT)

Jadual 1 : Program Rancangan Kemajuan Tanah (RKT)

Bil.	Projek	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Bil. Kuantiti (hektar/projek/km)
1	Jalan Pertanian RKT	550,000.00	550,000.00	100.00	9 projek @ 15.00km
2	Bekalan Air RKT Zon Paloh	3,000,000.00	3,000,000.00	100.00	9 projek
3	Kemudahan Awam RKT	520,000.00	520,000.00	100.00	6 projek
4	Penyelenggaraan Ladang RKT	47,936,348.00	47,936,348.00	100.00	11,881.31 hektar
5	Penempatan Peneroka yang Belum Mempunyai Rumah	1,030,000.00	1,030,000.00	100.00	4 projek
JUMLAH		53,036,348.00	53,036,348.00	100.00	11,881.31 hektar@28 projek@15.00km

KESEDAR menerima peruntukan berjumlah RM53,036,348.00 dan telah membelanjakan 100% peruntukan tersebut.



Pembinaan Teres dan Jalan Pertanian RKT Lebir



Menaiktaraf Intake Lama Loji Rawatan Air (LRA) di Loji Paloh



Pembinaan Teres dan Jalan Pertanian RKT Paloh 2



Kerja-kerja Membina Jambatan di RKT Sungai Asap



Pemprosesan Air Sungai kepada Air Bersih di RKT Paloh 4



Penempatan Peneroka di Renok Baru



Pembinaan Pagar Konkrit di RKT Sungai Asap



Kerja Mengetar di RKT Jeram Tekoh

Program Pembangunan Kampung Tradisional

Jadual 2 : Program Pembangunan Kampung Tradisional

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Bil. Kuantiti (projek/km)
1.	Bekalan Air RPT/ Kg. Tradisional	550,000.00	549,999.50	100.00	9 projek @ 7.250km
2.	Kemudahan Awam RPT/ Kg. Tradisional	1,415,000.00	1,414,294.70	99.95	24 projek
3.	Jalan Perhubungan Desa	1,740,000.00	1,739,898.62	99.99	21 projek @ 16.20km
JUMLAH		3,705,000.00	3,704,192.82	99.98	54 projek @ 23.45km

Pada tahun 2015, KESEDAR memperoleh peruntukan berjumlah RM3,705,000.00 bagi pelaksanaan 54 projek bagi Program Pembangunan Kampung Tradisional dan sebanyak RM3,704,192.82 [99.98%] telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut.



Pemprosesan Air Sungai kepada Air Bersih di RKT Paloh 4



Penempatan Peneroka di Renok Baru

Program Pasca Banjir/ Ameniti Sosial

Jadual 3 : Program Pasca Banjir/ Ameniti Sosial

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Bilangan Projek
1.	Kemudahan Awam/Ameniti Sosial	3,900,000.00	3,899,992.16	100.00	81
2.	Jalan/Jambatan	7,100,000.00	7,098,881.26	99.98	148
JUMLAH		11,000,000.00	10,998,873.42	99.98	229

Pada tahun 2015, KESEDAR memperoleh peruntukan berjumlah RM11,000,000.00 bagi pelaksanaan 229 projek bagi Program Pasca Banjir/ Ameniti Sosial. Sebanyak RM10,998,873.42 [99.99%] telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut.





Pembinaan Jambatan di Kg Air Laka, Chita Jaya, Tanah Merah



Membaikpulih Madrasah Al-Rahman Blok Bachok, Kuala Krai



Menaik taraf Jalan Bechah Tok Kamal, Kg. Bukit Tebu, Tanah Merah



Memasang Gabion di Kampung Batu 11 & Batu 12 Gua Musang, Kelantan

Program Rancangan Pemulihan Tanah (RPT)

Jadual 4 : Jalan Pertanian RPT

Sebanyak RM1,540,000.00 peruntukan telah diterima untuk melaksanakan 26 projek jalan pertanian di bawah Program Rancangan Pemulihan Tanah (RPT). KESEDAR telah membelanjakan sebanyak RM1,539,999.28 [99.99%] daripada peruntukan tersebut.

Bil	Wilayah/Bahagian	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Prestasi Fizikal
					Bilangan Kuantiti (Projek/km/unit)
1.	Gua Musang	540,000.00	540,000.00	100.00	11 projek @ 10.95 km
2.	Kuala Krai	500,000.00	499,999.28	99.99	6 projek @ 6.40 km
3.	Jeli	500,000.00	500,000.00	100.00	9 projek @ 12.95 km
JUMLAH		1,540,000.00	1,539,999.28	99.99	26 projek @30.3 km

PEMBANGUNAN BELIA LUAR BANDAR

FOKUS #2

KEJORA

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Peruntukan: RM864,850.00

Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau dapat mengusahakan perniagaan sendiri yang boleh memberi pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga daripada belunggu kemiskinan.

Sasaran golongan miskin/ miskin tegar yang berdaftar dalam Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (e-kasih) dengan keutamaan seperti yang berikut:

- Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar yang produktif;
- Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar yang tidak bersekolah dan tidak bekerja;
- Suri Rumah (SR) / AIR miskin tegar yang ditanggung oleh KIR yang kurang upaya.

Senarai Projek :

Bil	Program/Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan	Tempat	Jumlah Peserta (orang)	Tempoh Latihan
1	Kursus Jati Diri dan Pembangunan Kerjaya	20-22 Mac 2015	Telok Gorek & Camp Site Resort Mersing	78 orang	4 Hari
2	Kursus Kimpalan Persijilan Kimpalan Sirim-AWS-IKBN	27 Apr 2015	IKBN Bandar Penawar	14 orang	6 Bulan
3	Kawalan Keselamatan Industri (HSE OGSP)	19 Apr 2015	IKBN Bandar Penawar	100 orang	10 Hari
4	Penyelamat Profesional	12 Apr 2015	Pusat Aquatic Larkin dan Pusat Belia Johor Bahru	25 orang	1 Bulan
5	Kejuruteraan Marin (Industrial Welding Oil and Gas)	12 Mei 2015	Institut Latihan Maritime Skill Terengganu	25 orang	6 Bulan
6	Kursus Perhotelan OffShore	21 Apr 2015	SAF Academic Johor Bahru	20 orang	3 Bulan
7	Photocopier Maintenance	27 Apr 2015	Pusat Latihan In-Tech Sdn. Bhd.	17 orang	6 Bulan



Program Latihan Dan Kemahiran Kerjaya (PLKK)

Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)

Peruntukan: RM400,000.00



Senarai Projek :

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1	IMAN Siri 1 [Program Bintang KEJORA]	26 - 28 Mei 2015	SK Johor Kampung	250 orang
2	IMAN Siri 2 [Program Zero to Hero]	20 - 22 Ogos 2015	Pusat PLKK Sembrong	300 orang
3	Program Motivasi Pelajar	6 - 8 Apr 2015	SK Johor Kampung	200 orang
4	Program Motivasi Ibu Bapa dan Pelajar	15 - 16 Jun 2015	Kompleks Rakan Muda Sukan Air Bandar Penawar	185 orang
5	Interaktif Pelajar Siri 2	9 - 11 Julai 2015	Hotel Selesa Pasir Gudang	90 orang
6	Exam Camp 1	11 - 13 Jun 2015	Permata Resort Sdn. Bhd.	100 orang
7	Exam Camp 2	3 - 5 Ogos 2015	Pusat KOKO Daerah Kota Tinggi	200 orang
8	Bengkel Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	2 - 4 Ogos 2015	Tropikal Inn JB	100 orang
9	Kursus Peningkatan Sahsia dan Pemantapan Diri Siri 2	9 - 11 Apr 2015	Savannah Hill Resort	100 orang
10	Pelajar Bijak Cerdas 2	14 - 16 Mei 2015	Kompleks Sukan Air dan Udara DESARU	200 orang



Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)

KEDA

PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DAN KERJAYA (PLKK)

Peruntukan Diterima: RM1,000,000.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM692,479.56 (69.25%)

Pengenalan

Program ini merupakan pecahan komponen Program Latihan dan Pendidikan [PLP] dalam Rancangan Malaysia Kelapan [RMKe-8]. Program ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan untuk kursus asas bertauliah bagi jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas MLVK [Sijil Kemahiran Malaysia SKM I & SKM II].

Bagi meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan perkhidmatan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga dari belunggu kemiskinan.

Peruntukan yang diluluskan bagi RMKe-10 berjumlah RM5,000,000 :

1. Tahun 2012 - RM2,000,000
2. Tahun 2013 - RM1,000,000
3. Tahun 2014 - RM1,000,000
4. Tahun 2015 - RM1,000,000

Skop Projek

Antara bidang latihan kemahiran yang dibiayai di bawah PLKK adalah seperti berikut:

- baikpulih komputer
- baikpulih telefon
- baikpulih barangan elektronik/ elektrik
- mekanik kenderaan motor
- kejuruteraan marin [juru enjin/ kelasi] automotif
- pengendalian pelabuhan [prime mover/ port technician/ stowage clerk]
- pemanduan perdagangan
- jahitan pakaian
- hiasan dalaman
- kraf tangan
- pembuatan bot *fibre glass*
- perhotelan dan pelancongan
- mekatronik

- kimpalan
- kecantikan
- pemesanan logam
- pertanian/ perhutanan/ perladangan
- pengeluaran sawit
- pengendalian jentera berat [backhoe/ excavator]

Kaedah Pelaksanaan

Perancangan Latihan/Kursus

Agensi Pelaksana merancang jenis-jenis latihan kemahiran dan kursus peningkatan kecemerlangan akademik di bawah PLKK yang akan diadakan. Bagi komponen latihan kemahiran, perancangan pelaksanaan latihan seboleh-bolehnya merangkumi semua peringkat kumpulan sasaran.

Pemilihan Institusi Latihan Kemahiran

Bagi KIR, SR atau AIR lepasan sekolah yang mempunyai kelayakan, mereka boleh diberikan bantuan untuk mengikuti latihan kemahiran di institusi-institusi latihan Kerajaan atau swasta yang menawarkan sijil-sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Walaubagaimanapun bagi KIR atau AIR yang tidak mempunyai sijil-sijil kelayakan, mereka boleh diberi bantuan bagi mengikuti latihan kemahiran di Jabatan-jabatan teknikal seperti MARDI, JKR, Jabatan Pertanian dan sebagainya, ataupun latihan secara *'tailor-made'* atau secara latihan dalam kerja [apprentice] di syarikat-syarikat.

Logistik

Tertakluk kepada jenis kursus yang dirancang, Agensi Pelaksana juga adalah bertanggungjawab untuk menguruskan perkara-perkara logistik berikut:

1. pemilihan tempat kursus;
2. pengumpulan dan pengangkutan peserta ke tempat kursus dan balik ke rumah; dan
3. penyediaan penginapan, makan-minum dan elaun hilang pendapatan peserta mengikut kadar semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan semasa kursus.

Bilangan kursus yang dilaksanakan bagi tahun 2015

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)	Bil. Kursus Jangka Panjang	Bil. Kursus Jangka Pendek	Bil. Peserta
1	2015	1,000,000.00	22	22	435



1. Kursus Pembantu Tadbir Sistem Maklumat
2. Kursus Kelasi Kapal Dagang Maklumat
3. Kursus Penyediaan Makanan SKM Tahap 1 dan 2
4. Kursus Mekanik Kenderaan Motor SKM Tahap 1 dan 2
- 5-6. Kursus Pemasangan Aksesori Automotif SKM Tahap 1 dan 2

PROGRAM KECERMERLANGAN PENDIDIKAN (PKP)

Peruntukan Diterima: RM300,000.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM300,000.00 (100%)

Pengenalan

Program ini merupakan pecahan komponen Program Latihan dan Pendidikan (PLP) dalam RMKe-8 bertujuan meningkatkan kecemerlangan pendidikan kumpulan sasaran supaya dapat meningkatkan daya saing akademik AIR miskin tegar luar bandar.

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasaran mengikuti kursus-kursus peningkatan pencapaian akademik. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan tahap pendidikan serta pencapaian akademik supaya mereka berpeluang untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi di dalam atau luar negeri.

Mengenal Diri Dalam Ransangan Kecemerlangan	Audit Pembelajaran dan Aspirasi Diri	Mengatur dan Mengorganisasikan Diri
<ul style="list-style-type: none"> • Suaikenal • Mengenal diri • Mengenal potensi diri • Mengenal rakan dan konsep kawan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti masalah dalam pembelajaran • Analisis kaedah pembelajaran • Faktor dorongan dalam pembelajaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyusun kerja-kerja harian • Penyediaan jadual kerja • Bagaimana memastikan kerja harian berjalan lancar • Rancangan pemantapan diri
Menajamkan Daya Penumpuan Semasa Belajar	Kemahiran Di Bilik Darjah	Kemahiran Pengurusan Masa
<ul style="list-style-type: none"> • Kekuatan daya penumpuan anda • Persekitaran pembelajaran yang berkesan • Sikap terhadap belajar • Kumpulan perbincangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik mengikut pelajaran • Kedudukan dalam kelas • Teknik menyoal/mengapa perlu menyoal • Bagaimana mengingati mata pelajaran • Ciri-ciri nota yang baik • Amalan menghormati guru 	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah masa • Prinsip-prinsip penjadualan masa • Mencuri waktu belajar • Membentuk jadual berpenggal • Mengatasi masalah menangguhkan kerja • Pemupukan sifat-sifat ke arah berdisiplin

Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) - Peruntukan : RM300,000.00

Bil	Daerah	Bil. Kursus Kursus/ Aktiviti	Peruntukan (RM)	Bilangan Manfaat
1	Langkawi	4	30,400.00	675
2	Padang Terap	5	22,726.00	468
3	Kota Star/ Pendang/ Pokok Sena	13	40,900.00	1,300
4	Sik	9	29,700.00	1,000
5	Baling	15	34,970.00	1,485
6	Kulim	5	28,980.00	1,016
7	Kuala Muda/ Yan	7	29,774.00	1,000
8	Kubang Pasu	7	40,000.00	1,280
9	Bandar Bharu	8	42,550.00	656
Jumlah		73	300,000.00	8,880



Kem Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar

RISDA

RISDA turut diberi amanah untuk membangunkan taraf belia luar bandar khususnya anak-anak pekebun kecil. Usaha merealisasikan taraf belia ditingkatkan, RISDA telah mewujudkan satu program baru yang dikenali Rumah Bina Negara atau singkatannya Rumah BN. Program Rumah BN ini telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 di Parlimen.

Program Rumah BN ini juga merupakan salah satu Transformasi kepada KKLW. Ianya dilancarkan oleh YB Menteri KKLW sewaktu Pelancaran Transformasi Luar Bandar semasa Perhimpunan Bulanan Khas Sempena 100 hari pada 20 November 2015.

Program ini bertujuan menyediakan rumah yang lebih selesa kepada generasi kedua pekebun kecil yang tinggal di kampung tradisional dalam meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menggalakkan generasi kedua pekebun kecil untuk terus kekal tinggal di luar bandar untuk kesinambungan legasi komuniti getah.



Model Rumah BN yang telah diluluskan

Kelab Generasi Muda RISDA (KGMR) diwujudkan bagi menarik minat dan memberi pendedahan kepada generasi muda pekebun kecil berkaitan kerjaya dan keusahawanan dalam pelbagai sektor. Objektif pelaksanaan adalah melatih dan membimbing generasi muda pekebun kecil yang berumur antara 18 hingga 40 tahun dalam membentuk keluarga pekebun kecil yang sejahtera melalui aktiviti pendidikan, khidmat masyarakat, keagamaan, ekonomi, sukan dan kebudayaan. Pada tahun 2015, jumlah keahlian KGMR adalah seramai 2,784 orang.

KESEDAR

Program Latihan & Kemahiran Di KESEDAR

Pada tahun 2015, KESEDAR memperoleh peruntukan berjumlah RM3,000,000.00 bagi pelaksanaan Program Latihan dan Kemahiran dan 100% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut.

Bil	Nama projek	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Bilangan	
					Siri	Peserta
1.	Latihan Keusahawanan	1,500,000.00	1,500,000.00	100.00	18	589
2.	Latihan Kemahiran Belia dan Beliawanis	1,500,000.00	1,500,000.00	100.00	15	249
JUMLAH		3,000,000.00	3,000,000.00	100.00	33	838



Kursus Urutan Tradisional Lelaki



Penyertaan Usahawan Bimbingan KESEDAR dalam Karnival Usahawan Desa (KUD) 2015



Kursus Jahitan Tudung dan Telekung



Kursus Juruteknik Automotif (Tahap 1 & 2)



BAHAGIAN PENGUPAYAAN EKONOMI

Program Perusahaan Luar Bandar

Objektif

Fungsi

Program Perusahaan Luar Bandar bertujuan untuk membangunkan sektor industri luar bandar selaras dengan Dasar Perindustrian Negara dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi supaya lebih produktif dan mampan. Dalam masa yang sama penglibatan dan penyertaan masyarakat luar bandar diharap dapat ditingkatkan khususnya bagi melahirkan masyarakat usahawan luar bandar yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan serta dapat menyumbang kepada matlamat pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

- Mengubal dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan komersial desa.
- Menggalakkan pengusaha luar bandar mengembangkan perusahaan dan perniagaan.
- Mengumpul dan menyelaras penemuan teknologi baru dan menggalakkan penggunaan teknologi di kalangan peniaga/pengusaha luar bandar.
- Mengenal pasti, menggalak, menyelaras dan memantau industri perkhidmatan termasuk pelancong desa.

PROGRAM RURAL BUSINESS CHALLENGE (RBC)



Program Rural Business Challenge (RBC) adalah salah satu Program Desa Abad ke-21 (21st Century Village) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Pertandingan RBC ini dianjurkan secara tahunan dan direka khusus sebagai satu bentuk insentif bagi golongan belia yang umur 18 hingga 40 tahun, merealisasikan idea-idea bernas menjalankan perniagaan di kawasan luar bandar. Objektif utama program ini adalah bagi:

- menggalakkan golongan belia khususnya di luar bandar memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;
- mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penghuni kawasan luar bandar; dan
- menjadikan kawasan luar bandar menarik untuk didiami.

Melalui pertandingan ini, golongan belia dikehendaki menyediakan Rancangan Perniagaan (RP) yang menguntungkan serta berdaya maju dalam membangunkan sektor pertanian yang lebih moden, industri pembuatan, perkhidmatan dan pelancongan desa di kawasan luar bandar.

Seramai 23 orang pemenang telah dipilih pada tahun 2015 mengikut sektor dan perniagaan bagi kategori RBC Cemerlang, RBC Jaya dan RBC Harapan seperti dalam jadual-jadual berikut :

Jadual 1 : Senarai Pemenang RBC Tahun 2015 mengikut kategori RBC Cemerlang

Bil	Nilai Hadiah (RM)	Kategori	Nama Pemohon	Nama Syarikat	Sektor	Pengkhususan
1	1,500,000	RBC CEMERLANG	MUHAMAD AKMAL BIN MOHAMAD DAHALAN	Mega AD Services Sdn Bhd	Pelancongan Desa	Ladang Alam Warisan
2	1,000,000	RBC CEMERLANG	MOHD SHAHIRAN BIN MAT HASSAN	Kirajadi Enterprise	Pertanian	Projek Jambu Batu Sebagai Tanaman Sokongan Komoditi Getah Dan Kelapa Sawit
3	1,000,000	RBC CEMERLANG	MOHD SYAFIQ BIN DRAHMAN	Ameqin Sepakat	Perkhidmatan	Projek Bengkel Kenderaan Dan Penghasilan Produk Cat Kenderaan, Bangunan & Industri

Jadual 2 : Senarai Pemenang RBC Tahun 2015 mengikut kategori RBC Jaya

Bil	Nilai Hadiah (RM)	Kategori	Nama Pemohon	Nama Syarikat	Sektor	Pengkhususan
1	750,000	RBC JAYA	FARA-JASSEICA BT MOHD RASHID	Miwa Servntrade Enterprise	Pembuatan	Menaik Taraf Pembungkusan, Membeli Premis Baru & Pemasaran
2	750,000	RBC JAYA	MOHD AZLY BIN NORZAN	Temerloh DC Trading	Pembuatan	Produk Sejuk Beku Pais Patin Tempoyak & Portugese Grill Patin
3	750,000	RBC JAYA	MOHD AZMIL BIN MOHAMED	Makita Enterprise	Pertanian	Penternakan Udang Putih
4	750,000	RBC JAYA	MOHD RASHID BIN SAMSUDIN @ SHUIB	Coconut Island Resources	Pertanian	Projek Perusahaan Tanaman Cendawan Sisir Di Kampung Alor Batu Jitra Kedah
5	750,000	RBC JAYA	MOHD SUKOR BIN ABDULLAH	Pencak Tari Abdullah	Pembuatan	Mengilang Sabun Organik
6	750,000	RBC JAYA	MOHD YUSOF BIN DIN	Man Mayung Enterprise	Pembuatan	Memproses Dan Menjual Kuih Putu [Putu Mayung, Putu Piring & Putu Buloh] Dan Produk Sejuk/Beku
7	750,000	RBC JAYA	MULYADY BIN MUSTAPHA	Mustama Agro & Trading Co	Pembuatan	Menaiktaraf Pusat Pemprosesan Kelapa Di Asajaya Sarawak
8	750,000	RBC JAYA	MUZAIREE BIN DAUD @ RONI	Ryverra Chocolate & Confectionery Sdn Bhd	Pembuatan	Projek Pengisaran Biji Koko
9	750,000	RBC JAYA	NOORMA BT OMAR	Keropok Mengabang Tapah	Pembuatan	Keropok Mengabang Tapah
10	750,000	RBC JAYA	RAHIMAH BTE MOHAMED	Puncak Hallaj Enterprise	Pembuatan	Pembuatan Telekung Jemaah Haji Dan Umrah
11	750,000	RBC JAYA	SHAHROM BIN MOHD SALLEH	Kaswada Enterprise	Pembuatan	Projek Produk Pes Makanan

Jadual 3 : Senarai Pemenang RBC Tahun 2015 mengikut kategori RBC Harapan

Bil	Nilai Hadiah (RM)	Kategori	Nama Pemohon	Nama Syarikat	Sektor	Pengkhususan
1	300,000	RBC HARAPAN	AZINURLI BINTI MOHD AMIN	Puji Haq Enterprise	Perkhidmatan	Perkhidmatan Sewaan Kanopi & Katering
2	300,000	RBC HARAPAN	BURHANUDDIN BIN LABATTA	Teguh Enterprise	Pembuatan	Pemprosesan Makanan Bahan Mentah Berasaskan Tepung
3	300,000	RBC HARAPAN	KHAIRUL AZHAR BIN WAHYUDI	Agrofutur Sdn. Bhd	Pertanian	Projek Penanaman dan Penghasilan Produk Berasaskan Ubi Kayu
4	300,000	RBC HARAPAN	NORHASLINA BINTI ABU BAKAR	N Alya Enterprise	Pelancongan Desa	Pelancongan Campstay
5	300,000	RBC HARAPAN	ROS AIZA BINTI JUSOH	Ross Scarf & Busana	Pembuatan	Kilang Batik, Pusat Jualan & Jahitan
6	300,000	RBC HARAPAN	SAYED AMIR MUZZAKKIR BIN AISAYED MOHAMAD	Al Edrus Services Sdn Bhd	Perkhidmatan	Projek Francais Makanan Arab
7	300,000	RBC HARAPAN	WASAHLAN BIN SABIR	Ifalanz Bakery & Biscuit Supply	Pembuatan	Kilang Roti Industri Desa

Prestasi dan Pencapaian

Bagi pemenang pertandingan RBC yang telah memasuki tahun kedua pelaksanaan projek, satu penanda aras bagi mengukur prestasi serta pencapaian pemenang telah diwujudkan. Terdapat tiga kriteria utama bagi mengukur prestasi tersebut iaitu:

- peningkatan pendapatan;
- bilangan peluang pekerjaan yang diwujudkan; dan
- bilangan usahawan baru yang berjaya diwujudkan.

Penganjuran pertandingan RBC telah membantu sektor keusahawanan belia di luar bandar dengan meningkatkan pendapatan sedia ada di samping membuka peluang-peluang pekerjaan baru kepada masyarakat setempat. Secara keseluruhan, RBC merupakan pendekatan yang dinamik mengikut keperluan dan persekitaran pembangunan keusahawanan semasa untuk memberi cabaran kepada usahawan atau bakal usahawan belia supaya menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi luar bandar.



Pemenang Pertandingan RBC Tahun 2015 ketika Majlis Perasmian Karnival Usahawan Desa 2015 yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di Presint 3, Putrajaya

DESA LESTARI

Program ini merupakan satu inisiatif baru Kerajaan di bawah Program Transformasi Kerajaan [GTP 2.0] yang bertujuan memperkasakan ekonomi masyarakat luar bandar dengan mendaya upaya Koperasi Komuniti sebagai agen pembangunan ekonomi di kampung. Objektif utama program adalah untuk:

- meningkatkan pengupayaan komuniti desa dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan ekonomi di kampung; dan
- memperkasa aktiviti ekonomi dan keusahawanan penduduk desa dengan membuka peluang-peluang pekerjaan baru dan peningkatan pendapatan.

Kampung yang terpilih adalah disyarat menubuhkan Koperasi yang bertindak sebagai perancang dan pelaksanaan pelbagai projek ekonomi berdaya maju misalnya projek pertanian, peruncitan, sewaan jentera perladangan, pelancongan desa dan



perkhidmatan. Pemilihan projek ekonomi hendaklah menepati tiga ciri utama iaitu:

- dilaksanakan dengan cepat [quick win];
- kos rendah [low cost]; dan
- impak tinggi dengan pulangan pendapatan cepat dan tinggi [high impact].

Status Pelaksanaan Program Desa Lestari

Pelaksanaan Program Desa Lestari bagi 2015 diteruskan dengan pemilihan sebanyak 15 buah kampung dan sehingga Disember 2015, sebanyak 57 buah kampung telah dipilih dari seluruh negara untuk dimajukan di bawah Program Desa Lestari. Senarai Kampung Desa Lestari Tahun 2015 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Senarai 15 Buah Kampung Desa Lestari Tahun 2015

Bil	Negeri	Nama Kampung
1	Sarawak	Rumah Panjang Edmund Kumbong, Saratok
2		Kampung Pejuang Kelulut, Miri
3	Sabah	Kampung Seri Serbang, Bongawan
4	Selangor	Kampung Hulu Chuchoh, Sepang
5	Kelantan	Kampung Seterpa, Kota Bharu
6	Perlis	Kampung Mata Ayer, Padang Besar
7	Pahang	Kampung Pantai Bernas, Rompin
8	Negeri Sembilan	Kampung Gebok, Seremban
9	Terengganu	Kampung Bukit Wan, Kuala Terengganu
10	Johor	Kg. Sri Gunung Pulai, Kulai Jaya
11	Perak	Kampung Perlop 3, Kuala Kangsar
12	Pulau Pinang	Kampung Jalan Bharu, Barat Daya
13	Kedah	Kampung Asam Jawa, Pendang
14		Kampung Pering, Kubang Pasu
15	Melaka	Kampung Simpang Bekoh, Jasin

Majlis Penyerahan Projek dan Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan Program Desa Lestari

Sebagai simbolik pengiktirafan Kerajaan kepada mana-mana Kampung Desa Lestari yang telah selesai menyiapkan kesemua projek ekonomi yang diluluskan oleh Kementerian dan telah menjana pendapatan kepada Koperasi, satu program majlis penyerahan projek telah disempurnakan oleh YB Menteri KKLW. Majlis ini telah diadakan pada 27 Januari 2016 di Kampung Parit Bugis, Muar, Johor dan dihoskan oleh Koperasi Homestay Kampung Parit Bugis Muar Berhad. Seramai 800 orang pengunjung khususnya penduduk kampung telah memeriahkan majlis ini.

Dalam majlis yang sama, sesi menandatangani perjanjian pelaksanaan Program Desa Lestari antara KKLW dengan 15 buah Koperasi Desa Lestari Tahun 2014 telah dimeterai oleh wakil-wakil Koperasi dan YBhg. Ketua Setiausaha KKLW disaksikan oleh YB Menteri KKLW. Melalui pemeteraian perjanjian ini membolehkan pihak Koperasi memulakan pelaksanaan projek ekonomi yang telah diluluskan pihak KKLW menggunakan peruntukan Kerajaan. Pengiktirafan ini merupakan amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh pihak Kampung Desa Lestari yang mana pemilihannya dibuat berdasarkan prestasi kepimpinan yang cemerlang di peringkat kampung.



Majlis Penyerahan Projek dan Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan Program Desa Lestari

Penyertaan Desa Lestari Di Karnival Usahawan Desa (KUD) 2015

Sempena penganjuran KUD 2015 yang telah diadakan dari 2 hingga 6 September 2015 di Putrajaya, sebanyak empat buah kampung telah menyertainya iaitu Kampung Parit 7 Sekinchan, Selangor, Kampung Sungai Lang Tengah, Kuala Langat, Selangor, Kampung Kuala Medang, Lipis, Pahang dan Kampung Hulu Chuchuh, Sepang, Selangor. Pelbagai produk dan hasil kampung serta perkhidmatan telah dipamer dan dijual oleh pihak kampung sepanjang lima hari karnival.

Antara produk yang mendapat tumpuan pembeli adalah produk madu kelulut dan kopi Che Kiah keluaran Koperasi Pembangunan Kampung Ulu Legong Baling Berhad, biskut *cookies chips* dan produk kraftangan keluaran Koperasi Sungai Lang Berhad, sambal hitam asli Pahang dan madu kelulut keluaran Koperasi Kampung Kuala Medang Lipis Berhad dan kerepek dan kuih tradisional.

Pavilion Desa Lestari turut dibina bersebelahan khemah pentas utama yang memaparkan pelbagai maklumat dan info grafik serta pameran produk-produk Koperasi Desa Lestari untuk tatapan para pengunjung.



YAB Perdana Menteri berkesempatan melawat dan merasmikan Kabin Chalet Desa Lestari sebagai ikonik produk pelancongan desa.

SKIM PEMBIAYAAN EKONOMI DESA (SPED)

Skim ini merupakan pinjaman tanpa cagaran bagi pembelian mesin/peralatan, modal kerja serta pembiayaan ubahsuai/naik taraf premis perniagaan. Sektor perniagaan yang dibiayai meliputi industri pembuatan, perkhidmatan, pelancongan desa dan pertanian (termasuk penternakan dan perikanan). Skim ini terbuka kepada usahawan yang baru beroperasi dan telah beroperasi dengan tempoh bayaran balik pinjaman antara tiga hingga tujuh tahun. Berikut adalah program-program SPED sepanjang tahun 2015.

Program-Program Sokongan SPED

Bil	Tarikh	Nama Program	Tempat
1.	14 Feb 2015	My Rezeki Fest Terengganu	Pusat Dagangan Terengganu, Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu (YPU), Terengganu
2.	12-13 April 2015	My Rezeki Fest di RTC Terengganu	RTC, Terengganu
3.	25 April 2015	My Rezeki Fest Negeri Perlis	Sek. Men. Syed Alwi, Kangar, Perlis
4.	30 Mei 2015	Sesi Bersama YBM Menteri, KKLW dan Usahawan SPED zon Utara di Negeri Perlis	Premis Usahawan Mazarul Enterprise, Perlis
5.	2-9 Sept 2015	KUD 2015	Putrajaya
6.	24 Okt 2015	My Rezeki Fest Sabah	Dewan Masyarakat, Tawau, Sabah

Sesi Lawatan Tapak ke Premis Usahawan SPED

Bil	Tarikh	Lawatan Tapak	Tempat
1.	6-7 April 2015	Sesi Lawatan Tapak dan Penggambaran Video Korporat SPED di Selangor dan Perak	Kembang Bersama Enterprise (Selangor) RSP Maju Enterprise (Tronoh, Perak)
2.	8-10 April 2015	Sesi Lawatan Tapak dan Video Korporat SPED di Kedah dan Pulau Pinang	Faizy Crystal (Langkawi, Kedah) SM Superb (Pendang, Kedah) Mohd Fauzi (Bukit Mertajam, Pulau Pinang)
3.	11-12 April 2015	Sesi Lawatan Tapak dan Penggambaran Video Korporat SPED di Terengganu	HLP Maju (Kuala Terengganu, Terengganu) Mohd Maliki (Kuala Terengganu, Terengganu) Apsa Motor & Tyre (Dungun, Terengganu)

4.	14-15 April 2015	Sesi Lawatan Tapak dan Penggambaran Video Korporat SPED di Negeri Sembilan dan Melaka	KNM Hardware (Negeri Sembilan) Kedai Emas Addin (Melaka) Hedy Resources (Melaka)
5.	17-19 April 2015	Sesi Lawatan Tapak dan Penggambaran Video Korporat SPED di Sabah dan Sarawak	Syarikat Bubul Jaya (Semporna, Sabah) Isnaji Marasantu (Semporna, Sabah) Red Profile Sdn. Bhd. (Kuching, Sarawak)
6.	19 Sept 2015	Lawatan ke Kilang dan Outlet Usahawan SPED (SME Bank) Pembuatan Kasut	Syarikat Red Profile (Kuching, Sarawak)
7.	23 Okt 2015	Lawatan ke Premis Usahawan SPED (BKRM)	Kilang Roti Syarikat Borneo Bakel (Tawau, Sabah) Kedai Runcit Yusuf Enterprise (Tawau, Sabah)

Sesi Taklimat SPED

Bil	Tarikh	Nama Program	Tempat
1.	21 Jan & 18 Mac 2015	Taklimat SPED kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	BPE, KKLW
2.	8 April 2015	Kursus Inovasi Produk Desa	INFRA, BANGI
3.	20-22 Sept 2015	Sesi <i>Brainstorming</i> Bengkel Penjenamaan Baru Pembiayaan Perniagaan	Hotel Hilton, Kuching, Sarawak
4.	18 Nov 2015	Seminar Usahawan dan Koperasi Orang Asli 2015	INTEKMA, Shah Alam, Selangor
5.	28 Dis 2015	Seminar dan Forum Usahawan KESEDAR	KESEDAR INN, Gua Musang, Kelantan

PROGRAM PEMASARAN

KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) 2015

KUD merupakan sebahagian daripada Program Pemasaran KKLW untuk memperkenalkan, mempromosi dan memperluaskan akses pasaran produk/ perkhidmatan luar bandar melalui gabungan pelbagai strategi pemasaran dalam satu program.

Sejarah KUD bermula pada tahun 2006 dengan nama Ekspo Desaneka Luar Bandar dan KUD telah dimartabatkan sebagai satu program khas bagi pemasaran produk luar bandar mulai tahun 2008. KUD dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Memperkenalkan, mempromosi dan memperluaskan akses pasaran serta memartabatkan produk/ perkhidmatan luar bandar;
2. Meneroka dan meluaskan peluang pasaran baru dan lebih besar dengan pengurusan pemasaran secara sistematik; dan
3. Meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran produk/perkhidmatan luar bandar.

Pelaksanaan KUD 2015

Bahagian Pengupayaan Ekonomi (BPE) merupakan Bahagian yang diberi tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Penyelaras Induk KUD 2015 bagi memastikan penganjuran KUD 2015 dilaksanakan dengan jayanya.

Majlis Perasmian KUD 2015 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 September 2015 dengan kehadiran melebihi 20,000 tetamu. Pelaksanaan KUD 2015 telah memberi penumpuan kepada:

1. Penciptaan peluang bagi akses pasaran produk/ perkhidmatan luar bandar kepada pengedar, pembeli dan pengguna di kawasan bandar seterusnya meneroka potensi untuk memasarkan produk/perkhidmatan tersebut ke peringkat luar negara (outreach programme);
2. Kombinasi pelbagai strategi pemasaran sebagai satu platform bagi usahawan luar bandar berkongsi amalan terbaik dalam memperluaskan pasaran produk/perkhidmatan untuk meningkatkan budaya sentiasa mencari peluang dan potensi pasaran untuk berdaya saing dan berdaya maju dalam perniagaan;



3. Kolaborasi dengan pelbagai industri/market player yang akan dapat memberi peluang kepada produk dan perkhidmatan luar bandar dipasarkan di kawasan-kawasan berpotensi seluruh negara;
4. Peningkatan akses pasaran produk/perkhidmatan luar bandar; dan
5. Usahawan mikro dan usahawan perusahaan kecil dan sederhana yang menjalankan perniagaan/ perusahaan daripada pelbagai kategori seperti makanan dan minuman, produk berasaskan pertanian dan penternakan, kraftangan dan seni halus, kesihatan dan kecantikan, produk organik, pelancongan, perkhidmatan perladangan dan peruncitan.
6. KUD 2015 telah memfokuskan penyertaan usahawan dalam aktiviti jualan dan pameran mengikut kluster melalui enam bidang utama iaitu makanan, minuman, perkhidmatan, pembuatan, kraftangan dan pertanian. Usahawan-usahawan yang dipilih adalah terdiri daripada usahawan bimbingan Jabatan/Agensi KKLW, Koperasi KKLW, usahawan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), usahawan program Desa Lestari, usahawan Rural Business Challenge (RBC), usahawan Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan juga penyertaan usahawan daripada Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain.

KUD 2015 turut menampilkan inovasi produk dan pendekatan baru pemasaran seperti berikut:

1. Mempromosikan *Cabin Chalet* sebagai produk ikonik pelancongan desa yang menjadi simbol produk berdaya maju dan boleh diperluas ke segenap pelosok kawasan luar bandar. Inisiatif ini merupakan nilai tambah bagi industri pelancongan desa (homestay) yang lebih maju dan kompetitif;
2. Memperkenalkan *street marketing* dan *distributionship matching* sebagai strategi pemasaran yang perlu diteroka oleh usahawan luar bandar. *Distributionship matching* telah dijalankan bersama dengan lima syarikat pengedar yang telah melibatkan seramai 624 usahawan KUD 2015; dan

3. Mempromosikan *cooperative movement* sebagai peneraju pembangunan ekonomi berasaskan komuniti melalui pameran kejayaan program Desa Lestari. Program ini telah berjaya memajukan 57 buah kampung dalam bidang ekonomi dan perniagaan yang berpotensi.

Program KUD 2015 juga melaksanakan program 'Eksplorasi Niaga' yang mengandungi program-program seperti berikut:

1. Sebanyak lima sesi seminar telah dianjurkan bagi mendedahkan kepada peserta terutamanya belia mengenai peluang-peluang keusahawanan di samping memberi nilai tambah serta jaringan perniagaan kepada usahawan sedia ada. Program seminar telah dihadiri seramai 1,090 orang peserta; dan
2. Sesi pepadanan perniagaan yang melibatkan 20 buah syarikat pemasar. Seramai 423 usahawan telah hadir dengan 271 usahawan telah dapat menjalankan sesi padanan perniagaan bersama dengan syarikat pemasar.

Selain daripada aktiviti pameran, jualan dan eksplorasi niaga, KUD 2015 juga telah menampilkan pelbagai aktiviti untuk menarik kehadiran pengunjung seperti:

1. Demonstrasi masakan popular 14 buah negeri di Malaysia;
2. Malam kerohanian bersama Ustaz Kazim Elias serta persembahan nyanyian daripada penyanyi Opick, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan *puzzle*, pertandingan kompong, pertandingan andaman pengantin, pertandingan kawad kaki berirama, pertandingan masakan dan pertandingan KUD Idol;
3. Persembahan artis tempatan seperti Ella, Dayang Nurfaizah, Ronnie, Najwa Latif, Amelina, Ezat Lazim, Didi Alias, Azmil, Acey dan Abam Bocey;

Pencapaian KUD 2015

1. KUD 2015 telah melibatkan seramai 729 usahawan melebihi sasaran 650 usahawan. Sebanyak 90% adalah usahawan luar bandar manakala selebihnya adalah usahawan yang melaksanakan perniagaan di bandar. Kombinasi ini diwujudkan bagi meningkatkan daya saing usahawan luar bandar dan perluasan rangkaian rakan niaga;
2. Peningkatan transaksi jualan sebanyak RM4.19 juta berbanding sasaran RM4 juta;

3. Nilai tempahan yang telah direkodkan adalah sebanyak RM2.24 juta;
4. Sebanyak 11,189 jaringan perniagaan direkodkan telah diwujudkan sepanjang KUD 2015 dengan nilai potensi perniagaan adalah sebanyak RM8.26 juta;
5. Sebanyak lapan Memorandum Persefahaman telah ditandatangani yang melibatkan seramai lima usahawan *Rural Business Challenge* dan Desa Lestari Kampung Pengkalan Batu, Melaka dengan nilai perniagaan sebanyak RM3 juta; dan
6. Seramai 1,118,046 orang pengunjung telah memeriahkan KUD 2015 berbanding sasaran awal 1 juta pengunjung. Kaji selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa kehadiran pengunjung yang menggalakkan adalah hasil daripada promosi yang meluas, kesesuaian lokasi di samping pelbagai pengisian program yang menarik di mana lebih 57% adalah merupakan golongan belia.

Kajian mengenai "Respon Pasaran Terhadap Produk Keluaran Usahawan Di KUD 2015" telah dijalankan sepanjang lima hari dan beberapa dapatan menarik diperolehi akan dapat membantu KKLW merangka pembangunan program pemasaran produk/ perkhidmatan luar bandar seperti ringkasan berikut:

1. 52% pengunjung bersetuju bahawa produk/ perkhidmatan luar bandar memenuhi keperluan pasaran terkini;
2. 72% pengunjung bersetuju bahawa daya saing produk/perkhidmatan luar bandar boleh dicapai tetapi memerlukan sokongan atau bantuan pihak Kerajaan;
3. 44% pengunjung memberi tumpuan kepada produk pemprosesan makanan dan minuman;
4. 60% pengunjung bersetuju bahawa kelebihan produk/perkhidmatan luar bandar adalah murah, sedap dan mendapat persijilan HALAL;
5. 42% pengunjung berpandangan bahawa kurang kepelbagaian pilihan kerana banyak jenis produk yang sama diniagakan; dan
6. 90% pengunjung berpuas hati dan akan kembali ke KUD yang akan datang.

Aktiviti-aktiviti yang menarik sepanjang karnival diadakan



PROGRAM EKSPLO PEMASARAN PRODUK LUAR BANDAR

Program ini diilhamkan daripada pihak pengurusan tertinggi KKLW dalam usaha untuk membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka di *hypermarket*. Umum mengetahui bahawa terdapat banyak produk yang dihasilkan oleh usahawan luar bandar amat berpotensi untuk dimajukan. Namun permasalahan dalam pemasaran menyebabkan produk tersebut tidak dapat dikembangkan dengan lebih luas.

Justeru alternatif untuk menempatkan produk luar bandar di *hypermarket* dilaksanakan dengan kerjasama beberapa *hypermarket* seperti Mydin, Giant, AEON Big dan Tesco.

Objektif Program ini dilaksanakan untuk memberi peluang kepada usahawan luar bandar mengenengahkan produk mereka ke pasaran *hypermarket* dan dapat berhubung secara langsung dengan wakil *hypermarket* yang berkaitan.

Aktiviti Eksplo Pemasaran Produk Luar Bandar

1. Sesi Pemilihan Usahawan

- i. Bagi memastikan produk yang akan diketengahkan berpotensi untuk pasaran, satu sesi pemilihan produk untuk program ini telah diadakan pada 22 Disember 2014 melibatkan 45 bilangan usahawan luar bandar daripada pelbagai Agensi KKLW bertempat di Dewan Serbaguna B1, KKLW.

4. Output

Jumlah jualan termasuk tempahan yang diperolehi adalah seperti berikut:

Bil	Tempat	Jualan Tunai (RM)	Tempahan	Jaringan
1	Mydin Seremban 2	59,289.90	33,603.00	163
2	Mydin Meru Raya	67,036.00	24,295.00	36
JUMLAH		126,325.90	57,898.00	199

- ii. Penilaian dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai *hypermarket* dan Agensi berkaitan seperti berikut:
 - Mydin
 - Giant
 - KPDNKK
 - KOJARIS
 - Tesco
 - AEON Big
- iii. Kriteria penilaian telah ditentukan mengikut garis panduan *hypermarket* bagi menjamin mutu dan kualiti produk.
- iv. Usahawan yang mendapat skor yang terbaik dipilih untuk menyertai program seterusnya yang dilaksanakan dengan kerjasama Mydin Hypermarket.

2. Eksplo Pemasaran Produk Luar Bandar di Mydin Seremban, Negeri Sembilan

- i. Sesi pertama program dilaksanakan di Mydin Seremban 2, Negeri Sembilan pada 11 - 15 Februari 2015 melibatkan 19 orang usahawan.

3. Eksplo Pemasaran Produk Luar Bandar di Mydin Meru Raya, Ipoh, Perak

- i. Sesi pertama program dilaksanakan di Mydin Meru Raya, Ipoh, Perak Sembilan pada 1 - 5 April 2015 melibatkan 16 orang usahawan.

RISDA

Di bawah KKLW, RISDA berperanan dalam sektor membangunkan sosioekonomi pekebun kecil getah dan sawit. RISDA memandang berat akan ekonomi pekebun kecil dan telah memperkenalkan beberapa program yang dapat menyumbang ke arah peningkatan pendapat pekebun kecil. Antara programnya ialah Tanam Semula Getah ke Getah [TSGG], Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain [TSGL], Skim Insentif Pengeluaran Getah [SIPG] dan Aktiviti Ekonomi Tambahan [AET].

Program TSGG dilaksanakan bagi membantu pekebun kecil getah menanam semula kebun getah tua yang

tidak produktif sehingga berjaya mengeluarkan hasil. Program ini dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan sekaligus dapat mengekalkan pengeluaran lateks dan kayu getah sebagai tanaman strategik negara.

Melalui program ini, RISDA telah memberi bantuan tanam semula pada kadar RM9,230/hek di Semenanjung, RM13,500/hek di Sarawak dan RM14,000/hek di Sabah. Bantuan diberi secara enam ansuran yang berbentuk bekalan baja, bekalan benih dan wang tunai untuk kerja-kerja pembangunan tanah.

Jadual 1 : Bayaran Ansuran Tanam Semula Getah ke Getah [TSGG]

Bil	Perkara	Kadar Bantuan (RM/ hek)
1	Semenanjung	RM9,230.00
2	Sarawak	RM13,500.00
3	Sabah	RM14,000.00

Sepanjang tahun 2015, RISDA telah berjaya menanam semula kawasan getah tua seluas 34,104 hektar dengan perbelanjaan sejumlah RM173,278,466. Jumlah pekebun kecil yang mendapat faedah dari

program ini adalah seramai 20,489 orang merangkumi pekebun kecil Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Jadual 2 di bawah adalah pecahan program TSGG mengikut negeri yang terlibat.

Jadual 2 : Pecahan Perbelanjaan TSGG Mengikut Negeri Setakat Tahun 2015

Bil	Negeri	TSGG SEMASA		
		Keluasan (Hek)	Bil Penerima Faedah (Orang)	Perbelanjaan (RM)
1	Johor	1,601	1,106	6,447,999.00
2	Kedah	3,518	2,442	15,117,184.00
3	Kelantan	3,502	2,959	14,230,087.00
4	Melaka	985	718	3,949,400.00
5	Negeri Sembilan	1,803	1,238	9,183,759.00
6	Pahang	7,802	4,201	29,298,394.00
7	Perak	1,555	1,179	6,306,039.00
8	Perlis	141	136	571,499.00
9	Pulau Pinang	51	35	203,976.00
10	Selangor	254	150	1,159,272.00
11	Terengganu	1,723	1,367	6,925,098.00
12	Sarawak	3,950	2,187	25,797,274.00
13	Sabah	7,940	2,771	54,088,484.00
Jumlah		34,104	20,489	173,278,466.00



Kebun getah dalam kerja-kerja penebangan untuk penanaman semula pokok getah di Kampung Panchur, Johor Lama, Kota Tinggi, Johor.

Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain *One-Off* atau TSGL turut diperkenalkan dalam membantu ekonomi pekebun kecil. TSGL ini telah dilaksanakan bermula dari tahun 2012 hingga 2015 iaitu menanam semula kebun getah yang tidak ekonomik dengan tanaman lain yang diluluskan. Kadar bantuan adalah RM2,500 secara *one-off*. Jenis tanaman yang diluluskan di bawah program ini adalah kelapa sawit, koko, kelapa, kopi, buah-buahan, medang teja, spesies



Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) berturut Ansuran Ke-6, di Kampung Sungai Sembilang, Johor Lama, Kota Tinggi, Johor.

balak, lada hitam dan nanas.

Pada tahun 2015, sebanyak RM2,500,365.50 telah dibayar kepada 716 orang pekebun kecil melibatkan keluasan 879.16 hektar bagi tanaman sawit dan 127.80 hektar bagi tanaman buah-buahan iaitu kelapa matag, nangka madu, mangga, durian dan manggis. Keluasan TSGL *One-Off* dan bilangan penerima faedah mengikut negeri adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : TSGL *ONE-OFF* Mengikut Negeri Tahun 2015

Bil	Negeri	Buah-Buahan		Sawit		Keseluruhan		
		Keluasan (Hek)	Bil Penerima Faedah (Orang)	Keluasan (Hek)	Bil Penerima Faedah (Orang)	Keluasan (Hek)	Bil Penerima Faedah (Orang)	Perbelanjaan (RM)
1	Johor	10.83	11	272.40	181	283.23	192	708,087.25
2	Kedah	9.92	11	260.08	143	270.00	154	675,000.00
3	Kelantan	13.15	31	-	-	13.15	31	32,879.00
4	Melaka	10.07	19	60.87	37	70.94	56	175,000.00
5	N. Sembilan	16.13	13	50.57	23	66.70	36	163,108.25
6	Pahang	6.04	7	53.99	36	60.03	43	150,000.00
7	Perak	8.82	7	135.85	107	144.66	114	358,001.25
8	Perlis	10.00	24	-	-	10.00	24	25,000.00
9	Pulau Pinang	7.70	6	4.52	4	12.22	10	25,000.00
10	Selangor	4.80	8	10.91	8	15.71	16	37,500.75
11	Terengganu	10.03	5	29.97	23	40.00	28	100,000.00
12	Sarawak	10.10	7	-	-	10.10	7	25,255.00
13	Sabah	10.21	5	-	-	10.21	5	25,534.00
Jumlah		127.80	154	879.16	562	1,006.95	716	2,500,365.50

Dalam memastikan kebun getah matang terus mengeluarkan hasil dan diurus mengikut spesifikasi Amalan Pertanian Baik (GAP), RISDA memperkenalkan program Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG). Program ini memberi insentif baja dan bahan rangsangan kepada peserta yang telah habis bantuan tanam semula dalam meningkatkan hasil kebun getah pekebun kecil. Komponen insentif yang diberikan kepada pekebun kecil berupa baja RISDA 4 dan bahan rangsangan lateks iaitu RM317/hektar untuk keluasan 52,997 hektar.

Pada tahun 2015, RISDA telah memperuntukkan sebanyak RM16.8 juta untuk program ini dan seramai 24,000 orang pekebun kecil telah mendapat manfaat dari program ini. Bagi memastikan matlamat RISDA tercapai iaitu 1,650kg/hek/thn, produktiviti getah pekebun kecil dipantau dari semasa ke semasa. Agihan peruntukan dan keluasan SIPG mengikut negeri adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Agihan Peruntukan dan Keluasan SIPG Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Keluasan (Hek)
1	Pahang	2,856,600.00	9,011
2	Kelantan	2,105,000.00	6,640
3	Kedah	3,000,000.00	9,464
4	Selangor	211,000.00	666
5	Pulau Pinang	47,000.00	148
6	Johor	1,451,000.00	4,577
7	Terengganu	999,000.00	3,151
8	Negeri Sembilan	2,165,500.00	6,831
9	Perak	3,097,500.00	9,771
10	Perlis	149,000.00	470
11	Melaka	719,000.00	2,268
Jumlah		16,800,000.00	52,997

Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) turut disediakan oleh RISDA. Tujuan program ini ditawarkan oleh RISDA adalah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan sekaligus dapat membantu pekebun kecil keluar dari kelompok kemiskinan tegar dan miskin. Melalui program ini pekebun kecil dapat menjalankan aktiviti ekonomi lain atau perniagaan dalam menjana pendapatan sampingan bulanan. Pekebun kecil akan

diberi bantuan sebanyak RM10,000 setiap peserta (maksimum) dalam bentuk peralatan, mesin dan input pertanian.

Pada tahun 2015, RISDA telah membelanjakan sebanyak RM5,000,000 mengikut negeri dan seramai 510 orang peserta dapat dibantu.

Jadual 5 : Agihan Matlamat dan Perbelanjaan AET Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Status Kemajuan Permohonan						
		Matlamat		Kelulusan		Bayaran		
		FIZ	RM	FIZ	RM	FIZ	RM	%
1	Johor	58	580,000.00	69	690,000.00	58	580,000.00	100
2	Kedah	52	520,000.00	56	550,000.00	53	520,000.00	100
3	Kelantan	75	750,000.00	84	805,000.00	77	750,000.00	100
4	Melaka	41	410,000.00	43	430,000.00	41	410,000.00	100
5	Ng. Sembilan	30	300,000.00	32	300,000.00	32	300,000.00	100
6	Pahang	59	590,000.00	69	655,000.00	62	590,000.00	100
7	Perak	59	590,000.00	59	580,000.00	60	590,000.00	100

8	Perlis	13	130,000.00	13	130,000.00	13	130,000.00	100
9	Pulau Pinang	12	120,000.00	13	130,000.00	12	120,000.00	100
10	Selangor	12	120,000.00	12	120,000.00	12	120,000.00	100
11	Terengganu	60	600,000.00	72	720,000.00	60	600,000.00	100
12	Sarawak	15	150,000.00	16	150,000.00	16	150,000.00	100
13	Sabah	14	140,000.00	24	240,000.00	14	140,000.00	100
Jumlah		500	5,000,000.00	562	5,500,000.00	510	716	100
				KPI Kelulusan : 100%		KPI Kelulusan : 100%		

KEDA

Bagi tahun 2015, Kampung Pering, Kubang Pasu dan Kampung Asam Jawa, Pendang telah dipilih untuk Projek Desa Lestari. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah [KEDA] sebagai Agensi KKLW, bertanggungjawab menyelaraskan peruntukan untuk kampung-kampung tersebut. Kampung-kampung yang terpilih telah disyaratkan untuk menjayakan program/projek melalui platform Koperasi bagi menggerakkan kemajuan ekonomi penduduk kampung secara bersepadu [Cooperative-Driven]. Peneraju Koperasi juga disyaratkan supaya melibatkan semua penduduk yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk menjadi anggota Koperasi. Bagi Koperasi yang telah beroperasi, keahlian hendaklah dibuka semula supaya lebih ramai penduduk kampung menjadi ahli.

Senarai projek yang telah diluluskan oleh KKLW kepada Desa Lestari Kampung Pering, Kubang Pasu adalah seperti berikut:

1. Projek Pemprosesan Silaj
2. Suntikan Modal Kedai Pertanian
3. Projek Industri Hiliran Jagung Bertaraf Halal

Bagi Desa Lestari Kampung Asam Jawa, Pendang, senarai komponen projek yang diluluskan adalah seperti berikut:

1. Projek Perkhidmatan Jentera Berat
2. Projek Penternakan Lebah Kelulut

Skop dan Komponen Projek

Pecahan Peruntukan Mengikut Kampung

Pecahan peruntukan mengikut kampung-kampung terpilih untuk projek Desa Lestari adalah seperti berikut:

Bil	Nama Kampung	Nama Koperasi	Peruntukan (RM)
1	KG. PERING, KUBANG PASU	KOPERASI ASAS TANI KEDAH BERHAD	1,392,010.00
2	KG. ASAM JAWA, PENDANG	KOPERASI PEMBANGUNAN KAMPUNG ASAM JAWA BERHAD	1,321,240.00
Jumlah			2,713,250.00

Prestasi Kewangan

Prestasi perbelanjaan Projek Desa Lestari Kampung Pering, Kubang Pasu dan Kampung Asam Jawa, Pendang sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Nama Kampung	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)
1	KG. PERING, KUBANG PASU	1,392,010.00	895,146.28	496,863.72
2	KG. ASAM JAWA, PENDANG	1,321,240.00	1,275,856.13	45,383.82
Jumlah		2,713,250.00	2,171,002.41	542,247.54

Rumusan

Projek Desa Lestari ini adalah satu usaha mewujudkan kawasan luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan untuk didiami, termasuk golongan muda. Melalui kelangsungan projek ini membolehkan wujudnya kawasan luar bandar yang maju sekaligus meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan ini

termasuklah belia. Kampung yang terpilih ini diberi peluang untuk membangunkan projek-projek ekonomi melalui koperasi bagi meningkatkan pendapatan dan secara tidak langsung telah membuka peluang pekerjaan baru kepada masyarakat setempat.

Desa Lestari Kampung Pering, Kubang Pasu

Pembelian seunit lori

Pembinaan seunit kilang

Pembinaan seunit bangunan

Pembinaan bangsal

Pembelian 12 jenis mesin untuk projek industri hiliran jagung bertaraf halal

Pembelian produk pertanian dan peralatan

Desa Lestari Kampung Asam Jawa, Pendang



Pembelian dua unit traktor



Pembelian 1 unit jentera penuai padi



Pembelian 1 unit backhoe



Pembelian 1 unit lori tipper 2.5tan



Pembelian 1 unit van



Pembinaan depoh dan bengkel



Pembelian peralatan bengkel



Projek penternakan lebah kelulut



PROJEK AGROPOLITAN

Peruntukan Diterima: RM600,000.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM183,000.00 (30.50%)

Latar Belakang Projek

Projek Agropolitan Sik adalah satu program untuk membangun dan memajukan kawasan luar bandar yang mundur, terencil dan terbiar dengan projek-projek berasaskan pertanian yang meliputi aspek tanaman dan ternakan. Projek tersebut disokong dengan sektor perindustrian yang melibatkan aktiviti memproses, memasarkan dan mempromosikan produk hasil pertanian.

Projek Agropolitan ini merupakan gerakan transformasi pembangunan sosio-ekonomi dan prasarana berfokus kepada integrasi di antara pembangunan sektor pertanian [sektor asas luar bandar] dengan sektor industri yang lazimnya berkembang di bandar-bandar. Ini melibatkan peningkatan pengupayaan [empowerment] modal insan masyarakat luar bandar. Bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2015, sebanyak RM24.5 juta diperuntukkan untuk pembangunan Projek Agropolitan Sik.

Objektif Projek

Objektif Projek Agropolitan Sik adalah untuk:

1. Mewujudkan aktiviti ekonomi mampan melalui aktiviti perladangan tanaman komersial dan disokong oleh aktiviti ekonomi lain.
2. Mengukuhkan pembangunan modal insan melalui program perubahan sikap dan minda.
3. Melengkapkan kemudahan prasarana asas bagi memastikan kelangsungan pembangunan kawasan.

Sasaran Projek Agropolitan Sik adalah untuk:

1. Mengeluarkan peserta Projek Agropolitan dari garis kemiskinan;

2. Meningkatkan purata pendapatan peserta melalui penglibatan di dalam Projek Agropolitan;
3. Mewujudkan ekonomi mampan dan terancang; dan
4. Meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial.

Skop dan Komponen

Antara komponen-komponen Projek Agropolitan Sik adalah seperti berikut:

1. Pembangunan Penempatan [50 unit rumah]
2. Pembangunan Ladang Sejahtera di Bendang Man, Sik [100 hektar]
3. Pembangunan Kawasan Terbiar
4. Pembinaan Pusat Agrobisnes dan Agroindustri di Sungai Namek, Sik
5. Pembangunan Modal Insan; dan
6. Promosi

Bagi tahun 2015, peruntukan yang disalurkan untuk digunakan bagi komponen-komponen Projek Agropolitan Sik seperti yang berikut:

1. Pembangunan Ladang Sejahtera di Bendang Man, Sik [100 hektar]
2. Pembangunan Kawasan Terbiar

Prestasi Kewangan

Prestasi perbelanjaan Projek Agropolitan Sik di bawah peruntukan tahun 2015 sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Peruntukan
1	Menaiktaraf jalan pertanian / ladang sepanjang 3,600 meter dan kerja-kerja berkaitan di Ladang Sejahtera Bendang Man, Sik.	RM600,000.00
2	Menaiktaraf jalan pertanian / ladang sepanjang 3,600 meter dan kerja-kerja berkaitan di Ladang Integrasi Charuk Tualang, Sik.	Perbelanjaan RM183,000.00
3	Pembelian input pertanian bagi Projek Pemulihan Sawah Terbiar dan Ladang Sejahtera. i) belian baja ii) belian racun iii) peralatan pertanian	Tanggungan RM187,950.00
4	Pembelian 1 unit traktor dan peralatan di Ladang Integrasi Charuk Tualang, Sik.	Baki RM229,050.00

Rumusan

Projek Agropolitan Sik adalah satu pendekatan pembangunan luar bandar yang komprehensif bertujuan untuk membangunkan agropolitan yang progresif, lumayan dan mendamaikan. Melalui Projek Agropolitan Sik ini, pembangunan sumber pertanian dapat dibangunkan secara optima dengan pembangunan dan pemajuan tanah-tanah terbiar yang terdapat di sekitar Sik. Pembangunan Agrobisnes dan Agroindustri pula dapat membantu menyediakan

kemudahan-kemudahan untuk memproses produk-produk pertanian di lokasi yang khusus di samping membantu usahawan dalam meningkatkan pengeluaran, pengurusan, kualiti dan pemasaran produk. Melalui Program Pembangunan Modal Insan pula, dapat membangkitkan kesedaran, motivasi dan kemahiran serta membentuk jati diri yang mampu menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan yang membanggakan.



Menaiktaraf jalan pertanian / ladang sepanjang 3,600 meter dan kerja-kerja berkaitan di Ladang Sejahtera Bendang Man, Sik.



Menaiktaraf jalan pertanian / ladang sepanjang 3,600 meter dan kerja-kerja berkaitan di Ladang Integrasi Charuk Tualang, Sik.



Pembelian *input* pertanian bagi Projek Pemulihan Sawah Terbiar dan Ladang Sejahtera
i) belian baja
ii) belian racun
iii) peralatan pertanian

PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP)

Peruntukan Diterima: RM1,500,000.00
Jumlah Perbelanjaan: RM1,357,427.88 [90.50%]

Pengenalan

Program ini telah dilaksanakan sepanjang RMKe-8 di bawah SPKR oleh Bahagian Pembasmian Kemiskinan (BPK), KKLW dan akan diteruskan pelaksanaannya di dalam tempoh RMKe-10 oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR). Selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri untuk menghapuskan kadar kemiskinan tegar sepenuhnya menjelang tahun 2009, objektif

pelaksanaan PPP adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40) di luar bandar melalui penglibatan mereka di dalam projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan taraf hidup mereka khususnya dan kualiti hidup mereka umumnya.

Skop dan Komponen

Projek Ekonomi Berasaskan Perusahaan Sumber Asas Tani/ Perikanan/ Penternakan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penghasilan produk/ memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek.
Projek Ekonomi Berasaskan Perniagaan Secara Kecil-Kecilan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penjualan produk seperti makanan/ minuman dan barangan sebagai aktiviti utama projek.
Projek Ekonomi Berasaskan Aktiviti Perkhidmatan	Projek-projek ekonomi yang memberikan perkhidmatan yang memerlukan daya kemahiran sebagai aktiviti utama projek seperti perkhidmatan jahitan, gunting rambut dan lain-lain.
Projek Ekonomi Berasaskan Aktiviti Pertanian/Perikanan/ Penternakan	Projek-projek yang meliputi aktiviti tanaman (sayur-sayuran/ buah-buahan dan lain-lain), ternakan (lembu/ ayam/ kambing dan lain-lain) dan perikanan (peralatan menangkap ikan/ternakan ikan dalam sangkar dan lain-lain).

Kadar Bantuan

Bantuan maksimum bagi pelaksanaan projek ekonomi adalah sebanyak RM10,000 bergantung kepada projek yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun peruntukan projek yang diluluskan akan ditentukan sepenuhnya oleh pihak Kementerian. Bantuan ini juga merangkumi kos latihan/kursus kemahiran asas projek yang berjumlah maksimum RM1,500 seorang.

Bantuan diberikan dalam pelbagai bentuk termasuk aset/ premis/ bengkel/ ruang niaga/ mesin/ peralatan bantuan/ bahan mentah, latihan/ kursus kemahiran asas, bimbingan serta kos khidmat pengurusan yang disampaikan melalui Agensi Pelaksana.

Peruntukan Program Peningkatan Pendapatan (PPP)- RM1,000,000.00

Bil	Daerah	Bil Kursus/ Aktiviti	Peruntukan (RM)	Bilangan Manfaat
1	Langkawi	6	50,000.00	6
2	Padang Terap	20	98,769.10	20
3	Kota Setar	21	127,685.00	21
4	Pendang	28	139,227.90	28
5	Pokok Sena	13	70,960.00	13
6	Sik	26	172,868.00	26
7	Baling	23	150,000.00	23
8	Kulim	13	84,000.00	13
9	Kuala Muda	32	191,540.00	32
10	Yan	12	76,950.00	12
11	Kubang Pasu	32	192,000.00	32
12	Bandar Baharu	21	146,000.00	21
Jumlah		247	1,000,000.00	247

Bil	Skop Projek	Bil Projek	Peruntukan (RM)	Bilangan Manfaat
1	ASAS TANI	18	50,000.00	18
2	PERNIAGAAN KECIL-KECILAN	93	98,769.10	93
3	PERKHIDMATAN	124	127,685.00	124
4	PERTANIAN/ PENTERNAKAN	12	127,685.00	12

Penerima Bantuan di bawah PPP



Peralatan jahitan

NAMA : NORHASHIMA BINTI HASHIM
 PEKERJAAN : MENJAHIT
 BANTUAN DITERIMA : MESIN JAHIT TEPI, SETERIKA-RAK, PERALATAN JAHITAN
 PENDAPATAN SEBULAN SEBELUM : RM400.00
 KINI : RM1,000.00



Kelengkapan kedai makan

NAMA : KHATIJAH BINTI IBRAHIM
 PEKERJAAN : BERNIAGA KEDAI MAKAN
 BANTUAN DITERIMA : KERUSI, MEJA, STALL MAKANAN KELENGKAPAN KEDAI MAKAN
 PENDAPATAN SEBULAN SEBELUM : RM800.00
 KINI : RM1,200.00



Peralatan bengkel besi

NAMA : CHE HAMDAN BIN JUNUS
 PEKERJAAN : PENGUSAHA BENGKEL BESI
 BANTUAN DITERIMA : PERALATAN BENGKEL BESI
 PENDAPATAN SEBULAN SEBELUM : RM2,000.00
 KINI : RM4,000.00

KEJORA

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI PENDUDUK

Sejumlah RM5,200,000.00 telah diperuntukkan kepada KEJORA bagi melaksanakan program/ projek di bawah Program Pembangunan Ekonomi Penduduk di Wilayah Johor Tenggara sebagaimana berikut:

Bil	Projek	Peruntukan (RM)
1	Kursus dan Latihan Kemahiran Usahawan	550,000.00
2	Ekspo dan Promosi Usahawan	50,000.00
3	Program Pembangunan Usahawan	20,000.00
4	Skim Bantuan Mula Niaga (SBMN)	30,000.00
5	Projek Pembinaan 4 Unit Bengkel Kenderaan Setingkat di Taman Sri Lambak	1,550,000.00
6	Kursus dan Latihan Kemahiran RAPID	700,000.00
7	Program Kemahiran Hospitaliti	600,000.00
8	Program Pembungkusan dan Pelabelan Produk	500,000.00
9	Ekspo Keusahawanan KEJORA 2015	650,000.00
10	Kursus dan Latihan Pertanian dan Industri Asas Tani	100,000.00
11	Projek Bekalan Elektrik dan Air ke Rumah Rakit Memancing di Kg. Tg. Serindit	50,000.00
12	Projek Pembinaan 4 Unit Chalet di Kg. Mawai Lama	300,000.00
13	Program Latihan Pelancongan Desa	100,000.00
Jumlah		5,200,000.00



Ekspo Keusahawanan KEJORA [XPURA] 2015

Skim Bantuan Modal Niaga (SBMN)

Sepanjang tahun 2015, seramai enam orang peserta meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan 40% terendah [B40] daripada bajet Projek Ekonomi Dan Kemahiran 2015 [RMKe10] dan dua orang peserta daripada bajet Projek Ekonomi Dan Kemahiran 2014 telah menerima Skim Bantuan Mula Niaga [SBMN] berbentuk peralatan untuk memulakan perniagaan di

dalam Wilayah KEJORA. Peserta yang menerima Skim Bantuan Mula Niaga [SBMN] ini adalah daripada peserta meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan 40% terendah [B40] yang telah mengikuti kursus yang telah dianjurkan oleh Unit Ekonomi Dan Usahawan KEJORA. Peserta-peserta ini dapat menambahkan pendapatan keluarga dan menjadi usahawan baru.



KRAFTANGAN, HOMESTAY, SEWAAN

NAMA : MOHD FADZREEN BIN MD RAZI
 ALAMAT : 340, LORONG HIKMAH, KAMPUNG LUKUT, 81900 KOTA TINGGI, JOHOR

BIDANG PERNIAGAAN : KRAFTANGAN, HOMESTAY, SEWAAN
 BANTUAN DIPOHON : RM5,000.00
 PERALATAN DIPOHON : MESIN JAHIT, MESIN JAHIT TEPI, LAPTOP



PERALATAN MASAKAN KUIH

NAMA : NOORIDAH BINTI HAMSAH
 ALAMAT : 379, BLOK 16, FELDA SG.MAS, 81900 KOTA TINGGI, JOHOR

BIDANG PERNIAGAAN : KUIH TRADISIONAL
 BANTUAN DIPOHON : RM5,000.00
 PERALATAN DIPOHON : FREEZER 2 PINTU

KESEDAR

Jadual 1 : Program Pembangunan Pelancongan

Bil	Projek	Peruntukan [RM]	Belanja [RM]	Peratus Belanja [%]	Bil. Projek	Impak [orang]
1.	Taman Tasik Pergau	100,000.00	100,000.00	100.00	5	2000
2.	Taman Etnobotani	740,000.00	740,000.00	100.00	2	950
3.	Taman Rekreasi KESEDAR Perdana Gua Musang	160,000.00	160,000.00	100.00	1	800
JUMLAH		1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	8	3750

Program Pembangunan Pelancongan KESEDAR telah membelanjakan keseluruhan peruntukan yang diterima bagi tahun 2015 berjumlah RM1,000,000.00 bagi melaksanakan tiga projek seperti di Jadual 1.



Pusat Herba & Spa di Taman Etnobotani



Taman Tasik Pergau



Aktiviti Pelancongan-Acara Berbasikal [Jamboree 2015]



Aktiviti Penguatkuasaan

Program ini merangkumi dua komponen utama iaitu pembayaran premium tanah dan kerja-kerja ukur lot. Pencapaian program ini mengikut komponen adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Program Kendalian Hartanah

Bil	Komponen Projek	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
		Peruntukan [RM]	Perbelanjaan [RM]	Peratus Belanja [%]	[Hektar]
1	Pembayaran Premium Tanah	18,608,112.00	18,608,112.00	100.00	2,139.842 hektar
2	Kerja-kerja Ukur Lot	455,540.00	455,540.00	100.00	6,026.961 hektar
JUMLAH		19,063,652.00	19,063,652.00	100.00	8,166.803 hektar

FOKUS #4

KEUSAHAWANAN

JAKOA

Program Pembangunan Usahawan

Program Pembangunan Usahawan JAKOA dilaksanakan untuk mewujudkan golongan usahawan Orang Asli yang terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan. Program ini bermatlamat membasmi kemiskinan serta meningkatkan pendapatan dan membawa mereka terlibat sama dalam setiap kegiatan ekonomi negara.

Bagi melicinkan usaha ini, JAKOA telah berusaha membangunkan peluang-peluang pendidikan dan

latihan, serta sumber ekonomi dan kemudahan pinjaman untuk menggalakkan Orang Asli terlibat dalam kegiatan keusahawanan. JAKOA telah melaksanakan program pembinaan premis perniagaan, program bimbingan usahawan, kursus/latihan keusahawanan dan program pameran dan promosi produk keluaran usahawan Orang Asli.



Ternakan Lebah Kelulut

MELAKA [BUKIT SEDANAN]	31 KOLONI PENDAPATAN [RM5,679.00]
PERAK [SEBERANG PERAK]	40 KOLONI PENDAPATAN [RM3,320.00]
PERAK [LEKIR]	37 KOLONI PENDAPATAN [RM9,723.00]
JOHOR [SUNGAI ARA]	60 KOLONI PENDAPATAN [RM2,500.00]
JOHOR [SEKIJANG]	60 KOLONI PENDAPATAN [RM520.00]
PERLIS [LUBUK SIREH]	100 KOLONI PENDAPATAN [RM4,325.00]
KEDAH [LANGKAWI]	31 KOLONI PENDAPATAN [RM2,107.00]
TERENGGANU [KERUAK]	40 KOLONI PENDAPATAN [RM1,400.00]
JUMLAH KESELURUHAN	414 KOLONI PENDAPATAN [RM33,342.00]



Pembinaan Premis Perniagaan

Pada tahun 2015, sebanyak RM1,775,000.00 telah diperuntukkan dan telah dibelanjakan sepenuhnya bagi pembinaan dan pengubahsuaian 24 unit premis perniagaan di negeri-negeri seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Agihan Peruntukan bagi Projek Pembinaan dan Pengubahsuaian Premis Perniagaan mengikut Negeri

Bil.	Negeri	Peruntukan [RM]	Perbelanjaan [RM]	Peratus [%]	Bil. Peserta
1	Pahang	180,000.00	178,200.00	100	4
2	Perak	315,000.00	311,850.00	98.6	7
3	Selangor	45,000.00	44,550.00	100	1
4	Kelantan	300,000.00	297,000.00	98.7	1
5	Johor	605,000.00	598,950.00	99	5
6	Negeri Sembilan & Melaka	330,000.00	326,700.00	98.8	6
Jumlah		1,775,000.00	1,757,000.00	99	24

Bimbingan Usahawan

Pemberian bantuan/bimbingan usahawan bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan usahawan Orang Asli. Bantuan diberi dalam bentuk peralatan perniagaan, pembelian mesin dan sebagainya bersesuaian dengan bidang perniagaan yang diceburi seperti kedai runcit, kedai makan, kedai jahit, bengkel kenderaan, kafe siber, kedai kraftangan dan lain-lain. Di bawah aktiviti Bimbingan Usahawan sejumlah RM830,000.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan sepenuhnya yang memberi manfaat kepada 42 orang peserta bagi negeri-negeri seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Agihan Peruntukan bagi Projek Bantuan Peralatan mengikut Negeri

Bil.	Negeri	Peruntukan [RM]	Perbelanjaan [RM]	Peratus [%]	Bil. Peserta
1	Pahang	160,000.00	160,000.00	100	5
2	Perak	430,000.00	390,600.00	90.83	26
3	Selangor	75,000.00	75,000.00	100	3
4	Kelantan	10,000.00	10,000.00	100	1
5	Johor	125,000.00	101,240.00	80.9	4
6	Negeri Sembilan	30,000.00	30,000.00	100	3
Jumlah		830,000.00	766,850.00	95.3	42

Kursus dan Latihan Keusahawanan

Sebanyak tiga jenis kursus telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Usahawan, JAKOA Ibu Pejabat sepanjang tahun 2015. Seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada usahawan Orang Asli daripada kalangan lelaki, wanita dan belia/beliawanis Orang Asli telah mengikuti kursus dan latihan keusahawanan seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Kursus dan Latihan Usahawan Tahun 2015

Bil	Nama Kursus / Latihan / Lokasi	Tarikh	Bil. Peserta
1	Kursus Ternakan Ruminan	20-23 April 2015	40
2	Kursus Asas Pelancongan Desa	27-30 April 2015	40
3	Kursus Pelabelan dan Pembungkusan	18-21 Mei 2015	40



Seminar Usahawan Orang Asli 2015

Pameran dan Promosi Usahawan Orang Asli

JAKOA telah melibatkan usahawan Orang Asli bagi menyertai enam program pameran dan promosi anjuran JAKOA dan jabatan/agensi lain. Seramai 289 usahawan Orang Asli telah menyertai acara pameran dan promosi seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Program Pameran Usahawan Tahun 2015

Bil.	Nama Program	Tarikh	Bil. Peserta
1	Pameran Hari Kraf Kebangsaan Negeri Johor	01-08 Mei 2015	2
2	Karnival Usahawan Orang Asli [KUOA] Zon Pantai Timur	22-25 Mei 2015	17
3	Karnival Usahawan Orang Asli [KUOA] Zon Utara	28-31 Mei 2015	18
4	Karnival Usahawan Orang Asli [KUOA] Zon Selatan	10-13 Sep 2015	20
5	Seminar Usahawan & Koperasi Orang Asli 2015	17-19 Nov 2015	230
6	D'Agro Ekspo	04-06 Dis 2015	2

RISDA

Bidang keusahawanan turut dipandang tinggi oleh RISDA dalam menambah dan meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil sekeluarga. Oleh demikian berpandukan kepada kerancangan global dalam bidang ini, RISDA telah mewujudkan satu program berkisarkan keusahawanan iaitu Pembangunan Keusahawanan. Program ini adalah sejajar dengan pemikiran idealogi kepimpinan YB Menteri yang berteraskan industri usahawan.

Program ini adalah satu pelan pelaksanaan yang terancang, sistematik dan berfokus demi melahirkan, membangun dan mencemerlangkan usahawan pekebun kecil dengan harapan golongan ini lebih berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Melalui program ini, RISDA dapat membangunkan usahawan RISDA dari sudut pembangunan modal insan sehingga kepada pembangunan produk dan pemasaran hasil.

Pada tahun 2015, RISDA telah memperuntukan sejumlah RM2,500,000 bagi program ini yang melibatkan empat fokus utama iaitu pembangunan produk, pemasaran, pameran dan promosi serta jaringan strategik.



Tujuan utama fokus pembangunan produk adalah untuk membangunkan dan menambah nilai produk usahawan bimbingan RISDA bagi membantu usahawan meningkatkan keupayaan bersaing dan menempatkan diri di dalam pasaran. Sepanjang tahun 2015 seramai 55 orang usahawan terlibat dalam dua program iaitu Pembungkusan dan Pelabelan.

Produk-produk keluaran pekebun kecil diberi fokus utama dalam program pemasaran produk. Oleh yang demikian, RISDA telah melaksanakan beberapa aktiviti dalam memastikan produk pekebun kecil dapat dipasarkan dan bersaing dengan usahawan yang ada di pasaran. Antaranya RISDA telah menubuhkan premis perniagaan yang dikenali sebagai *RISDA Smallholder's Mart* atau RisSMart. RisSMart disediakan sebagai kemudahan premis perniagaan dan didirikan di lokasi yang strategik yang sesuai dengan *trend* dan keperluan semasa bagi mempromosikan produk usahawan bimbingan RISDA. Impaknya pekebun kecil dapat meningkatkan pendapatan bulanan mereka kepada RM4,000/sebulan/sekeluarga.



RisSMart Negeri Selangor

Sebanyak lima buah RisSMart telah dibina pada tahun 2015 yang memberi ruang perniagaan kepada 43 orang usahawan pekebun kecil memasarkan produk masing-masing. RisSMart tersebut adalah seperti berikut:

- i. RisSMart Selangor
- ii. RisSMart Johor
- iii. RisSMart Ibu Pejabat
- iv. RisSMart Melaka
- v. RisSMart Negeri Sembilan

Bagi mempromosikan produk Usahawan Bimbingan RISDA, pelbagai program karnival/ ekspo/ konvo/ pameran/ galeri/ *showcase* telah disertai oleh 2,624 orang usahawan seperti Hari Kraf Kebangsaan, Ekspo di Mydin Seremban 2, Karnival Penbex Pulau Pinang, Karnival Usahawan Desa [KUD], Hari Peladang, Penternak, Nelayan Peringkat Negeri Sembilan, Jualan Bunga Daun Getah sempena Konvokesyen UCAM, 1 ASEAN Entrepreneurship Summit 2015, Perhimpunan Usahawan Pekebun Kecil Nasional dan Pameran sempena Perhimpunan UMNO di PWTC.

Bagi memperkembangkan lagi program keusahawanan ini, RISDA telah mengorak langkah dengan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan [NBOS]. RISDA telah menjalinkan kerjasama dan



jaringan strategik dengan Agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta yang meliputi bidang R&D, kualiti, dan pemasaran untuk membangunkan usahawan. Pada tahun 2015, kerjasama yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. SIRIM - R&D Sadur Emas
- ii. DDEC [Anak Syarikat MARA] - Program Pembungkusan
- iii. AMC Sdn Bhd. - Program Pelabelan
- iv. AMC Sdn Bhd. - Program Pembangunan Vendor Jahitan

MARA

Pengenalan

Majlis Amanah Rakyat [MARA] ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen sebagai sebuah Badan Berkanun hasil daripada resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada tahun sebelumnya.

Objektif penubuhannya adalah untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera khususnya di luar bandar supaya menyertai dengan

aktif dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah membentuk masyarakat usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, berdaya saing serta profesional.

Adalah menjadi kewajipan MARA bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan serta menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan khususnya untuk penduduk di kawasan luar bandar.

Sektor Keusahawanan MARA

Sektor Keusahawanan MARA ialah pemacu dalam pembangunan keusahawanan melalui perwujudan dan pemerkasaan usahawan, pembangunan perusahaan dan penyediaan kemudahan bagi melengkapi ekosistem keusahawanan yang kondusif. Inisiatif ini direalisasikan secara bersepadu melalui program :

- i. Pembangunan Usahawan
- ii. Pembangunan Industri & Infrastruktur
- iii. Pembiayaan Perniagaan

Pembangunan Usahawan

Program Pembangunan Usahawan memfokuskan pewujudan usahawan baru bagi merencanakan ekonomi negara di samping memperkukuh dan memantapkan usahawan sedia ada untuk terus berdaya saing hingga ke peringkat global. Pada tahun 2015, seramai 46,190 orang usahawan telah dibangunkan melalui program Pembangunan Usahawan.

Pembangunan Industri & Infrastruktur

Program Pembangunan Industri & Infrastruktur bertujuan untuk mencipta peluang perniagaan dalam rantaian industri bagi membolehkan produk usahawan menembusi pasaran hingga ke peringkat global. Melalui program ini, seramai 5,913 usahawan telah dibangunkan melalui program Pembangunan Usahawan Korporat [The Baron], Program Usahawan Muda [PUTRA], Program Kemudahan dan Perantisan [KPP], Pembangunan Usahawan Teknikal [PUTEK], Pembangunan Usahawan Automotif [Smart Auto] dan Inkubator Teknologi Perkilangan [INTEP].

Sebagai sokongan kepada ekosistem dalam pembangunan usahawan, MARA telah menyediakan premis perniagaan dan perusahaan di kawasan strategik untuk disewakan kepada usahawan mengikut kadar sewa yang kompetitif.

Bil	Perkara	Tahun	
		2014	2015
1	Bil Projek	493	495
2	Bil Lot	7,239	7,188
3	Pengisian	6,470	6,515

Pembiayaan Perniagaan

Sebagai pelengkap ekosistem program keusahawanan, MARA melaksanakan pembiayaan perniagaan patuh syariah bagi memperkukuhkan prestasi perniagaan para usahawan melalui konsep Al-Murabahah, Al-Ijarah, Bai Al-Inah dan Bai-Bithamin Ajil. Selaras dengan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera [PEB], tiga skim pembiayaan perniagaan MARA telah diberi nilai tambah ke tahap yang lebih baik dalam bidang perdagangan dan perindustrian iaitu:

- i. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres [SPIKE]
- ii. Skim Jaminan Usahawan MARA [SJUM]
- iii. Skim Pembiayaan Mudah Jaya [SPiM]

Pada tahun 2015, MARA telah menyalurkan pembiayaan kepada 6,174 orang usahawan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM672,227,300.



KEDA

PROGRAM SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI)

Peruntukan Diterima: RM249,700.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM249,700.00 (100%)

Laporan Kewangan Pelaksanaan Perbelanjaan Program SDSI 2015 di bawah Agensi KEDA / Peruntukan KKLW

Nama Pengusaha : En. Suhaimi Ahmad
 Nama Syarikat : Qurba Food Manufacturing Sdn. Bhd.
 Alamat : No 67 Kawasan IKS KEDA Napoh 06000 Jitra, Kedah

Jumlah Peruntukan Diterima : RM153,000.00
 Pembelian Mesin : RM133,000.00

Horizontal Mixer Machine RM10,000.00
 Automatic Cup Sealing Machine RM85,000.00
 Cooling Conveyor System RM38,000.00
Jumlah RM133 000.00

Pembungkusan Plastik Mee Saffron Segera **RM20,000.00**

a) Material : OPP/PP, Size : 280mm x 1000m x50u, Printed full colour, Cylinder Block Design **RM20,000.00**

Nama Pengusaha : Mat Hazir Mahmud
 Nama Syarikat : MH Saujana Enterprise
 Alamat : Lot 295 Kawasan IKS KEDA Kampung Wang Tok Rendong, 07000 Langkawi, Kedah

Jumlah Peruntukan diterima : RM96,700.00
 Kerja-karya menaiktaraf bangunan kilang dan kerja berkaitan : **RM85,000.00**

Pembelian Mesin : **RM11,700.00**



Peruntukan Acara Tarikan Pengunjung di bawah Seliaan KEDA-KUD 2015

Peruntukan Diterima: RM210,000.00
 Jumlah Perbelanjaan: RM210,000.00 (100%)

Pengenalan

KEDA telah menjayakan KUD 2015 pada 2-6 September 2015 KKLW melalui Demonstrasi Masakan dan Demonstrasi Produk di bawah Acara Tarikan Pengunjung.



Senarai Penyertaan Demonstrasi Masakan

Agensi	Negeri	Masakan / Minuman
KEJORA	JOHOR	1) Masakan Asam Pedas Johor 2) Masakan Belangkas 3) Mee Bandung Muar 4) Mee Udang 5) Mee Rebus Hj. Wahid 6) Laksa Johor 7) Botok-Botok 8) Putu Bambu
KEDA	KEDAH	1) Nasi Ulam / Gulai Rias Pisang 2) Bihun Sup Utara 3) Putu Mayang 4) Emping Kerabu Gerai Minuman 1) Abc 2) Cendol Pulut 3) Minuman Pelbagai
	PERLIS	1) Laksa Perlis
	PULAU PINANG	1) Char Kuey Teow 2) Pasembor Utara
KETENGAH	TERENGGANU	1) Sata Ikan / Otak-Otak 2) Nasi Dagang Terengganu 3) Keropok Lekor Terengganu 4) Ketupat Sotong Gerai Minuman 1) Air Buah-Buahan Pior
KESEDAR	KELANTAN	1) Laksam Kelantan 2) Nasi Kerabu 3) Nasi Dagang Kelantan 4) Murtabak Lapis Raja 5) Akok
MARA	SELANGOR	1) Kek & Pastrri 2) Masakan Berasaskan Coklat 3) Pulut Kuning & Rendang
KEMAS	NEGERI SEMBILAN	1) Daging Salai Masak Lemak Cili Api 2) Gulai Jangek Daun Asam 3) Rendang Pucuk Ubi
	MELAKA	1) Asam Pedas Tetel 2) Lemang & Rendang
	SABAH	1) Serunding Tuhau 2) Tula Itum 3) Jeruk Bambangan
	SARAWAK	1) Laksa Sarawak 2) Kuih Celorot 3) Mee Kolok
	MELAKA	Gerai Minuman 1) Coconut Shake
RISDA	PERAK	1) Rendang Tok Kuala Kangsar 2) Asam Rung 3) Laksa Buyung
FELCRA	PAHANG	1) Sambal Hitam 2) Gulai Tempoyak Ikan Patin Sungai Pahang 3) Puding Diraja
JAKOA		1) Peng Ol

Hasil Jualan Demonstrasi Masakan

GRAND TOTAL	RM360,403.00
TOTAL SALE ZON	
TARIKAN PENGUNJUNG	RM678,766.90

Senarai Penyertaan Demonstrasi Produk

Bil.	Agensi	Demonstrasi
1	MARA	1.1 FITEC 1.2 FITEC 1.3 Giat MARA 1.4 Giat MARA 1.5 MARA LINER 1.6 KIMAR 1.7 KIMAR 1.8 KIMAR
2	KEJORA	2.1 Kraftangan jahitan Hiasan Dalaman 2.2 Kraftangan Siput Laut 2.3 Kraftangan jahitan Manik & Reben
3	KEDA	3.1 Kraftangan jerami Padi 3.2 Kraftangan Batang Pisang
4	KETENGAH	4.1 Seramik 4.2 Mencanting Batik
5	FELCRA	5.1 Tenun Diraja Pahang 5.2 Labu Sayong
6	JAKOA	6.1 Ukiran Kayu [Topeng & Patung] 6.2 Pembuatan Alat Kercang 6.3 Buluh Sumpitan
7	RISDA	7.1 Kraftangan Daun Getah
8	KEMAS	8.1 Manicure & Pedicure 8.2 Anyaman Surat Khabar 8.3 Sulaman Reben 8.4 Jahitan Manik 8.5 Kraftangan Kain Felt
9	KESEDAR	9.1 Pembuatan Wau Sobek 9.2 Kraftangan Buluh

Hasil Jualan Demonstrasi Produk

GRAND TOTAL	RM318,363.90
*KIMAR MOU BUSINESS	RM250,000.00
[MARA TV]	
CASH SALES	RM68,363.90

Status Perbelanjaan/ Kewangan KEDA

Bil.	Aktiviti	Peruntukan [RM]
1	Acara-acara Utama	
	Chef Selebriti/Keperluan Zon Tarikan Pengunjung	120,000.00
	Pertandingan Muay Thai	40,000.00
	JUMLAH	160,000.00
2	Demonstrasi Masakan	
	Nasi Ulam /Gulai Rias Pisang	3,000.00
	Bihun Sup Utara	3,000.00
	Putu Mayam	3,000.00
	Emping Kerabu	3,000.00
	Laksa Perlis	3,000.00
	Char Kuey Teow	3,000.00
	Pasembor Utara	3,000.00
	Gerai Minuman	
	ABC	2,000.00
	Cendol Pulut	2,000.00
	Minuman Pelbagai	2,000.00
	JUMLAH	27,000.00
3	Demonstrasi Produk	
	Kraftangan Jerami Padi	3,000.00
	Kraftangan Batang Pisang	3,000.00
	JUMLAH	6,000.00

4	Persembahan Kebudayaan	
	Gendang Pribumi	5,000.00
	Wayang Gedek	7,500.00
	JUMLAH	12,500.00
5	Soft-Launching	
	Masakan Emping	5,000.00
	JUMLAH	5,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	210,500.00

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG KUD 2015

Aktiviti di Pentas Demonstrasi Masakan



Aktiviti di Booth Demonstrasi Produk



Gerai Jualan Makanan dan Minuman



Pertandingan Muay Thai dan Free Style



KETENGAH

Dua projek dilaksanakan oleh KETENGAH di bawah Program Pembangunan Kampung Tradisional dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM1,460,000.00 dan prestasi perbelanjaan adalah 100% sebagaimana seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan bagi tahun 2015

Bil.	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Ternakan Unggas di Wilayah KETENGAH	1,000,000.00	1,000,000.00	100
2	Projek Fruits Valley di Durian Mentangau	460,000.00	460,000.00	100
Jumlah		1,460,000.00	1,460,000.00	100



Lawatan ke Projek Ayam dan Puyuh di Kampung Durian Mentangau



Taklimat Pembangunan Perniagaan yang diadakan di RTC Terengganu bersama YB ADUN kepada usahawan Wilayah KETENGAH



KEJORA

Karnival Usahawan Desa Tahun 2015

KEJORA dan KEDA telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tarikan Pengunjung KUD 2015. Selain KEJORA dan KEDA, Agensi-agensi lain yang terlibat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti di bawah Jawatankuasa Tarikan Pengunjung termasuklah INFRA, KEMAS, JAKOA, MARA, KESEDAR, KETENGAH, RISDA, FELCRA dan Bahagian Pengupayaan Ekonomi (BPE) KKLW.

Sebanyak enam kategori aktiviti telah dilaksanakan di bawah Program Tarikan Pengunjung termasuklah acara utama, demonstrasi masakan, demonstrasi produk, persembahan kebudayaan, permainan rakyat dan pelbagai pertandingan lagi.



Acara Tarikan Pengunjung Karnival Usahawan Desa 2015

KESEDAR

Jadual 1 : Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Mengikut Wilayah/Bahagian

Bagi Program PPP, KESEDAR telah membelanjakan 100% peruntukan yang diterima berjumlah RM1,000,000.00 untuk membantu 102 peserta mengikut wilayah seperti di Jadual 1 di bawah.



Bil	Nama Wilayah/ Bahagian	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Bil. Peserta
1.	Gua Musang	250,000.00	250,000.00	100.00	27
2.	Kuala Krai	250,000.00	250,000.00	100.00	24
3.	Jeli/Tanah Merah	400,000.00	400,000.00	100.00	41
4.	Pertanian	100,000.00	100,000.00	100.00	10
JUMLAH		1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	102



Perniagaan Barang Kering dan Basah



Perniagaan Membuat Kuih dan Kek



Perniagaan Memproses Santan Segera



Perniagaan Barangan Runcit



MODAL INSAN



Pada tahun 2015, PPKLB telah diteruskan dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan umur dan masyarakat khususnya di luar bandar. Melalui pendekatan GDW 3.0, PPKLB telah memberi fokus terhadap pemeraksanaan institusi JKKK /JKKKP, pengiktirafan JKKK /JKKKP berprestasi tinggi, pewujudan program latihan berkala mengikut tahap pencapaian dan mekanisme pemantauan prestasi yang sistematik di peringkat penggerak, daerah dan negeri.

PROGRAM PENGUPAYAAN KOMUNITI LUAR BANDAR (PPKLB)

Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa (BKI) telah bekerjasama dengan Agensi Kementerian dan pelbagai Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan dalam menjayakan aktiviti yang dianjurkan.

Sebanyak tujuh aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2015 iaitu:

- i. Majlis Penyampaian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) Tahun 2014;
- ii. Penganjuran Pertandingan Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) Tahun 2015 (Peringkat Daerah/Negeri/Kebangsaan);
- iii. MyREZEKI Fest;
- iv. Program Jati Diri Remaja Ideal (RIJAL);
- v. Pemantauan Prestasi PT-4;
- vi. Program Mentor-Menti;
- vii. Konvensyen Mentor-Menti.

Aktiviti-Aktiviti Program Pengupayaan Komuniti Luar Bandar



- 1. Majlis Penyampaian ADS1M Peringkat Kebangsaan Tahun 2014**
 - Berlangsung pada 30 Mei 2015 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.
 - 14 kampung telah menerima hadiah mengikut kategori masing-masing.
 - Pertandingan ini menilai pencapaian kampung dalam tujuh aspek antaranya kepimpinan, ekonomi, pendidikan dan ICT.



- 2. Pertandingan ADS1M Tahun 2015**
 - Dilaksanakan di tiga peringkat iaitu Daerah, Negeri dan Kebangsaan.
 - Sebanyak 662 buah kampung tradisional telah menyertai.

3. MyREZEKI Fest

- Mensasarkan golongan belia luar bandar non produktif umur 18-35 tahun.
- Objektif - memastikan golongan belia luar bandar mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kesedaran agama yang kuat serta mengenali bakat potensi/ minat terpendam bagi merancang kerjaya masa depan masing-masing dalam bidang pekerjaan, perniagaan atau kemahiran.
- Sebanyak 13 siri telah dilaksanakan dengan bilangan peserta seramai 30,000 orang.



4. Program Jati Diri Remaja Ideal (RIJAL)

- Mensasarkan remaja luar bandar berusia 16 - 19 tahun agar menguasai jati diri iMASK [Ihsan, Moral, Attitude, Skill & Knowledge] yang mantap; di samping memiliki nilai-nilai patriotisme yang tinggi.
- Sejumlah 97 siri telah dilaksanakan dengan bilangan peserta seramai 19,400 orang.

5. Pemantauan Prestasi PT-4

- Dilaksanakan di tiga peringkat iaitu Penggerak, Daerah dan Negeri.
- Melibatkan seramai 855 orang Penggerak dan 8,696 JKJK/JKJKP dari seluruh Malaysia.
- Dilaksanakan dengan tujuan untuk melapor dan memantau prestasi pencapaian KPI JKJK/JKJKP secara berterusan.



6. Program Mentor-Menti

- Objektif penganjuran adalah untuk memberi pendedahan kepada JKJK/JKJKP dan menggalakkan perkongsian maklumat untuk melahirkan institusi kepimpinan yang amanah, berdikari dan cekap.
- Melibatkan 43 buah Kampung Mentor iaitu kampung yang mendapat tiga tempat teratas dalam ADS1M Peringkat Negeri dan 215 Kampung Menti.

7. Konvensyen Mentor-Menti

- Diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan menggalakkan perkongsian maklumat untuk melahirkan institusi kepimpinan yang amanah, berdikari dan cekap serta memberi pengiktirafan kepada semua pihak yang berjaya menggerakkan penglibatan aktif komuniti setempat.
- Melibatkan 43 buah Kampung Mentor iaitu kampung yang mendapat tiga tempat teratas dalam ADS1M Peringkat Negeri dan 215 Kampung Menti.


Prestasi Fizikal Dan Kewangan Tahun 2015

Pada tahun 2015, PPKLB ini telah disediakan peruntukan berjumlah RM18,200,000 iaitu RM15,000,000 di bawah Peruntukan Pembangunan dan RM3,200,000 di bawah Peruntukan Mengurus Dasar Sedia Ada. Prestasi fizikal dan kewangan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti di Jadual 1.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan

BKI telah berkolaborasi dengan UPE, JPM bagi projek Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN). BKI telah membantu dalam penyediaan senarai pengguna SPKPN di bawah KKLW yang akan bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat ke dalam sistem tersebut.

Jadual 1 : Prestasi Fizikal dan Kewangan Program Pengupayaan Komuniti Luar Bandar Tahun 2015





1



2



3



4



5



6

1. ADS1M 2014 – Antara gerai tarikan pengunjung di tapak Majlis
2. Tetamu jemputan JKKK dan JKKKP dari seluruh negara
3. Penyampaian hadiah kepada kampung pemenang
4. Penganjuran Pertandingan ADS1M Tahun 2015 – Sesi penghakiman di Kg. Kilimu, Ranau, Sabah
5. Sesi Penghakiman di Kg. Paya Rumput Jaya, Melaka
6. Hiasan keceriaan di Kg. Pering, Kubang Pasu, Kedah



1



2



3



4



5



6


1. MyREZEKI Fest – Penyampaian ceramah
2. Antara golongan remaja yang hadir
3. Antara booth yang dipamerkan di karnival MyREZEKI Fest
4. Program Jati Diri Remaja Ideal (RIJAL) – Sesi Ice Breaking
5. Sesi salat berjemaah program RIJAL
6. Bergambar di akhir sesi program RIJAL

PEMERKASAAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK) / JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KEMAJUAN PERSEKUTUAN (JKKKP)

Keseragaman dan penyelarasan pelaksanaan Model Baharu JKKK/JKKKP seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Julai 2013 telah digiatkan lagi dengan penerbitan Buku Tatacara Pengurusan JKKK dan JKKKP. Pelbagai inisiatif bagi memantapkan institusi tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2015 seperti program pengupayaan komuniti, outreach, kursus, seminar dan taklimat melibatkan kerjasama daripada pelbagai Kementerian dan Agensi Kementerian termasuk Badan Bukan Kerajaan.

Peranan JKKK/JKKKP sebagai institusi kepimpinan peringkat akar umbi terus diiktiraf oleh Kerajaan menerusi pembayaran elaun yang telah diperuntukkan setiap tahun. Pada tahun 2015, sebanyak RM293,583,900 telah diperuntukkan untuk bayaran elaun JKKK/JKKKP melibatkan 15,894 JKKK/JKKKP seluruh negara seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Bilangan Perjawatan JKKK/JKKKP 2015



Pelbagai program telah diatur sepanjang tahun 2015 bagi memperkasa institusi JKKK/JKKKP ini. Mereka turut dibekalkan dengan informasi semasa berkaitan inisiatif Kerajaan supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Pelaksanaan Program Pemerksaan JKKK / JKKKP 2015

Bil.	Program	Tarikh Pelaksanaan	Bilangan Siri	Bilangan Peserta
1	Program Outreach JKKK/JKKKP	Ogos – Oktober 2015	11	10,700
2	Program Gotong-Royong Pembersihan Kampung	Mac – Julai 2015	1,149 kampung	114,900
3	Program Gotong-Royong Kebersihan, Keceriaan dan Kesihatan	Julai - Disember 2015	868 kampung	86,800
4	Lawatan Integrasi Desa	April- Disember 2015	40	1,600
5	Taklimat Pelantikan Pengerusi JKKK/ JKKKP sebagai Penolong Pendaftar Pemilih [PPP]	Mac – Disember 2015	107	8,765 telah dilantik sebagai PPP
6	Seminar Penggerak dan JKKK/JKKKP	Jun – Disember 2015	62	12,400
7	Program KKLW Community Social Responsibility [KCSR]	Jun 2015	1	40
8	Program Majlis Pembangunan Luar Bandar	Disember 2015	2	650
9	Kursus Pemantapan JKKK Negeri Sabah	September 2015	1	320

AKTIVITI PROGRAM PEMERKASAAN JKKK/JKKKP



1. Sesi Taklimat Pelantikan Pengerusi JKKK Negeri Melaka sebagai Penolong Pendaftar Pemilih pada 16 Mac 2015 bertempat di Auditorium Seri Negeri, Melaka.
2. Peserta Kampung Selanyau dan Kampung Kelulut, Miri, Sarawak yang mengikuti Program Lawatan Integrasi Desa pada 16 hingga 19 Oktober 2015 ke Kampung Kurong Tengar, Perlis.
3. Aktiviti membersihkan kawasan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Gua Musang oleh anggota JKKKP sempena Program Gotong-royong Pembersihan Kampung pada 27 Januari 2015.
4. Program Outreach YB Menteri KKLW bersama JKKK Negeri Kedah pada 14 Ogos 2015 di Alor Setar, Kedah

PROGRAM MINI RURAL TRANSFORMATION CENTRE (MINI RTC)

Mini RTC merupakan Medan Infodesa [MID] yang dinaiktaraf secara berperingkat mulai tahun 2012 susulan pengumuman YAB Perdana Menteri di dalam pembentangan Belanjawan Tahun 2013.


Menerusi Program Transformasi Luar Bandar [RTP], KKLW telah mengenalpasti Mini RTC sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk mempercepatkan transformasi luar bandar menjadi kawasan yang produktif, maju dan berdaya saing.

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh Mini RTC di luar bandar sebagai ejen transformasi, ia telah dijadikan sebagai agenda tetap di dalam Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan [NBOS] yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Mesyuarat National Strategic Executive Summit [NSES] yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Seiring dengan transformasi yang dilakukan terhadap MID, peranan asal sebagai pusat ICT luar bandar untuk melaksanakan program-program yang membantu merapatkan jurang digital dalam kalangan penduduk luar bandar telah diperluaskan kepada pelbagai lagi program sejajar dengan agenda transformasi luar bandar. Lapan inisiatif utama seperti di Rajah 1 telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di Mini RTC mengikut keperluan lokasi dan komuniti.

Perkhidmatan ICT dan program-program yang merapatkan jurang digital masih dikekalkan di Mini RTC dan ditambah dengan pelbagai program

lain seperti kolaborasi bersama Agensi Kerajaan dan swasta, latihan-latihan kemahiran, ICT dan keusahawanan, kempen-kempen kesedaran dan khidmat sukarelawan. Mini RTC juga dibekalkan dengan Kiosk 1Malaysia bagi membolehkan penduduk luar bandar mendapatkan perkhidmatan Kerajaan secara atas talian. Mini RTC juga berperanan sebagai pusat pengumpulan produk yang berpotensi untuk dipasarkan ke pasaran yang lebih luas khususnya menerusi saluran strategik [strategic linkages] Mini RTC - RTC - UTC. Mini RTC juga turut menyediakan perkhidmatan perbankan menerusi program Ejen Bank Berdaftar Bank Simpanan Nasional.



KKLW telah menyediakan 213 Mini RTC di seluruh negara dan setiap Mini RTC diuruskan oleh seorang Pengurus, yang dilantik oleh KKLW. Pengurus bekerjasama dengan pelbagai

pihak seperti JKKK/JKKP, Pejabat Daerah, belia, institusi masjid dan sekolah untuk melaksanakan program-program yang dirancang bagi meningkatkan modal insan negara.



Taburan Mini RTC di Malaysia

Pelbagai program dilaksanakan oleh Mini RTC bagi menjayakan lapan inisiatif Mini RTC. Pelaksanaan program adalah berasaskan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan [NBOS] yang melibatkan penggabungan tenaga dengan pelbagai Agensi Kerajaan, swasta dan organisasi bukan kerajaan.

Peranan Mini RTC sebagai agen transformasi luar bandar diiktiraf menerusi penglibatannya di dalam pelaksanaan NBOS iaitu NBOS 4, NBOS 5, NBOS 8 dan NBOS 9.



PELAKSANAAN PROGRAM MINI RTC

Sepanjang tahun 2015, pelbagai program telah dijalankan oleh Mini RTC sebagai inisiatif meningkatkan pembangunan modal insan di luar bandar. Sebanyak 5,996 aktiviti telah dijalankan

sepanjang tahun 2015 oleh Mini RTC seluruh negara mengikut pecahan seperti di Jadual 1. Sejumlah 396,341 penyertaan direkodkan bagi semua program yang dijalankan.



Jadual 1 : Statistik Penyertaan dan Program Yang Dijalankan Di Mini RTC

LATIHAN KEMAHIRAN DESA

3,279 Latihan Kemahiran Desa dan ICT telah dilaksanakan oleh Mini RTC di seluruh Malaysia dengan penyertaan seramai 56,919 orang. Menerusi latihan-latihan tersebut, penduduk luar bandar mendapat pendedahan kepada kemahiran asas seperti memasak, menjahit, *mobile spa*, gunting rambut, asas perpaipan, elektrik dan juga pertanian. Daripada peserta-peserta

latihan tersebut ada yang telah membuka perniagaan secara kecil-kecilan menerusi bimbingan berterusan Mini RTC. Menerusi latihan seperti ini juga, telah dapat membantu penduduk luar bandar menjimatkan perbelanjaan seharian mereka apabila keperluan yang selama ini dibeli kini telah mampu disediakan sendiri.



1. Kursus Pemasaran Online di Mini RTC Bukit Tandak, Kelantan
2. Kursus Penyelenggaraan Komputer di Mini RTC Pekan Naka, Kedah
3. Kursus Pembuatan Sos Tomato di Mini RTC Guntong Luar, Terengganu
4. Kursus Sistem Fertigasi Tanaman Cili di Mini RTC FELCRA Lekir, Perak

KARNIVAL MINI RTC

Sebanyak 84 karnival telah dilaksanakan oleh Mini RTC seperti karnival perasmian, karnival kesihatan, keusahawanan dan pendidikan. Menerusi karnival yang diadakan, lebih ramai masyarakat luar bandar dapat dikumpulkan dan lebih mudah maklumat-maklumat serta perkhidmatan disampaikan kepada mereka. Sepanjang tahun 2015, antara karnival

yang dilaksanakan adalah seperti di Jadual 2.

Penganjuran karnival di Mini RTC juga merupakan peluang terbaik untuk mendekati pemimpin dengan rakyat. Mini RTC sentiasa melibatkan pemimpin tempatan di dalam karnival-karnival yang dianjurkan.

Jadual 2 : Antara Karnival yang dianjurkan Mini RTC

Karnival	Mini RTC
Karnival Sedanan Hills dan Festival Permainan Tradisional	Mini RTC FELCRA Bukit Sedanan, Melaka
Mini Karnival Keusahawanan	Mini RTC Jelintoh, Perak
	Mini RTC Tehel, Melaka
	Mini RTC Sg Lang Tengah, Selangor
Karnival Mini RTC	Mini RTC Bayangan, Sabah
	Mini RTC Kuala Tomani, Sabah
	Mini RTC Tengah, Negeri Sembilan
	Mini RTC Sungai Temau, Pahang
	Mini RTC Sanggang, Pahang
	Mini RTC Bukit Bayan, Melaka
Karnival Keusahawanan dan Pendidikan	Mini RTC Pinatau, Sabah
Karnival Bank Negara	Mini RTC Kok Pasir, Kelantan
Mini Karnival Usahanita	Mini RTC Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Kolaborasi

Sebanyak 2,633 kolaborasi telah dijalankan sepanjang tahun 2015 oleh Mini RTC. Kolaborasi ini melibatkan penganjuran majlis dengan kerjasama pihak lain sama ada dari Kerajaan atau swasta.

Sehingga kini terdapat pelbagai Agensi yang berkolaborasi dengan Mini RTC untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang bermanfaat kepada penduduk luar bandar.

Program Peningkatan Pendapatan

Mini RTC Sungai Siput telah terpilih untuk menerima bantuan di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi projek penanaman herba Misai Kucing yang dilaksanakan di kampung itu. Seramai 35 orang peserta yang merupakan peserta kursus penanaman pokok herba Misai Kucing di Mini RTC Sungai Siput telah menerima bantuan ini yang merupakan sebuah mesin pengering daun herba Misai Kucing yang bernilai lebih kurang RM8,000.00.

Menerusi bantuan ini, proses mengeringkan daun herba Misai Kucing menjadi lebih mudah, cepat dan terjamin kualitasnya. Bantuan telah disampaikan oleh

Jadual 3 : Penerima Bantuan PPP

Mini RTC	Bantuan
Mini RTC Sungai Las, Terengganu	Mesin Jahit Industri
Mini RTC Sungai Semiar	Mesin Jahit Industri
Mini RTC Bukit Kapar, Selangor	Mesin Jahit Industri dan Mesin Jahit Mudah Alih
Mini RTC Shafie, Pahang	Peti Penyejuk Beku dan Vacuum Sealer
Mini RTC Kuala Mai, Pahang	Mesin Jahit Industri

YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron menerusi Majlis Penyerahan Bantuan Program Peningkatan Pendapatan Negeri Melaka di Mini RTC Sungai Siput, Perak pada 12 April 2015.

Selain itu, terdapat lima Mini RTC lagi yang menerima bantuan di bawah PPP seperti di Jadual 3. Penyampaian bantuan telah dilakukan di Majlis Apresiasi Mini RTC 2014 pada 10 Jun 2015.



1-2 : Karnival Perasmian Mini RTC Tengah, N. Sembilan
 3-4 : Karnival Hari Keluarga Mini RTC Murni Jaya, Johor
 5 : Kolaborasi bersama UPSI Program Educate Malaysia di Mini RTC Bagan Sena, Kedah
 6 : Majlis Penyerahan Bantuan Program Peningkatan Negeri Melaka di Mini RTC Sungai Siput, Perak.

HARI TERBUKA STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS) 2015

Salah satu inisiatif Kerajaan untuk mentransformasi taraf hidup dan ekonomi masyarakat luar bandar adalah dengan mewujudkan satu rangkaian perkhidmatan yang strategik dan efektif antara bandar dan luar bandar.

Rangka kerja strategik ini melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan 1M4U.

Pada 23 dan 24 Mei 2015, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Hari Terbuka Strategi Lautan

Biru Kebangsaan (NBOS) di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC) bertujuan untuk memaklumkan pencapaian pelaksanaan NBOS. Program ini juga diadakan untuk memberi peluang kepada masyarakat mendapatkan maklumat mengenai pelbagai inisiatif di bawah NBOS yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Lebih daripada 80 inisiatif NBOS telah dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat yang memanfaatkan pelbagai lapisan masyarakat dan semua peringkat umur. Mini RTC turut menyertai program ini dengan mempamerkan produk-produk yang diusahakan oleh penduduk luar bandar di sekitar Mini RTC yang berpotensi dipasarkan menerusi rangkaian perkhidmatan ini.



1. Hari Terbuka NBOS 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
 2-4. Kursus Team Building di Tanjung Bidara Beach Resort, Melaka
 Kursus Team Building Zon Selatan di Tanjung Bidara Beach Resort, Melaka
 Kursus Team Building di Tanjung Bidara Beach Resort, Melaka

KURSUS PENGURUS MINI RTC

Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa (BKI) pada setiap tahun merancang latihan-latihan yang diperlukan oleh Pengurus-pengurus Mini RTC bagi membantu mereka melaksanakan tugas seharian dengan berkesan. BKI mengenal pasti dua bidang utama yang diperlukan oleh pengurus-pengurus Mini RTC iaitu Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) dan Pembangunan Organisasi. Selain itu, Bahagian ini juga menganjurkan kursus pengurusan fail dan rekod kewangan untuk membantu tugas seharian pengurus di Mini RTC.

Kursus-kursus ini sangat penting untuk pengurus bagi menyedarkan mereka akan peranan mereka sebagai penjawat awam. Ia juga penting untuk membantu mereka melaksanakan tugas di Mini RTC yang merupakan 'Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan' bagi komuniti luar bandar. Menerusi kursus yang diberikan, Pengurus dapat membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan orang ramai khususnya pengunjung Mini RTC yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti komuniti luar bandar, pemimpin-pemimpin tempatan, wakil-wakil Agensi Kerajaan dan swasta serta pelbagai pihak lagi.

Jadual 4 : Kursus Team Building Yang Dijalankan Untuk Pengurus Mini RTC

Tarikh	Zon	Bil. Peserta	Tempat
1 - 3 April 2015	Tengah	44 orang	Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang
11 - 13 April 2015	Timur	46 orang	Scout Inn Resort, K. Terengganu, Terengganu
21 - 23 April 2015	Utara	38 orang	Merdeka Beach Resort, Sg. Petani, Kedah
27 - 29 Mei 2015	Selatan	40 orang	Tanjung Bidara Beach Resort, Masjid Tanah, Melaka
8 - 10 Jun 2015	Sabah & Sarawak	24 orang	Kem Wawasan, Papar, Sabah

Jadual 5 : Kursus Multimedia [Penyuntingan Video Korporat] Yang Dijalankan Untuk Pengurus Mini RTC

Tarikh	Zon	Bil. Peserta	Tempat
7 - 9 Oktober 2015	Timur	30 orang	Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan
26 - 28 Oktober 2015	Utara	20 orang	Hotel Swiss-Inn, Sg. Petani, Kedah
11 - 13 November 2015	Selatan	24 orang	Hotel Selesa, Johor Bahru, Johor
23 - 25 November 2015	Tengah	20 orang	Gold Coast Morib International Resort, Banting, Selangor
2 - 4 Disember 2015	Sabah & Sarawak	24 orang	Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak

Jadual 6 : Bengkel Pengurusan Fail Untuk Pengurus Mini RTC

Tarikh	MINI RTC NEGERI	Tempat
21 - 22 September 2015	Kelantan	Kelantan
7 - 8 Oktober 2015	Perlis, Kedah & Pulau Pinang	Kedah
12 - 13 Oktober 2015	Sabah	Sabah
15 - 16 Oktober 2015	Terengganu	Terengganu
20 - 21 Oktober 2015	Melaka & Johor	Johor
26 - 27 November 2015	Sarawak	Sarawak
25 Februari 2016	Selangor & Negeri Sembilan	Ibu Pejabat Putrajaya

PENYERTAAN MINI RTC DI KUD

Mini RTC juga menyertai pameran dan jualan di Karnival Usahawan Desa [KUD] yang berlangsung di Presint 3, Putrajaya pada 2 hingga 6 September 2015. Lebih daripada 60 produk yang diusahakan oleh usahawan bimbingan Mini RTC dapat dikumpulkan dan dipasarkan di KUD. Secara

keseluruhannya, Mini RTC dapat mengutip nilai jualan sebanyak RM5,000.00. Mini RTC juga membawa penduduk-penduduk luar bandar sekitar Mini RTC ke KUD untuk mendedahkan mereka dengan peluang-peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan dalam bidang keusahawanan.



Jualan Produk Usahawan Bimbingan Mini RTC



Peserta-Peserta Dari Luar Bandar Yang Dibawa Oleh Mini RTC Shafie, Bentong, Pahang Ke KUD

KEMAS

Kewujudan Jabatan Kemajuan Masyarakat [KEMAS] bermula dari tahun 1961 telah melalui banyak evolusi sesuai dengan perubahan zaman dan kehendak masyarakat. Dalam memangkin ketamadunan sesebuah bangsa, aspek pendidikan awal merupakan asas kepada kegemilangan sesebuah tamadun. Justeru KEMAS memandang serius kepentingan dalam usaha ke arah memberi pendidikan awal yang sempurna bermula dari usia 4 tahun lagi. Antara tumpuan utama yang dilaksanakan oleh KEMAS adalah dalam melestari pendidikan awal kanak-kanak kerana tempoh ini amat kritikal dalam mengimbangi proses tumbesaran fizikal dan perkembangan minda manusia. Memantapkan perkembangan sosio-emosi, fizikal, intelek dan rohani serta menguasai kemahiran asas 4M kepada kanak-kanak di peringkat awal perkembangan manusia menjadi objektif utama pewujudannya.

melihat anak-anak mereka memahami asas-asas Pendidikan Islam.

Antara modul yang diterapkan dalam PPI ini adalah Ibadah dan Al-Quran yang meliputi azan, wudhu, solat fardhu, doa harian dan hafazan surah lazim. Sebanyak 999 buah kelas Tabika telah berjaya melaksanakan program PPI ini.

Kursus Asuhan Permata [KAP]

KEMAS sejak pelaksanaan Program PERMATA pada Disember 2008 hingga 2013, melalui arahan Bahagian PERMATA Negara telah menghantar Pemaju Masyarakat [PM] TASKA seramai 1,257 orang bagi mengikuti Kursus Pendidik PERMATA Negara [KPPN]. Kos perbelanjaan bagi yuran, makan minum dan penginapan kursus ini ditanggung oleh Bahagian PERMATA Negara melalui Unit Latihan PERMATA, UPM.

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Program Penghayatan Pendidikan Islam [PPI]

Program Penghayatan Pendidikan Islam [PPI] telah diperkenalkan di Tabika KEMAS pada 1 April 2015 sebagai projek rintis. Ianya diperkenalkan atas inisiatif semua pihak termasuk ibu bapa yang mahu

Walau bagaimanapun, mulai tahun 2014, semua kos perbelanjaan kursus ini ditanggung oleh KEMAS. Pada tahun 2014 juga, Kursus Pendidik PERMATA Negara telah ditukar kepada Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA atau Kursus Asuhan PERMATA [KAP].

Berkuatkuasa 1 Januari 2013, Kursus Asuhan PERMATA merupakan kursus yang diwajibkan ke atas pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh bagi menggantikan Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak [KAAK] yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat [JKM]. Oleh itu, Peraturan-Peraturan TASKA

2012 di bawah Peraturan 53 dan Peraturan 54, telah memperuntukan bidang kuasa JKM bagi mengiktiraf mana-mana individu, persatuan atau syarikat yang layak untuk menjalankan Kursus Asuhan PERMATA sebagai jurulatih, fasilitator atau Agensi latihan.

Jadual 1 : Bilangan Jurulatih, Penyelia Prasekolah dan PM Taska yang telah hadir KPPN 2009 – 2013 dan KAP 2014 sehingga 2015

TAHUN	JURULATIH	PENYELIA PRASEKOLAH	PM TASKA	JUMLAH
Kursus Pendidikan PERMATA Negara (KPPN)				
2009	17	27	235	279
2010	16	19	345	380
2011	1	29	478	508
2012	6	46	58	110
2013	2	0	75	77
JUMLAH	42	121	1,191	1,354
Kursus Asuhan PERMATA (KAP)				
2014	0	0	136	136
2015	0	0	50	50
JUMLAH	0	0	186	186

Objektif kursus ini ialah:

- Mendapatkan pengiktirafan Pemaju Masyarakat TASKA KEMAS mengendalikan pengasuhan kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun; dan
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan Guru atau Pengasuh atau Pendidik TASKA ke arah asuhan kanak-kanak yang lebih professional.

Kumpulan sasar bagi program ini terdiri daripada:

- Pemaju Masyarakat [PM] TASKA yang sedang berkhidmat; dan
- Calon PM TASKA KEMAS.

PENDIDIKAN KEMAHIRAN MASYARAKAT

Pembangunan Modal Insan turut mengutamakan aspek kemahiran bagi menjana pendapatan isi rumah. Untuk tujuan tersebut, KEMAS membuka kelas kemahiran di Pusat Kegiatan Masyarakat di

setiap Parlimen untuk memberi peluang kepada masyarakat yang berminat mendalami ilmu bidang kemahiran yang diminati.

Di samping itu, terdapat juga program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga [PKK] yang dilaksanakan secara *outreach*. *Outreach* merupakan usaha alternatif bagi memberi peluang kepada masyarakat yang mempunyai kesukaran untuk mengikuti kelas-kelas kemahiran yang telah disediakan di Pusat Kegiatan Masyarakat.

Individu yang berminat mengikuti kelas-kelas ini boleh memperoleh maklumat di Pejabat KEMAS Daerah yang berhampiran dengan tempat tinggal. Jadual 2 menerangkan jumlah kelas kemahiran yang telah diadakan sepanjang tahun 2015.

Jadual 2 : Jumlah kelas kemahiran yang telah diadakan sepanjang tahun 2015.

BIL	NEGERI	JUMLAH KELAS					
		Jahitan	Masakan	Komputer	Dandan Diri	PKK	Seni Tangan
1	Johor	127	8	7	2	298	2
2	Kedah	37	5	6	2	201	2
3	Kelantan	34	2	7	2	132	2
4	Negeri Sembilan	54	3	4	1	171	0
5	Pahang	72	7	9	2	144	0
6	Perak	63	6	6	3	264	1
7	Selangor	81	8	3	5	182	2
8	Terengganu	77	10	2	2	236	6
9	Sabah	102	7	6	20	293	6
10	Sarawak	35	3	6	2	240	6
11	Melaka	34	4	2	1	69	12
12	Perlis	15	12	2	3	76	5
13	Pulau Pinang	54	2	5	1	121	0
14	Wilayah Persekutuan	10	2	2	1	96	3 [1 Outreach]
Jumlah		795	79	67	47	2,523	47

PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN (PLF)

Program Pendidikan Literasi Fungsian adalah satu program membasmi buta huruf yang bermatlamat meningkatkan tahap literasi di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak melalui 3M [membaca, menulis, dan mengira] ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Aktiviti Pendidikan Literasi Fungsian terbahagi kepada tiga aktiviti iaitu :

i. Pendidikan Literasi Fungsian (PLF) – Program Penambahan Pendapatan (PPP)

Projek Penambahan Pendapatan telah dijalankan oleh kelas/kumpulan Pendidikan Literasi Fungsian yang telah mencapai tahap 3. Pelbagai projek penambahan pendapatan yang dilaksanakan berdasarkan keperluan dan kesesuaian tempat. Antara projek penambahan pendapatan yang dijalankan adalah seperti kraftangan, jahitan, kuih-muih kering dan lain-lain. Projek Penambahan Pendapatan ini diberikan kepada peserta kelas/kumpulan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran mengenai projek yang dijalankan.

ii. Kelas LEADS [Literacy Education For Adults Skill]

Program *Literacy Education For Adult Skill [LEADS]* adalah satu program *'outreach'* 3M untuk meningkatkan tahap literasi dewasa di pedalaman Sabah dan Sarawak melalui kemahiran 3M ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Objektif LEADS adalah :

- Peserta dapat mengenal, menyebut dan menulis huruf dan angka;
- Peserta dapat membaca, mengeja dan menulis perkataan dan angka mudah;
- Peserta dapat menyelesaikan kira-kira mudah;
- Peserta dapat membina ayat-ayat pendek dan karangan mudah; dan
- Menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya.

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan Program Latihan INFRA mengikut Kursus

BIL.	NAMA KURSUS	BIL. SIRI	BIL. PESERTA HADIR	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
KLUSTER KEPIMPINAN				
1.	Kursus Induksi JKKK/P	9	1,162	232,562.26
2.	Kursus Pengukuhan Ketua Kaum, Ketua Masyarakat dan Setiausaha [Induksi JKKK]	18	5,059	1,988,105.00
3.	Kursus Pengurusan Bencana Berasaskan Komuniti	16	917	309,914.65
4.	Bengkel Pelan Strategik Desa	10	343	26,430.00
5.	Bengkel Pelan Tindakan Desa Sejahtera	9	638	87,065.00
6.	Kursus Kepimpinan Desa	10	697	359,105.64
7.	Kursus Pengurusan Desa	2	55	16,690.00
8.	Kursus Pengurusan Institusi Desa : ICT [Semenanjung, Sabah]	13	406	176,637.00
9.	Kursus Sukarelawan	1	38	32,360.00
10.	Kursus Pembangunan Koperasi Desa	4	408	85,977.00
11.	Kursus Kecemerlangan Belia Desa : Kreatif @ Multimedia	6	890	208,152.50
12.	Seminar Transformasi Kepimpinan JKKK	1	138	12,000.00
13.	Seminar Kepimpinan Cemerlang	1	75	3,000.00
14.	Perhimpunan JKKK/P Kebangsaan	1	10,000	1,063,297.47
KLUSTER PERSIJILAN				
1	Kursus Sijil Kemahiran Malaysia-Homestay Tahap 2 [Pengusaha Homestay]	1	23	263,290.88
2.	Bengkel Pembangunan Modul : WIM SKM Pengurusan Desa Tahap 3,4,5	2	18	7,400.00
KLUSTER PELANCONGAN DESA				
1.	Kursus Asas Pelancongan Desa : Homestay [Semenanjung dan Sabah]	9	375	233,698.00
KLUSTER KOMPETENSI				
1.	Training The Trainers	4	111	26,290.38
2	Training The Trainers : Masjid	2	64	15,500.00

BIL.	NAMA KURSUS	BIL. SIRI	BIL. PESERTA HADIR	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
KLUSTER INOVASI KOMUNITI				
1.	Anugerah Ilham Desa Peringkat Zon/ Kebangsaan	1	6,330	1,186,374.82
2.	Kursus Inovasi Produk Desa	7	138	102,200.00
KLUSTER KEUSAHAWANAN				
1.	Kursus Business Online	4	116	67,790.00
2.	Kursus Asas Pembinaan Blog	2	63	23,502.00
3.	Program Jelajah RBC	1	240	12,930.00
KLUSTER LATIHAN DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA				
1.	Rural Transformation Programme [The Malaysian Experience] for Bangsamoro	1	20	10,538.00
2.	MTCP : Rural Transformation Programme [The Malaysian Experience] for AARDO, CIRDAP, ASEAN and SIDS Member Countries	1	32	8,010.00
3.	MTCP : Rural Development & Poverty Alleviation [The Malaysian Experience] for SLIDA	2	62	11,000
4.	ASEAN Forum on ICT for Sustainable Rural Development and Knowledge Cross-Fertilization	1	231	8,847.00
5.	Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Daerah	1	595	199,245.80

PROGRAM LATIHAN PERINGKAT ANTARABANGSA DAN MESYUARAT

INFRA sebagai sebuah institusi yang melahirkan pemimpin peringkat akar umbi telah melaksanakan program latihan dan kursus peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2015. Kursus tersebut adalah seperti berikut:

1. *Rural Transformation Programme [The Malaysian Experience] For Bangsamoro di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme [MTCP]*

Kursus ini dianjurkan oleh INFRA dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (KLN) di bawah MTCP yang disasarkan khusus kepada peserta Bangsamoro dari negara Filipina. Para peserta terdiri daripada kumpulan pelaksana dan penggubal dasar (medium level) yang terlibat secara langsung

dalam aspek pembangunan luar bandar. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai polisi, strategi serta pendekatan terbaik Malaysia dalam membangunkan kawasan luar bandar dan membasmi kemiskinan, di samping dapat berkongsi pengalaman di kalangan para peserta. Seramai 20 orang peserta mengikuti kursus ini dari 1 hingga 12 Jun 2015 di Kuala Lumpur dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM158,594.20 (peruntukan KLN dan INFRA).

2. Rural Transformation Programme (The Malaysian Experience) for AARDO, ASEAN, CIRDAP and SIDS Member Countries di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)

Kursus ini dianjurkan oleh INFRA dengan kerjasama KLN di bawah MTCP yang disasarkan khusus kepada negara-negara *African-Asian Rural Development Organization* (AARDO), ASEAN, *Centre on Integrated Rural Development for Asia and the Pacific* (CIRDAP) dan *Small Island Developing States* (SIDS). Seramai 32 orang peserta dari 18 buah negara: Lebanon, Mauritius, Zambia, Bangladesh, Egypt, Thailand, Kenya, Saint Lucia, Sri Lanka, Timor Leste, India, Pakistan, Palestin, Cambodia, Kiribati, Lao PDR, Sierra Leone dan Tuvalu telah mengikuti program tersebut yang diadakan pada 4 hingga 16 Oktober 2015 di Kuala Lumpur. Perbelanjaan keseluruhan kursus ini adalah sebanyak RM405,344.64 (peruntukan KLN dan INFRA).

3. Rural Development and Poverty Alleviation (The Malaysian Experience) for SLIDA

Kursus ini dilaksanakan oleh INFRA di atas permintaan daripada *Sri Lanka Institute of Development Administration* (SLIDA). Sebanyak dua siri kursus telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

- a) 28 Februari hingga 12 Mac 2015, Kuala Lumpur dan;
- b) 6 hingga 18 September 2015, Kuala Lumpur

Kursus ini dilaksanakan dengan tujuan supaya para peserta dapat memahami polisi, strategi dan program-program yang dilaksanakan oleh Malaysia berkaitan pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan. Selain itu, para peserta juga dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam pelaksanaan program/projek luar bandar terutamanya yang melibatkan golongan miskin seperti penambahbaikan projek, program menjana pendapatan serta pengupayaan komuniti. Keseluruhan perbelanjaan bagi kursus-kursus tersebut adalah sebanyak RM354,648.76 dengan kehadiran seramai 62 orang.

4. ASEAN Forum on ICT for Sustainable Rural Development and Knowledge Cross-Fertilization

Forum ini telah diadakan pada 24 hingga 27 Mei 2016 di Kuala Lumpur. Seramai 231 orang

peserta daripada kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, ahli akademik, para penyelidik serta pelajar *post graduate* daripada beberapa Universiti dalam dan luar negara khususnya dalam bidang teknologi maklumat telah menghadiri forum tersebut. Negara-negara terlibat adalah dari keanggotaan ASEAN+3 iaitu Cambodia, Filipina, Thailand, Myanmar, Vietnam, Indonesia, Malaysia, Korea Selatan dan Jepun serta negara lain seperti Bangladesh dan India.

Sebanyak lima pembentangan utama telah disampaikan oleh panelis jemputan daripada Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan Malaysia serta 38 buah pembentangan oleh para peserta dalam Sesi *Parallel Discussion* mengikut empat topik utama forum iaitu *Networking* dan *Social Capital Development, Training and Education, Disaster Management* serta *Entrepreneurship and Innovation*.

Selain sesi pembentangan, pameran produk-produk seperti *wireless device, gaming application*, produk-produk kosmetik dan herba serta lain-lain produk hasil keluaran Universiti Teknologi Malaysia turut diadakan. Para peserta juga berkesempatan melawat FELCRA Seberang Perak bagi meninjau teknologi penyemaian benih padi, proses pengumpulan hasil padi serta aktiviti ekonomi kecil yang diusahakan oleh komuniti FELCRA di Seberang Perak, Perak.

Perbelanjaan keseluruhan forum tersebut adalah sebanyak RM273,634.50 (peruntukan KKLW dan INFRA).

5. Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Daerah

Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Daerah telah diadakan pada 11 Mei 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Persidangan ini bertujuan sebagai platform dan *medium* untuk membincangkan isu dan masalah pelaksanaan program luar bandar di peringkat daerah, di samping dapat meningkatkan jalinan kerjasama di antara KKLW, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pejabat Setiausaha Tetap Sabah dan Sarawak, Pejabat Daerah serta Pejabat Residen seluruh negara. Persidangan ini telah dihadiri seramai 595 orang peserta dan perbelanjaan keseluruhan program adalah sebanyak RM199,245.80.

PROGRAM KHAS INFRA BAGI TAHUN 2015

ANUGERAH ILHAM DESA PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Penyampaian Anugerah Ilham Desa Peringkat Kebangsaan 2015 telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 23 Mei 2015 di Dataran Rembau, Negeri Sembilan.

- Zon 1 :** Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Perak
- Zon 2 :** Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak

Pertandingan Anugerah Ilham Desa (AID) atau dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Idea Bernas telah mula dilaksanakan pada tahun 2000. AID adalah acara tahunan yang diadakan bertujuan untuk menenteng dan meningkatkan ilham serta inovasi di kalangan masyarakat desa ke arah pembangunan komuniti selain menjadi pemangkin kemajuan desa yang lebih berdaya saing pada masa hadapan. Sehingga kini INFRA telah berjaya mencungkil sebanyak 277 projek di peringkat zon dan 49 projek lagi telah berjaya ke peringkat kebangsaan.

Mulai tahun 2014, satu kategori baharu telah diperkenalkan iaitu Kategori Inovasi Belia yang bertujuan untuk menggalakkan pembudayaan inovasi di kalangan belia dan beliawanis luar bandar. Sebanyak 16 buah kampung telah bertanding bagi Kategori Projek Ilham Desa dan lapan buah kampung lagi bertanding bagi Kategori Projek Inovasi Belia. Semua pemenang Peringkat Zon mewakili zon masing-masing ke Peringkat Kebangsaan pada tahun 2015.

Program AID ini dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu Peringkat Zon dan Peringkat Kebangsaan yang dilaksanakan secara berselang tahun. Setiap negeri dibahagikan mengikut Zon 1 dan Zon 2. Pembahagian negeri mengikut zon adalah seperti berikut:

Pada tahun 2015, sebanyak tujuh buah kampung telah berjaya terpilih ke Peringkat Kebangsaan. Keputusan pertandingan AID Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Keputusan Pertandingan Anugerah Ilham Desa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015

PEMENANG	PROJEK	KAMPUNG	HADIAH
Johan	Trak Pelbagai Guna	Kampung Batu 16 Ayer Hitam, Muar, Johor	<ul style="list-style-type: none"> • RM50,000.00 • Pakej Lawatan Ke Luar Negara • Sijil • Trofi
Naib Johan	Sabak Salai	Kampung Kundur Hulu, Rembau, Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> • RM40,000.00 • Pakej Lawatan Ke Luar Negara • Sijil • Trofi
Ketiga	Tanaman Padi Organik Kaedah 'Sri Lovely'	Kampung Lintang, Sik, Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • RM30,000.00 • Pakej Lawatan Ke Luar Negara • Sijil • Trofi
Saguhati	Ternakan Rusa	Kampung Semeling, Padang Terap, Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • RM4,000.00 • Sijil
	Sangkar Penyembelihan Mudah Alih	Kampung Batu Pahat, Kangar, Perlis	
	Mesin Penugal	Kampung Parit Kemin, Muar, Johor	
	Pengering Kelapa Chimney untuk memproses Minyak Kelapa Dara, Teknik 'Direct Micro Expelling'	Kampung Bukit Kuda, Wilayah Persekutuan Labuan	

Pelaksanaan program AID ini dapat membangunkan dan merubah sikap serta cara hidup masyarakat luar bandar ke arah budaya yang menyokong perubahan positif melalui suasana dan persekitaran yang kondusif untuk mengembangkan inovasi, penciptaan dan keusahawanan.

PERHIMPUNAN JKJK/JKPKP MALAYSIA 2015

Majlis Perhimpunan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKPKP) Seluruh Malaysia 2015 bersama YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri telah diadakan pada 3 Disember 2015 di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Objektif penganjuran program ialah untuk memperkukuhkan keupayaan JKJK dan JKPKP sebagai agen transformasi yang kompeten, berpengetahuan dan sentiasa proaktif memajukan kampung serta komunitinya selaras dengan agenda transformasi luar bandar. Perhimpunan ini merupakan strategi memperkukuhkan rangkaian kerja strategik serta responsif di antara KKLW dan desa melalui pemakluman program Kerajaan serta pencerahan isu semasa yang disampaikan kepada rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan dan mengekalkan keharmonian negara.

Perhimpunan yang julung kali diadakan ini berjaya menghimpunkan lebih 10,000 pemimpin JKJK dan JKPKP dari seluruh Malaysia. JKJK dan JKPKP dilihat sebagai benteng ampuh pertahanan negara yang menjadi tunjang kepada pembangunan kawasan luar bandar.

SEMINAR KEPIMPINAN AKAR UMBI NEGERI SARAWAK

Seminar Kepimpinan Akar Umbi Negeri Sarawak 2015 merupakan inisiatif INFRA, KKLW bersama Kerajaan Negeri Sarawak untuk memberi kefahaman terhadap konsep kepimpinan yang efisien dan berketrampilan kepada Ketua Masyarakat, Ketua Kaum dan Setiausaha JKJK. Penganjuran seminar sebanyak 11 siri merupakan *Engagement Programme* di peringkat Bahagian yang melibatkan 4,971 peserta di seluruh negeri Sarawak.

Objektif penganjuran seminar adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman

berkaitan peranan serta tanggungjawab JKJK dalam membangunkan desa dan masyarakat dengan kemahiran merancang, melaksana dan menilai keberkesanan projek pembangunan kampung. Selain itu, tujuan utama adalah untuk memberi maklumat yang tepat dan pendedahan kepada pemimpin JKJK berkaitan program semasa Kerajaan dan tatacara pelaksanaan program yang memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar. Pemimpin JKJK bertindak sebagai agen yang berkeupayaan dan menjadi akar umbi proaktif dalam memajukan masyarakat luar bandar.

PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN

Peranan Focal Point Kajian KKLW

Mesyuarat Mingguan Pengurusan Kementerian Bil. 4 Tahun 2010 pada 27 Januari 2010 dan Surat Arahan Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, bertarikh 18 Februari 2010, memutuskan peranan *focal point* kajian KKLW dipindahkan kepada INFRA yang diselaraskan oleh Bahagian Penyelidikan dan Perancangan [dahulunya dikenali sebagai Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan].

Tugas utama *Focal Point* Kajian antaranya sebagai urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian [JKIK] yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar] KKLW. JKIK ini dianggotai oleh Pegawai KKLW, Jabatan dan Agensinya termasuk wakil dari Agensi Pusat iaitu Kementerian Kewangan [MoF], Unit Perancangan Ekonomi [EPU], Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan [ICU], Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2015, sebanyak lima kali mesyuarat JKIK telah dilaksanakan oleh INFRA.

Sebagai focal point kajian, INFRA berperanan menyelaras permohonan bajet kajian yang dikemukakan oleh Agensi. Ini termasuk membuat semakan lanjut terhadap tuntutan pembayaran kajian daripada Agensi. Permohonan bajet kajian umumnya dibentangkan oleh INFRA bersama Agensi/Jabatan semasa sesi pemeriksaan bajet pembangunan di Unit Perancang Ekonomi [EPU]. Pada tahun 2015 satu kajian telah siap dilaksanakan iaitu kajian Agensi KEJORA - Kajian Revitalisasi Bandar Tenggara Mukim Ulu Sungai Johor.

Kajian INFRA-MARA: Kajian Impak Latihan Kemahiran Pastrri dan Jahitan Agensi KKLW Kepada Belia Luar Bandar

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan program latihan kemahiran Agensi KKLW kepada kumpulan sasaran dalam kalangan belia luar bandar. Sehubungan itu kajian ini mengenalpasti impak kemahiran kepada peserta kemahiran serta mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi impak latihan kemahiran. Faktor ekonomi juga dikenalpasti sama ada wujudnya hubungan dengan faktor-faktor yang memberi impak latihan kemahiran antaranya dari perspektif pendapatan, nilai kebolehpasaran, peluang kerjaya dan sikap kepada keusahawanan. Kajian ini dilaksanakan secara dalaman dengan kerjasama MARA, KEMAS, KEDA, KESEDAR dan KEJORA. Pengumpulan data kajian telah disiapkan pada tahun 2015 dan penyediaan laporan kajian akan disiapkan pada tahun 2016.

Penilaian Outcome Program Pembangunan

Pada tahun 2015, INFRA telah melaksanakan penilaian *Outcome* Program Pembangunan bertajuk Kelestarian Ilham Desa : Kajian Kes Tiga Pemenang Utama Peringkat Kebangsaan Tahun 2013. Penilaian *outcome* ini melibatkan tiga projek iaitu Projek Pelancongan Desa - Kampung Peruas, Raub, Pahang, Projek Pembuatan Baja Organik - Kg. Parit Warijo, Johor dan Projek Alat Penetasan Unggas - Kulim, Kedah.

Laporan akhir telah dibentangkan kepada Panel Penilaian *Outcome* Projek/Program Pembangunan KKLW 2015 dalam Jawatankuasa Penilaian *Outcome* [JKPO] KKLW pada 14 September 2015 di Copthorne Orchid Hotel, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

KESEDAR

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN (PPMI)

KESEDAR menerima peruntukan berjumlah RM2,000,000.00 membabitkan 569 aktiviti/program dan membelanjakan 100% jumlah peruntukan tersebut yang melibatkan Bahagian Pertanian, Wilayah Gua Musang, Wilayah Kuala Krai dan Wilayah Jeli.

Program Pembangunan Modal Insan (PPMI)

Bil	Nama Projek	Peruntukan [RM]	Belanja [RM]	Peratus Belanja [%]	Bil. Aktiviti / Program	Impak [Peserta]
1.	Pembangunan Kekeluargaan & Keibubapaan	655,400.00	655,400.00	100	265	42175
2.	Pembangunan Institusi	564,000.00	564,000.00	100	157	34563
3.	Pembangunan Belia & Beliawanis	267,600.00	267,600.00	100	58	8740
4.	Pendidikan Dewasa	513,000.00	513,000.00	100	89	11972
JUMLAH		2,000,000.00	2,000,000.00	100	569	97,450



Acara Sepak Takraw Bersama Penduduk Kampung



Pertandingan Gubahan

KEDA

PROGRAM PEMBANGUNAN MINDA

Peruntukan Diterima : RM500,000.00
 Jumlah Perbelanjaan : RM466,314.20 (93.26%)

Pengenalan

Program ini telah mula dilaksanakan dalam RMKe-8 di bawah SPKR dan di bawah RMKe-10 program ini diteruskan pelaksanaannya bertujuan membangunkan minda dan sikap kumpulan sasaran.

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasaran mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Matlamatnya ialah untuk membangunkan minda dan sikap kumpulan sasaran supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, pendidikan, kemahiran serta pendapatan keluarga.

Skop Projek

- Skop Kendiri
- Skop Minda – membebaskan minda yang terkongkong-Memahami Minda
- Skop Minda - membebaskan minda yang terkongkong-Mengubah Minda
- Skop Ekonomi
- Skop Kesihatan
- Skop Pembangunan Sivik

Kadar Bantuan

Kos maksimum per peserta bagi setiap kursus adalah RM1,500 yang meliputi kos pengurusan, bayaran perkhidmatan, penginapan, makan minum, peralatan, pengangkutan, logistik, lawatan sambil belajar dan elaun hilang pendapatan.

Kaedah Pelaksanaan

Perancangan Latihan/Kursus

- Agensi pelaksana hendaklah merancang jenis-jenis kursus di bawah PPMI yang akan diadakan. Perancangan pelaksanaan kursus-kursus hendaklah mencakupi semua skop dan kurikulum teras serta meliputi semua peringkat kumpulan sasaran.

Pemilihan Pengendali Kursus

- Memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada dalam kalangan anggota perkhidmatan awam/Agensi Kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan yang mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan / ceramah atau mengendalikan kursus / latihan yang diperlukan.
- Adalah menjadi dasar Kementerian supaya pengendalian kursus-kursus di bawah PPMI dikendalikan oleh syarikat-syarikat pengendali kursus yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- Agensi Pelaksana dikehendaki menguruskan pelantikan syarikat-syarikat pengendali kursus bagi melaksanakan kursus-kursus di bawah PPMI mengikut kandungan kursus yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati perlu diubahsuai sesetengah kandungan kursus, Agensi Pelaksana bolehlah memohon kelulusan daripada KKLW.
- Pelantikan syarikat-syarikat pengendali kursus hendaklah dibuat mengikut tatacara perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
- Bagi setiap pelantikan, Agensi Pelaksana diminta mengeluarkan Surat Setuju Terima dan meminta syarikat yang dilantik menandatangani. Di samping itu, kedua-dua pihak, iaitu Agensi Pelaksana dan syarikat yang dilantik.

Logistik

Agensi Pelaksana juga adalah bertanggungjawab untuk menguruskan perkara-perkara berikut:

- Pemilihan tempat kursus.
- Pengumpulan dan pengangkutan peserta ke tempat kursus dan balik ke rumah.
- Penyediaan penginapan, makan-minum dan elaun hilang pendapatan peserta mengikut kadar semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan semasa kursus.

Bil	Daerah	Bil Kursus/Aktiviti	Perbelanjaan (RM)	Bilangan Manfaat
1	Padang Terap	2	62,150.00	125
2	Kota Setar	2	41,480.00	80
3	Pokok Sena/Pendang	2	64,600.00	160
4	Sik	3	51,147.00	330
5	Baling	3	63,450.00	155
6	Kulim	2	59,550.00	140
7	Kuala Muda/Yan	3	46,730.00	325
8	Kubang Pasu	1	12,207.23	80
9	Bandar Baharu	4	98,685.77	325
Jumlah		22	500,000.00	1,720



Kursus Pemantapan Jati Diri Keluarga



Kursus Perubahan Sikap dan Kecemerlangan Keluarga



Aktiviti Riadah



Tazkirah Pagi



Latihan Dalam Kumpulan

PROGRAM MENTOR-MENTI

Peruntukan Diterima : RM60,000.00
 Jumlah Perbelanjaan : RM42,140.00 [70.23%]

Pengenalan

Kampung mentor dan menti mendapat perkongsian maklumat untuk melahirkan institusi kepimpinan yang amanah, berdikari dan cekap.

Tujuannya adalah untuk menggalak dan meningkatkan keupayaan JKKK untuk melahirkan kampung yang terurus, membangun dan sejahtera.

Kampung Mentor :

- Kampung Pering, Kubang Pasu, Kedah
- Kampung Padang Lalang, Langkawi, Kedah

Kampung Menti :

- Pering :
 - Kampung Natoi
 - Kampung Bukit
 - Kampung Kangar
 - Kampung Changhai
- Langkawi :
 - Kampung Kubang Badak
 - Kampung Kok
 - Kampung Kuala Teriang
 - Kampung Sungai Menghulu
 - Kampung Bukit Temin



Lawatan Integrasi Menti Ke Kampung Mentor Di Langkawi Pada 12 September 2015

PROGRAM PENINGKATAN IMEJ MINI RTC TAHUN 2015

Peruntukan Diterima : RM72,900.00
 Jumlah Perbelanjaan : RM72,900.00 [100%]

Pengenalan

- Untuk membina tapak tiang bendera kepada 10 buah Mini RTC Kedah kategori Daerah.
- Membina papan tanda arah kepada 31 buah Mini RTC Kedah.
- Membekalkan bendera Malaysia dan bendera Kedah kepada 31 buah Mini RTC Kedah.

Senarai Mini RTC Kedah

1. Sungai Itau	6. Bukit Lada	11. Bendang Man
2. Pekan Naka	7. Pengurus Mini RTC Batu 13	12. Gulau
3. Bukit Kura	8. Seberang Kota	13. Jelutong
4. Pasir Putih	9. Sungai Tiang	14. Ulu Bakai
5. Tanjong Setol	10. Sungai Semiar	15. Ulu Legong

16. Keledang	22. Nagalilit	28. Bemban
17. Teluk Teduri	23. Bukit Tukang Jusoh	29. Sungai Salleh
18. Padang Dan	24. Singkir Laut	30. Sungai Tengas
19. FB Weng	25. Bujang	31. Paya Semambu
20. Bagan Sena	26. Padang Lumat	
21. Dingin	27. Padang Gelanggang	

PROGRAM MINI RTC FASA 1 NEGERI KEDAH TAHUN 2015

Peruntukan Diterima : RM155,000.00
 Jumlah Perbelanjaan : RM155,000.00 [100%]

Seramai 6,052 orang sebagai penerima manfaat daripada 150 aktiviti yang dijalankan.

Pengenalan

Melaksanakan aktiviti dan program yang melibatkan :

- latihan kemahiran kampung,
- latihan kemahiran ICT,
- kolaborasi,
- karnival dan;
- untuk kumpulan sasar yg berdekatan dengan Mini RTC tidak mengira usia mahupun jantina.

PERUNTUKAN ELAUN JKKK KEDAH

Peruntukan Diterima : RM21,024,900.00
 Jumlah Perbelanjaan : RM21,024,900.00 [100%]



Majlis Silaturahmi Menteri KKLW bersama JKKK Kedah Untuk Pembayaran Sesi Julai-Ogos 2015 di TH Hotel pada 13 Ogos 2015



Majlis Penyerahan Elaun Pengerusi dan Setiausaha JKKK Kedah Mengikut Parlimen untuk Sesi September – Disember 2015

KETENGAH

Program pembangunan modal insan di Wilayah KETENGAH bagi tahun 2015 telah diluluskan peruntukan sebanyak RM1,130,000.00 bagi melaksanakan program Gerakan Daya Wawasan, Program Penguatan Pembelajaran Kemasyarakatan Penduduk di Wilayah KETENGAH dan juga Program Pembangunan Institusi

Tempatan & Keluarga. Melalui program ini, pelbagai aktiviti kemasyarakatan dapat dilaksanakan melibatkan masyarakat luar bandar termasuk pengendalian kursus kepimpinan kepada Pemimpin Masyarakat setempat. Prestasi perbelanjaan program seperti di bawah :

Prestasi Perbelanjaan Program bagi tahun 2015

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan (%)
1.	Program Gerakan Daya Wawasan Wilayah KETENGAH	500,000.00	500,000.00	100
2.	Program Penguatan Pembelajaran Kemasyarakatan Penduduk Wilayah KETENGAH	380,000.00	380,000.00	100
3.	Program Pembangunan Institusi Tempatan & Keluarga Wilayah KETENGAH	250,000.00	250,000.00	100
JUMLAH		1,130,000.00	1,130,000.00	100



Gambar 1-2 : Program ADS1M peringkat Wilayah KETENGAH

Gambar 3 : Program Tanaman Cendawan di bawah Program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK)

Gambar 4 : Program Homestay GDW dalam Wilayah KETENGAH

KEJORA

Seiring pembangunan fizikal yang giat dilaksanakan, aspek pembangunan modal insan turut menjadi agenda utama dalam pembangunan di Wilayah Johor Tenggara ini. Program pembangunan modal insan ini juga merupakan salah satu mekanisme yang digunakan oleh pihak KEJORA untuk menggerakkan

aktiviti kemasyarakatan dengan menyemai semangat perpaduan dan bersatu padu dalam merencana aktiviti sosial di wilayah ini. Bagi tahun 2015, peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM2,250,000.00 yang disalurkan kepada program-program seperti berikut:

Bil	Projek	Peruntukan (RM)
A Program Pembangunan Sosial dan Institusi		
	Program aktiviti JKKMB / JPKT	700,000.00
	Program aktiviti Gerakan Daya Wawasan	300,000.00
	Program Latihan AJK Gerakan Daya Wawasan	150,000.00
	Program Pembangunan Individu	100,000.00
	Program Pembangunan Masyarakat	200,000.00
	Program Kemahiran Belia Luar Bandar	200,000.00
Jumlah		1,650,000.00

B	Program Pembangunan Pendidikan	
	Program Gerak Gempur	200,000.00
	Program Jelajah Kecemerlangan	200,000.00
	Program Khidmat Sosial Pendidikan	100,000.00
	Program <i>i-Care</i>	100,000.00
	Jumlah	600,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	2,250,000.00



Seminar Pemerkasaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung [JKKK] Dan Penggerak GDW 3.0 Wilayah KEJORA 2015



RISDA

Modal insan juga menjadi tumpuan fokus kepada RISDA. Dalam memastikan modal insan pekebun kecil luar bandar ditingkatkan, Program Khidmat Pengembangan diteruskan pada tahun 2015. Tujuan program ini diteruskan adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik [GAP] dalam kalangan pekebun kecil supaya dapat membangunkan kebun mereka dengan jayanya. Hasilnya kebun mereka dapat mencapai tempoh matang 4 ½ tahun untuk getah dan 2 ½ tahun untuk sawit. Selain ianya dapat meningkatkan produktiviti kepada 1,800 kg/ha/thn [getah] dan 18 MT/ha/thn untuk sawit menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2015, RISDA telah membelanjakan sejumlah RM5,300,000 untuk program ini melibatkan aktiviti Learning Day, Pemantapan GAP, Kasih Pekebun Kecil dan Kampung Pengembangan.

Program Pembangunan Institusi Pekebun Kecil turut dilaksanakan oleh RISDA dalam memastikan modal insan pekebun kecil terjamin. Program ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan pekebun kecil dan Ahli Isi Rumah [AIR] dalam aktiviti-aktiviti institusi seperti Koperasi Pekebun Kecil [KPK] dan Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil [PWPK]. Sejumlah RM3,000,000 diperuntukan di bawah program ini dan sebanyak 64 buah koperasi dapat dibangunkan dengan keahlian seramai 173,308 orang dengan jumlah saham terkumpul sebanyak RM45,832,392.94.

Pergerakan Wanita Pekebun Kecil [PWPK] ditubuhkan bertujuan melatih dan membimbing wanita pekebun kecil dalam membentuk keluarga pekebun kecil yang sejahtera melalui aktiviti pendidikan, khidmat masyarakat, keagamaan, ekonomi, sukan dan kebudayaan. Kaedah latihan adalah berbentuk seminar,

bengkel, kursus jangka pendek, konvensyen dan lain-lain. Setakat ini terdapat sebanyak 820 buah PWPK dengan keahlian seramai 14,536 di seluruh negara.

Sebanyak 9,368 aktiviti telah dijalankan pada tahun 2015 yang melibatkan penyertaan seramai 107,520 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM1,469,700.

Aktiviti Pergerakan Wanita Pekebun Kecil [PWPK]

Bil	Negeri	Aktiviti	Peserta
1	SABAH	71	695
2	MELAKA	617	4,256
3	SELANGOR	1,263	15,451
4	PERLIS	8	854
5	PAHANG	1,134	18,063
6	TERENGGANU	1,148	8,434
7	N.SEBILAN	159	3,091
8	KELANTAN	1,063	10,867
9	KEDAH	1,382	12,868
10	SARAWAK	137	2,501
11	PERAK	979	9,870
12	JOHOR	1,311	19,994
13	P.PINANG	96	576
	JUMLAH	9,368	107,520

Seterusnya, RISDA turut memainkan peranan dalam meningkatkan tahap pendidikan anak-anak pekebun kecil luar bandar dengan melaksanakan program Tuisyen Desa. Melalui program ini anak-anak pekebun kecil berpeluang untuk mendapat sesi pembelajaran yang lebih terancang dan sempurna. Program ini khas bagi pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran

Malaysia [SPM] dengan mengadakan kelas tambahan bagi lima mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Pada tahun 2015, sebanyak 194 buah pusat tuisyen telah ditubuhkan melibatkan seramai 1,496 orang pelajar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2,425,000.00.

Perlaksanaan Program Tuisyen Desa Mengikut Negeri 2015

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)	Bil Pusat Tuisyen	Bilangan Guru	Bilangan Pelajar
1	TERENGGANU	175,000.00	14	70	217
2	PAHANG	250,000.00	20	100	300
3	KEDAH	275,000.00	22	110	330
4	N.SEBILAN	162,500.00	13	65	195
5	SELANGOR	62,500.00	5	25	75
6	PERAK	275,000.00	22	110	330

7	JOHOR	362,500.00	29	145	441
8	SABAH	212,500.00	17	85	255
9	KELANTAN	237,500.00	19	95	287
10	MELAKA	50,000.00	4	20	73
11	SARAWAK	275,000.00	22	104	353
12	P. PINANG	50,000.00	4	20	60
13	PERLIS	37,500.00	3	15	45
JUMLAH		2,425,000.00	194	964	2,961

JAKOA

Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan JAKOA

Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan JAKOA bertanggungjawab dalam menguruskan pelbagai aktiviti yang melibatkan kemajuan pendidikan Orang Asli, Program Pembangunan Modal Insan Orang Asli, Program Peningkatan Latihan dan Kemahiran Orang Asli serta menyediakan bantuan kebajikan perubatan kepada masyarakat Orang Asli melalui kerjasama dua hala dengan agensi luar yang berkepentingan. Bahagian ini terdiri daripada 2 Seksyen utama iaitu Seksyen Pembangunan Modal Insan dan Seksyen Latihan dan Kebajikan Orang Asli.

Seksyen Pembangunan Modal Insan berperanan membuka peluang dan memajukan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli bermula dari peringkat Pra Sekolah sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam mahupun di luar negara. Di samping itu, Seksyen Pembangunan Modal Insan turut memainkan peranan dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli melalui pendidikan non-formal serta memperkasa Institusi Sosial Orang Asli seperti Institusi Tok Batin dan JKKK Orang Asli.

Seksyen Latihan dan Kebajikan pula berperanan dalam usaha meningkatkan pembangunan minda, meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan nilai-nilai positif di dalam diri dengan cara memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli melalui kursus-kursus, latihan kemahiran dan kerjaya bagi mencetuskan anjakan paradigma seiring dengan

perkembangan arus perdana negara. Di samping itu, Seksyen ini turut memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran kesihatan masyarakat Orang Asli melalui program yang komprehensif dan penyediaan bantuan Kebajikan Am serta Kebajikan Perubatan kepada masyarakat orang Asli.

Hala tuju ini turut dijayakan dan diusahakan melalui program-program utama yang dilaksanakan oleh bahagian ini iaitu :

- Program Pengajian Tinggi
- Program Pendidikan Formal dan Non-Formal
- Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
- Program Peningkatan Profesionalisme Tok Batin dan JKKK Orang Asli
- Program Jalinan Mesra/KOSPEN

Pencapaian Tahun 2015

Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan telah menerima peruntukan sebanyak RM65,775,200.00. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut Dasar Sedia Ada, Program Khusus, Dasar *One-Off*, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat [KKLW], Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus di bawah *Rolling Plan III* [EPU] adalah seperti berikut:

Dasar Sedia Ada, Program Khusus, Dasar *One-Off*, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat [KKLW], Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus di bawah *Rolling Plan III* [EPU]

Bil	Perkara	Peruntukan [RM]	Perbelanjaan [RM]	Peratus [%]
1	Dasar Sedia Ada	4,938,000.00	4,393,561.87	88.97%
2	Program Khusus Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli	46,327,200.00	46,271,642.08	99.88%
3	Dasar <i>One-Off</i> - KEDAP	6,000,000.00	5,021,391.57	83.69%
4	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat [KKLW]	3,500,000.00	2,991,169.45	85.46%
5	Program Peningkatan Kapasiti & Kapabiliti Kumpulan Khusus di bawah <i>Rolling Plan III</i> [EPU]	5,010,000.00	4,876,864.35	97.34%
Jumlah		65,775,200.00	63,554,629.32	96.62%

Seksyen Modal Insan

Seksyen Modal Insan dibahagikan kepada 3 unit iaitu :

- Unit Pengajian Tinggi
- Unit Pendidikan
- Unit Pembangunan Komuniti

1. Unit Pengajian Tinggi

Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Biasiswa)

Pada tahun 2015, unit ini telah merekodkan seramai 806 pelajar Orang Asli baru yang sedang menuntut di universiti awam dalam pelbagai bidang. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak RM4,321,000.00 telah diperuntukkan bagi menampung kos biasiswa kepada pelajar-pelajar Orang Asli melibatkan seramai 354 orang pelajar baru dan 452 orang pelajar lama yang sedang menuntut.

Bilangan Pelajar Orang Asli yang Baru, Sedang Menuntut dan Tamat di Universiti Awam

Bil	Program Pengajian	Baru	Sedang Menuntut	Tamat
1	Matrikulasi	1	0	17
2	Asasi	5	0	9
3	Sijil	43	1	35
4	Pra-Diploma	54	0	38
5	Diploma	141	292	118
6	Ijazah Sarjana Muda	110	159	80
Jumlah		354	452	296

** Data tidak termasuk pelajar IPTS, pelajar luar negara dan institusi di bawah Kerajaan Negeri.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah Unit Pengajian Tinggi sepanjang tahun 2015 meliputi perkara-perkara berikut:

Program Halatuju Pelajar Lepasan SPM dan STPM

Program ini telah diadakan pada 31 Mac hingga 3 April 2015 bertempat di Nouvelle Hotel, Serdang. Program ini melibatkan seramai 450 orang pelajar Orang Asli lepasan SPM dan STPM tahun 2014 di seluruh Malaysia dan telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKOA YBhg. Dato' Hasnan Bin Hassan. Objektif utama program ini adalah untuk memberi penerangan berkaitan hala tuju pendidikan pelajar selepas tamat SPM dan STPM. Pihak universiti awam seperti UiTM, UTHM dan UniMap dijemput bagi memberi penerangan berkaitan dengan program-program pengajian yang ditawarkan di universiti awam.



Program Halatuju Pelajar Lepasan SPM Dan STPM

Program Motivasi Pelajar 2.0

Program ini telah diadakan di A'Famosa Resort pada 6 hingga 8 Ogos 2015 dengan melibatkan seramai 80 orang pelajar Orang Asli yang sedang menuntut di universiti awam seluruh Malaysia. Program ini bertujuan untuk mengumpulkan pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) di bawah 2.0 bagi memberikan suntikan motivasi serta mewujudkan peluang kepada para pelajar untuk mengenali pelajar-pelajar dari masyarakat Orang Asli yang menuntut di universiti awam.



Program Motivasi Pelajar 2.0

Program Perjumpaan Pelajar Universiti Awam Kemasukan Tahun 2015 Peringkat Diploma dan Ijazah serta Penyerahan Sumbangan Komputer Riba

Program ini telah diadakan pada 18 hingga 20 November 2015 bertempat di A'Famosa Resort, Melaka. Program ini melibatkan seramai 124 orang pelajar Orang Asli yang baru mendaftar ke universiti awam bagi sesi kemasukan tahun 2015. Program ini adalah bertujuan bagi memberi penerangan berkaitan bantuan pendidikan yang disediakan oleh JAKOA kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di universiti awam. Sumbangan komputer riba juga turut disampaikan pada Majlis Makan Malam bersama Timbalan Ketua Pengarah [Perancangan dan Pengurusan] JAKOA.



Program Perjumpaan Pelajar Universiti Awam Kemasukan Tahun 2015 Peringkat Diploma Dan Ijazah Dan Penyerahan Sumbangan Komputer Riba

Program Ramah Mesra YB Menteri KKLW Bersama Pelajar Orang Asli Program Ijazah Luar Negara (PILN) Tahun 2015

Program ini telah diadakan pada 11 September 2015 bertempat di Dewan Serbaguna KKLW. Program yang telah dirasmikan oleh YB Menteri KKLW Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob bertujuan bagi meraikan seramai sembilan orang pelajar Orang Asli yang telah berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke United Kingdom, tiga orang pelajar ke Australia, seorang pelajar telah berlepas ke Amerika Syarikat dan seorang lagi ke Rusia.

Program Penghantaran Dan Pemantauan Pelajar Orang Asli Program Ijazah Luar Negara (PILN)

Pada tahun 2015, seramai 14 orang pelajar Orang Asli telah berjaya melanjutkan pengajian ke universiti luar negara. Dari jumlah tersebut, seramai tiga orang pelajar telah berjaya melanjutkan pengajian di Australia, seorang di Amerika Syarikat, seorang di Rusia manakala sembilan orang lagi pelajar di United Kingdom. Kesemua mereka telah berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam pelbagai jurusan. Penghantaran pelajar ke Australia telah diadakan pada 26 Julai hingga 1 Ogos 2015 dengan diiringi Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan serta Pegawai JAKOA sementara penghantaran pelajar ke United Kingdom pula telah diadakan pada 12 hingga 20 September 2015 dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAKOA serta Pegawai yang dipertanggungjawabkan.



Program Penghantaran dan Pemantauan Pelajar Orang Asli Program Ijazah Luar Negara (PILN)

2. Unit Pendidikan Formal (Persekolahan)

Unit Pendidikan Formal telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus pengumpulan data, pemantauan dan pelaksanaan program pendidikan yang memberi impak positif dalam pembangunan pendidikan anak-anak Orang Asli di peringkat persekolahan.

Enrolmen Pelajar Orang Asli Mengikut Peringkat Persekolahan

Bil	Negeri	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah		Jumlah Keseluruhan Pelajar
		Bil Sekolah	Jumlah Pelajar	Bil Sekolah	Jumlah Pelajar	
1	Johor	176	2,133	139	1,387	3,520
2	Kelantan	14	2,778	16	1,147	3,925
3	Terengganu	6	185	7	75	260
4	Negeri Sembilan	72	1,356	49	718	2,074
5	Melaka	39	267	26	189	456
6	Perak	85	7,354	50	4,087	11,441
7	Kedah	3	32	3	12	44
8	Pahang	207	11,340	129	4,779	16,119
9	Selangor	91	2,634	55	1,251	3,885
Jumlah		693	28,079	474	13,645	41,724

Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Orang Asli (MAPCOA) Tahun 2014

Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Orang Asli (MAPCOA) Tahun 2014 merupakan salah satu insentif JAKOA untuk memberi galakan dan penghargaan kepada pelajar-pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang di dalam UPSR, PT3, SPM dan STPM Tahun 2014. Majlis ini telah diadakan pada 16 April 2015 bertempat di Nouvelle Hotel, Seri Kembangan, Selangor. Seramai 128 orang pelajar Orang Asli cemerlang telah menghadiri majlis ini.



Majlis Anugerah Pelajar Orang Asli Cemerlang Tahun 2014

Jumlah pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Awam Tahun 2014

Bil	Peperiksaan	Jumlah Calon	Jumlah Pelajar Hadir	Jumlah Pelajar Lulus	Jumlah Pelajar Cemerlang
1	Ujian Penilaian Sekolah Rendah	4,292	3,494	2,244	45
2	Pentaksiran Tingkatan Tiga	2,191	1,900	815	37
3	Sijil Pelajaran Malaysia	1,635	1,521	1,320	28
4	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia	55	53	47	18
Jumlah		8,175	6,968	4,462	128

Misi Bantuan Kebajikan Pendidikan bagi Mangsa Banjir

Pada penghujung Disember 2014, negara telah dikejutkan dengan bencana banjir besar di Kelantan. Antara kawasan yang terjejas teruk termasuklah Daerah Kuala Krai dan Gua Musang, Kelantan. Justeru itu, pada 23 hingga 29 Januari 2015, JAKOA melalui Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan telah mengambil inisiatif dan langkah proaktif untuk memastikan tiada keciciran berlaku dalam kalangan pelajar Orang Asli untuk ke sekolah bagi sesi persekolahan tahun 2015. Antaranya termasuklah menyalurkan bantuan kebajikan berupa kelengkapan pakaian seragam dan kelengkapan asrama untuk pelajar Orang Asli yang terlibat dengan bencana banjir. Penyaluran bantuan ini secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada 2,628 orang murid Orang Asli di Daerah Gua Musang, Kelantan.



Misi Bantuan Kebajikan Pendidikan Bagi Mangsa Banjir

Program SAHABAT Petrosains

Program SAHABAT Petrosains merupakan program yang bertujuan memberi pendedahan terhadap konsep sains dalam kehidupan seharian kepada Pelajar Orang Asli khususnya pelajar di sekolah yang mempunyai 100% Orang Asli dan seterusnya meningkatkan pengetahuan dalam ilmu sains. Pada 13 hingga 17 Mei 2015, Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang, Hulu Perak telah dipilih sebagai destinasi ke-13 pelaksanaan program SAHABAT ini. Pelaksanaan Program ini melibatkan seramai 70 murid Orang Asli dari Suku Kaum Jahai dan 10 murid Orang Asli dari Suku Kaum Kensiu.

3. Unit Pendidikan Non-Formal

Unit Pendidikan Non-Formal telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengumpulan data, pemantauan dan pelaksanaan program bagi pusat pendidikan non-formal merangkumi TABIKA, TASKA dan Pusat Penggalak Pembaca.

Sehingga Disember 2015, unit ini merekodkan jumlah pusat pendidikan non-formal yang menempatkan kanak-kanak Orang Asli adalah sebanyak 271 buah TABIKA, 10 buah TASKA dan 22 buah Pusat Penggalak Pembaca. Manakala jumlah enrolmen kanak-kanak Orang Asli berumur antara 3 hingga 6 tahun adalah berjumlah 5,545 orang di TABIKA, 146 orang di TASKA dan 376 orang di Pusat Penggalak Pembaca. Pembantu Pemaju Masyarakat [PPM,N1] lantikan JAKOA adalah seramai 271 orang manakala Ibu Penggalak Pembaca seramai 27 orang.

Data Maklumat TABIKA, TASKA, 3P dan KEDAP - JAKOA

Bil	Kelas	Bil Kelas	Tenaga Pengajar		Pelajar		Jumlah Pelajar
			Guru	PPM	Lelaki	Perempuan	
1	Tabika	271	271	271	2,736	2,809	5,545
2	Taska	10	27	27	78	68	146
3	3P	22	64	N/A	185	191	376
4	KEDAP	139	139	N/A	1,459	2,711	4,170

Program Kelas Dewasa Asli Pribumi [KEDAP]

Pada tahun 2015, JAKOA telah diperuntukkan oleh *Government Transformation Programme* [GTP], NKRA sebanyak RM6 juta bagi melaksanakan Program KEDAP-JAKOA. Jumlah peruntukan ini telah berkurang sebanyak 6.25% berbanding tahun 2014 iaitu RM6.4 juta. Objektif Kelas KEDAP-JAKOA adalah untuk mengurangkan keciciran melalui penurunan kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang berumur 21 tahun ke atas. Modul pembelajaran Kelas KEDAP-JAKOA ini menggunakan teknik Andragogi dan Pedagogi yang dilaksanakan oleh KPM dan Modul LEADS yang telah dilaksanakan oleh KEMAS. Sebanyak 139 kelas KEDAP-JAKOA telah dilaksanakan pada tahun 2015 di perkampungan Orang Asli terpilih berbanding 136 kelas pada tahun 2014 sementara penglibatan peserta Orang Asli meningkat kepada 4,170 orang berbanding seramai 3,999 orang pada tahun 2014.

Agihan Peruntukan Program KEDAP-JAKOA RM6.0 juta kepada JAKOA Negeri tahun 2015



- 1 ELAUN PELAJAR
- 2 ELAUN GURU
- 3 UNIFORM
- 4 ALAT BANTU MENGAJAR
- 5 LAWATAN PENDIDIKAN
- 6 MAJLIS GRADUASI
- 7 KAJIAN KEBERKESANAN



Program Kelas Dewasa Asli Pribumi [KEDAP]

4. Unit Pembangunan Komuniti

Pada akhir tahun 2014, unit yang dahulunya diberi nama Unit Tok Batin dan JKKK Orang Asli yang bertanggungjawab kepada urusan-urusan Penyeliaan, Perlantikan serta Penamatan Tok Batin dan JKKK Orang Asli telah diberi penjenamaan semula kepada Unit Pembangunan Komuniti. Fungsi Unit ini juga telah diletakkan sepenuhnya di bawah Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan bagi memastikan aspirasi utama jabatan dalam aspek

Pembangunan Modal Insan Orang Asli menjadi lebih mampan.

Pada tahun 2015, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM4,296,000.00 bagi tujuan pembayaran Elaun Tok Batin kepada 576 Tok Batin yang telah dilantik sementara sebanyak RM5,846,400.00 bagi pembayaran elaun kepada JKKK Orang Asli yang aktif pada tahun 2015.

Data Maklumat Tok Batin dan JKKK Orang Asli

Bil	Negeri	Tok Batin / Penghulu			JKKK Orang Asli		
		Jumlah Perjawatan	Diisi	Kosong	Jumlah Perjawatan	Aktif	Tidak Aktif
1	Pahang	211	205	6	71	61	10
2	Perak & Kedah	186	171	15	51	48	3
3	Kelantan & Terengganu	50	48	2	17	17	0
4	Selangor & Wilayah Persekutuan	55	55	0	53	48	5
5	Negeri Sembilan & Melaka	57	54	3	31	29	2
6	Johor	47	43	4	26	25	1
Jumlah		606	576	30	249	228	21

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah Unit Pembangunan Komuniti sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut :

Majlis Ramah Mesra Tok Batin dan JKKK Orang Asli bersama YB Menteri KKLW

Bagi memastikan kerjasama yang mantap di antara Institusi Tok Batin dan JKKK Orang Asli dengan Institusi Kerajaan dari peringkat Daerah hingga ke Persekutuan, satu Majlis Ramah Mesra Tok-Tok Batin dan JKKK Orang Asli Bersama YB Menteri KKLW telah

dilaksanakan. Program ini telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 November 2015 dengan penglibatan seramai 550 peserta dari kalangan Tok Batin dan JKKK Orang Asli di Nouvelle Hotel, Seri Kembangan, Selangor.



Majlis Ramah Mesra Batin dan JKKK Orang Asli bersama YB Menteri KKLW

Seksyen Latihan dan Kebajikan

Seksyen Latihan dan Kebajikan telah memainkan peranan dengan membangkitkan kesedaran dan perubahan sikap masyarakat Orang Asli ke arah cara berfikir yang lebih positif melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti berikut :

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Program ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan masyarakat Orang Asli mengikuti kursus-kursus latihan jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran

asas MLVK [Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2 dan 3] serta Sijil Profesional Khas. JAKOA telah menerima peruntukan sebanyak RM8.510 juta daripada dua Agensi iaitu, RM5.010 juta disalurkan oleh EPU di bawah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus manakala sebanyak RM3.5 juta pula disalurkan oleh KKLW menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat [SPKR]. Jumlah ini melibatkan agihan kepada PLKK sebanyak RM2.5 juta, Program Pembangunan Modal Insan sebanyak RM500,000 dan Program Kecemerlangan Pelajar sebanyak RM500,000.

Bidang-bidang Kursus Kemahiran

Bil	Projek / Kursus	Skm I	Skm li	Skm lii	Sijil Khas	Peruntukan	Jumlah Peserta	Tempoh Kursus [Bulan]	Tarikh Kontrak		Pengendali Kursus	Lokasi Latihan
									Mula	Tamat		
1	Airbrush Skm li		•			EPU	10	3	01-Apr-15	30-Jun-15	Millennium Hair Care & Beauty Academy	Selangor
2	Pengemas Bilik				•	SPKR	50	3	01-Apr-15	30-Jun-15	Saf Academy	Johor
3	Peruncitan				•	EPU	50	3	01-Apr-15	30-Jun-15	Redha Resq Training Consultancy	Kedah
4	Prime Mover				•	SPKR	30	3	01-Apr-15	30-Jun-15	Plomo Sdn Bhd	Selangor
5	Pengawal Keselamatan				•	EPU	30	3	01-Apr-15	30-Jun-15	Elite Pro Provate Resources	Selangor
6	Equestrian	•				EPU	20	6	01-Apr-15	30-Sept-15	Excellent Academy	Selangor
7	Pembuatan Pastrri Skm li		•			EPU	20	6	01-Apr-15	30-Sept-15	Suzimie Culinary	K. Lumpur
8	Fitter [Pemasangan] Oil & Gas	•				SPKR	10	6	01-Apr-15	31-Okt-15	Imbasan Nilai Sdn Bhd	Terengganu
9	Green Keeper	•				EPU	20	3	01-Ogos-15	31-Okt-15	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
10	Jurudandan Rambut Skm I	•				EPU	20	6	01-Apr-15	31-Okt-15	Millennium Hair Care & Beauty Academy	Selangor
11	Jurudandan Rambut Skm li		•			EPU	20	6	01-Apr-15	31-Okt-15	Millennium Hair Care & Beauty Academy	Selangor
12	Kargo	•				EPU	15	6	01-Apr-15	31-Okt-15	Excellent Academy	Selangor
13	'Operasi' Front Office	•				EPU	50	3	01-Ogos-15	31-Okt-15	Saf Academy	Johor
14	Pemandu Pelancong				•	EPU	20	3	01-Ogos-15	31-Okt-15	Excellent Academy	Selangor
15	Pengawal Keselamatan - Lanjutan				•	EPU	30	3	01-Ogos-15	31-Okt-15	Elite Pro Provate Resources	Selangor
16	Prime Mover - Lanjutan				•	EPU	30	3	01-Ogos-15	31-Okt-15	Plomo Sdn Bhd	Selangor
17	Rigger				•	EPU	30	3	01-Ogos-15	31-Okt-15	Heritage Training Centre	N. Sembilan
18	Asuhan Kanak-Kanak Skm lii			•		EPU	20	9	01-Apr-15	31-Dis-15	Ibnu Hayyan Education Group	K. Lumpur

Bil	Projek / Kursus	Skm I	Skm li	Skm lii	Sijil Khas	Peruntukan	Jumlah Peserta	Tempoh Kursus [Bulan]	Tarikh Kontrak		Pengendali Kursus	Lokasi Latihan
									Mula	Tamat		
19	Barber Skm li		●			EPU	10	9	01-Apr-15	31-Dis-15	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
20	Buggy Mechanic Skm li		●			EPU	10	9	01-Apr-15	31-Dis-15	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
21	Front Liner	●				EPU	20	6	01-Ogos-15	31-Dis-15	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
22	Juruelektrik Rendah Kanan Skm li		●			SPKR	30	10	01-Apr-15	31-Dis-15	Heritage Training Centre	N. Sembilan
23	Jurukecantikan Skm I & li		●			EPU	20	10	01-Apr-15	31-Dis-15	La Joise Industries [M] Sdn Bhd	Selangor
24	Jurukimpal Arka Logam Skm li		●			SPKR	10	10	01-Apr-15	31-Dis-15	Vocational Education Training Academy	Selangor
25	Juruteknik Kenderaan Bermotor Skm 1 [Automotif]	●				EPU	30	6	01-Ogos-15	31-Dis-15	Sayong Didik	Johor
26	Juruteknik Motosikal Skm li		●			EPU	20	9	01-Apr-15	31-Dis-15	Akademi Morsa	Selangor
27	Juruterapi Spa Kanan Skm lii			●		EPU	30	10	01-Apr-15	31-Dis-15	La Joise Industries [M] Sdn Bhd	Selangor
28	Kedi [Golfer Assistant] Skm li		●			EPU	30	9	01-Apr-15	31-Dis-15	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
29	Kerani Tempahan Tiket Skm li		●			SPKR	30	10	01-Apr-15	31-Dis-15	Excellent Academy	Selangor
30	Mekatronik	●				EPU	20	6	01-Ogos-15	31-Dis-15	Upskills Academy	P. Pinang
31	Ndt Inspector Officer Skm li		●			SPKR	10	10	01-Apr-15	31-Dis-15	Sr Scaffold Resources Sdn Bhd	Terengganu
32	Operasi Servis Makanan Skm li		●			EPU	20	6	01-Ogos-15	31-Dis-15	Kolej Inforana	Terengganu
33	Prasekolah Skm lii			●		SPKR	30	10	01-Apr-15	31-Dis-15	Ibnu Hayyan Education Group	K. Lumpur

* Bidang-bidang Kursus Kemahiran Tahun 2015 - Jumlah peserta 275 orang

Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) ini telah memberikan impak yang positif dan memberikan pendapatan yang lebih tinggi kepada belia dan beliawanis masyarakat Orang Asli seperti di bawah.

Pecahan Bidang Kursus

Bil	Projek / Kursus	Jumlah Peserta	Tempoh Kursus [Bulan]	Pengendali Kursus	Lokasi / Alamat
1	Airbrush Skm li	10	3	Millennium Hair Care & Beauty Academy	Selangor
2	Pengemas Bilik	50	3	Saf Academy	Johor
3	Peruncitan	50	3	Redha Resq Training Consultancy	Kedah
4	Prime Mover	30	3	Plomo Sdn Bhd	Selangor
5	Pengawal Keselamatan	30	3	Elite Pro Provate Resources	Selangor
6	Equestrian	20	6	Excellent Academy	Selangor
7	Pembuatan Pastrri Skm li	20	6	Suzimie Culinary	Kuala Lumpur

Bil	Projek / Kursus	Jumlah Peserta	Tempoh Kursus [Bulan]	Pengendali Kursus	Lokasi / Alamat
8	Fitter (Pemasangan) Oil & Gas	10	6	Imbasan Nilai Sdn Bhd	Terengganu
9	Green Keeper	20	3	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
10	Jurudandan Rambut Skm I	20	6	Millennium Hair Care & Beauty Academy	Selangor
11	Jurudandan Rambut Skm li	20	6	Millennium Hair Care & Beauty Academy	Selangor
12	Kargo	15	6	Excellent Academy	Selangor
13	'Operasi' Front Office	50	3	Saf Academy	Johor
14	Pemandu Pelancong	20	3	Excellent Academy	Selangor
15	Pengawal Keselamatan - Lanjutan	30	3	Elite Pro Provate Resources	Selangor
16	Prime Mover - Lanjutan	30	3	Plomo Sdn Bhd	Selangor
17	Rigger	30	3	Heritage Training Centre	Negeri Sembilan
18	Asuhan Kanak-Kanak Skm lii	20	9	Ibnu Hayyan Education Group	Kuala Lumpur
19	Barber Skm li	10	9	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
20	Buggy Mechanic Skm li	10	9	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
21	Front Liner	20	6	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
22	Juruelektrik Rendah Kanan Skm li	30	10	Heritage Training Centre	Negeri Sembilan
23	Jurukecantikan Skm I & li	20	10	La Joise Industries [M] Sdn Bhd	Selangor
24	Jurukimpal Arka Logam Skm li	10	10	Veta Academy	Selangor
25	Juruteknik Kenderaan Bermotor Skm 1 [Automotif]	30	6	Sayong Didik	Johor
26	Juruteknik Motosikal Skm li	20	9	Akademi Morsa	Selangor
27	Juruterapi Spa Kanan Skm lii	30	10	La Joise Industries [M] Sdn Bhd	Selangor
28	Kedi [Golfer Assistant] Skm li	30	9	Primavoc Golf Career Academy	Selangor
29	Kerani Tempahan Tiket Skm li	30	10	Excellent Academy	Selangor
30	Mekatronik	20	6	Upskills Academy	Pulau Pinang
31	Ndt Inspector Officer Skm li	10	10	Sr Scaffold Resources Sdn Bhd	Terengganu
32	Operasi Servis Makanan Skm li	20	6	Kolej Inforana	Terengganu
33	Prasekolah Skm lii	30	10	Ibnu Hayyan Education Group	Kuala Lumpur

Seramai 787 orang pelatih Orang Asli telah menamatkan kursus dan kini memegang jawatan mengikut bidang masing-masing dan menjana pendapatan di antara RM900.00 hingga RM8,000.00 sebulan. Seramai 590 orang pelatih menyambung pengajian ke Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dan Sijil Profesional.

Manakala seramai lapan pelatih tidak berjaya menamatkan kursus yang diceburi di atas faktor-faktor peribadi peserta yang kurang mempunyai ketahanan jati diri. Faktor-faktor ini akan diambil tindakan pada tahun berikutnya seperti mengadakan Program Pembangunan Modal Insan bagi memperkuatkan jati diri peserta Orang Asli agar dapat menamatkan kursus dengan jayanya serta mendapat sijil kemahiran bagi digunakan pada masa hadapan.



Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

5. Unit Kerjaya

Unit Kerjaya diwujudkan adalah untuk menyediakan program pembangunan kerjaya sejajar dengan hasrat Kerajaan melahirkan masyarakat Orang Asli yang berketrampilan, berdaya saing dan menepati kehendak semasa industri. Ianya telah memainkan peranan yang signifikan dalam pasaran tenaga kerja masyarakat Orang Asli. Unit ini bertindak sebagai penghubung dan pemudahcara di antara sektor Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta dengan pemohon-pemohon kerjaya dari kalangan masyarakat Orang Asli selain memasarkan calon-calon bersesuaian berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kemahiran yang ada sama ada

secara padanan kerja *job-matching* atau temuduga terbuka *walk-in interview*.

Pada tahun 2015, satu analisa dilakukan dalam mengenalpasti kemajuan masyarakat Orang Asli dalam sektor pekerjaan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), secara keseluruhan seramai 5,388 Orang Asli telah mendapat pekerjaan menerusi pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun dalam bidang perhotelan, perkhidmatan, kepolisan, industri pelabuhan, pelancongan dan sebagainya.

Jumlah pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Awam

Bil	Negeri	Awam	Swasta	Jumlah
1	Johor	146	199	345
2	Kelantan dan Terengganu	100	238	338
3	N. Sembilan dan Melaka	241	134	375
4	Pahang	674	590	1264
5	Perak dan Kedah	1749	549	2298
6	Selangor dan W. Persekutuan	491	267	758
7	Lain-Lain	10	0	10
Jumlah		3411	1977	5388

Program Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Program Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli adalah program di bawah peruntukan khas bagi membiayai program/aktiviti ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Peruntukan yang bernilai sebanyak RM20 juta ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan bertujuan membiayai dan meningkatkan kualiti hidup Orang Asli khususnya keluarga miskin dan miskin tegar seterusnya membantu mengurangkan kesan inflasi berikutan kenaikan harga barang dan bahan api sekarang.

Terdapat empat jenis bantuan di bawah Program Meningkatkan Kualiti Hidup masyarakat Orang Asli iaitu :

- Program Bantuan Makanan**

- Program ini bertujuan memberi bantuan kebajikan dalam bentuk bakul makanan kepada penerima bantuan terdiri daripada golongan miskin tegar. Peruntukan telah diagihkan ke setiap negeri mengikut kos lokasi, pengangkutan, jumlah kumpulan sasar dan lain-lain. Setiap bakul mengandungi makanan kering seperti beras, minyak masak, gula, minuman coklat dan tepung.

- Program Bantuan Input Pertanian**

- Program ini bertujuan membantu keluarga Orang Asli mengusahakan sendiri tanah mereka dengan pelbagai jenis tanaman termasuk kelapa sawit, getah dan tanaman kontan. Ianya merupakan salah satu usaha pihak jabatan meringankan beban masyarakat Orang Asli di mana setiap peserta diberikan bantuan seperti baja, racun, benih anak pokok, baka ternakan, mesin rumput dan peralatan nelayan kecil.

- Program Tambang Pengangkutan Pelajar Ke Sekolah**

- Program ini bertujuan untuk memudahkan pelajar-pelajar Orang Asli ke sekolah serta salah satu usaha bagi mengelakkan keciciran berlaku.

- Program Insentif Wang Saku Pelajar Sekolah Menengah**

- Bayaran insentif wang saku ini bertujuan memberi galakan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka menghadiri kelas. Ia juga bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa pelajar sekaligus dapat mengurangkan kadar keciciran.

Rumusan Program Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Bil	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Peratus (%)
1	Insentif Wang Saku	4,076,082.00	4,084,134.00	-8,052.00	100.20%
2	Tambang Pengangkutan	13,614,168.00	13,611,919.50	2,248.50	99.98%
3	Bakul Makanan	1,468,750.00	1,431,955.00	36,795.00	97.49%
Jumlah		19,159,000.00	19,128,008.50	30,991.50	99.84%

6. Unit Kebajikan Pesakit

Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan melalui Unit Kebajikan Pesakit (UKP) telah memainkan peranan penting dalam menyalurkan bantuan kebajikan kepada Masyarakat Orang Asli. Pada tahun 2015, sebanyak RM4,143,813.08 telah diperuntukkan bagi tujuan penyaluran Bantuan Kebajikan Am dan Bantuan Kebajikan Perubatan kepada pesakit Orang Asli.

Bantuan Kebajikan dan Bantuan Perubatan

Bil	Bantuan Kebajikan (RM)	Bantuan Perubatan (RM)	Jumlah (RM)
1	3,387,440.02	756,373.06	4,143,813.08

Bantuan ini meliputi barang-barang kebajikan, makanan pengiring pesakit, alat sokongan, penghantaran pulang pesakit, melawat pesakit di hospital, pengurusan jenazah, menyediakan surat jaminan, pengesanan waris dan lain-lain. Manakala bantuan perubatan adalah seperti bantuan pembedahan dan rawatan, alat bantuan, urusan temujanji, pengambilan ubat dan sebagainya.

Program Kesedaran Kesihatan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikendalikan oleh Hospital Orang Asli Gombak dan Pejabat Kesihatan Daerah

Bil	Lokasi	Hari	Peserta	Tarikh
1	Program Jalinan Mesra JAKOA / HOAG bersama Masyarakat Orang Asli RPS Jernang, Batang Padang, Perak	Hari 2	900 Orang	03-04 November 2015
2	Program Jalinan Mesra JAKOA / HOAG bersama Masyarakat Orang Asli Sungai Tiang, Hulu Perak, Perak	Hari 3	410 Orang	08-10 Disember 2015



Program-Program Kebajikan Am dan Kebajikan Perubatan Orang Asli

Perkhidmatan Kesihatan secara langsung kepada masyarakat di perkampungan Orang Asli

Bil	Pembantu Am Kebajikan Perubatan	Balai Rawatan	Pusat Transit	Padang Pendaratan	Perkhidmatan Doktor Udara
1	145	149	15	28	30



KEDA

PROGRAM PENYEDIAAN LATIHAN DI BAWAH INISIATIF PERTAMA RTC KEDAH

Peruntukan Diterima : RM102,000.00
Jumlah Perbelanjaan : RM97,393.48 [95.48%]

Pengenalan

Penyediaan Latihan Kemahiran Bernilai Tinggi ini merupakan inisiatif utama di bawah kawal selia KKLW.

Seiring dengan inisiatif pertama, lapan kursus kendalian RTC Kedah telah dijalankan di bawah peruntukan RM102,000.00 dan seramai 149 orang mendapat manfaat di bawah inisiatif pertama RTC. Latihan kemahiran RTC Kedah dijalankan berkolaborasi bersama Agensi-agensi yang lain seperti FAMA, FELCRA, MARA, Jabatan Kesihatan Negeri, KEDA dan MADA.

Objektif

RTC Kedah membantu penduduk luar bandar dengan menyediakan peluang latihan secara berterusan kepada masyarakat luar bandar bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan keupayaan bagi meningkatkan pendapatan, peluang pekerjaan dan taraf hidup penduduk luar bandar.

Objektif latihan kemahiran adalah untuk melahirkan usahawan yang berjaya dalam kalangan penduduk luar bandar sekitar 100km radius RTC bagi membantu meningkatkan pendapatan dan ekonomi keluarga.

Skop dan Komponen

Latihan-latihan yang ditawarkan oleh RTC Kedah adalah meliputi Latihan Keusahawanan, Latihan Kemahiran Pembuatan Produk, Latihan Pemasaran Atas Talian, Latihan Teknikal Industri Kreatif, Latihan Pembungkusan dan Penjenamaan Produk Desa, Latihan Motivasi Pendidikan Pelajar, Latihan Kemahiran Industri Pembuatan dan Latihan Jahitan Teknikal serta Kraftangan.

Penganjuran kursus RTC Kedah kebanyakannya adalah dilakukan di Dewan Seminar RTC Kedah yang melibatkan peserta luar bandar sekitar RTC dan berkolaborasi bersama Agensi-agensi yang lain.

Prestasi Kewangan

RTC Kedah telah membelanjakan 100% peruntukan iaitu sebanyak RM102,000.00 di bawah inisiatif pertama dan sebanyak lapan kursus telah dijalankan.


Bil	Kursus	Tarikh / Tempat	Peruntukan (RM)	Bilangan Peserta
1	Kursus Gerilla "Online Marketing"	10-12 Julai 2015 Dewan Seminar RTC Kedah	RM12,611.00	12/20 orang
2	Kursus <i>Comprehensive Heating Ventilation Air-Conditioning</i> [HAVC]	27-30 Julai 2015 JMF Training Centre	RM18,736.00	10/10 orang
3	Kursus Pembuatan <i>Fish Ball, Fish Cake</i> dan <i>Nugget Halal</i> Toiyiyiban	16-17 Ogos 2015 Dewan Seminar RTC Kedah	RM11,804.00	24/30 orang
4	Kursus Latihan Pengendalian Makanan [LPM] "Pra Syarat Utama Usahawan Mengendalikan Makanan dan Minuman"	22 Ogos 2015 Dewan Seminar RTC Kedah	RM4,936.00	24/20 orang

5	Kursus Penyediaan Kuih Sejuk Beku	25-26 Ogos 2015 Dewan Seminar RTC Kedah	RM12,544.00	17/30 orang
6	Kursus Advance "Online Marketing"	20-22 September 2015 Dewan Seminar RTC Kedah	RM15,282.00	12/20 orang
7	Kursus Pembangunan Multimedia [Canopus Edius, After Effect & Photoshop]	6-8 November 2015 Dewan Seminar RTC Kedah	RM11,516.00	9/10 orang
8	Kursus Persijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri 'MeSTI'	9-10 Disember 2015 Hotel Grand Alora Alor Setar	RM12,945.00	41/40 orang
Sijil, Cenderahati dan Peralatan Alat Tulis			RM1,626.00	
Jumlah Perbelanjaan			RM 102,000.00	149/180 orang

Pencapaian Output

Berdasarkan kepada pemantauan yang dijalankan oleh pengurusan RTC Kedah, para peserta kini sudah berjaya dalam perniagaan dan pendapatan yang diperolehi oleh mereka semakin meningkat selepas menyertai kursus yang dijalankan.

Output Latihan Kemahiran



Rumusan

Di bawah inisiatif pertama RTC iaitu latihan kemahiran oleh KKLW banyak memberi manfaat kepada penduduk luar bandar dalam melahirkan usahawan yang berjaya, ini secara tidak langsung pendapatan penduduk luar bandar akan ditingkatkan dan kemiskinan tegar dihapuskan serta kadar kemiskinan keseluruhannya dapat dikurangkan.



Peserta Kursus Seni Pembuatan Coklat



PROGRAM PROMOSI DI RTC KEDAH

Peruntukan Diterima : RM120,000.00
Jumlah Perbelanjaan : RM94,856.37 (70.05%)

A. Karnival Sukan RTC Kedah

Latar Belakang

Karnival Sukan RTC Kedah berlangsung pada 15 - 23 Mei 2015, setiap Jumaat dan Sabtu serta 25 Julai 2015 dengan pelbagai acara sukan di beberapa gelanggang terpilih. Antara sukan yang dipertandingkan ialah Bola Tampar, Ping Pong, Bola Jaring, Futsal, Batu Seremban, Congkak, Karom dan *Tenpin Bowling*. Penganjuran karnival ini bertujuan membudayakan sukan sebagai satu cara hidup sihat, selain sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan MAKSPEN.

Objektif

- Membudayakan sukan sebagai satu cara hidup sihat
- Memupuk semangat kerjasama
- Sebagai persiapan menghadapi sukan dwi tahunan MAKSPEN
- Satu medan memperkenalkan RTC Kedah kepada masyarakat

Skop dan Komponen

- Bola Tampar [15 & 16 Mei 2015, Kompleks Belia dan Sukan Negeri]



- Ping Pong [22 & 23 Mei 2015, Dewan Kompleks Pentadbiran Anak Bukit, Alor Setar]
- Batu Seremban, Congkak dan Karom [22 Mei 2015, Perkarangan RTC Kedah]
- Futsal [23 Mei 2015, Gelanggang D'Futsal, Titi Gajah, Alor Setar]
- Bola Jaring [23 Mei 2015, Gelanggang D'Futsal, Titi Gajah, Alor Setar]

Rumusan

Karnival Sukan RTC Kedah telah mendapat sambutan baik daripada warga KEDA, RTC Kedah dan orang ramai terutamanya dalam acara-acara sukan popular seperti futsal dan bola jaring. Selain itu, acara sukan *indoor* seperti Batu Seremban dan congkak berjaya menghidupkan kembali warisan tradisional kepada golongan muda. Sambutan yang positif ini memungkinkan untuk meneruskan karnival ini pada tahun-tahun seterusnya.





B. Karnival Orkid dan Flora RTC Kedah

Latar Belakang

Karnival Orkid dan Flora ini merupakan penganjuran kali ketiga dan telah berlangsung pada 12 - 23 Ogos 2015 dengan pelbagai aktiviti jualan dan persembahan. Karnival Orkid dan Flora ini sentiasa mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat.

Objektif

- Memakmurkan aktiviti ekonomi di kawasan RTC Kedah
- Memeriah dan menghidupkan RTC Kedah dan kawasan sekitarnya dengan pelbagai aktiviti ekonomi dan hiburan
- Mempromosikan RTC Kedah

Skop dan Komponen

- Jualan Orkid dan Flora
- Jualan pakaian dan aksesori
- Jualan makanan dan minuman
- Persembahan artis undangan

Rumusan

Karnival Orkid dan Flora sentiasa mendapat sambutan baik dari orang ramai dan permintaannya terus tinggi sehingga sekarang kerana orkid dan pelbagai jenis flora mempunyai peminatnya yang tersendiri. Karnival ini berjaya mencatat jumlah jualan dan pengunjung yang tinggi.



C. Program Jamuan Aidilfitri ADUN Bukit Kayu Hitam Bersama RTC Kedah

Latar Belakang

Program yang julung kalinya diadakan di RTC Kedah ini atas inisiatif Pejabat ADUN Bukit Kayu Hitam telah diadakan pada 13 Ogos 2015. Program ini bertujuan meraikan masyarakat setempat dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri, selain untuk beramah mesra antara masyarakat, pemimpin dan warga RTC Kedah.

Objektif

- Meraikan masyarakat setempat dalam kemeriahan sambutan hari raya
- Membuka ruang untuk beramah mesra antara masyarakat, pemimpin masyarakat dan warga RTC Kedah

Skop dan Komponen

- 10 booth JKKK kampung
- Booth MARA
- Booth RTC Kedah
- Persembahan pentas

Rumusan

Program sambutan hari raya ini telah berjaya menghimpunkan lebih 8,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk tetamu istimewa dari Selatan Thailand. Penglibatan seluruh anggota masyarakat menjadikan majlis ini sangat meriah.



D. Hari Sukan Negara

Latar Belakang

Sambutan Hari Sukan Negara [HSN] telah ditetapkan pada setiap Sabtu minggu kedua Oktober setiap tahun dan merupakan program kemuncak FIT Malaysia 2015. Untuk tahun 2015 tarikh 10.10.2015 telah dipilih sebagai HSN dan dilancarkan serentak di seluruh negara oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Setiap Agensi di bawah KKLW adalah dikehendaki merancang program sukan berdasarkan lokaliti masing-masing. Sasaran penyertaan adalah tiga juta orang di seluruh negara yang melibatkan JKKK, negeri, daerah, kampung dan jabatan untuk bersukan pada hari tersebut. Kementerian Belia dan Sukan telah memberi peruntukan RM500.00 kepada JKKK untuk mengadakan aktiviti ini. Untuk RTC Kedah, program ini dijayakan dengan kolaborasi bersama KEDA dan JKKK 12 kampung dalam berdekatan.

Objektif

- Menerapkan budaya sukan dalam kalangan rakyat

- Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat
- Pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan
- Meningkatkan pengetahuan sukan di kalangan rakyat
- Mengiktiraf rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan di peringkat akar umbi

Skop dan Komponen

- Pertandingan Sukan [Sepak Raga Tuju, Petanque, Basikal]
- Persembahan Sukan [Lompat Tali]
- Pertandingan Mewarna berasaskan sukan
- Cabutan Bertuah

Rumusan

Sambutan HSN di RTC Kedah telah berlangsung meriah dengan sambutan baik daripada orang awam walaupun program ini berlangsung serentak di beberapa tempat lain yang berdekatan. Program ini telah berjaya membudayakan sukan sebagai satu cara hidup sihat.



E. Lawatan Ke Projek Strategi Linkages RTC Kelantan dan RTC Terengganu

Pengenalan

Projek *Strategy Linkages* RTC Kelantan dan RTC Terengganu bertujuan untuk melihat dan meninjau projek-projek dan program di RTC Kelantan dan RTC Terengganu yang mungkin boleh diguna pakai dan diaplikasikan untuk pembangunan RTC Kedah.

Objektif

- Memberi pendekatan dan pendedahan kepada warga RTC Kedah bagi melihat dan meninjau pembangunan yang dilaksanakan di RTC Kelantan dan RTC Terengganu.
- Mewujudkan jalinan kolaborasi antara RTC Kedah dengan RTC Kelantan dan RTC Terengganu.
- Memberi motivasi dan peluang kepada warga RTC Kedah untuk mendapat pengetahuan dan berkongsi pengalaman antara sesama RTC.

Skop dan Komponen

- Lawatan ke seluruh kawasan RTC Kelantan dan RTC Terengganu
- Sesi perbincangan bersama pengurusan RTC Kelantan dan Terengganu
- Lawatan ke tapak projek

Rumusan

Lawatan ke *Projek Strategy Linkages* RTC Kelantan dan RTC Terengganu telah berjaya membuka mata dan minda staf-staf pengurusan RTC Kedah untuk melihat perkembangan dan kemajuan prasarana dan infrastruktur di kedua-dua buah RTC tersebut dengan lebih dekat dan tepat.

Dari sesi taklimat dan perbincangan yang berlangsung, banyak perkongsian dan pertukaran ilmu serta pengalaman dapat dijana dalam meningkatkan imej dan memajukan RTC masing-masing.

Antara skop perbincangan ialah bagaimana setiap lapan atau sembilan inisiatif dijalankan di RTC masing-masing, projek atau program yang dijalankan sepanjang tahun, kursus-kursus yang ditawarkan serta permintaan dan keberkesannya, karnival-karnival yang dianjurkan untuk menarik perhatian masyarakat dan bagaimana penubuhan RTC dengan segala kemudahannya dapat membantu orang ramai dan meningkatkan taraf hidup mereka.



F. Pasar Malam RTC Napoh

Latar Belakang

Pasar Malam Napoh yang diadakan pada setiap Jumaat malam telah lama beroperasi di sepanjang jalan bersebelahan RTC Kedah. Atas faktor keselamatan orang ramai dan kesesakan lalu lintas, RTC Kedah bersama KEDA dan beberapa JKKK kampung berdekatan telah berbincang dengan Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) untuk memindahkan peniaga-peniaga pasar malam ini ke tapak di dalam perkarangan RTC Kedah. Setelah mencapai persetujuan, akhirnya pada 30 Oktober 2015 secara rasminya Pasar Malam Napoh beroperasi dalam perkarangan RTC Kedah dengan nama Pasar Malam RTC Napoh.

Objektif

- Menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di jalan berkenaan

- Tapak dalam perkarangan RTC Kedah lebih selamat dan selesa
- Memberikan ruang parkir kereta yang lebih luas dan selamat
- Membuka ruang kepada lebih banyak tapak niaga
- Menjadikan lebih tersusun dan cantik

Skop dan Komponen

- Jualan makanan dan minuman
- Jualan pakaian dan aksesori diri
- Jualan kosmetik dan ubat-ubatan
- Jualan mainan kanak-kanak

Rumusan

Pasar Malam RTC Napoh semakin mendapat sambutan dengan pertambahan tapak niaga yang semakin banyak serta jumlah pengunjung yang bertambah setiap minggu. Pasar malam ini telah berjaya merencanakan aktiviti ekonomi sekitar RTC Kedah ini.



G. Karnival Borong Melayu Kemboja RTC Kedah

Latar Belakang

Karnival Borong Melayu Kemboja RTC Kedah dianjurkan dengan kolaborasi bersama Majlis Belia Daerah Pendang yang sering menganjurkan Pasar Kemboja di Pekan Pendang dan beberapa tempat lain. Perancangan untuk membawa Pasar Kemboja ini ke RTC Kedah disebabkan permintaan yang tinggi daripada masyarakat setempat.

Objektif

- Memakmurkan dan merencanakan aktiviti ekonomi di RTC Kedah
- Memberi pilihan dan kemudahan kepada masyarakat setempat untuk berbelanja di Pasar Kemboja
- Menghidupkan perkarangan RTC Kedah dan kawasan sekitarnya dengan pelbagai aktiviti perniagaan dan persembahan

Skop dan Komponen

- Jualan pakaian dan aksesori diri
- Jualan produk kosmetik
- Jualan barangan permainan kanak-kanak
- Jualan makanan dan minuman
- Persembahan pentas dan sampingan

Rumusan

Karnival Borong Melayu Kemboja RTC Kedah mendapat sambutan baik daripada masyarakat setempat dan orang ramai yang sentiasa membanjiri karnival ini setiap malam. Kekuatan nama Pasar Kemboja ternyata berjaya menarik ramai pengunjung untuk datang melihat dan berbelanja dengan kemeriahan pelbagai gerai jualan dan persembahan sampingan.



KESEDAR

Program Kemudahan Pengurusan di KESEDAR

KESEDAR memperoleh peruntukan berjumlah RM2,000,000.00 bagi pelaksanaan dua projek di bawah Program Kemudahan Pengurusan. Sebanyak RM1,999,976.90 (100%) telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut.

Bil	Nama projek	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)	Bilangan Projek
1.	Pejabat Operasi KESEDAR di Jajahan Lojing	1,500,000.00	1,500,000.00	100	1
2.	Sistem Pengurusan Peneroka [server]	500,000.00	499,976.90	99.99	1
Jumlah		2,000,000.00	1,999,976.90	99.99	2



Kerja-kerja pembinaan pejabat-pejabat lain KESEDAR di Jajahan Lojing



Kerja-kerja pembinaan Pejabat Operasi KESEDAR di Jajahan Lojing

RISDA

Pengangkutan adalah salah satu nilai rantai yang utama di dalam sistem penyampaian bekalan benih dan baja RISDA kepada pekebun kecil di luar bandar dan kawasan pedalaman. Rantaian nilai pengangkutan baja melibatkan tiga rantaian nilai utama iaitu pengangkutan baja dari pembekal/kilang ke Stor Pusat RISDA (SPUR), dari SPUR ke Stor Pusat Tanggungjawab (SPT) dan dari SPT ke Pekebun Kecil. Manakala pengangkutan benih adalah dari Semaian Pusat RISDA kepada pekebun kecil.

Pencapaian prestasi fizikal pengangkutan baja dan benih RISDA bagi tahun 2015 berada pada tahap yang memuaskan. Pada tahun 2015, sebanyak 2,736,200 beg baja telah dapat diangkut dari pembekal/kilang ke SPUR. Sebanyak 4,569,470 beg/ 10 kg telah diagihkan dari SPUR ke SPT dan sebanyak 3,955,504 beg/ 10 kg telah diangkut dari SPT ke Pekebun Kecil. Sepanjang 2015, sebanyak 16,839,603 benih getah telah dapat diangkut dan dihantar kepada pekebun kecil di seluruh negara.




Pengangkutan Kawasan Pedalaman di Pulau Redang, Terengganu



PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN

- ♦ Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
- ♦ Bahagian Teknikal
- ♦ Bahagian Pelaburan & Anak Syarikat
- ♦ Unit Audit Dalam
- ♦ Unit Perundangan
- ♦ Unit *National Key Result Areas* (NKRA)
- ♦ Unit Integriti
- ♦ Unit Petunjuk Prestasi (KPI)

BAHAGIAN EMPAT



PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN

Bagi memastikan pelaksanaan projek dalam enam pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan dengan berkesan sebagaimana dirancang, aspek pematuhan dan pemantauan adalah merupakan aspek yang perlu diberi penekanan. Pematuhan dan pemantauan bagi program/projek pembangunan luar bandar melibatkan bahagian seperti berikut:

- Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
- Bahagian Teknikal
- Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat
- Unit Audit Dalam
- Unit Perundangan
- Unit *National Key Result Area* [NKRA]
- Unit Integriti
- Unit *Key Performance Index* [KPI]

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek [BPP] meneruskan tanggungjawab sepertimana tahun-tahun yang lalu bersandarkan tiga teras utama

iaitu; i) pemantauan projek, ii) pelaksanaan projek di peringkat negeri dan iii) penilaian *outcome* projek.

i) PEMANTAUAN PROJEK

Pengukuhan Pasukan *Flying Squad* yang terdiri daripada Pegawai Pemantau di Pejabat Cawangan Negeri [PCN] dan juga wakil dari setiap Agensi KKLW selaku unit yang bertindak segera telah disempurnakan oleh YB Menteri pada November 2009 bagi menyiasat setiap aduan yang diterima dari pelbagai sumber seperti media cetak, media elektronik, aduan telefon, e-mel, surat-menyurat dan arahan khas dari Pengurusan Tertinggi Kementerian. Di samping itu, pasukan ini juga memantau rapi projek-projek KKLW yang berstatus lewat jadual. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 849 laporan telah dibuat oleh Pasukan *Flying Squad* KKLW dan laporan berkenaan telah dimaklumkan kepada pihak Pengurusan Atasan Kementerian dan Pengurus Program yang berkaitan.

Peranan BPP	
1	Memantau projek bagi mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaannya serta cara mengatasinya dan melaporkan kepada pengurus projek/program untuk tindakan masing-masing.
2	Melaporkan prestasi kewangan dan fizikal projek melalui SPP II berbanding dengan perancangan yang telah ditentukan.
3	Memastikan setiap aduan dan arahan siasatan diberi maklum balas berdasarkan tempoh yang ditetapkan.
4	Menyelaras penilaian <i>outcome</i> projek yang dilaksanakan oleh Bahagian, Agensi dan Jabatan.
5	Melaksanakan perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja di peringkat negeri bagi projek-projek bernilai RM500,000 ke bawah.
6	Memberi khidmat nasihat teknikal kepada Jabatan dan Agensi di negeri.

BPP bertindak sebagai penyelarar Lawatan Turun Padang oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan Ketua Setiausaha KKLW ke lokasi-lokasi dan projek-projek terpilih. Lawatan yang dilakukan ini bertujuan meninjau pembangunan dan pelaksanaan projek selain menyelesaikan isu dan masalah penduduk di sesuatu kawasan. Sepanjang tahun 2015, BPP terlibat dengan enam Lawatan Turun Padang YAB PM/TPM, 65 lawatan YBM dan 34 lawatan KSU. Kesemua lawatan-lawatan berkenaan dilaporkan kepada ICU, JPM melalui Sistem i-Pantau ICU, JPM.

BPP juga bertindak sebagai urus setia bagi mesyuarat yang dikategorikan sebagai platform rasmi pemantauan projek iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Transformasi Fizikal [JBTF] [dahulunya dikenali sebagai Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan] dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian [JTPK] yang dipengerusikan oleh KSU sebagaimana dinyatakan dalam Arahan Bil. 1 Tahun 2010. Kedua-dua mesyuarat ini merupakan platform bagi mengenalpasti dan menyelesaikan isu dan masalah berhubung pelaksanaan projek, memastikan projek-projek yang dilaksanakan menepati sasaran dan memantau pelaksanaan projek KKLW melalui SPPII. Bagi tahun 2015, 12 Mesyuarat JBTF dan sembilan Mesyuarat JTPK telah dilaksanakan.

Selain itu, BPP merupakan penyelarar Sistem Pemantauan Projek II [SPPII] di peringkat KKLW. Peringatan dihantar kepada setiap bahagian/jabatan/agensi supaya mengemaskini maklumat am dan aktiviti sebelum pertengahan dan penghujung setiap bulan. Bagi tahun 2015, sebanyak tiga bengkel pengemaskinian SPPII telah dilaksanakan dan

hasilnya KKLW berjaya mencatat prestasi purata 99.77% bagi pengemaskinian maklumat am, 99.56% bagi pengemaskinian maklumat aktiviti, 95.08% bagi maklumat peruntukan dan 82.46% bagi maklumat perbelanjaan SPPII.



ii) PELAKSANAAN PROJEK DI PERINGKAT NEGERI

Bagi tahun 2015, PCN telah menguruskan perolehan projek pembangunan yang bernilai di bawah RM500,000.00. Secara keseluruhannya, PCN telah melaksanakan sebanyak 585 perolehan secara sebut harga, 1,312 lantikan terus dan 267 undian. Waran Pembangunan yang telah disalurkan ke PCN adalah sebanyak RM128,964,437.57 melibatkan sejumlah 2,164 projek dengan prestasi perbelanjaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Kedudukan Peruntukan dan Perbelanjaan oleh Pejabat Cawangan Negeri

BIL	CAWANGAN NEGERI	JUMLAH PROJEK	PERUNTUKAN [RM]	PERBELANJAAN [RM]	%
1	Johor	140	6,529,387.21	6,515,724.43	99.79
2	Melaka/N.Sembilan	223	10,147,901.49	9,639,821.80	94.99
3	Selangor	84	5,540,900.00	5,089,898.95	91.86
4	Perak	220	10,458,154.74	10,455,634.56	99.98
5	Kedah/Perlis/P.Pinang	389	20,258,547.50	20,228,775.40	99.85
6	Kelantan	576	32,694,215.63	32,616,150.83	99.76
7	Terengganu	207	8,326,063.15	8,192,033.54	98.00
8	Pahang	208	13,157,136.38	13,133,961.02	99.83
9	Sarawak	34	11,745,691.47	10,278,664.62	87.51
10	Sabah	83	10,106,440.00	10,103,008.66	99.96
JUMLAH KESELURUHAN		2164	128,964,437.57	126,253,673.81	97.90

iii) PENILAIAN *OUTCOME* PROJEK

Surat Pekeliling Am Bil. 1 2012 yang dikeluarkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) mewajibkan semua Kementerian melaksana dan menyediakan Laporan Penilaian *Outcome* ke atas setiap program/projek pembangunan yang dilaksanakan. Program Penilaian *Outcome* projek ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji kesan dan impak projek-projek yang telah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada kesan jangka pendek atau *outcome* yang

diterima oleh kumpulan sasar, baik secara langsung atau tidak langsung. BPP telah diberi tanggungjawab sebagai urus setia pelaksanaan program ini di peringkat KKLW.

Bagi tahun 2015, sebanyak 26 Penilaian *Outcome* telah dilaksanakan oleh bahagian/jabatan/agensi di bawah KKLW. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lima pelaporan yang terpilih telah dikemukakan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* (JKPO) ICU, JPM seperti di Gambar rajah 1.

<p>1</p> <p>Projek Pemulihan Sawah dan Tanah Terbiar di Kawasan Terpencil (KEDA)</p> 	<p>2</p> <p>Program Menaik Taraf Infrastruktur Pengairan Sawah Padi FELCRA Berhad Seberang Perak</p> 
<p>3</p> <p>Program Rural Business Challenge (RBC) -11 Pemenang RBC Tahun 2012 (Bahagian Pengupayaan Ekonomi)</p> 	<p>4</p> <p>Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi Projek Usahawan Bergerak (Mobilepreneur) Tahun 2013 (Bahagian Kesejahteraan Rakyat)</p> 
	
<p>5</p> <p>Projek Taman Fertigasi KEJORA di Kawasan Tanaman Campuran Sg. Chemaran II, Bandar Penawar, Johor</p>	

Gambar rajah 1 : Senarai projek yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* (JKPO) ICU, JPM.

AKTIVITI LAWATAN INSPEKTORAT KE KKLW

Aktiviti inspektorat yang dilaksanakan oleh ICU, JPM bertujuan untuk mengenal pasti pematuhan terhadap amalan terbaik dalam pelaksanaan sesuatu projek sama ada di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pasca pelaksanaan. Aktiviti ini juga bertujuan untuk memenuhi permintaan dan keperluan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) menjadikan pemarkahan penilaian dan pematuhan amalan terbaik dalam pengurusan projek pembangunan sebagai asas penilaian Indikator Pencapaian Utama (KPI) semua Ketua Setiausaha Kementerian. Aktiviti inspektorat ICU, JPM terbahagi kepada dua sesi, iaitu:

1. Sesi Pertama – Semakan dokumen berkaitan projek di Kementerian dan
2. Sesi Kedua – Lawatan ke tapak projek terpilih.

BPP telah diberi tanggungjawab sebagai urus setia aktiviti inspektorat di peringkat KKLW. Bagi tahun 2015, sebanyak 14 projek telah disenaraikan untuk pemeriksaan laporan dan dokumen oleh Pasukan Inspektorat ICU, JPM. Daripada jumlah tersebut, tiga projek yang terpilih bagi tujuan lawatan tapak seperti berikut:

- (i) Pembangunan Semula Bazar Rengit Batu Pahat, Johor.
- (ii) Projek Desa Lestari Kampung Sri Makmur, Pekan, Pahang.
- (iii) Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Tuie / Supa / Manggut, Pusa, Bahagian Betong, Sarawak.

BAHAGIAN TEKNIKAL

Bahagian Teknikal di KKLW merupakan Bahagian yang berperanan sebagai dua fungsi utama iaitu Perkhidmatan Perunding Teknikal dan Perkhidmatan Pengurusan Projek.

PERKHIDMATAN PERUNDING TEKNIKAL

Bahagian Teknikal berperanan untuk mengendalikan aktiviti yang merangkumi perancangan, reka bentuk dan input profesional, perolehan, pengurusan pembinaan, pentadbiran kontrak (termasuk menyediakan dan menyemak dokumen-dokumen kontrak, menyediakan dan menyemak anggaran kos projek, penyediaan sijil-sijil kontrak), penyerahan dan pasca penyerahan dalam tempoh tanggungan kecacatan dalam melaksanakan projek-projek untuk KKLW.

Di samping itu, Bahagian Teknikal juga merupakan pusat rujukan bagi Kementerian berhubung tugas-tugas penyediaan kehendak Kerajaan bagi projek-projek reka dan bina (Design & Build), dan merupakan ahli di dalam Jawatankuasa Penamaan Kontraktor atau Perunding.

PERKHIDMATAN PENGURUSAN PROJEK

Di bawah fungsi ini, Bahagian Teknikal berperanan mengendalikan aktiviti merancang, mengelola, mengurus sumber-sumber [tenaga kerja, peruntukan, bahan/peralatan, kaedah] untuk melaksanakan projek mengikut objektif Kementerian dan pelanggan. Bahagian Teknikal menjalankan pengurusan projek yang dilaksanakan sama ada secara konvensional atau reka dan bina.

Di samping itu, Bahagian Teknikal juga melaksanakan kerja-kerja pengawasan dan penyeliaan untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk menguruskan pelantikan perunding, mengadakan lawatan tapak dan penyediaan laporan, menyediakan lukisan-lukisan pembinaan yang berkaitan, menyemak dan memperakukan bayaran serta mengkaji semula reka bentuk yang digunakan.

Bahagian Teknikal bekerjasama dengan Bahagian-bahagian KKLW untuk memberikan perkhidmatan dan kepakaran teknikal dalam pelaksanaan program-program dan projek-projek yang telah dirancang oleh KKLW.

Bagi melancarkan proses pengurusan dan pelaksanaan projek di Kementerian, Bahagian Teknikal dibahagikan mengikut program seperti berikut:

A. Program Jalan Luar Bandar (JALB)

Antara projek-projek yang telah siap pada tahun 2015 seperti berikut:

- i. Membina Jalan dari Kg Tuit, Kuala Tahan ke Kg Pagi, Jerantut, Pahang [Fasa 1].
- ii. Kerja-kerja Pembaikan Cerun Runtuh di Projek Pembinaan Jalan ke Projek Bersepadu Desa Terpencil (Prosdet) Kg. Pantos, Ulu Jelai, Lipis, Pahang [2014 secara reka dan bina].
- iii. Projek Jalan dari Besol Lama ke Rantau Panjang, Daerah Dungun, Terengganu.
- iv. Projek Cadangan Pembinaan Jeti dan Jambatan Konkrit Baru di Balembang, Pulau Bum-Bum Semporna, Sabah
- v. Projek Membaikpulih Cerun di Jalan RPS Betau ke Pos Lenjang, Lipis, Pahang.
- vi. Membina Jalan dari Kg. Pagi ke Kg. Mat Daling, Jerantut, Pahang [Fasa 1].



Sebelum



Selepas

Jeti Pulau Bum-Bum Semporna, Sabah



Jalan Dari Kg. Pagi Ke Kg. Mat Daling [Fasa 1]



Jalan Dari Besol Lama ke Rantau Panjang

B. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

Antara projek-projek yang telah siap pada tahun 2015 seperti berikut:

- i. Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2014 Negeri Sabah Zon 2 Daerah Beluran dan Kudat.
- ii. Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Sarawak Tahun 2014 Zon 2b.
- iii. Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Sarikei, Sarawak.



Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Sarawak Tahun 2014 Zon 2b



Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Sabah Zon 2 Daerah Beluran dan Kudat



Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Sarikei, Sarawak



C. Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

Antara projek-projek yang telah siap pada tahun 2015 seperti berikut:

- i. Projek BELB Sistem Solar Hibrid Di Kampung Dan Sekolah Di Pedalaman Sarawak [Reka Dan Bina].
- ii. Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 1 (Limbang, Miri, Bintulu) Negeri Sarawak [Reka Dan Bina].
- iii. Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 2 (Kapit, Sarikei Dan Betong) Negeri Sarawak.
- iv. Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 3 (Samarahan, Sri Aman Dan Kuching) Negeri Sarawak.
- v. Projek Solar Hibrid di Pulau-pulau Semporna, Sabah.



Projek Solar Hibrid di Pulau-pulau Semporna, Sabah



Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 2 [Kapit, Sarikei dan Betong] Negeri Sarawak



Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 3 [Samarahan, Sri Aman dan Kuching] Negeri Sarawak

D. Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK)

Antara projek-projek yang telah siap pada tahun 2015 seperti berikut:

- i. Pemasangan LJK Bagi Tahun 2012 Negeri Sabah.
- ii. Pemasangan LJK Bagi Tahun 2012 Negeri Sarawak.
- iii. Pemasangan LJK Bagi Tahun 2012 Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

E. Program Ameniti Sosial (PAMS)

Antara projek-projek yang telah siap pada tahun 2015 seperti berikut:

- i. Cadangan Rumah PBR.
- ii. Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kenderaan Berbumbung, Institut Latihan KEMAS [ILK], Kuala Lumpur.
- iii. Cadangan Membina & Menyiapkan TABIKA KEMAS Jenis Berkembar di Kg. Muhibbah, Beaufort, Sabah.
- iv. Cadangan Ubahsuai Dalaman Bhgn. Penyelarasan & Pemantauan, Aras 26, KKLW.
- v. Cadangan Ubahsuai Dalaman 'War Room', Aras 28, KKLW.
- vi. Cadangan Pembinaan Dewan Serbaguna Kg. Gadong, Rembau, Negeri Sembilan.



Dewan Serbaguna Kg Gadong, Rembau, Negeri Sembilan



Projek Tabika KEMAS jenis berkembar 1



Projek Tabika KEMAS jenis berkembar 2

BAHAGIAN PELABURAN DAN ANAK SYARIKAT

Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat [BPSA] bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Penyelaras dan pemantauan ke atas keseluruhan syarikat milik Agensi di bawah KKLW;
- Menyelaraskan dan memantau aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MARA;
- Urusetia kepada Bantuan Pendidikan KKLW [BPKKLW] dan;
- Menyelaraskan pembangunan koperasi-koperasi yang dikawal selia oleh Agensi KKLW.

PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN SYARIKAT MILIK AGENSI KKLW

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 136 syarikat pelbagai kategori yang diselia oleh BPSA yang terdiri daripada tiga syarikat di bawah KKLW serta 133 syarikat milik Agensi di bawah KKLW. Jumlah keseluruhan syarikat ini adalah termasuk dengan 14 buah syarikat berstatus dorman di beberapa Agensi KKLW.

Syarikat-syarikat tersebut dibahagikan mengikut kategori iaitu sebanyak 119 syarikat merupakan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari (pegangan ekuiti oleh Agensi/Syarikat melebihi 50%), 16 syarikat bersekutu (pegangan 20% hingga 50%) dan sebuah syarikat lagi adalah syarikat pelaburan (pegangan kurang 20%). Bilangan dan kategori syarikat mengikut Agensi adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Bilangan dan Kategori Syarikat Mengikut Agensi

Bil	Agensi/Syarikat	Bilangan Syarikat/Kategori Syarikat				Jumlah
		Subsidiari (>50%)	Sub-Subsidiari (>50%)	Bersekutu [50%-20%]	Pelaburan [<20%]	
1.	RISDA	16	3	0	0	19
2.	FELCRA BERHAD	25	0	9	0	34
3.	MARA	23	26	3	0	52
4.	KETENGAH	8	3	4	1	16
5.	KESEDAR	3	1	0	0	4
6.	KEDA	4	0	0	0	4
7.	KEJORA	4	0	0	0	4
8.	LAIN-LAIN*	1	2	0	0	3
JUMLAH KESELURUHAN		84	35	16	1	136

Syarikat-syarikat tersebut juga telah diagihkan mengikut sektor berdasarkan *core-business* masing-masing. Pengagihan ini dilaksanakan untuk memudahkan urusan penyelarasan syarikat khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan perancangan aktiviti jalinan kerjasama strategik di antara satu sama lain untuk memantapkan lagi prestasi syarikat di masa hadapan. Agihan syarikat mengikut sektor adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Bilangan Agihan Syarikat Mengikut Sektor

Bil	Sektor	Jumlah
1.	Perladangan	15
2.	Perkilangan	14
3.	Asas Tani	19
4.	Pelancongan	7
5.	Perkhidmatan	19
6.	Hartanah	20
7.	Pelaburan	10
8.	Pendidikan	20
9.	Pelbagai	12
JUMLAH KESELURUHAN		136

Aktiviti-aktiviti penyelarasan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh BPSA ke atas anak syarikat adalah seperti berikut:

- Mengurus dan memperakukan kelulusan pelaburan dan pinjaman syarikat;
- Menganalisis dan menilai prestasi kewangan dan fizikal syarikat;
- Menilai pencapaian *Key Performance Indicators* [KPI] syarikat;
- Menguruskan hal-hal korporat syarikat yang merangkumi penubuhan dan penutupan syarikat, penstrukturan semula syarikat, pelantikan pengerusi Ahli Lembaga Pengarah [ALP] dan Ketua Pegawai Eksekutif [CEO]1 serta memperakukan pembayaran bonus dan dividen;
- Menyelaras isu-isu berkaitan syarikat dan
- Menganjurkan kursus/seminar/bengkel untuk memantapkan sumber manusia syarikat khususnya di kalangan Ahli Lembaga Pengarah [ALP] dan *Chief Executive Officer* [CEO] syarikat.

[Nota: Mulai tahun 2016, urusan pelantikan Pengerusi, ALP dan CEO dilaksanakan oleh BPSM]

PENILAIAN PRESTASI SYARIKAT

Pada tahun 2015, BPSA telah menilai prestasi kewangan dan fizikal bagi tahun 2014 berdasarkan *Key Performance Indicators* [KPI] ke atas 71 buah syarikat berbanding 63 buah syarikat pada tahun 2013 seperti di Jadual 3.


Jadual 3 : Bilangan Syarikat Yang Dinilai Berdasarkan KPI Mengikut Agensi

Bil	Agensi	Bilangan Syarikat	
		2014*	2015**
1.	RISDA	13	13
2.	MARA	13	19
3.	FELCRA BERHAD	17	17
4.	KESEDAR	4	4
5.	KETENGAH	6	8
6.	KEDA	4	4
7.	KEJORA	4	4
8.	LAIN-LAIN	2	2
JUMLAH		63	71

Nota : * Penilaian Tahun 2014 Tahun Kewangan 2013
 ** Penilaian Tahun 2015 Tahun Kewangan 2014

Berdasarkan penilaian tersebut, syarikat-syarikat milik Agensi secara keseluruhannya telah menunjukkan prestasi kewangan yang lebih baik bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan jumlah perolehan dan keuntungan selepas cukai pada tahun 2014 dan 2013 adalah seperti Carta 1 di bawah:

Carta 1 : Perolehan dan Keuntungan Selepas Cukai Tahun 2013 dan 2014



Sepertimana yang ditunjukkan dalam Carta 1 di atas, perolehan yang dicatat oleh syarikat pada tahun 2014 telah meningkat sebanyak 12.2% iaitu daripada RM3.37 bilion pada tahun 2013 kepada RM3.78 bilion pada tahun 2014. Keuntungan selepas cukai pada tahun 2014 pula telah menurun sebanyak 1.10% iaitu daripada RM232.00 juta pada tahun 2013 kepada RM229.45 juta pada tahun 2014. Beberapa faktor menyebabkan penurunan keuntungan ini seperti kejatuhan nilai ringgit, penurunan harga minyak dan komoditi dalam pasaran antarabangsa dan pada masa yang sama berlaku peningkatan kos operasi dalam menguruskan syarikat.

Syarikat-syarikat juga telah dinilai berdasarkan prestasi masing-masing serta pencapaian lima KPI yang ditetapkan iaitu Kewangan, Fizikal, Obligasi Sosial, *Good Governance*, Ketidakbergantungan Kepada Sumber Dalam dan dua kriteria tambahan iaitu inovasi/perubahan dan pengiktirafan yang diterima oleh syarikat.

PELAKSANAAN AKTIVITI SYARIKAT

BPSA banyak membantu syarikat-syarikat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti masing-masing. Sebanyak 15 cadangan pelaburan seperti pembelian tanah, pembangunan tanah sedia ada dan penubuhan syarikat baru telah diperakui. Di samping itu juga, isu-isu berkaitan pengurusan syarikat dan aduan berkaitan Agensi dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

BPSA telah berjaya menyelaras dan melaksanakan beberapa program yang melibatkan CEO, Pengarah Urusan, Pegawai Kewangan dan Pegawai Bahagian Korporat Agensi serta ALP Syarikat seperti di Jadual 4:

Jadual 4 : Program dan Lawatan Pemantauan ke Projek/Program Anak Syarikat Milik Agensi Sepanjang Tahun 2015

Bil	Nama Program	Tarikh
Executive Talk 1 :		
1.	Tajuk 1 : Perkongsian Ilmu: Kejayaan Perniagaan Berteraskan Islam	9 Jun 2015
	Tajuk 2 : Transformasi Minda: Merealisasikan GLC Berprestasi Tinggi dan Berdaya Saing Penceramah : YBhg. Tan Sri Muhammad Ali Hashim Presiden, Dewan Perdagangan Islam Malaysia [DPIM]	
Lawatan Pemantauan		
2.	i) Sektor Perladangan Lawatan dibuat ke ladang di bawah FELCRA Bhd iaitu Estet Changkat Jong, Teluk Intan, Perak.	15 September 2015
	ii) Sektor Pelancongan Lawatan dibuat ke atas projek-projek pelancongan yang dijalankan oleh anak syarikat milik Agensi KETENGAH seperti pembangunan Tasik Kenyir, Petang Island Resort, Taman Herba dan Santuari Kelah Sungai Petang.	16-18 September 2015
	iii) Sektor Perkilangan, Perkhidmatan dan Lain-lain Lawatan dibuat ke atas projek-projek yang dilaksanakan oleh anak syarikat milik RISDA di Ulu Keratong, Segamat Johor seperti kilang baja, kilang minyak sawit RISDA, ternakan lembu fidlot dan depoh penyelenggaraan kenderaan.	23-24 November 2015



Gambar 1-2 : Inovasi bagi memproses sisa lebih minyak kelapa sawit oleh Kilang Sawit RISDA, Ulu Keratong.



3



4



11



12



5



6



13

Gambar 3-4: Ladang ternakan lembu fidlot oleh ESPEK Livestock Sdn. Bhd di Ulu Keratong
Gambar 5-10: Lawatan pemantauan ke sektor pelancongan di Tasik Kenyir di bawah Agensi KETENGAH
Gambar 11-12: Lawatan TKSU [R] ke kawasan Pembangunan Zon Bebas Cukai, Pulau Bayas di Tasik Kenyir, Terengganu.
Gambar 13: Lawatan Kerja bersama Pegawai Eksekutif Anak Syarikat di bawah FELCRA Berhad dalam sektor perladangan.
Gambar 14: Lawatan kerja ke ladang FELCRA Berhad di Estet Changkat Jang, Teluk Intan, Perak



7



8



14



9



10

PEMANTAUAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) ANAK SYARIKAT

Sepanjang 2015, sebanyak lapan sesi pembentangan prestasi kewangan dan fizikal berdasarkan KPI oleh 71 anak syarikat milik Agensi di bawah KKLW bagi tahun kewangan 2014 dan kedudukan perolehan serta keuntungan syarikat pada 2015 telah dilaksanakan. Sesi pemantauan KPI tersebut adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5 : Sesi Pemantauan KPI Anak Syarikat Mengikut Agensi

Bil	Agensi	Tarikh	Tempat
1.	SPSB	21 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat SPSB, Mines Waterfront Business Park, Selangor
2.	KEDA, KEJORA dan KESEDAR	24 Ogos 2015	Bilik Mesyuarat BPSA, Aras 24, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
3.	FELCRA Berhad	8 September 2015	Bilik Mesyuarat BPSA, Aras 24, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
4.	RISDA	10 September 2015	RISDA Holding Sdn Bhd, GRAHA ESPEK, Ampang Selangor
5.	FELCRA Berhad	15 September 2015	Estet Changkat Jong FELCRA Berhad, Teluk Intan, Perak
6.	KETENGAH	16 September 2015	Petang Island Resort, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu
7.	MARA	1 Oktober 2015	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn. Bhd. [DDEC], Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur
8.	MARA	2 Oktober 2015	Pelaburan MARA Berhad [PMB], 1 Sentral, Kuala Lumpur

PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN MARA

Penyelarasan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh BPSA ke atas MARA adalah meliputi hala tuju dan dasar MARA, perancangan dan pembangunan fizikal, penyelarasan pelaksanaan projek, *output* dan *outcome* serta isu-isu berkaitan sektor-sektor berkenaan seperti Jadual 6.

Jadual 6 : Sektor-sektor di bawah MARA yang terlibat dengan penyelarasan dan pemantauan oleh BPSA

Sektor Pendidikan	Sektor Keusahawanan	Sektor Pelaburan
<ul style="list-style-type: none"> • Penajaan Pendidikan Tinggi • Pendidikan Menengah • Kemahiran dan Teknikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Usahawan • Pembangunan Industri dan Perniagaan • Pembangunan Infrastruktur Perniagaan • Pembiayaan Perniagaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari

Pencapaian keseluruhan BPSA pada tahun 2015 dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar, perancangan fizikal, program/projek MARA merangkumi perkara-perkara berikut:

- Menyelaras lima kertas ulasan/pertimbangan berkaitan dasar dan pelaksanaan program/projek MARA;
- Menyediakan 39 ulasan bagi permohonan MARA untuk mengikuti lawatan/kursus ke luar negara yang melibatkan pegawai-pegawai MARA;
- Memantau tindakan penyelesaian bagi perkara/ isu berkaitan dasar dan pelaksanaan program/ projek MARA secara berterusan;

- Mengadakan satu Mesyuarat BPSA Bersama MARA bagi menyelaras penyelesaian isu-isu berbangkit berkaitan MARA;
- Memantau penyediaan Laporan Tahunan MARA Tahun 2014 dan
- Lawatan Pemantauan ke projek-projek MARA bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Senarai lawatan pemantauan ke projek MARA bagi tahun 2015 adalah seperti Jadual 7.

Jadual 7 : Lawatan ke Projek MARA sepanjang tahun 2015

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Lawatan ke UniKL Royal College of Medicine Perak	10 Mac 2015
2.	Lawatan ke Maktab Rendah Sains MARA [MRSM] Bentong, Pahang	21 April 2015
3.	Lawatan ke Universiti Kuala Lumpur Royal College Of Medicine Perak	5 Jun 2015
4.	Lawatan ke GIATMARA Pekan, Pahang	15 Oktober 2015
5.	Lawatan ke Bazar Rengit Batu Pahat, Johor	15 Oktober 2015
6.	Lawatan ke KPM, Melaka	27 Oktober 2015
7.	Lawatan ke GIATMARA Tanjung Malim, Perak	Lawatan Pertama 29 Oktober 2015 Lawatan Kedua 4 November 2015



1



2



5



3



4



6

Gambar 1-6 : Sesi pembentangan prestasi kewangan dan kewangan berdasarkan KPI oleh anak syarikat.



1



2



3



4



9



10



5



6



11



12



8



7

Gambar 1-5 : Lawatan Kerja ke Projek Pembinaan GIATMARA Tanjung Malim, Perak

Gambar 6 : Sebelum pembangunan di tapak Bazar Rengit

Gambar 7 : Selepas pembangunan semula Bazar Rengit

Gambar 8 : Aktiviti perniagaan yang masih beroperasi di Bazar Rengit pada waktu malam

Gambar 9-12 : Lawatan ke Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine, Perak

PEMBANGUNAN KOPERASI

Secara keseluruhan, terdapat sebanyak 467 buah koperasi yang diseliasa oleh Agensi di bawah KKLW. BPSA bertanggungjawab untuk menyelaras perkembangan koperasi-koperasi tersebut. Tanggungjawab untuk menyelaras koperasi-koperasi ini mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan koperasi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia [SKM], Maktab Koperasi Malaysia [MKM] dan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad [ANGKASA] serta semua Agensi di bawah KKLW.

KOPERASI LUAR BANDAR MALAYSIA BERHAD (KOOP LUAR BANDAR)

Mulai Jun 2015, pihak koperasi telah mengambil inisiatif dalam menyediakan perkhidmatan kepada anggota koperasi khususnya serta warga Kementerian dan masyarakat sekitar untuk memperoleh barangan keperluan harian dengan kadar harga berpatutan di kedai koperasi iaitu "Lestari Mart" yang terletak di Aras G, Bangunan KKLW, Presint 4, Putrajaya. Kedai Lestari Mart juga turut menjual pelbagai produk usahawan bumiputera, Industri Kecil dan Sederhana [IKS] dan usahawan luar bandar.


Kedai Lestari Mart juga berfungsi sebagai tempat mempromosikan perkhidmatan lain yang disediakan oleh Koop Luar Bandar seperti :

- Kemudahan memperbaharui insuran kenderaan dan cukai jalan;
- Insuran perlindungan hayat Ikhlas Flexi-EB Takaful usahasama dengan Protac Insurance Sdn. Bhd. dan
- Pembayaran bil utiliti dan tambah nilai prabayar melalui E-pay [M] Sdn. Bhd.

Pada 18 Disember 2015 bertempat di Dewan Serbaguna B1, KKLW, Mesyuarat Agung Koperasi Kali Pertama Koperasi Luar Bandar Malaysia Berhad [Koop Luar Bandar] telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri KKLW, YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakub.



Gambar 1-3 : Kedai Lestari Mart
Gambar 4-5 : Pelancaran Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama Koop Luar Bandar Berhad oleh YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakub, Timbalan Menteri KKLW



TRANSFORMASI DAN SINERGI SYARIKAT MILIK AGENSI KKLW

Di dalam memantau prestasi anak-anak syarikat milikan Agensi di bawah Kementerian agar terus maju dan berdaya saing, penekanan turut diberikan terhadap jalinan kerjasama strategik dalam menjalankan sesuatu perniagaan sama ada di kalangan anak-anak syarikat milik Agensi di bawah KKLW ataupun berganding dengan syarikat luar bagi meningkatkan dan mengembangkan lagi potensi syarikat. Dalam hal ini terdapat dua platform yang disediakan untuk anak syarikat bagi merealisasikan objektif tersebut, iaitu:

Bil	Platform
i.	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerokaan Bidang Baru dan
ii.	Mesyuarat/ Perbincangan Mengenai Transformasi dan Sinergi Anak Syarikat Bersama Ketua Pegawai Eksekutif [CEO] Syarikat Milik Agensi Di Bawah KKLW.

i. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerokaan Bidang Baru

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk menyelaras dan seterusnya menggalakkan anak-anak syarikat supaya bekerjasama dengan Agensi-agensi/ syarikat lain bagi menerokai bidang atau sekurang-kurangnya teknologi baru. Pada tahun 2015, sebanyak dua mesyuarat telah diadakan. Antara bidang-bidang baru yang sedang atau telah dilaksanakan oleh anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Bil	Agensi	Bentuk Kerjasama Bidang/ Teknologi Baru
i.	MARA	i. Kerjasama GiatMARA Sdn. Bhd. dengan Multimedia Development Corporation [MDEC] dalam latihan kemahiran dalam bidang digital seperti rekabentuk grafik dan <i>networking</i> .
		ii. Kerjasama Malaysia Design Development Centre [DDEC] dengan Sabah Institute of Arts [SIA] dalam bidang hasil seni merangkumi latihan/kursus, penyelesaian rekabentuk, pameran, bengkel, kempen kesedaran, pertukaran bahan dan sebagainya.
		iii. Kerjasama Pelaburan MARA Berhad [PMB] dengan DWA Analytics Sdn. Bhd. melalui perolehan 71% pegangan saham dalam Brave Brilliant Sdn. Bhd. [BBSB] bagi membolehkan PMB memegang hak mutlak untuk memasarkan model pelaburan Dorsey, Wright & Associates [DWA] di Malaysia dan rantau ASEAN [firma penasihat pelaburan yang terkemuka] dan seterusnya mewujudkan konsortium PMB-DWA Analytics Sdn. Bhd.
		iv. Pegangan saham 30% [sehingga RM3.0 juta] dalam konsortium PMB-Dagong Sdn. Bhd. bagi perkongsian kepakaran dalam aktiviti penarafan kredit yang membolehkan PMB memperluaskan perkhidmatan kewangannya.
ii.	FECLRA Berhad	i. Kerjasama FELCRA Education Sdn. Bhd. dengan Universiti Putra Malaysia [UPM] dalam menawarkan empat program diploma di Kolej FELCRA;
		ii. Kerjasama FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. bersama UPM dan Malaysian Palm Oil Board [MPOB] dalam penyelidikan dan pembangunan [R&D] produk "Ganocare" sejenis bahan formulasi bagi menangani wabak <i>Ganoderma</i> yang menjejaskan tanaman sawit;
		iii. Kerjasama FELCRA Livestock & Agri Product Sdn. Bhd. dengan UniKL Resources Sdn. Bhd., Nippon Asia Halal Association, Halal Development Internal Japan Cooperation [HDJ], Tang Ping Ba Zhen Global Resources [M] Sdn. Bhd. dan SAMYCO Holdings Bhd. dalam industri makanan halal untuk pasaran antarabangsa dan
		iv. Kerjasama FELCRA Livestock & Agri Product Sdn. Bhd. dengan Thian Yen Enterprise Sdn. Bhd dalam pemasaran makanan laut ke pasaran antarabangsa dan
		v. Kerjasama FELCRA Livestock & Agri Product Sdn. Bhd. dengan JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd. dalam perniagaan akuakultur [ternakan haiwan/ tumbuhan maritim dalam persekitaran yang terkawal];

iii.	KESEDAR	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerjasama KESEDAR Perkilangan Sdn. Bhd. [KPSB] dengan Hyper Fusion International [M] Sdn. Bhd. dalam pengurusan dan kitar semula bahan buangan kilang sawit dan ii. Kerjasama dengan Kolej Poly-Tech MARA [KPTM] -KESEDAR dalam menawarkan pengajian Diploma Pengurusan Sumber Manusia.
iv.	Sinergi Perdana Sdn. Bhd. [SPSB]	<ul style="list-style-type: none"> i. SPSB telah dilantik sebagai agen untuk membekalkan produk berkaitan <i>agrochemicals</i> keluaran Halex [M] Sdn. Bhd.

ii. Mesyuarat/ Perbincangan Mengenai Transformasi dan Sinergi Anak Syarikat Bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat Milik Agensi Di Bawah KKLW

Perbincangan transformasi dan sinergi syarikat mengikut sektor ini diadakan sebagai medium untuk anak syarikat di bawah sektor perniagaan yang sama membincangkan isu-isu yang wujud yang mempengaruhi perjalanan syarikat dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik melalui pertukaran pendapat, idea baru dan perkongsian pengalaman. Pada tahun 2015, sebanyak dua sesi perbincangan transformasi dan sinergi syarikat telah diadakan bagi sektor perladangan dan pelancongan. Perkongsian pelan transformasi syarikat masing-masing mengikut sektor adalah seperti berikut:

Sektor Perladangan

i. RISDA Plantation Sdn. Bhd. [RPSB]

- Ditubuhkan pada 1 Ogos 1996 dengan modal berbayar RM10 juta dan dimiliki sepenuhnya RISDA.
- Bertanggungjawab membangunkan tanah-tanah atau kebun-kebun milik pekebun kecil, tanah yayasan/ Agensi Kerajaan.
- Telah melaksanakan penyusunan semula struktur organisasi bagi meningkatkan daya saing iaitu dengan mewujudkan "core centre" dan "profit centre".
- Sehingga Februari 2015 telah menyumbangkan dividen kepada peserta berjumlah RM1,172.50 juta.
- Telah menerima anugerah peringkat antarabangsa antaranya:
 - "Global Trade Leaders – International Food and Beverages Quality" di Madrid pada tahun 2014;
 - "World Confederation of Business [Worldcob] – The Bizz 2014 Awards" di Abu Dhabi, Emirayah Arab Bersatu dan;
 - "European Society for Quality Research [EQSR] – Best Quality Leadership Award" di Las Vegas, Amerika Syarikat.

ii. Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd. [ESPEK]

- Ditubuhkan pada 11 Julai 1981 dengan modal berbayar berjumlah RM20 juta dan dimiliki sepenuhnya RISDA.
- Aktiviti utama syarikat adalah mengurus dan membangunkan operasi di ladang sawit dan getah serta kilang milik RISDA.
- Bagi meningkatkan produktiviti ladang serta kilang, syarikat mengamalkan "Good Agricultural Practice" [GAP] dan "Good Manufacturing Practice" [GMP].

iii. FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd.

- Ditubuhkan pada 31 Mei 2005 dengan modal dibenarkan RM5 juta.
- Aktiviti utama adalah sebagai agen pengurusan ladang bagi estet-estet milik FELCRA BHD, anak-anak syarikat FELCRA BHD dan peserta FELCRA BHD.
- Strategi yang digunakan bagi meningkatkan penghasilan ladang pada tahun 2015:
 - Disiplin pelaksanaan kerja mengikut jadual/kuantiti/kos
 - Menetapkan projek tumpuan (umur pokok 7-20 tahun dan produktiviti rendah/kritikal)
 - Tenaga kerja untuk penuaian adalah optimum
 - Pusingan tuaian optimum
 - Pembajaan sempurna
 - Kawalan keselamatan terhadap tanaman/hasil tuaian

Sektor Pelancongan

i. Nikaniaga Travel and Tours Sdn. Bhd.

- Ditubuhkan pada 21 Julai 1981 dan merupakan milikan penuh KETENGAH Holding Sdn. Bhd.
- Aktiviti awal syarikat adalah dalam sektor peruncitan dan perdagangan sebelum beralih ke sektor pelancongan pada tahun 2014.
- Pelan Strategik Tahun 2014 – 2018 telah disediakan dengan memberikan penekanan kepada sektor pelancongan khususnya perkhidmatan pengembaraan dan pelancongan.
- Bermula pada Januari 2015 syarikat sedang melaksanakan *rebranding* syarikat serta *rebranding* lokasi pelancongan yang terkenal di Terengganu iaitu Tasik Kenyir bagi memantapkan lagi perniagaan syarikat dalam sektor pelancongan.

ii. KEDA Resort and Holidays Sdn. Bhd.

- Ditubuhkan pada 12 Ogos 2010 dengan modal berbayar sebanyak RM250,000 dan dimiliki sepenuhnya oleh KEDA Holding Sdn. Bhd.
- Bidang perniagaan utama syarikat adalah:
 - Pengurusan Resort dan Aktiviti pelancongan iaitu KEDA Resort Bendang Man di Sik, KEDA Eco Resort di Langkawi dan Kemsite Kemangi, Baling.
 - Penternakan Lebah Kelulut dan pengeluaran produk dari madu lebah berkenaan.
 - Perkhidmatan Katering.
- Kerajaan Negeri Kedah melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri [UPEN] telah melantik KEDA sebagai peneraju penternakan madu kelulut di bawah program untuk menarik kemasukan pelancong iaitu "Discover Kedah" pada tahun 2016.

PENGAUDITAN ANAK SYARIKAT MILIK AGENSI KKLW

BPSA juga bertanggungjawab untuk menyelaras maklum balas terhadap isu-isu berkaitan pengauditan melibatkan anak syarikat yang diterima daripada Jabatan Audit Negara, Unit Audit Dalam [UAD] KKLW atau berdasarkan aduan. Selain daripada itu, BPSA turut menyertai lawatan audit bersama pihak UAD ke syarikat-syarikat berkenaan sekiranya perlu bagi membantu urusan siasatan pengauditan. Pada tahun 2015, terdapat beberapa isu berbangkit dari Laporan Ketua Audit Negara [LKAN] berkaitan anak-anak syarikat yang telah diambil tindakan segera oleh BPSA.

PROGRAM BAKTIDESA KKLW

BPSA adalah urus setia bagi Program BAKTIDESA KKLW iaitu program yang melibatkan kerjasama bersama anak syarikat dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat luar bandar. Tiga aktiviti utama yang dilaksanakan di bawah Program BAKTIDESA KKLW adalah Bantuan Pendidikan, Bantuan Bencana dan Bantuan Khidmat Masyarakat [CSR]. Sumber kewangan utama bagi program ini diperolehi daripada sumbangan syarikat-syarikat milik Agensi di bawah KKLW.

Bantuan Pendidikan adalah bantuan yang diberikan secara *one-off* kepada para pelajar miskin / miskin

tegar luar bandar yang ingin melanjutkan pelajaran dari peringkat Sijil sehingga Ijazah Pertama. Terdapat dua jenis bantuan pendidikan yang diberikan iaitu Bantuan Persediaan Kemasukan [BPK] ke Sekolah Berasrama Penuh [SBP] / Maktab Rendah Sains MARA [MRSM] / Pusat Matrikulasi / Institusi Latihan Kemahiran [ILK] sebanyak RM500 atau Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta [IPTA / IPTS] serta bantuan mengikuti Kursus Sijil Kemahiran Malaysia [SKM] di Institusi Pendidikan / Latihan Milik Agensi KKLW sebanyak RM1,000.

Bantuan Bencana pula diberikan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat. Pada tahun 2015, Jawatankuasa Akaun Amanah BAKTIDESA KKLW telah meluluskan bantuan bencana banjir berjumlah RM500,000 iaitu RM152,509.75 digunakan untuk membeli barangan keperluan asas dan selebihnya diagihkan bantuan berjumlah RM250 kepada 1,389 orang mangsa banjir.

Program Khidmat Masyarakat [CSR] adalah program yang melibatkan pembiayaan berjumlah RM5,000 kepada mana-mana badan / persatuan pelajar yang mewakili IPTA bagi melaksana dan menganjurkan program khidmat masyarakat di kawasan luar bandar terutamanya di kampung-kampung di bawah seliaan

Agensi di bawah KKLW seperti RISDA, FELCRA Berhad, KESEDAR, KETENGAH, JAKOA, KEMAS dan lain-lain.

Bagi tahun 2015, sumbangan BAKTIDESAs yang diterima daripada syarikat-syarikat milik Agensi di bawah KKLW adalah berjumlah RM1.61 juta. Pecahan sumbangan BAKTIDESAs oleh syarikat milik Agensi bagi tahun 2015 adalah seperti di Carta 2.

Baki dana sehingga berakhir tahun 2015 yang boleh dibelanjakan adalah sebanyak RM9.08 juta. Pada tahun 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah BAKTIDESAs telah diadakan sebanyak tiga kali dan telah meluluskan bantuan berjumlah RM1.48 juta.


Seterusnya, lawatan pemantauan Bantuan Pendidikan BAKTIDESAs turut diadakan ke kawasan-kawasan yang mempunyai jumlah pemohon yang ramai yang bertujuan untuk :

- i. Mendapat gambaran jelas mengenai keadaan kehidupan seharian sesebuah keluarga pemohon yang terdiri daripada keluarga miskin/miskin tegar luar bandar;
- ii. Menyemak kesahihan dan ketepatan maklumat yang terdapat dalam borang permohonan Bantuan Pendidikan BAKTIDESAs KKLW dan
- iii. Pemerhatian dan temu bual dapat dibuat terus bersama keluarga pemohon bagi mengetahui lebih lanjut mengenai maklumat pemohon.

Pada tahun 2015, lawatan pemantauan telah dilaksanakan ke dua lokasi pada 22 Oktober 2015 iaitu:

Bil	Dewan Undangan Negeri (DUN)	Parlimen	Bilangan Pemohon
1.	Batang Kali	Hulu Selangor	11
2.	Kuang	Selayang	11

Carta 2 : Sumbangan BAKTIDESAs Oleh Syarikat / Agensi Di Bawah KKLW Bagi Tahun 2015



UNIT AUDIT DALAM

Bagi tujuan memastikan semua aktiviti KKLW dilaksana serta dipantau oleh pihak yang diberi tanggungjawab, UAD telah menjalankan pengauditan berdasarkan Rancangan Tahunan Audit 2015 yang telah diluluskan oleh KSU KKLW. Hasil daripada pengauditan tersebut dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam yang dipengerusikan oleh KSU KKLW.

JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

Perbendaharaan Malaysia telah menetapkan bahawa setiap Kementerian di peringkat Kerajaan Persekutuan perlu mewujudkan Jawatankuasa Audit (JKA). Ia merupakan salah satu pendekatan amalan terbaik bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan di Sektor Awam. UAD

bertindak sebagai urus setia kepada Mesyuarat JKA yang diadakan setiap suku tahun. Sesalinan Minit Mesyuarat JKA dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia pada setiap suku tahun sebagaimana arahan yang ditetapkan dalam 1PP – Tadbir Urus Kewangan [PS] 3.2 Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Bagi tahun 2015, JKA peringkat KKLW telah melaporkan penemuan audit hasil dari pengauditan pengurusan kewangan dan pengauditan prestasi di Bahagian/Jabatan di Kementerian yang mempunyai isu berimpak tinggi/material serta isu yang tidak dijawab atau maklum balas terlalu umum. Bilangan serta tarikh mesyuarat JKA yang telah diadakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti di jadual berikut:

Bilangan Mesyuarat	Tarikh Dijadualkan	Tarikh Diadakan	Tarikh Hantar Ke Kementerian Kewangan
1 Tahun 2015	09.04.2015	09.04.2015	15.04.2015
2 Tahun 2015	02.07.2015	31.07.2015	11.08.2015
3 Tahun 2015	14.10.2015	05.11.2015	07.12.2015
4 Tahun 2015	14.01.2016	15.01.2016	21.02.2016

UNIT PERUNDANGAN

Unit Perundangan KKLW ditubuhkan pada tahun 2007 yang mempunyai tiga orang Pegawai terdiri daripada Penasihat Undang-Undang dan dua orang Peguam Persekutuan. Objektif Unit Perundangan adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang bagi Kementerian dan juga Jabatan/Agensi di bawah Kementerian.

Antara aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Unit Perundangan adalah menyemak dan meneliti Perjanjian Pelantikan Perunding, Memorandum Persefahaman, Projek Dokumen atau apa-apa dokumen perundangan lain yang dikemukakan oleh bahagian-bahagian di KKLW dan Agensi-agensi di bawah bidang kuasa KKLW.

Selain itu, Unit Perundangan juga memberi pandangan/nasihat perundangan secara bertulis atau lisan sesuai dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain ke atas isu undang-undang yang berbangkit di KKLW dan Agensi-agensi di bawah bidang kuasa KKLW.

Unit Perundangan juga menyemak atau jika tiada draf dikemukakan, menyediakan draf Rang Undang-Undang, Perundangan Subsidiari, pemberitahuan undang-undang di bawah bidang kuasa KKLW. Aktiviti lain yang dilakukan oleh Unit Perundangan adalah menyediakan draf pertama ulasan bagi pihak Jabatan Peguam Negara ke atas Memorandum Jemaah Menteri yang diedarkan oleh KKLW. Jadual 1 menunjukkan bilangan kuantiti permohonan sebenar yang diterima oleh Unit Perundangan bagi tahun 2015.



Gambar 1-3: Lawatan pemantauan Bantuan Pendidikan BAKTIDESAs Ke DUN Batang Kali
 Gambar 4-6: Lawatan pemantauan Bantuan Pendidikan BAKTIDESAs Ke DUN Kuang

Jadual 1 : Bilangan permohonan yang diterima

Jenis Tugas	Kuantiti Yang Diterima
Permohonan Bagi Pandangan Undang-Undang Secara Bertulis	48
Permohonan Bagi Menggubal/ Menyemak Surat Cara Perundangan	272
Permohonan Bagi Menggubal/ Menyemak Rang Undang-Undang	6

Selain itu juga, Unit Perundangan merupakan ahli kepada kelab Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan *Judicial And Legal Service Officers Association* (JALSOA) anjuran Jabatan Peguam Negara.

UNIT NATIONAL KEY RESULT AREAS (NKRA)

Unit *National Key Result Areas* (NKRA) telah diwujudkan pada tahun 2009 dan kini memasuki tahun ke-enam pewujudannya. Unit ini bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek-projek NKRA Pembangunan Luar Bandar di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Selain itu, Unit NKRA juga terlibat sebagai *focal point* bagi program-program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan KKLW berperanan sebagai peneraju atau rakan strategik seperti berikut:

Program	Kementerian Peneraju	Pelaksana Program
Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	KKLW	Unit NKRA
1Malaysia Youth Cities (1MYC) – 1Malaysia Entrepreneur (1MET) Hub dan One Stop Business Service Offices (BSOs)	KKLW	Unit NKRA
Mini RTC	KKLW	Bahagian Komuniti dan Infodesa
Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI)	KKLW	Bahagian Infrastruktur
Strategic Linkages (SL)	MOF	Unit NKRA

Sepanjang GTP1.0 (2010-2012), seramai 4.5 juta penduduk telah memperoleh faedah daripada pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar yang meliputi akses kepada kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih atau terawat serta jalan berturap. Selain itu, program bantuan rumah sama ada pembinaan baru atau membaik pulih rumah untuk penduduk-penduduk miskin luar bandar juga dilaksanakan di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar.

Pada tahun 2013, GTP2.0 telah diperkenalkan bagi mewujudkan kesinambungan kepada inisiatif yang masih belum dicapai semasa GTP1.0, kesan daripada kekangan bajet. Di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar ini, terdapat dua komponen yang diutamakan iaitu Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Pemerksaan Kampung Abad Ke-21. Sepanjang pelaksanaan di bawah GTP2.0 (2013-2015), tambahan seramai 1 juta penduduk luar bandar telah menerima faedah hasil daripada pembangunan projek-projek infrastruktur asas ini. Jumlah ini adalah lebih kecil berbanding pelaksanaan GTP1.0 kerana projek-projek dilaksanakan di kawasan yang lebih terpencil dan mempunyai kepadatan penduduk yang rendah.

Program Kampung Abad Ke-21 pula adalah program serampang dua mata yang dikhaskan untuk penduduk khususnya yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Terdapat empat program yang telah diperkenalkan di bawah Program Kampung Abad Ke-21 dan tiga buah program diletakkan di bawah KKLW iaitu Program Desa Lestari, Projek Ladang Buah-buahan dan Sayur-sayuran Berskala Besar dan Program *Rural Business Challenge* (RBC) manakala sebuah lagi program iaitu Program Rimbunan Kasih diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Berikut dikemukakan aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Aktiviti dan Pencapaian Unit NKRA tahun 2015

Bil.	Aktiviti / Projek	Pencapaian
1. MESYUARAT		
1.1 NKRA		
i]	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemantauan Projek-Projek NKRA dipengerusikan oleh TKSU [Pembangunan].	6 kali mesyuarat
1.2 NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)		
i]	Menghadiri Mesyuarat <i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS) Summit dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri	3 kali mesyuarat
ii]	Menghadiri Mesyuarat <i>Pre-National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS) Summit dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara	12 kali mesyuarat
iii]	Menghadiri Mesyuarat NBOS Summit dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bersama Penasihat Perdana Menteri, Prof W. Chan Kim	12 kali mesyuarat
iv]	Urusetia Mesyuarat Penyelarasan Inisiatif NBOS di bawah KKLW [Latihan Kemahiran] dipengerusikan oleh Ketua Unit NKRA	2 kali mesyuarat
v]	Menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan <i>1Malaysia Youth Cities</i> yang diurusetikan oleh KPKT	8 kali mesyuarat
vi]	Menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan <i>1Malaysia Youth Cities</i> yang dipengerusikan oleh NSU, MOF	2 kali mesyuarat
vii]	Urusetia Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Komponen <i>1Malaysia Entrepreneur</i> (1MET) Hub dan <i>One-Stop Business Services Office</i> (BSOs) di bawah Inisiatif <i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS) <i>1Malaysia Youth Cities</i> (1MYC)	1 kali mesyuarat
viii]	Urusetia Lab Pelaksanaan Komponen <i>1Malaysia Entrepreneur</i> (1MET) Hub dan <i>One-Stop Business Services Office</i> (BSOs) di bawah Inisiatif <i>1Malaysia Youth Cities</i> (1MYC)	1 kali makmal
2. LAPORAN		
2.1 NKRA		
i]	Laporan Bulanan Prestasi dan Perbelanjaan Projek-projek di bawah NKRA	12 kali
ii]	Laporan Sukuan Tahunan Bagi Pencapaian Fizikal dan Kewangan Projek-projek NKRA	4 kali
iii]	Penyediaan Laporan Tahunan Pencapaian Projek-projek NKRA Pembangunan Luar Bandar bagi pihak PEMANDU	1 kali
2.2 NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)		
i]	Laporan Pelaksanaan Program NBOS 5 [perluasan RTC]	12 kali

Selari dengan agenda transformasi KKLW iaitu 'Membandarkan Luar Bandar', KKLW telah memainkan peranannya secara konsisten dalam memastikan projek-projek pembangunan di bawah NKRA mencapai sasarannya. Pada tahun 2015, dengan peruntukan pembangunan serta mengurus sebanyak lebih RM2.3 bilion, komitmen KKLW boleh dilihat dalam menyediakan infrastruktur asas luar bandar seperti berikut:

- i. Sepanjang 732.22 kilometer Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa telah dibina atau dinaik taraf;
- ii. Sebanyak 9,399 buah rumah telah disambungkan dengan bekalan air bersih atau terawat;
- iii. Sebanyak 14,430 buah rumah telah mempunyai akses kepada bekalan elektrik 24 jam;
- iv. Sebanyak 9,080 buah rumah telah dibina atau dibaik pulih untuk penduduk miskin luar bandar di bawah Program Bantuan Rumah; dan
- v. Sepanjang 322.50 kilometer Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa telah diselenggara.

Selain itu, KKLW juga memainkan peranan utama dalam pembangunan luar bandar melalui Program Kampung Abad Ke-21 yang dikhaskan untuk penduduk khususnya yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Terdapat tiga Program Kampung Abad Ke-21 yang diletakkan di bawah KKLW iaitu Program Desa Lestari, Projek Ladang Buah-buahan dan Sayur-sayuran Berskala Besar dan Program RBC.

Program Desa Lestari merupakan usaha Kerajaan untuk mentransformasikan desa melalui pembangunan ekonomi komuniti. Program ini memperkasakan ekonomi masyarakat luar bandar dengan menggerakkan koperasi sebagai agen

pembangunan ekonomi di peringkat kampung. Pada tahun 2015, sebanyak 13 buah kampung di bawah Program Desa Lestari telah berjaya menjana pendapatan melalui projek-projek yang dijalankan seperti penyewaan jentera peladangan, homestay, pengusaha makanan, ternakan lebah kelulut, sewaan pengangkutan, sewaan kanopi, pelancongan dan sebagainya. Pelaksanaan projek di kawasan luar bandar ini turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung termasuklah warga emas dan ibu tunggal. Ikonik produk bagi program ini adalah *cabin chalet* dan madu kelulut.

Projek Ladang Buah-buahan dan Sayur-sayuran Berskala Besar [EPP7] pula merupakan projek usahasama antara KKLW dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [MOA] di mana tanah terbiar dibangunkan dan dikomersialkan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Pada tahun 2015, dua buah ladang telah dibuka di bawah program ini iaitu di Kampung Chemuak, Mukim Jengai, Dungun, Terengganu dan di Kampung Kuala Sat, Jerantut, Pahang yang kedua-duanya berkeluasan 200 ekar.

Program RBC merupakan penganjuran Pertandingan Penyediaan Rancangan Perniagaan [RP] dalam kalangan belia Malaysia berumur 18 hingga 40 tahun dan ia melibatkan pembangunan atau pengembangan perniagaan di kawasan luar bandar. Peserta dikehendaki menyediakan RP yang menguntungkan dan berdaya maju. Program ini menggalakkan golongan belia khususnya di luar bandar memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan, mewujudkan peluang pekerjaan, memangkin ekonomi di kampung masing-masing serta menjadikan kawasan luar bandar menarik untuk didiami. Sebanyak 85% daripada pemenang-pemenang di bawah Program RBC tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan pendapatan melebihi 30% pada tahun 2015.

PENCAPAIAN PROGRAM NBOS 4 & NBOS 5 – PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTC)

RTC diwujudkan bertujuan mempercepatkan peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar melalui penyediaan kemudahan perkhidmatan yang berkonsepkan "Satu Hentian, Pelbagai Perkhidmatan". Sehingga tahun 2015, sebanyak lapan RTC telah beroperasi iaitu RTC Perak, Kelantan, Melaka, Pahang, Johor, Kedah, Terengganu dan Sarawak. Selain menyediakan kemudahan-kemudahan perkhidmatan Kerajaan yang diperlukan oleh komuniti setempat, RTC turut melaksanakan lapan inisiatif utama bagi tujuan membangunkan modal insan dan meningkatkan aktiviti ekonomi penduduk luar bandar khususnya dalam lingkungan 100 kilometer radius dari RTC melalui kolaborasi dan sinergi antara Kementerian/Agensi Kerajaan, pihak swasta, koperasi serta komuniti. Nilai jualan dan jumlah pengunjung ke RTC bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Nilai Jualan dan Jumlah Pengunjung ke RTC bagi tahun 2015

Bil	RTC	Nilai Jualan (RM)	Pengunjung (Orang)
1.	Perak	136,205,032	2,780,000
2.	Kelantan	242,886,459	4,040,655
3.	Johor	68,000,000	313,855
4.	Kedah	3,444,466	2,329,399
5.	Terengganu	2,390,525	131,387
6.	Pahang	659,334	115,804
7.	Sarawak	163,755	21,062
JUMLAH		453,749,571	9,732,162

Sebanyak lima Kementerian Peneraju RTC iaitu KKLW, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [MOA], Kementerian Pendidikan Tinggi [KPT], Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM] dan Kementerian Kewangan [MOF] telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, koperasi dan pihak swasta bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif RTC dan pencapaian tahun 2015 adalah seperti berikut:

i. Inisiatif 1 : Latihan Kemahiran - KKLW

Sebanyak 445 kursus/seminar berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 16,674 peserta yang menghadiri kursus kemahiran seperti pembaikan penghawa dingin, kek dan pastrri serta kursus pengembangan perniagaan seperti pemasaran *online*, pembungkusan dan pelabelan;

ii. Inisiatif 2 : Kios Informasi 1Malaysia - KKLW

Seramai 28,581 pengguna telah direkod menggunakan perkhidmatan di kios;

iii. Inisiatif 3 : Pertanian Bernilai Tinggi - MOA

Sejumlah RM667.9 juta nilai jualan dicatatkan dengan penglibatan seramai 3,457 petani/pekebun dengan keluasan kawasan pertanian seluas 6,880 hektar. Projek-projek pertanian terlibat adalah Taman Kekal Pengeluaran Malaysia dan ladang-ladang kontrak;

iv. Inisiatif 4 : Pemprosesan Produk Agro Makanan - MOA

Sejumlah RM403.3 juta nilai jualan dengan penglibatan seramai 2,750 usahawan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan produk industri asas tani;

v. Inisiatif 5 : Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian - MOA

Sebanyak RM660.8 juta nilai jualan dicatatkan hasil daripada aktiviti-aktiviti Pasar Tani, Agrobazaar Kedai Rakyat, Motosikal Tiga Roda dan Gerai Buah-Buahan Segar;

vi. Inisiatif 6 : Kerjasama Universiti - KPT

Sebanyak lapan Program *Educate Malaysia*, lima Program *Health for Malaysia* dan 29 Projek Komuniti telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 22,302 yang terdiri daripada pensyarah/pelajar/komuniti di bawah inisiatif ini. Di bawah inisiatif ini juga seramai 50 duta universiti telah dilantik;

i. **Inisiatif 7 : Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia - KKM**

Seramai 46,480 pesakit telah mendapat perkhidmatan di Klinik 1Malaysia, Klinik Pergigian dan Pusat Hemodialisis yang disediakan di RTC. Sebanyak 1,152 syarikat telah mendapat pensijilan "Makanan Selamat, Tanggungjawab Industri" (MesTI); dan

ii. **Inisiatif 8 : Kemudahan Pembiayaan Kewangan - MOF**

Seramai 1,175 usahawan telah mendapat manfaat sokongan kewangan dari institusi-institusi kewangan di RTC dengan nilai kemudahan pembiayaan berjumlah RM21.6 juta.

Peranan RTC akan diperkasa melalui pelaksanaan jaringan strategik antara Mini RTC- RTC- UTC bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memastikan peningkatan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. MOF selaku peneraju inisiatif ini dengan disokong oleh KKLW serta MDA telah menggerakkan kolaborasi antara pelbagai Agensi Kerajaan dan Swasta, Koperasi, Universiti, 1M4U, Sukarelawan dan Komuniti bagi mempergiatkan aktiviti ekonomi dan kesukarelawan di kawasan luar bandar terutamanya di RTC dan Mini RTC.

Dengan pelaksanaan jaringan strategik ini, adalah diharapkan lebih banyak produk dan hasil dari kawasan luar bandar dapat dipasarkan secara terus ke kawasan bandar seterusnya mampu memberikan pulangan pendapatan yang lebih baik kepada penduduk dan usahawan di kawasan luar bandar malah akan turut membantu mengekalkan harga yang rendah untuk produk berkenaan kepada penduduk bandar.

1Malaysia Youth Cities (1MYC)

1Malaysia Youth Cities (1MYC) merupakan satu inisiatif baru NBOS yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat NBOS Summit pada 21 Ogos 2014. KKLW, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui bersama inisiatif ini dengan dibantu oleh beberapa buah Agensi yang lain seperti MOF, Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta dan

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Program 1MYC bertujuan untuk mentransformasikan kawasan pinggir bandar kepada sebuah bandar yang menjadi tarikan dan tumpuan kepada golongan belia dari bandar dan luar bandar dengan penyediaan infrastruktur yang baik, pendidikan, kemudahan sukan dan rekreasi serta peluang pekerjaan dari syarikat-syarikat GLC dan sektor swasta.

Terdapat empat komponen baru yang diperkenalkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) melalui Mesyuarat NBOS Summit pada 22 Oktober 2015 di bawah *Strategic Public-Private Partnership (PPP) for 1Malaysia Youth Cities*. PPP berperanan mewujudkan jalinan kerjasama yang strategik antara orang awam dan pihak swasta bagi membangunkan perumahan mampu milik dan peluang pekerjaan dan perniagaan yang berdaya tahan. Komponen-komponen tersebut terdiri daripada perumahan mampu milik bagi pekerja swasta, 1Malaysia Entrepreneur (1MET) Hub, One-Stop Business Service Offices (BSOs) dan 1Master Upskilling Center.

Pada 25 November 2015, KKLW, Unit Strategi Nasional (NSU) dan *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)* telah dilantik sebagai peneraju bagi Komponen 1MET Hub dan BSOs. Pewujudan 1MET Hub bertujuan menyediakan ekosistem yang menyokong dan merangsang semangat keusahawanan dalam kalangan belia manakala BSOs pula berperanan sebagai pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan Kerajaan kepada perusahaan kecil sederhana dan syarikat besar.

Sebuah Lab Pelaksanaan Komponen 1Malaysia Entrepreneur (1MET) Hub dan One-Stop Business Services Offices (BSOs) di bawah Inisiatif 1Malaysia Youth Cities (1MYC) telah diadakan pada 18 Disember 2015 yang melibatkan 40 orang peserta mewakili 25 Kementerian, Agensi dan Syarikat Swasta. Lab tersebut bertujuan untuk mendapatkan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam pembangunan 1MET dan BSOs serta mendapatkan input dan maklum balas daripada peserta-peserta yang hadir.

UNIT INTEGRITI

EXECUTIVE TALK

Unit Integriti KKLW dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPIEM) telah menganjurkan Executive Talk bertajuk "Profession, Integriti dan Rezeki Yang Barakah" pada 24 Februari 2015 di Bilik Latihan Aras 3, KKLW.

Tujuan program adalah untuk mengajak warga KKLW menjadi mukmin professional yang memiliki keunggulan peribadi, kemahiran professional dan sentiasa bermujahadah berteraskan visi dan misi yang tepat dalam menguruskan kehidupan dunia dan akhirat. Program ini juga memfokuskan penerapan kepada audien akan konsep bekerja sebagai satu ibadah dan ladang pahala yang boleh dituai setiap saat selain penerapan keikhlasan, itqan, cemerlang serta murah hati sesama kakitangan dan orang ramai.

KURSUS PEMBANGUNAN INDIVIDU DAN ORGANISASI BERINTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kesinambungan Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti Edisi Semenanjung pada penghujung 2014 yang berlangsung di Port Dickson, Unit Integriti meneruskan agenda pengukuhan modal insan berintegriti bagi warga KKLW di Sabah dan Sarawak. Program yang berlangsung pada 1 hingga 3 April 2015 di Hotel Beringgis, Kota Kinabalu, Sabah, dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Tujuan utama program meningkatkan kefahaman mengenai konsep Pelan Integriti Nasional serta aplikasi sektor awam seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti dan berintegriti tinggi.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KKLW (KCSR) SIRI 1 : MEMBERSIH DAN MEMBAIK PULIH SEKOLAH TERBIAR UNTUK DIJADIKAN RUMAH KEDIAMAN

Program telah berlangsung pada 21 hingga 24 April 2015 bertempat di RKT KESEDAR Lebir, Kelantan. Matlamat CSR ini adalah untuk warga KKLW dan KESEDAR bersama-sama berganding tenaga bergotong royong membersihkan dan membaiki pulih

sekolah lama serta kawasan sekitarnya agar dapat dijadikan penempatan sementara yang lebih selesa kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan tersebut.

SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) KKLW GO LIVE

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan (JKTPA) Bil. 1/2014 agar SISPAA diguna pakai sebagai satu sistem berintegrasi dalam pengendalian juga pengurusan aduan KKLW. Usaha mengkonfigurasi dan menganjurkan sesi latihan penggunaan SISPAA bagi semua Bahagian/Unit dan Agensi-agensi di bawah KKLW giat dijalankan mulai Mei 2015 sebelum penguatkuasaan penggunaannya pada 1 Ogos 2015. Sistem yang mesra pengguna ini boleh dicapai dengan mudah melalui Portal KKLW.

PROGRAM SEHARI BERINTEGRITI

Program ceramah bertajuk '7 Hari Yang Beruntung' telah diadakan pada 9 Jun 2015 bersama Al-Fadhil Ustaz Hanafiah Abdul Razak, Ketua Unit Falak, Jabatan Mufti Johor yang juga panelis rancangan televisyen 'Tanyalah Ustaz TV9'. Perkongsian menarik daripada ceramah ini telah membuka minda hadirin akan perkaitan antara sains falak, taqvim, petikan surah dalam al-Quran dengan urusan pekerjaan dan kehidupan sehari-hari.


PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KKLW (KCSR) SIRI 2: GOTONG-ROYONG MEMPERINDAH KAWASAN KAMPUNG DI KENYIR, TERENGGANU

KCSR KKLW Siri 2 telah berjalan dengan jayanya pada 13 dan 14 Jun 2015 di Kampung Basung dan Kampung Pasir Dula, Hulu Terengganu hasil kolaborasi antara KKLW, KETENGAH dan JKKK Kg. Pasir Dula. Program berbentuk gotong-royong ini melibatkan aktiviti pembersihan dan mengindahkan landskap kawasan sekitar masjid, surau, TABIKA KEMAS dan tanah perkuburan. Suasana kondusif dan indah telah memberi kegembiraan kepada semua penduduk. Wakaf yang dibina di kawasan sekitar masjid dan TABIKA juga dapat dimanfaatkan bersama.


LAPORAN ADUAN KKLW

Pada 2015, sebanyak 245 aduan telah diterima Kementerian ini dan berjaya diselesaikan kesemuanya dengan kerjasama padu Unit Integriti dan kesemua Pegawai Penyelaras Aduan (PPA) yang dilantik di Bahagian-bahagian dan Agensi-agensi.


Aduan Yang Diterima Pada Tahun 2015



Penerimaan Aduan KKLW



Sumber Penerimaan Aduan KKLW



KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME PEGAWAI ADUAN

Demi memperkukuh semangat dan motivasi para PPA dalam mengendalikan aduan, Kursus Peningkatan Profesionalisme Pegawai Aduan KKLW telah diadakan bermula 24 November 2015 di Bilik Latihan Aras 3 KKLW.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KKLW (KCSR) SIRI 3 TAHUN 2015 “KEMPEN DERMA DARAH”

Sebagai penutup kepada Program KCSR KKLW, Kempen Derma Darah telah berjaya dilaksanakan pada 17 Disember 2015 bertempat di Aras 3, KKLW dengan penyertaan lebih 100 orang peserta yang berhasrat menderma darah dan juga membuat pemeriksaan kesihatan. Sebanyak 62 unit darah berjaya didermakan oleh warga KKLW serta kakitangan Kementerian terdekat sekitarnya.



UNIT PETUNJUK PRESTASI (KPI)

PELAPORAN PENCAPAIAN KPI MENTERI DAN KETUA SETIAUSAHA

Penyediaan Laporan Berkala Prestasi Pencapaian KPI dan Scorecard YB Menteri KKLW seperti berikut :

1. Laporan Tahunan
2. Laporan Pertengahan Tahun
3. Laporan Bulanan
4. Sesi Klinik PEMANDU-Penetapan KPI tahun berikutnya
5. Sesi Mid Term Review
6. Sesi Year End Review

Penyediaan Laporan Berkala Prestasi Pencapaian KPI Ketua Setiausaha

1. Laporan Pencapaian Tahunan
2. Laporan Pertengahan Tahun
3. Semakan Semula KPI
4. Penetapan KPI tahun berikutnya



SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN



- ◆ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- ◆ Bahagian Kewangan
- ◆ Bahagian Akaun
- ◆ Bahagian Perolehan
- ◆ Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Aset
- ◆ Bahagian Pengurusan Maklumat




BAHAGIAN LIMA



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

Tanggungjawab utama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia [BPSM], KKLW adalah mengendalikan semua urusan sumber manusia dan aspek-aspek seperti perjawatan, perkhidmatan latihan, peperiksaan, kompetensi serta psikologi dan kaunseling. Bahagian ini juga bertanggungjawab ke atas pemantauan kedudukan pengisian perjawatan serta penempatan bagi semua kategori anggota KKLW.

BPSM, KKLW terdiri daripada lima cawangan seperti berikut:



CAWANGAN PERANCANGAN TENAGA MANUSIA DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI (CAWANGAN A)

Cawangan Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi [Cawangan A] bertanggungjawab mengkaji dan merancang struktur organisasi serta menguruskan urusan perjawatan di Kementerian dan Agensi-agensi di bawahnya. Fungsi Cawangan A dapat diterangkan secara lebih spesifik seperti berikut:

1. Mengkaji dan merancang keperluan perjawatan dan sumber manusia.
2. Melaksanakan dasar perjawatan berdasarkan peraturan dan dasar semasa.
3. Mengkaji dan melaksanakan penyusunan semula struktur organisasi Kementerian berdasarkan keperluan.
4. Mengkaji dan melaksanakan pengukuhan perjawatan Kementerian berdasarkan keperluan.
5. Melaksana dan menyelaras semakan skim perkhidmatan di bawah Ketua Perkhidmatan Ketua Setiausaha KKLW berdasarkan arahan Agensi Pusat.
6. Melaksanakan naziran perjawatan dan analisis beban tugas.
7. Menyedia dan mengemaskini pangkalan data perjawatan.
8. Menyedia dan mengemaskini carta organisasi dan carta fungsi Kementerian.
9. Memantau dan mengkaji urusan perjawatan Agensi.
10. Urus setia Majlis Bersama Jabatan [MBJ].
11. Memberi khidmat nasihat urusan perjawatan dan pembangunan organisasi serta MBJ kepada Jabatan dan Agensi.
12. Menguruskan pencalonan pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat [DKBP] bagi persekutuan/negeri dan menguruskan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah [ALP] Agensi-agensi KKLW.

Pencapaian

Secara keseluruhannya, Cawangan A telah berjaya melaksanakan program/aktiviti yang dirancang dengan jayanya. Semua sasaran kerja yang dirancang telah berjaya dicapai 100%. Terdapat lima aktiviti utama melebihi pencapaian 100% disebabkan oleh pelaksanaan yang melebihi sasaran

yang ditetapkan iaitu pelaksanaan dasar perjawatan, mengkaji dan melaksanakan pengukuhan perjawatan Kementerian berdasarkan keperluan, pemantauan urusan perjawatan Agensi, urusan pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat [DKBP] dan urusan pelantikan ALP Agensi KKLW.

Sasaran Kerja Dan Pencapaian Perancangan Tenaga Manusia Dan Pembangunan Organisasi Tahun 2015

BIL	FUNGSI	AKTIVITI	PROJEK/ KETERANGAN	SASARAN [Kuantiti/ Kualiti/ Masa]	PENCAPAIAN SEBENAR	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Mengkaji dan merancang keperluan perjawatan dan sumber manusia.	Perancangan sumber manusia.	Pemantauan/ Maklum Balas Berhubung Pelan Strategik/ Perancangan Pengurusan Sumber Manusia KKLW dan arahan Agensi pusat.	Kuantiti : 3 urusan	3 urusan telah dilaksanakan	100%
2.	Melaksanakan dasar perjawatan berdasarkan peraturan dan dasar semasa.	Pelaksanaan dasar perjawatan.	Penyediaan maklumat dan input kajian serta pelaksanaan di peringkat KKLW.	Kuantiti : 3 urusan	6 urusan telah dilaksanakan	melebihi 100%
3.	Mengkaji dan melaksanakan penyusunan semula struktur organisasi Kementerian berdasarkan keperluan.	Penyusunan semula struktur organisasi.	Penyusunan semula struktur organisasi dan pemantapan fungsi Kementerian.	Kuantiti : 1 kertas permohonan 5 urusan susulan	6 urusan telah diadakan	100%
4.	Mengkaji dan melaksanakan pengukuhan perjawatan Kementerian berdasarkan keperluan.	Pengukuhan perjawatan.	Cadangan pewujudan bahagian baru, naik taraf gred jawatan dan pindaan gelaran jawatan.	Kuantiti : 5 urusan	18 urusan telah dilaksanakan	melebihi 100%
5.	Memantau implementasi perjawatan melalui naziran perjawatan	Naziran perjawatan.	Semakan semula perjawatan dan beban tugas.	Kuantiti : 1 urusan Kementerian 1 urusan Agensi	Telah dilaksanakan bersekali dengan urusan susulan penambahbaikan 81 skim perkhidmatan dan penyediaan Waran Perjawatan/SKP KKLW/Jabatan/ Agensi secara zero-based	100%

BIL	FUNGSI	AKTIVITI	PROJEK/ KETERANGAN	SASARAN [Kuantiti/ Kualiti/ Masa]	PENCAPAIAN SEBENAR	PERATUS PENCAPAIAN
6.	Menyedia dan mengemaskini pangkalan data perjawatan dan maklumat perjawatan Kementerian	Pangkalan data perjawatan.	Penyediaan pelbagai data perjawatan dan kemaskini pangkalan data berdasarkan waran perjawatan.	<u>Kuantiti</u> : 50 urusan	50 urusan telah dilaksanakan Pangkalan data perjawatan telah dikemaskini	100%
7.	Menyedia dan mengemaskini carta organisasi dan carta fungsi Kementerian serta pangkalan data carta organisasi dan fungsi Bahagian/Unit.	Kemaskini carta organisasi dan carta fungsi Kementerian/ Bahagian/ Unit.	Kemaskini carta organisasi dan carta fungsi Kementerian serta penyediaan pangkalan data carta organisasi dan carta fungsi bahagian.	<u>Kuantiti</u> : 1 carta organisasi dan carta fungsi Kementerian dikemaskini 1 pangkalan data carta organisasi dan carta fungsi Bahagian/ Unit dikemaskini	Carta organisasi dan carta fungsi Kementerian telah dikemaskini Pangkalan data carta organisasi dan fungsi Kementerian/ Bahagian/Unit telah dikemaskini	100%
8.	Memantau dan mengkaji urusan perjawatan Agensi.	Pemantauan urusan perjawatan Agensi.	Lawatan/ulasan/ perakuan bagi pelbagai urusan penyusunan semula dan pengukuhan perjawatan Agensi.	<u>Kuantiti</u> : 10 ulasan/ perakuan bagi pelbagai urusan perjawatan Agensi.	21 urusan telah dilaksanakan	melebihi 100%
9.	Urus setia Mesyuarat MBJ KKLW.	Urus setia Mesyuarat MBJ KKLW.	Pelaksanaan Mesyuarat MBJ KKLW mengikut takwim dan penyediaan kompilasi isu tahun 2015.	<u>Kuantiti</u> : 4 mesyuarat MBJ 1 kompilasi isu tahun 2015	4 mesyuarat telah diadakan 1 kompilasi isu telah disediakan	100%
10.	Khidmat nasihat urusan perjawatan dan MBJ.	Khidmat nasihat.	Khidmat nasihat perjawatan, pembangunan organisasi dan MBJ kepada Jabatan dan Agensi.	<u>Kuantiti</u> : 20 khidmat nasihat	20 khidmat nasihat telah dilaksanakan	100%
11.	Menguruskan pencalonan pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat [DKBP] bagi persekutuan dan negeri-negeri	Urusan pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat [DKBP].	Melibatkan pencalonan di setiap negeri dan persekutuan.	<u>Kuantiti</u> : 60 pencalonan	122 pencalonan telah diuruskan	melebihi 100%

BIL	FUNGSI	AKTIVITI	PROJEK/ KETERANGAN	SASARAN [Kuantiti/ Kualiti/ Masa]	PENCAPAIAN SEBENAR	PERATUS PENCAPAIAN
12.	Menguruskan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah [ALP] Agensi	Urusan pelantikan ALP	Melibatkan pelantikan semula/pelantikan baru bagi ahli yang tamat tempoh pelantikan tahun 2014/2015	<u>Kuantiti</u> : 30 urusan	44 urusan telah dilaksanakan	melebihi 100%

Sekitar Aktiviti Cawangan A Sepanjang Tahun 2015



1-2 : Mesyuarat Majlis bersama Jabatan Bilangan 1 Tahun 2015
3-4 : Mesyuarat Majlis bersama Jabatan Bilangan 2 Tahun 2015
5-6 : Mesyuarat Majlis bersama Jabatan Bilangan 3 Tahun 2015

CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN KEMAJUAN KERJAYA (CAWANGAN B)

Pelaksanaan Human Resources Management Information System (HRMIS)

Pencapaian pengemaskinian maklumat yang baik akan membolehkan aset sumber manusia diuruskan secara bersepadu selaras dengan kepentingan tadbir urus yang baik. Pelaksanaan HRMIS telah dijadikan sebagai salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) kepada KSU KKLW. Pencapaian KPI HRMIS pada tahun 2015 disasarkan sebanyak 90%. Jumlah Pencapaian KPI HRMIS sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 99.08%. Perincian pencapaian HRMIS Kriteria Pemarkahan KPI HRMIS adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Maklumat Kriteria Pemarkahan KPI HRMIS

BIL	KRITERIA	PENCAPAIAN (%)
1.	Permurnian Data Tidak Berintegriti [28 elemen]	29.69/30
2.	Pengemaskinian Data Perjawatan : Perbandingan HRMIS dan MyPost [BPO, JPA]	30/30
3.	Pelaksanaan Submodul Perisytiharan Harta	9.46/10
4.	Pelaksanaan Submodul Sasaran Kerja Tahunan [SKT]	14.94/15
5.	Pelaksanaan Submodul Laporan Nilai Prestasi Tahunan [LNPT]	14.99/15
JUMLAH		99.08%

Berdasarkan KPI HRMIS yang telah ditetapkan pada tahun 2015, markah yang diambil kira adalah pengemaskinian lima modul di dalam HRMIS seperti jadual di atas. Kesemua lima kriteria tersebut telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk setiap modul dan KKLW telah dianugerahkan sijil pengiktirafan 5 bintang KPI KSU bagi tahun 2015. Dalam usaha untuk mencapai pencapaian terbaik untuk semua modul tersebut, banyak inisiatif telah dijalankan oleh Unit HRMIS KKLW dengan kerjasama pihak JPA dan semua Jabatan dan Agensi yang terlibat seperti berikut:

Senarai Aktiviti Unit HRMIS Tahun 2015

BIL	NAMA LATIHAN/ KURSUS	TARIKH	AGENSI YANG TERLIBAT
1.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat Penyata Cuti Bahagian/Unit	14-15 Januari 2015	Bahagian/Unit KKLW
2.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat Penyata Cuti Pejabat Cawangan Negeri	19 Januari 2015	Pejabat Cawangan Negeri
3.	Bengkel Pelaksanaan Aplikasi HRMIS Modul Data Perjawatan	26-28 Januari 2015	KKLW/KEMAS/JAKOA
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Bil 1/2015	30 Januari 2015	Semua Agensi/ Jabatan
5.	Lawatan Naziran ke Pejabat Cawangan Negeri Perak	12 Februari 2015	Unit HRMIS
6.	Lawatan Naziran ke KEDA dan Pejabat Cawangan Negeri Kedah	16-17 Mac 2015	Unit HRMIS
7.	Program Whatsapp HRMIS 2	25 Mac 2015	Unit HRMIS
8.	Bengkel Pelaksanaan Aplikasi HRMIS- Submodul Pengurusan Cuti dan GCR	30 Mac 2015	Bahagian/Unit

BIL	NAMA LATIHAN/ KURSUS	TARIKH	AGENSI YANG TERLIBAT
9.	Bengkel Pelaksanaan Aplikasi HRMIS- Modul Perisytiharan Harta	1-3 April 2015	Bahagian/Unit
10.	Lawatan Naziran ke Pejabat Cawangan Negeri Sembilan/ Melaka	7 April 2015	Unit HRMIS
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Siri 1/2015	21 April 2015	Semua Agensi/ Jabatan
12.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat di dalam Aplikasi HRMIS - Submodul Tatatertib	25 Ogos 2015	Unit HRMIS
13.	Bengkel Pelaksanaan Aplikasi HRMIS Modul Data Perjawatan	26-27 Ogos 2015	MARA/RISDA
14.	Lawatan Naziran ke Pejabat Cawangan Negeri Pahang	1 September 2015	Unit HRMIS
15.	Bengkel Pelaksanaan Aplikasi HRMIS Modul Data Perjawatan dan Permurnian Data Siri I	17-18 September 2015	MARA
16.	Lawatan Naziran ke Pejabat Cawangan Negeri Terengganu dan KETENGAH	29-30 September 2015	Unit HRMIS
17.	Bengkel Pelaksanaan Aplikasi HRMIS Modul Data Perjawatan dan Permurnian Data Siri II	6-8 Oktober 2015	MARA
18.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat di dalam Aplikasi HRMIS - Submodul MBJ dan LNPT	2-4 November 2015	Semua Agensi/ Jabatan
19.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat di dalam Aplikasi HRMIS - Submodul SKT dan LNPT	9 November 2015	KETENGAH
20.	Program HUG HRMIS Siri 1/2015	30 November - 1 Disember 2015	Unit HRMIS
21.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat di dalam Aplikasi HRMIS - Submodul MBJ dan LNPT	2 Disember 2015	KEJORA



1. Mesyuarat Jawatankuasa Aplikasi HRMIS Bil 1/2015
2. Modul Data Perjawatan dan Pemurnian Data
3. Sesi Bergambar Penerima APC bersama YB Menteri KKLW dan Pengurusan Tertinggi KKLW Sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang [APC] 2014 KKLW pada 23 Februari 2015
4. Sijil Anugerah Pengiktirafan 5 bintang KPI HRMIS Tahun 2015

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)

Buat pertama kalinya, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang [APC] 2015 diadakan bersekali dengan Pingat Perkhidmatan Cemerlang [PPC] yang melibatkan seramai 2,974 orang penerima KKLW dan semua Agensi/Jabatan di bawah KKLW. Mereka diberikan pengiktirafan dalam majlis yang diadakan selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Februari 2016 bertempat di *Malaysia Agro Exposition Park Serdang [MAEPS]*, Selangor. Manakala bagi penerima APC di Sabah dan Sarawak masing-masing telah diadakan pada 29 Februari dan 1 Mac 2016. Kesemua majlis APC ini telah disempurnakan oleh YB Menteri KKLW. Majlis yang sama turut memberi pengiktirafan kepada dua orang pegawai dan anggota KKLW/Jabatan/Agensi di bawah KKLW yang diberikan penganugerahan PPC berdasarkan pencapaian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan [LNPT] 2014.

PPC merupakan salah satu bentuk pengiktirafan kepada pegawai perkhidmatan awam yang bergiat aktif dan memberikan sumbangan di luar tugas rasmi serta mempunyai rekod kecemerlangan luar biasa di dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Pingat ini adalah dizahirkan

oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Status Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan diiktiraf sebagai pingat-pingat lain dan boleh dipakai oleh pegawai semasa menghadiri majlis rasmi. Penerima PPC diberikan Sijil Simpanan Premium [SSP] bernilai RM1,000.00, Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan Cemerlang selaras dengan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang.

Pemilihan penerima APC turut mengambil kira perakuan tahap prestasi kerja dan disiplin anggota berkenaan dan lain-lain aspek seperti keperibadian, penampilan dan kelakuan pegawai/anggota berkenaan. Pengagihan penerima APC dibuat secara adil dan telus dengan kesemua Bahagian/Unit di Kementerian dan kumpulan perkhidmatan iaitu Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana menerimanya. Penerima APC diberikan Sijil Simpanan Premium [SSP] bernilai RM1,000.00 dan Sijil Perkhidmatan Cemerlang selaras dengan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang.

CAWANGAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (CAWANGAN C)

Program Latihan Cawangan Pembangunan Sumber Manusia

Secara keseluruhan, sebanyak 25 program latihan dalaman telah diadakan oleh Cawangan Pembangunan Sumber Manusia [Cawangan C] bagi memastikan pematuhan dan pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005.

Cawangan C telah melaksanakan enam program latihan bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional [P&P] bagi tahun 2015. Senarai program adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	TARIKH
1.	Kursus <i>10Qs for Successful Leaders</i>	15-17 April 2015
2.	Kursus <i>Building Strong Management Skills</i>	3 - 5 Jun 2015
3.	Kursus <i>Presenting with Impact & Purpose</i>	9 - 11 September 2015
4.	Kursus <i>Fundamental of Project Management</i>	13-15 Mei 2015
5.	Kursus Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia KKLW	27-29 Oktober 2015
6.	Kursus Asas Keusahawanan [Untuk Bukan Usahawan]	7 - 9 Disember 2015



1. Program Latihan Kumpulan Pengurusan dan Profesional : Kursus *Fundamental of Project Management*
2. Program Latihan Kumpulan Pengurusan dan Profesional : *10Qs for Successful Leaders*
3. Program Latihan bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana : Kursus *Transformasi Diri untuk Pembantu Operasi dan Pembantu Awam*
4. Program Latihan bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana : Kursus *Pengurusan Sumber Manusia untuk Penolong Pegawai Tadbir*

Pada tahun 2015, Cawangan C telah menganjurkan 10 program latihan untuk Kumpulan Pelaksana KKLW seperti di bawah.

BIL	PROGRAM	TARIKH
1.	Kursus <i>Projecting A Professional & Confident Corporate Image</i> untuk Setiausaha Pejabat	3-5 April 2015
2.	Kursus <i>Tatacara Perolehan : Amalan vs Peraturan</i> untuk Ketua Pembantu Tadbir	25-27 Mei 2015
3.	Kursus <i>Pemanduan 4WD</i> untuk Pemandu	13 - 15 November 2015
4.	Kursus <i>Pengurusan Sumber Manusia</i> untuk Penolong Pegawai Tadbir	4 - 6 November 2015
5.	Kursus <i>Transformasi Diri Untuk Pembantu Operasi dan Pembantu Awam</i>	13 - 15 November 2015
6.	Kursus <i>English For Communicative Purposes</i>	27 - 29 Oktober 2015
7.	Kursus <i>Individu Berjaya - Membentuk Organisasi Cemerlang</i>	27-29 April 2015
8.	Kursus <i>Pengacaraan Majlis [Kumpulan Pelaksana & P&P]</i>	9-11 Jun 2015
9.	Kursus <i>Pengurusan Kewangan Peribadi</i>	25 - 26 Ogos 2015
10.	Kursus <i>Pengurusan Majlis Rasmi & Protokol</i>	21 - 23 Oktober 2015

Program Pembangunan Nilai Insan Dan Kerohanian

Unit Hal Ehwal Islam, Cawangan Pembangunan Sumber Manusia bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaraskan program berkaitan pembangunan insan dan kerohanian yang berupaya menyumbang kepada usaha melahirkan warga KKLW yang berkualiti dari aspek fizikal dan rohani. Sejumlah tiga program telah dilaksanakan seperti di berikut:

BIL	PROGRAM	PENGISIAN PROGRAM
1.	Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> Diskusi Mesra Perbandingan Agama : Islam, Buddha, Hindu & Kristian
2.	Kursus Pendekatan Hadhari dan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam [PIPA]	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Smart Solat Kursus Bina Insan
3.	Program Madrasah Ramadhan	<ul style="list-style-type: none"> Siri 1 – Ramadhan Datang lagi [Ustaz Elyas Ismail] Siri 2 – Puasa : Adakah Diterima [Ustaz Dzulkarnain Hamzah] Siri 3 – Ramadhan dan Nuzul Quran [Ustazah Asni Abu Mansor] Siri 4 – Maksiat Di Bulan Syawal [Dr. Mohd Izhar Ariff]



1. Program Madrasah Ramadhan – Siri 1 hingga Siri 4 oleh Ustaz Elyas Ismail, Ustaz Dzulkarnain Hamzah, Ustazah Asni Abu Mansor dan Dr. Mohd Izhar Ariffin
2. Bengkel Smart Solat : Oleh Dr. Hasnan Kasan [UKM]
3. Kursus Pendekatan Hadhari dan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam [PIPA] : Kursus Bina Insan

Program Transformasi Minda (PTM)

Program Transformasi Minda [PTM] diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam Perkhidmatan Awam selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 – Program Transformasi Minda. PTM juga adalah salah satu daripada syarat pengesahan pegawai dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi.

Cawangan C telah menganjurkan dua siri PTM pada tahun 2015 iaitu enam hari bagi setiap siri dengan kos pelaksanaan program dibiayai sepenuhnya oleh KKLW dengan penglibatan peserta daripada kakitangan Kementerian, Jabatan dan Agensi seperti KEMAS, JAKOA, INFRA, KEDA, KEJORA, KESEDAR dan KETENGAH.

Pelaksanaan Program Transformasi Minda [PTM] KKLW

BIL	SIRI	TARIKH	TEMPAT
1.	PTM Siri 1/2015	6-11 Oktober 2015	RISDA Training Centre (RISTEC), Port Dickson
2.	PTM Siri 2/2015	24-29 November 2015	Hotel Seri Malaysia Ayer Keroh, Melaka

Program Transformasi Minda KKLW Siri 1/2015



Program Transformasi Minda KKLW Siri 2/2015



CAWANGAN KOMPETENSI DAN PEPERIKSAAN (CAWANGAN D)


Fungsi Cawangan

Cawangan Kompetensi dan Peperiksaan bertanggungjawab untuk melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan Awam [PPA] Subjek Jabatan dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan

[PSL] untuk skim perkhidmatan bukan guna sama di bawah Ketua Setiausaha, KKLW.


Aktiviti Cawangan D

Gambar rajah : Senarai Aktiviti Cawangan Kompetensi dan Peperiksaan



PENCAPAIAN KERJA


Pencapaian Cawangan Kompetensi dan Peperiksaan



Agihan Perbelanjaan

Secara keseluruhannya, Cawangan Kompetensi dan Peperiksaan telah berjaya melaksanakan program/aktiviti yang dirancang dengan jayanya. Di samping itu, sasaran kerja yang dirancang, telah dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik dan teratur.

Agihan Perbelanjaan Cawangan Kompetensi dan Peperiksaan Tahun 2015



Gambar 1-2 : Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Awam Siri 1/2015 dan Siri 2/2015

Gambar 3-4 : Pelaksanaan Kelas Bimbingan

Gambar 5-6: Taklimat Penggubalan Soalan Peperiksaan

ANALISA KEPERLUAN CALON TAHUN 2015

KELAS BIMBINGAN:
Sangat Membantu **[81%]**
Membantu **[18.5%]**
Tidak Membantu **[0.5%]**



SOALAN:
Sukar **[7%]**
Sederhana **[72.5%]**
Mudah **[20.5%]**

SUMBER NOTA / BAHAN RUJUKAN
Kelas Bimbingan **[52%]**
Laman Web **[35.5%]**
Perpustakaan **[5.5%]**
Lain-lain **[7%]**



PERSEDIAAN:
Bersedia **[94.5%]**
Tidak Bersedia **[5.5%]**

SISTEM ONLINE:
Memudahkan **[99%]**
Tidak Memudahkan **[1%]**



TEMPAT PEPERIKSAAN:
Memuaskan **[99%]**
Tidak Memuaskan **[1%]**

Secara keseluruhannya, Cawangan Kompetensi dan Peperiksaan telah berjaya melaksanakan program/aktiviti yang dirancang dengan jayanya. Di samping itu, sasaran kerja yang dirancang, telah dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik dan teratur.

CAWANGAN PENGURUSAN PSIKOLOGI (CAWANGAN E)

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling merupakan satu bentuk perkhidmatan pelengkap dalam pengurusan sumber manusia. Perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang berkesan dapat membantu pihak pengurusan sumber manusia dalam membangunkan dan meningkatkan lagi potensi dalaman diri individu (inner-self) setiap warga dalam sesebuah organisasi.

Selaras dengan usaha Kerajaan melahirkan modal insan yang profesional dan berintegriti, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005 [PP Bil. 18/05], Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam telah diwujudkan. Salah satu matlamat Kerajaan ialah melaksanakan penambahbaikan dalam pengurusan

sumber manusia dengan menerapkan aspek psikologi dan kaunseling.

Melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2009 [SPP Bil. 12/09] : Pelaksanaan Aplikasi Psikologi : Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan, pelaksanaan aplikasi psikologi ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia dalam meningkatkan kesedaran, penghayatan dan pengukuhan Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan di kalangan penjawat awam.

Secara keseluruhan, sebanyak 19 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Senarai program yang dilaksanakan oleh Cawangan Pengurusan Psikologi adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Senarai Program Pengurusan Psikologi BPSM Tahun 2015

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	SASARAN
1.	Program Bicara Psikologi 1	27 Mac 2015	Bilik Latihan, KKLW	100 orang setiap siri
2.	Program Bicara Psikologi 2	27 Mac 2015	Bilik Latihan, KKLW	100 orang setiap siri
3.	Program Bicara Psikologi 3	12 Ogos 2015	Bilik Latihan, KKLW	100 orang setiap siri
4.	Program Bicara Psikologi 4	12 Ogos 2015	Bilik Latihan, KKLW	100 orang setiap siri
5.	Program Bicara Psikologi 5	11 September 2015	Bilik Latihan, KKLW	100 orang setiap siri
6.	Program Bicara Psikologi 6	11 September 2015	Bilik Latihan, KKLW	100 orang setiap siri
7.	Program Motivasi Kerja	14-16 April 2015	Glory Beach Resort, P.D, Negeri Sembilan	30 orang
8.	Program Pra AKRAB [PPKK] - Tahap 1	14-17 April 2015	Glory Beach Resort, P.D, Negeri Sembilan	40 orang
9.	Program Pembelajaran Pementoran	12-13 Mei 2015	Bilik Latihan, KKLW	30 orang
10.	Program Kemahiran Insan Cemerlang	20-22 Mei 2015	Hotel Langkasuka Sdn Bhd, Langkawi	30 orang
11.	Program Pemantapan AKRAB	20-22 Mei 2015	Hotel Langkasuka Sdn Bhd, Langkawi	40 orang
12.	Program Perkembangan Kerjaya Dinamik Kumpulan Sokongan	25-27 Mei 2015	Suria City Hotel, Johor Bahru	30 orang
13.	Program Pra AKRAB [PPKK] - Tahap 2	10-12 Jun 2015	Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka	40 orang
14.	Program Perkembangan Kerjaya Dinamik Kumpulan Pengurusan dan Profesional	10-12 Jun 2015	Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka	30 orang
15.	Program Pasca AKRAB	3 Julai 2015	Sekolah Jenderam Hilir, Dengkil	70 orang
16.	Program <i>Team building</i> AKTOR	18-20 Ogos 2015	Bukit Gambang Resort City, Pahang	40 orang
17.	Program Klinik Kaunseling	15 September 2015	Kolej KEDA, Kedah	200 orang
18.	Program Hari Psikologi KKLW	18-19 November 2015	Dewan Serbaguna, KKLW	300 orang
19.	Seminar AKTOR	18-19 November 2015	Dewan Serbaguna, KKLW	200 orang

Aktiviti Cawangan Pengurusan Psikologi



1



2



3



4

1. Program Pemantapan AKRAB
 2. Program Teambuilding AKTOR
 3-4. Program CSR AKRAB KKLW Siri 1

BAHAGIAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan (BKEW) merupakan nama Bahagian yang baru menggantikan nama lamanya iaitu Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun (BKBA) bermula secara rasmi pada 1 April 2014 ekoran daripada pewujudan Bahagian Akaun. Bahagian ini merupakan salah satu Bahagian di dalam KKLW yang memberi khidmat sokongan kepada Kementerian dan Agensi-agensi di bawahnya.

Bahagian ini terdiri daripada empat Cawangan iaitu :

- A. Cawangan Mengurus
- B. Cawangan Kewangan

- C. Cawangan Belanjawan dan
- D. Cawangan Gaji dan Pembangunan


Objektif utama BKEW adalah untuk:

1. Menyediakan perancangan bajet yang strategik dan komprehensif bagi pelaksanaan program/aktiviti Kementerian;
2. Memastikan pengurusan kewangan dan akaun Kementerian dilaksanakan dengan cekap dan teratur; dan
3. Memberi khidmat nasihat berkaitan kewangan kepada pelanggan Kementerian.

Prestasi Pembayaran Bil KKLW Tahun 2015 Mengikut Jabatan dan Agensi

Jabatan/Agensi	Jumlah Bil Yang Diproses		Tempoh Pemrosesan Bil		
	Jumlah Bil	%	1-7 hari	8-14 hari	> 14 hari
			Jumlah Bil	Jumlah Bil	Jumlah Bil
Ibu pejabat KKLW	13,000	3.37	10,198	2,802	-
KEMAS	95,575	24.70	91,745	3,814	16
JAKOA	26,747	6.91	24,833	1,895	19
INFRA	2,310	0.60	1,768	541	1
PCN	5,266	1.36	4,939	322	5
RISDA	176,977	45.74	160,007	16,970	-
KEDA	17,948	4.64	16,306	1,642	-
KETENGAH	4,155	1.07	3,210	945	-
KESEDAR	4,455	1.15	3,505	950	-
KEJORA	5,522	1.43	3,931	1,591	-
MARA	9,470	2.45	9,336	134	-
FELCRA	25,465	6.58	21,938	3,527	-
JUMLAH	386,890	100	351,716	35,133	41

Prestasi Pembayaran Bil 14 Hari



Aktiviti-Aktiviti Bahagian Kewangan

Bahagian Kewangan merupakan Bahagian yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan mengawal sumber-sumber kewangan KKLW supaya dapat diuruskan secara cekap dan teratur selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Peraturan-Peraturan Kewangan lain yang berkuat kuasa. Bagi mencapai tujuan tersebut, Bahagian ini telah melaksanakan beberapa aktiviti/program untuk memastikan pengurusan kewangan di peringkat Bahagian/Jabatan/Agensi berada pada tahap yang paling baik. Antara aktiviti/program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015 adalah seperti di bawah :

Bil	Aktiviti/ Program	Bahagian/ Jabatan/ Agensi Yang Terlibat	Tarikh
1.	Taklimat Sistem Elaun Lebih Masa [eOTC]	Bahagian/Jabatan	27-28 Oktober 2015
2.	Urus Setia Mesyuarat :		
	i. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun [JPKA]		
	a) Bil. 1/2015	Bahagian/Jabatan/Agensi	23 April 2015
	b) Bil. 2/2015	Bahagian/Jabatan/Agensi	30 Julai 2015
	c) Bil. 3/2015	Bahagian/Jabatan/Agensi	04 November 2015
	d) Bil. 4/2015	Bahagian/Jabatan/Agensi	17 Februari 2016
	ii. Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Mengurus dan Pembangunan 2015	Bahagian/Jabatan/Agensi	April-Jun 2015
	iii. Mesyuarat Pemantauan Belanjawan Mengurus		
	a) Bil. 1/2015	Bahagian/Jabatan	09 April 2015
	b) Bil. 2/2015	Bahagian/Jabatan	13 Julai 2015
	c) Bil. 3/2015	Bahagian/Jabatan	17 September 2015
	iv. Mesyuarat Penyelarasan JKKK/ JKKKP/JKKKOA		
	a) Bil. 1/2015	Bahagian/Jabatan/Agensi/ Setiausaha Kerajaan Negeri	09 Februari 2015

BAHAGIAN AKAUN

Operasi Pejabat Perakaunan


Pada tahun 2015, Bahagian Akaun [BA] KKLW telah disasarkan dengan aktiviti Jabatan Mengakaun Sendiri [JMS] dengan menjalankan fungsi Pejabat Perakaunan seperti meluluskan baucar bayaran melalui sistem GFMS, mengurus dan memproses Gaji Pegawai-Pegawai KKLW, memproses permohonan pembayaran yang memerlukan kebenaran khas AP58[a] dan memantau bayaran balik Cek dan EFT Batal. Pencapaian aktiviti-aktiviti tersebut bagi tahun 2015 adalah seperti perincian di bawah :

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1.	Meluluskan baucar bayaran belanja mengurus, pembangunan dan amanah yang telah diperakukan oleh Pusat Tanggungjawab [PTJ] melalui Government Financial Management Accounting System [GFMS].	28,359 baucar yang berjumlah RM9,067,614,794.41 telah diproses sehingga 31 Disember 2015
2.	Mengurus dan memproses bayaran gaji melalui sistem gaji GFMS.	5,994 Borang Perubahan Gaji [SG 20] telah diproses sepanjang tahun 2015 dan sehingga 31 Disember 2015, Kementerian mempunyai 4,266 pegawai yang dibayar gaji melalui Sistem Gaji Berkomputer [GFMS].
3.	Memproses permohonan pembayaran di bawah AP58[a].	352 permohonan AP58[a] telah diproses yang berjumlah RM784,183.26 sehingga 31 Disember 2015.
4.	Memantau pembayaran balik Cek dan EFT Terbatal oleh Pusat Tanggungjawab [PTJ].	147 EFT Terbatal berjumlah RM2,411,037.34 dan 23 Cek Terbatal berjumlah RM3,038.51 yang masih dalam tindakan PTJ.

Perakaunan Akruan

BA juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti pelaksanaan Perakaunan Akruan seperti aktiviti Pengumpulan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti, Latihan Sistem 1GFMS, Ketersediaan Sistem 1GFMS, Pengurusan Perubahan dan seterusnya pelaksanaan sistem 1GFMS pada tahun 2016. Pada tahun 2015, Bahagian ini telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi aktiviti Perakaunan Akruan dengan perincian pencapaian seperti di sebelah :

i. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan [JPPA] dan Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengumpulan Data [KKPD]



Perincian Mesyuarat JPPA dan KKPD

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Pembentangan Kertas Kerja
JPPA			
1.	Bil. 1/2015	19 Mac 2015	i. Laporan Kemajuan Pelaksanaan Perakaunan Akruan di KKLW ii. Perancangan Latihan Perakaunan Akruan KKLW iii. Laporan Ketua Kumpulan Kerja Pengumpulan Data [Akaun Belum Terima [ABT], Akaun Belum Bayar [ABB], Aset Tak Alih [ATA], Aset Alih [AA] dan Aset Dalam Pembinaan [AUC]
2.	Bil. 2/2015	04 Jun 2015	i. Laporan Kemajuan Pelaksanaan Perakaunan Akruan di KKLW ii. Laporan Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti
3.	Bil. 3/2015	29 Okt 2015	i. Laporan Kemajuan Pelaksanaan Perakaunan Akruan di KKLW ii. Laporan Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti
4.	Bil. 4/2015	17 Dis 2015	i. Laporan Kemajuan Pelaksanaan Perakaunan Akruan di KKLW ii. Laporan Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti iii. Penubuhan Pasukan Mengkaji Fungsi & Peranan PTJ KKLW

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Pembentangan Kertas Kerja
KKPD			
1.	Bil. 1/2015	29 Jan 2015	i. Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset [SPA] di KKLW
2.	Bil. 2/2015	06 Feb 2015	i. Strategi Pelaksanaan Perakaunan Akruan – <i>Dry Run</i> ii. Laporan Penyelarasan Status Tanah KKLW iii. Laporan Prestasi Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti
3.	Bil. 3/2015	18 Feb 2015	i. Laporan <i>Dashboard</i> Aset Tak Alih Sehingga 25 Februari 2015
4.	Bil. 4/2015	25 Mac 2015	i. Status Pelaksanaan Data Tanah dan Bangunan Mini RTC KKLW

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Pembentangan Kertas Kerja
5.	Bil. 5/2015	21 Mei 2015	i. Prestasi Pengumpulan Data ABB dan ABT beserta Panduan Pengisian Template ABB dan ABT ii. Tatacara Perakaunan <i>Liquidated Ascertained Damages</i> [LAD] iii. Prestasi Pengumpulan Data Aset Alih [AA]
6.	Bil. 6/2015	12 Nov 2015	i. Prestasi Pengumpulan Data AA, ATA, AUC, ABB dan ABT.

ii. Aktiviti Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti

Data Baki Awal Aset dan Liabiliti untuk tahun 2015 telah berjaya dikumpul secara bulanan daripada PTJ dan data ini telah dihantar untuk verifikasi Audit Dalam serta telah dilaporkan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

iii. Aktiviti Pengurusan Perubahan

Bagi aktiviti pengurusan perubahan, sebanyak empat sesi *Townhall* dan tiga aktiviti pengurusan perubahan telah dilaksanakan seperti yang disasarkan.

BIL	DIALOG AKRUAN	TEMPAT	TARIKH	PESERTA
1.	Cabaran dan Isu Dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 4, KKLW	02 APRIL 2015	21
2.	Kursus Pemahaman MPSAS 19- <i>Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets</i>	Bilik Latihan 1, Aras 3 KKLW	17 JUN 2015	30
3.	Faedah Penyediaan Penyata Kewangan Dalam Membuat Keputusan	Dewan Serbaguna, Aras B1 KKLW	16 DIS 2015	50

BIL	TOWNHALL	TEMPAT	TARIKH	PESERTA
1.	Cabaran dan Isu Dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan	Bilik Latihan 1, Aras 3 KKLW	17 JUN 2015	25
2.	<i>Townhall</i> Bersama Ketua Akauntan KKLW- Latihan Perakaunan Akruan	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 4, KKLW	08 OGOS 2015	25
3.	Program Transformasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia [JANM] Bersama Ketua Akauntan KKLW	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 4, KKLW	28 OGOS 2015	25
4.	Sesi # <i>Hotcoffee</i> Bersama Y.Bhg. Dato' Akauntan Negara Malaysia [ANM]	Hotel Heritage, Cameron Highlands	11 SEPT 2015	90



Peserta Kursus Pengukuhan Pusat Tanggungjawab [PTJ] Ke Arah Pelaksanaan Akruan



Aktiviti Townhall Sesi #Hotcoffee Bersama Y.Bhg. Dato' Akauntan Negara Malaysia [ANM]

Kursus dan Latihan Anjuran BA

Usaha-usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi modal insan yang terlibat dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun diteruskan dan Bahagian ini telah mengadakan beberapa siri kursus dan latihan berkaitan pengurusan dan kewangan serta kursus inovasi dan kreativiti.

Sebanyak enam Sesi Latihan / Kursus telah dilaksanakan sebagaimana berikut:

BIL	NAMA LATIHAN/KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Manual Perakaunan Akruan	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 4, KKLW	02 APRIL 2015	21
2.	Kursus Kumpulan Inovasi dan Kreativiti [KIK]	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 4, KKLW	13-14 JULAI 2015	15
3.	Program Transformasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia [JANM] Bersama Ketua Akauntan KKLW	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 4, KKLW	28 OGOS 2015	25
4.	Kursus Pengukuhan Pusat Tanggungjawab [PTJ] Ke Arah Pelaksanaan Akruan	Hotel Heritage, Cameron Highlands	9-11 SEPT 2015	90
5.	Kursus Accounting For Non-Accountants: Peranan Perakaunan dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam	Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor	3-4 DIS 2015	50
6.	Kursus <i>Financial Fraud</i>	Dewan Serbaguna, Aras B1 KKLW	16 DIS 2015	50

Kawalan dan Pematuhan

i. Naziran eSPKB

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Kawalan dan Pematuhan ke atas Pusat Tanggung Jawab [PTJ] dan Pejabat Pemungut [PP] KKLW selaras dengan Arahan Perbendaharaan [AP] 138. Perincian aktiviti Kawalan dan Pematuhan yang telah dijalankan adalah seperti di bawah.

BIL	PTJ	TARIKH NAZIRAN	PENCAPAIAN
1.	Jabatan Kemajuan Masyarakat WP Kuala Lumpur	29-30 APRIL 2015	Cemerlang
2.	Bahagian Kewangan, KKLW	13-14 MEI 2015	Cemerlang
3.	Institut Latihan Kemas Kuala Lumpur	3 JUN 2015	Baik
4.	Institut Kemajuan Desa [INFRA] Bangi	6 OGOS 2015	Cemerlang
5.	Jabatan Kemajuan Masyarakat [KEMAS] Ibu Pejabat	19-20 OGOS 2015	Cemerlang
6.	Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia [JAKOA] Ibu Pejabat	21-22 OKTOBER 2015	Cemerlang

ii. Semakan Kira-Kira Wang Tunai [KKWT] dan Naziran eTerimaan

Semakan Kira-kira Wang Tunai [KKWT] dan Program Naziran eTerimaan yang bertujuan untuk memastikan kawalan dalaman sistem pengurusan terimaan yang dilaksanakan di Pejabat Pemungut mengikut peraturan dan prosedur kewangan yang ditetapkan telah dijalankan sebagaimana berikut sepanjang Tahun 2015:

BIL	PROGRAM	STATUS
1.	Semakan Kira-kira Wang Tunai [KKWT]	Laporan Bulanan KKWT telah diterima daripada semua 39 Pejabat Pemungut setiap bulan sepanjang tahun 2015 dan Semakan KKWT juga telah berjaya dilaksanakan ke atas semua laporan bulanan daripada 39 Pejabat Pemungut.
2.	Naziran eTerimaan	Naziran eTerimaan telah dilaksanakan ke atas 2 Pejabat Pemungut iaitu : 1. KEMAS Negeri Sabah - 27-28 Mei 2015 2. PCN Negeri Sabah 28 - 29 Mei 2015.

BAHAGIAN PEROLEHAN

Pada tahun 2015, Bahagian Perolehan menerima bajet mengurus sebanyak RM1,194,800.00 dan berjaya mencapai peratus perbelanjaan sebanyak 93.05% dengan nilai sebanyak RM1,111,740.07. Sebanyak RM992,081.13 atau 83.03% daripada peruntukan tersebut dibelanjakan bagi tujuan emolumen.

Butiran terperinci prestasi pencapaian KPI Bahagian Perolehan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Ringkasan Aktiviti / Projek	Petunjuk Prestasi
1.	Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' KKLW	Bilangan Mesyuarat : 14
2.	Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B' KKLW	Bilangan Mesyuarat : 14
3.	Mesyuarat Jawatan Sebut Harga 'A' KKLW	Bilangan Mesyuarat : 15
4.	Mesyuarat Jawatan Sebut Harga 'B' KKLW	Bilangan Mesyuarat : 9
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit	Bilangan Mesyuarat : 7
6.	Rundingan Terus	Bilangan : 12
7.	Pelantikan Perunding	Bilangan : 33
8.	ePEROLEHAN	
	i. Mesyuarat Pasukan Pelaksana ePerolehan	Bilangan Mesyuarat : 2
	ii. Mesyuarat Pasukan Petugas ePerolehan	Bilangan Mesyuarat : 2
	iii. Pelaksanaan Tender dan Sebut Harga melalui ePerolehan	Tender : - Sebutharga : 16
	iv. Pesanan Tempatan melalui ePerolehan	Bilangan : 2454 Pesanan Tempatan
	v. Pelaksanaan eBidding	4 kali
	vi. Pemantauan ePerolehan	
	a. Memastikan 100% transaksi di semua PTJ yang telah ePerolehan <i>enable</i>	100%
	b. Meningkatkan peratusan penggunaan ePerolehan secara atas talian	KKLW Ibu Pejabat : 85% perolehan dilaksanakan di atas talian KKLW : 85% perolehan dilaksanakan di atas talian
9.	Tender	
	i. Tender Terbuka	Kerja : 17 Bekalan & Perkhidmatan : 0
	ii. Tender Terhad	Kerja : 14 Bekalan & Perkhidmatan : 0
10.	Sebut Harga	Kerja : 20 Bekalan & Perkhidmatan : 75
11.	Penyediaan Laporan	
	i. Perancangan Perolehan	Bilangan : 1 kali [setiap awal tahun]
	ii. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun [JPKA]	Bilangan : 4 kali
	iii. Government Procurement Information System [GPIS]	Bilangan : 1 kali
	iv. eBidding	Bilangan : 12 kali
	v. Jawatankuasa Projek Sakit [JKPS]	Bilangan : 7 kali

Bil	Ringkasan Aktiviti / Projek	Petunjuk Prestasi
12.	Surat Setuju Terima [SST] dan Penurunan Kuasa i. Kerja ii. Bekalan dan Perkhidmatan	Bilangan : 20 Bilangan : 27
13.	Kontrak Pemantauan Kontrak	Bilangan : 86 kontrak
14.	Naziran Pelaksanaan Perolehan di Jabatan/Agensi/PCN	Bilangan : 5 kali lawatan 1] PCN Perak 2] PCN Kedah 3] PCN Kelantan 4] PCN Sabah 5] PCN Sarawak
15.	Bengkel/Kursus/Taklimat Berkaitan Perolehan Kerajaan	Bilangan : 4 kali 1] Kursus Dasar Perolehan Kerajaan kepada kumpulan pelaksana yang menjalankan tugas-tugas perolehan di KKLW; 2] Kursus Pentadbiran Kontrak; 3] Bengkel Garis Panduan Perolehan dan <i>Cut-Off</i> ; 4] Kursus e-Perolehan <i>Next Gen</i> - Peminta dan Pelulus

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ASET

Keurusetiaan Mesyuarat, Protokol, Parlimen dan Pentadbiran

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset telah menjadi urus setia bagi mesyuarat-mesyuarat utama KKLW yang melibatkan Anggota Pentadbiran dan Anggota Pengurusan Tertinggi seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Bilangan Mesyuarat Utama Kementerian Pada Tahun 2015

Bil	Nama Mesyuarat	Bilangan
1.	Mesyuarat Mingguan Pengurusan	30 kali
2.	Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian	31 kali

Persidangan Parlimen

Bagi Urusan Persidangan Parlimen, bilangan pertanyaan lisan dan bertulis yang diajukan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara Bagi Tahun 2015 adalah seperti di Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2 : Jumlah Pertanyaan Soalan Dewan Rakyat

Bil	Persidangan Parlimen	Bilangan Soalan		Jumlah
		Lisan	Bertulis	
1.	Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketigabelas Tahun 2015	44	13	57
2.	Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Ketigabelas Tahun 2015	26	9	35
3.	Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketigabelas Tahun 2015	42	12	54
Jumlah keseluruhan		112	34	146

Jadual 3 : Jumlah Pertanyaan Soalan Dewan Negara

Bil	Persidangan Parlimen	Bilangan Soalan		Jumlah
		Lisan	Bertulis	
1.	Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketigabelas Tahun 2015	14	1	15
2.	Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Ketigabelas Tahun 2015	12	2	14
3.	Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketigabelas Tahun 2015	14	1	15
Jumlah keseluruhan		40	4	44

Majlis dan Program Rasmi

Jadual 4 menunjukkan butiran mengenai program/majlis di peringkat Kementerian dan Kebangsaan yang melibatkan penyertaan oleh warga KKLW dan Jabatan/Agensi sepanjang tahun 2015.

Jadual 4 : Program / Majlis Rasmi Peringkat Kementerian / Kebangsaan Tahun 2015

Bil	Program / Majlis	Tarikh	Tempat
1.	Majlis Apresiasi dan Penyampaian Bantuan Banjir	26 Mac 2015 [Khamis]	Dewan Serbaguna, Aras B1, KKLW
2.	Majlis Berbuka Puasa KKLW Bersama Anak-Anak Yatim Tahun 2015M/1436H	30 Jun 2015 [Selasa]	Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi
3.	Majlis Ramah Mesra YB Menteri Bersama Warga Kementerian Dan Jabatan/Agensi KKLW Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2015M/1436H	6 Ogos 2015 [Khamis]	Perkarangan Lobi KKLW
4.	Hari Sukan Negara	10 Oktober 2015 [Sabtu]	Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi
5.	Majlis Perhimpunan Bulan Khas Sempena 100 hari YB Menteri di KKLW dan Pelancaran Pelan Transformasi Luar Bandar	19 November 2015 [Khamis]	Dewan Serbaguna, Aras B1, KKLW
6.	Sambutan Hari Inovasi Peringkat KKLW Tahun 2015	23 November 2015 [Isnin]	Dewan Utama, Aras 6, Hotel Premiera, Kuala Lumpur
7.	Program Moh Mengeteh Bersama YB Menteri KKLW	7 Disember 2015 [Isnin]	Dewan Serbaguna, Aras B1, KKLW

Inovasi dan Kualiti

Bahagian ini adalah urus setia kepada inovasi dan kualiti untuk memberi pengiktirafan berterusan kepada warga kerja KKLW melalui Anugerah Inovasi dan Kualiti Kementerian. Antara anugerah yang diberikan adalah Anugerah Kualiti Pengurusan Sumber Manusia, Anugerah Kualiti Pengurusan Perolehan, Anugerah Kualiti Kecekapan Tadbir Urus, Anugerah Kualiti Pengurusan Keselamatan Perlindungan, Anugerah Pengurusan Pejabat Negeri Terbaik, Anugerah Penilaian Outcome Terbaik, dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam [Teknikal dan Pengurusan]. Selain itu, Bahagian ini juga menganjurkan Anugerah Pegawai Gemilang Bulanan KKLW untuk Kategori Pengurusan dan Profesional serta Kategori Sokongan. Sehubungan itu, Bahagian ini telah menjadi urus setia kepada mesyuarat-mesyuarat Inovasi dan Kualiti seperti di Jadual 5.

Jadual 5 : Bilangan Mesyuarat Inovasi dan Kualiti

Bil	Mesyuarat	Bilangan/Tarikh
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi	14 Mei 2015
2.	Mesyuarat Penganjuran Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW	23 Jun 2015 10 Ogos 2015

Perancangan Pensijilan MS ISO 9001:2008 Bagi Skop Program Jalan, Air dan Elektrik Luar Bandar KKLW

Bahagian ini juga adalah urus setia kepada Perancangan Pensijilan MS ISO 9001:2008. Pada tahun 2015, Bahagian ini telah mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada syarikat CI International Certification Sdn. Bhd. untuk melaksanakan MS ISO 9001:2008 secara manual bagi Skop Program Jalan, Air dan Elektrik Luar Bandar.

Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Bahagian ini juga bertanggungjawab sebagai urus setia dalam mendapatkan pensijilan bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam [EKSA]/Amalan Persekitaran Berkualiti [5S]. Bahagian ini telah mendapatkan khidmat nasihat dari Jabatan Kastam Malaysia [Champion EKSA] yang menjadi pemenang pertandingan EKSA yang dianjurkan oleh MAMPU.

Pengurusan Aset dan Stor

Bahagian ini juga bertanggungjawab merancang dan memantau pelaksanaan hal ehwal berkaitan Pengurusan Aset dan Stor di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Sepanjang tahun 2015, mesyuarat utama yang diurusetikan oleh Bahagian ini adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Bilangan Mesyuarat Utama Pengurusan Aset dan Stor

Bil	Mesyuarat	Bilangan
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kementerian [JKPAK]	4 kali

Selain itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab membuat siasatan ke atas kes-kes kehilangan aset yang dilaporkan. Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Kementerian adalah seperti Jadual 7.

Jadual 7 : Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Kementerian 2015

Bil	Bilangan Ahli Jawatankuasa Kehilangan dan Hapus Kira	Jumlah Kes Kehilangan Aset	Nilai Hapuskira (RM)
1.	6 orang	3	RM17,036.00

Rekod dan Keselamatan

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk merancang dan memantau pelaksanaan hal ehwal berkaitan Pengurusan Keselamatan dan Rekod di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Bilangan mesyuarat utama yang diurusetikan oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2015 adalah seperti di Jadual 8.

Jadual 8 : Bilangan Mesyuarat Utama Rekod dan Keselamatan

Bil	Mesyuarat	Bilangan
1.	Mesyuarat Pegawai Keselamatan Jabatan [PKJ]	2 kali
2.	Mesyuarat Pegawai Rekod Jabatan [PRJ]	2 kali

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset telah melaksanakan latihan pengungsian (fire-drill) pada 21 Disember 2015 dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya dan Polis DiRaja Malaysia.

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset juga telah melaksanakan sistem pengurusan dokumen secara dalam talian yang dikenali sebagai *Digital Documents Management System* [DDMS] bermula 24 Ogos 2015 yang digunapakai oleh setiap Bahagian dan Unit di KKLW. DDMS merupakan inisiatif MAMPU bersama Jabatan Arkib Negara yang melibatkan pelaksanaan di peringkat Kementerian dan Agensi Kerajaan. Bahagian ini turut menganjurkan kursus pengurusan rekod bagi persediaan ke arah pengurusan rekod secara elektronik pada 28 April 2015 dan latihan penggunaan DDMS bagi semua warga KKLW dari 2 hingga 10 Jun 2015.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

KKLW melalui Bahagian Pengurusan Maklumat [BPM] sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan dan keberkesanan kemudahan ICT bagi menyokong sistem penyampaian perkhidmatan. Pada tahun 2015, KKLW telah memberi tumpuan kepada penambahbaikan pada Portal KKLW, pengembangan rangkaian ICT, pengembangan sistem aplikasi dan penyediaan kemudahan ICT kepada warganya.

Pemantapan Sistem Pengurusan Keselamatan (ISMS) ISO/IEC 27001 : 2013

Pelaksanaan ISMS di Kementerian telah mewujudkan sistem penyampaian yang mematuhi peraturan dan standard antarabangsa bagi memastikan integriti dan keselamatan data dilindungi. Pelaksanaan ini juga dapat meningkatkan keyakinan pelanggan yang berurusan dengan Kementerian.

Kementerian telah berjaya mendapatkan pensijilan ISMS dengan standard baru iaitu versi 2013 menggantikan MS ISO/IEC 27001 : 2007 daripada Cyber Security Malaysia dalam skop Pengurusan Pengoperasian Pusat Data merangkumi maklumat

e-mel di KKLW. Semua prosedur kerja telah dikemaskini mengikut keperluan standard yang baru.

Pengukuhan Infrastruktur ICT di RTC

Bagi memastikan sistem penyampaian Kerajaan sampai terus kepada pengguna sasaran, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan prestasi talian 1Gov*Net sentiasa berada ditahap yang memuaskan. Sebanyak tiga RTC lagi telah dilengkapi dengan talian 1Gov*Net iaitu di RTC Johor, RTC Kuantan Pahang dan RTC Miri, Sarawak. Jumlah keseluruhan talian 1Gov*Net yang telah dipasang di Kementerian dan Agensi pada tahun 2015 adalah sebanyak 742.

Pemantapan Rangkaian Tanpa Wayar di KKLW

Kementerian melalui BPM telah menyediakan kemudahan Rangkaian Tanpa Wayar [WiFi] dengan keseluruhan bangunan telah pun dilengkapi dengan infrastruktur tersebut. Warga Kementerian dan pelawat dapat menikmati liputan meluas kemudahan akses internet secara percuma melalui WiFi tanpa mengira peranti yang digunakan.

Pelaksanaan IPV6

Pelaksanaan IPV6 telah diperluaskan ke seluruh Pejabat Cawangan Negeri. Sebanyak sembilan lokasi Pejabat Cawangan Negeri telah dilengkapi dengan kemudahan IPV6 termasuk juga di RTC Terengganu dan Pahang. Hasil daripada pelaksanaan ini, Portal Kementerian, sistem e-mel dan juga semua sistem aplikasi telah dilengkapi dengan kemudahan IPV6.

Transformasi Portal Baharu

Portal Rasmi KKLW www.rurallink.gov.my telah berjaya mengekalkan prestasi 5 bintang bermula 2011 sehingga 2014.

Pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan pada tahun 2015 di mana Portal KKLW telah berwajah baru dengan paparan yang lebih menarik, interaktif dengan bercirikan korporat. Wajah baru Portal Rasmi Kementerian mula menghiasi paparan pengguna sekitar bulan November 2015 dengan paparan data yang lebih segar, dinamik dan moden. Paparan terbaru ini memenuhi trend terkini paparan maklumat yang bersifat mesra pengguna.

Perolehan Peralatan ICT untuk pelaksanaan Projek 1GFMS

Projek 1GFMS adalah Projek Sistem Perakaunan Akaun Kerajaan Persekutuan. Projek ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia [JANM]. Sistem 1GFMS merupakan sistem kewangan bersepadu yang berupaya memudahkan perancangan kewangan, kawalan bajet dan perakaunan Kerajaan. Ia menggabungkan semua fungsi perakaunan yang meliputi pembayaran, penerimaan, pengurusan gaji, wang tak dituntut, pinjaman Kerajaan, pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan awam, pelaburan dan penyediaan Akaun Awam ke dalam satu platform bersepadu.

Bagi melengkapkan prasarana projek agar pelaksanaan dapat berjalan dengan sempurna dan lancar, perolehan peralatan ICT telah dilaksanakan pada tahun 2015 sebagai persediaan ke arah pelaksanaan perkhidmatan 1GFMS. Agihan peralatan ICT melibatkan Ibu Pejabat KKLW, Pejabat Cawangan Negeri, Institut Kemajuan Desa dan Agensi di bawah KKLW iaitu JAKOA dan KEMAS. Sebanyak 419 unit komputer peribadi diagihkan melibatkan 49 lokasi yang terlibat. Pecahan komputer peribadi mengikut Agensi adalah seperti berikut:

Bil	Lokasi	Bilangan
1.	HQ KKLW	78
2.	PCN	45
3.	JAKOA	90
4.	INFRA	30
5.	KEMAS	123
Jumlah		419

Inisiatif Perkhidmatan Online

Bagi meningkatkan imej Kementerian dan menyokong fungsi Bisnes Kementerian melalui sistem penyampaian yang lebih berkesan, Kementerian melalui BPM telah membangunkan lima sistem aplikasi yang boleh diakses secara atas talian dengan menggunakan kepakaran dalaman. Sistem aplikasi tersebut ialah:

1. Sistem Pengiraan Tuntutan Elaun Lebih Masa [eOTC]

Sistem ini dibangunkan secara perkongsian pintar dengan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan kakitangan di KKLW dan Pejabat Cawangan Negeri di peringkat Kumpulan Pelaksana untuk menyediakan dokumen berkaitan tuntutan elaun kerja lebih masa [OT] bulanan dengan lebih cepat, tepat dan menjimatkan masa. Sistem ini telah membantu kakitangan membuat tuntutan khususnya berkaitan pengiraan masa bekerja, kadar kelayakan serta jumlah pengiraan tuntutan dapat dihasilkan secara automatik [auto-generate] dengan nilai amaun yang tepat.

2. Sistem Pengurusan Perolehan [SPP]

Sistem ini dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman untuk merekod maklumat perolehan yang diproses di KKLW. Pemilik sistem ini adalah Bahagian Perolehan manakala semua Bahagian dan Unit yang terlibat dengan perolehan adalah pengguna kepada sistem tersebut. Sistem ini membantu Bahagian Perolehan untuk menjana nombor sebut harga dengan lebih mudah. Selain itu, modul pelaporan banyak membantu Bahagian

Perolehan memantau maklumat sebut harga yang telah dikeluarkan untuk diiklankan.

3. Sistem eData JKJK/JKJKP

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk merekod dan menguruskan permohonan lantikan JKJK/JKJKP oleh pihak ICU Negeri. Sistem ini berjaya memudahkan JKJK/JKJKP merekod maklumat permohonan yang sebelum ini dilaksanakan secara manual.

4. Sistem Pengurusan Bantuan Bencana

Sistem ini dibangunkan sebagai persediaan sekiranya berlaku banjir seperti tahun 2015. Sistem ini bertujuan untuk merekod dan memantau bantuan-bantuan yang disalurkan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi – agensi di bawah KKLW kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan luar bandar. Sistem ini membenarkan pengguna memantau aktiviti-aktiviti bantuan yang diagihkan di kawasan yang terlibat. Sistem ini boleh diakses oleh semua Agensi di bawah Kementerian dan diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat.

5. Sistem Aduan Kerosakan Bangunan

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan pengurusan dan kecekapan tindakan terhadap aduan penyelenggaraan bangunan. Ia menyediakan kemudahan untuk memantau aduan kerosakan bangunan dan tindakan penyelesaian oleh Kontraktor Bangunan. Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman dan digunakan oleh Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset yang menguruskan penyelenggaraan bangunan sebagai pemilik sistem. Warga Kementerian dan Kontraktor bangunan adalah pengguna kepada sistem tersebut.

Pelan Strategik ICT (ISP) KKLW

BPM telah membangunkan ISP Kementerian bagi tahun 2016 – 2020. Menerusi pelan ini, sebanyak lima teras strategik ICT telah dirangka bagi memandu pelaksanaan inisiatif ICT supaya selari dengan hala tuju Kementerian. Sebanyak 29 inisiatif telah dirangka untuk tempoh lima tahun tersebut. Segala isu dan cabaran telah dikenalpasti bagi membolehkan aspirasi Kementerian dapat dilaksanakan.

Pengurusan Persembahan Multimedia dan Bantuan Teknikal ICT

Bagi memastikan sumber dalaman dapat digunakan dengan sepenuhnya, Kementerian melalui BPM telah diberi tanggungjawab menyediakan semua kemudahan yang melibatkan bantuan teknikal peralatan ICT dan multimedia.

Melalui *ICT Creative Team*, pasukan ini dipertanggungjawabkan untuk memberikan perkhidmatan reka bentuk grafik dan reka letak grafik [layout] secara digital melalui percetakan untuk kulit buku, *booklet*, *pamphlet*, buku aturcara, poster, slaid persembahan, pelekat kenderaan, *banner*, *bunting*, *backdrop* dan *sepanduk*. Selain daripada khidmat reka bentuk grafik, perkhidmatan paparan gimik dan persembahan multimedia juga di bawah pasukan ini dalam menghasilkan video dan montaj untuk program-program rasmi Kementerian. Sebanyak 124 rekabentuk grafik dan 11 video/montaj telah dihasilkan oleh *ICT Creative Team* sepanjang tahun 2015.

Usaha ini telah memberi impak yang besar terutamanya melibatkan kewangan di mana jika produk dihasilkan melalui kaedah penyumber luaran [outsourcing], kos penghasilan sesuatu persembahan multimedia adalah sangat tinggi. Banyak kos penghasilan produk multimedia dapat dijimatkan disebabkan menggunakan kepakaran dalaman.

Pasukan ini juga bersedia memberi khidmat runding cara dalam proses penerbitan digital dan juga suntingan *audio* dan *video* yang diperlukan oleh Bahagian/Unit di Kementerian.

Pembudayaan ICT

Seminar Keselamatan ICT

Seminar Kesedaran Keselamatan ICT merupakan inisiatif Kementerian melalui BPM dalam menyediakan ruang informasi dan interaksi berhubung isu keselamatan ICT di kalangan warga Kementerian/Jabatan/Agensi. Objektif seminar pada kali ini adalah untuk memberi kefahaman dan kesedaran mengenai Dasar Keselamatan ICT [DKICT] Kementerian, meningkatkan tahap kesedaran berhubung cabaran menangani isu semasa keselamatan ICT dan memberi pendedahan terhadap ancaman siber serta peserta dapat mempelajari langkah-

langkah keselamatan dan teknik pengukuhan terhadap ancaman dan penipuan siber.

Acara tahunan ini telah diadakan pada November 2015. Bertemakan “Ancaman Siber : Kenapa Ia Harus Menjadi Masalah Saya?”, acara ini telah dihadiri seramai 178 orang daripada Kementerian dan Agensi-agensi di bawah KKLW. Konsep yang diketengahkan pada kali ini lebih santai dan segar kerana maklumat disampaikan dalam bentuk forum. Seramai lima orang panel telah dijemput terdiri daripada pegawai dari SKMM, DWAPS, Astro Awani, Ofisgate Sdn Bhd dan dari Bahagian Jenayah Siber, PDRM. Segmen forum ini memberikan satu perkongsian yang hebat ditambah lagi dengan moderator yang sentiasa menyuntik elemen kejutan dalam setiap topik yang dibincangkan. Bagi menyuntik semangat dan keterlibatan para peserta, acara sebelah petang diserikan dengan segmen pop kuiz yang banyak mengutarakan soalan-soalan yang terdapat dalam Dasar Keselamatan ICT Kementerian. Konsep ini mudah diterima oleh peserta dan secara tidak langsung peserta dapat memahami kandungan dasar tersebut.

Di samping itu juga, segmen yang dinanti-nantikan oleh para peserta ialah cabutan bertuah. Sebanyak lima slot tayangan video ditayangkan bagi memberi impak yang lebih lagi kepada peserta menjiwai dan merasai bahang tema yang di ketengahkan.

Kursus ICT

Bagi meneruskan kesinambungan untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang cekap menggunakan teknologi dan tidak ketinggalan dalam ledakan maklumat, Kementerian melalui BPM telah menganjurkan kursus yang melibatkan penggunaan teknologi ICT. Sebanyak 21 siri kursus telah diadakan dan beberapa kursus telah dianjurkan oleh pihak Prestariang Sdn. Bhd. di bawah Program *Microsoft Role Base Training For Civil Servants*. Enam Kursus Teknikal ICT telah diadakan di pejabat Prestariang Sdn. Bhd. iaitu di Cyberjaya manakala selebihnya diadakan di Makmal 2, Bahagian Pengurusan Maklumat, KKLW.




PUBLISITI DAN PROMOSI KKLW



- ◆ Unit Komunikasi Korporat
- ◆ Aktiviti Publisiti dan Promosi
- ◆ Kalendar Program KKLW



BAHAGIAN ENAIM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan dalam memastikan keberkesanan pelan media yang telah dirancang sepanjang tahun. Selain itu, mewujudkan perhubungan baik antara Kementerian dengan pihak awam serta media melalui strategi penyampaian maklumat yang berkesan demi mencapai objektif Kementerian melalui edaran bahan-bahan maklumat penerbitan dan medium yang lain. Di samping itu, UKK juga bekerjasama dengan Bahagian Perancangan Strategik dalam menyelaraskan pengurusan lawatan dari dalam dan luar negara dalam menyampaikan maklumat demi memberi imej yang baik terhadap Kementerian.

UKK telah melaksanakan aktiviti-aktiviti publisiti dan promosi program-program pembangunan luar bandar KKLW. Walau bagaimanapun Bahagian / Unit / Agensi juga turut memainkan peranan mempromosi program masing-masing sepanjang tahun 2015. Setiap inisiatif yang dilaksanakan oleh KKLW sepanjang tahun 2015 disampaikan dengan berkesan kepada orang awam melalui publisiti dan promosi yang meluas seperti berikut:

- Percetakan buku kecil, brosur dan poster
- Publisiti media elektronik
- Publisiti media cetak
- Publisiti media sosial
- Pameran korporat



27 MEI 2015 - SELAMAT PAGI 1MALAYSIA SP1M ANUGERAH DESA SEJAHTERA 1MALAYSIA (ADS1M) - YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (TIMBALAN MENTERI I KKLW)



28 MEI 2015 - MALAYSIA HARI INI MHI TV3 ANUGERAH DESA SEJAHTERA 1MALAYSIA (ADS1M) - YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (TIMBALAN MENTERI I KKLW)



26 MEI 2015 - SLOT ASSALAMUALAIKUM DI TV ALHIJRAH ANUGERAH DESA SEJAHTERA 1MALAYSIA (ADS1M) - TUAN HJ AHMAD SULAIMAN (SETIAUSAHA BAHAGIAN KOMUNITI DESA)



AKTIVITI PUBLISITI DAN PROMOSI

PUBLISITI MEDIA ELEKTRONIK



25 NOV 2015 - MALAYSIA HARI INI MHI PERHIMPUNAN JKKK PERINGKAT KEBANGSAAN 2015 - YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB (MENTERI KKLW)



03 SEPT 2015 - WAWANCARA MEDIA KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD 2015) - YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB (MENTERI KKLW)



03 SEPT 2015 - WAWANCARA MEDIA KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD 2015) - YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB (MENTERI KKLW)



26 OGOS 2015 - SELAMAT PAGI 1MALAYSIA SP1M KARNIVAL USAHAWAN DESA 2015 - YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (TIMBALAN MENTERI I KKLW)

PUBLISITI MEDIA CETAK

KUD 2015
KARNIVAL USAHAWAN DESA

Majlis Perasmian Karnival Usahawan Desa 2015

Ditah:
YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

Khamis | 3 September | 3.00 petang
Presint 3, Putrajaya

KUD 2015
Majlis Perasmian Karnival Usahawan Desa 2015

Ditah:
YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

KUD 2015
KARNIVAL USAHAWAN DESA

2-6 SEPTEMBER 2015
PRESINT 3, PUTRAJAYA

KUD 2015 sasar 1.5 juta pelawat

Kementerian Pertanian dan Negeri Benua Kelantan telah mengumumkan bahawa KUD 2015 akan diadakan di Putrajaya pada 2-6 September 2015. Menteri Pertanian dan Negeri Benua Kelantan, Datuk Seri Wan Mohd Azlan bin Mohd Yusoff berkata, KUD 2015 akan menjadi platform terbaik untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar kepada pelbagai pihak. Beliau berkata, KUD 2015 akan menampilkan lebih daripada 100 produk dan perkhidmatan luar bandar yang dihasilkan oleh petani dan usahawan desa. Beliau juga berkata, KUD 2015 akan menjadi platform terbaik untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar kepada pelbagai pihak.

Naskah percuma Utusan Malaysia, Minggu Malaysia

PUTRAJAYA 3 Sept. - Pihak Berkuasa Kemajuan Persekitaran dan Pembangunan (KEMPRIMA) mengumumkan bahawa 4,000 naskah Utusan Malaysia akan dipersembahkan kepada peserta Karnival Usahawan Desa (KUD) 2015 yang berlangsung di Presint 3, Putrajaya. Menteri Pertanian dan Negeri Benua Kelantan, Datuk Seri Wan Mohd Azlan bin Mohd Yusoff berkata, naskah ini akan dibagikan kepada peserta KUD 2015 sebagai hadiah penghargaan atas usaha mereka dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar. Beliau berkata, naskah ini akan dibagikan kepada peserta KUD 2015 sebagai hadiah penghargaan atas usaha mereka dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar.



Luar bandar tetap diutamakan

Dewan Menteri Kelantan dan Wilayah Persekutian telah mengumumkan bahawa KUD 2015 akan menjadi platform terbaik untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar kepada pelbagai pihak. Beliau berkata, KUD 2015 akan menampilkan lebih daripada 100 produk dan perkhidmatan luar bandar yang dihasilkan oleh petani dan usahawan desa. Beliau juga berkata, KUD 2015 akan menjadi platform terbaik untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar kepada pelbagai pihak.

Usahawan desa jadi keutamaan

Usahawan desa menjadi keutamaan dalam KUD 2015. Menteri Pertanian dan Negeri Benua Kelantan, Datuk Seri Wan Mohd Azlan bin Mohd Yusoff berkata, KUD 2015 akan menampilkan lebih daripada 100 produk dan perkhidmatan luar bandar yang dihasilkan oleh petani dan usahawan desa. Beliau juga berkata, KUD 2015 akan menjadi platform terbaik untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan luar bandar kepada pelbagai pihak.

KUD 2015 memartabatkan produk dan perkhidmatan luar bandar.

KUD 2015: Penyertaan usahawan meningkat

KUD 2015 mampu catat nilai jualan, tempahan RM14 juta

KUD 2015 mampu catat nilai jualan, tempahan RM14 juta.

Nilai jualan dan tempahan mencapai RM14 juta. Menteri Pertanian dan Negeri Benua Kelantan, Datuk Seri Wan Mohd Azlan bin Mohd Yusoff berkata, KUD 2015 telah mencatat nilai jualan dan tempahan yang mencapai RM14 juta. Beliau berkata, KUD 2015 telah mencatat nilai jualan dan tempahan yang mencapai RM14 juta.

KALENDAR PROGRAM KKLW

JAN



7^{hb}

MISI SUKARELAWAN BANTUAN BANJIR PANTAI TIMUR

8^{hb}

MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT TAHUN BARU KEPADA WARGA KKLW



10^{hb}

SUKARELAWAN PASCA BANJIR DI PERAK

27^{hb}



- 7 JANUARI 2015
MISI SUKARELAWAN BANTUAN BANJIR PANTAI TIMUR
- 8 JANUARI 2015
MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT TAHUN BARU KEPADA WARGA KKLW
- 10 JANUARI 2015
SUKARELAWAN PASCA BANJIR DI PERAK
- 27 JANUARI 2015
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK DAN MENANDATANGANI PROJEK DESA LESTARI



27^{hb}

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK DAN MENANDATANGANI PROJEK DESA LESTARI
ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN

30^{hb}

30^{hb}

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMENANG RBC



- 30 JANUARI 2015
ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN
- 30 JANUARI 2015
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMENANG RBC



- 7 FEBRUARI 2015
MAJLIS PERASMIAN LOJI BEKALAN AIR MACHAN
- 10 FEBRUARI 2015
MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI
- 24 FEBRUARI 2015
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PLKK
- 27 FEBRUARI 2015
MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN AIR SERIAN



7hb

MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN AIR MACHAN

FEB





10hb

MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI

24hb

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PLKK

27hb



27 FEBRUARI 2015

MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN AIR SERIAN




20th

MAJLIS GEMILANG 2014 KKLW

25th

LAWATAN KE KARANGKRAF



● **MAC 20 2015**

MAJLIS GEMILANG 2014
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH

● **25 MAC 2015**

LAWATAN KE KARANGKRAF
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH

MEI

22^{hb}

24^{hb}

26^{hb}

27^{hb}

28^{hb}

KARNIVAL BELIA PUTRAJAYA

ADS1M KKLW - TV ALHIJRAH

ADS1M KKLW - SELAMAT PAGI 1MALAYSIA

MAJLIS PERKHIDMATAN CEMERLANG KKLW 2014



- 22-24 MEI 2015
KARNIVAL BELIA PUTRAJAYA
- 26 MEI 2015
**ADS1M KKLW
DI TV ALHIJRAH**
- 27 MEI 2015
**ADS1M KKLW
DI SELAMAT PAGI 1MALAYSIA**
- 28 MEI 2015
**MAJLIS PERKHIDMATAN
CEMERLANG KKLW 2014**



28^{hb} MAJLIS PERKHIDMATAN CEMERLANG KKLW 2014



28^{hb} ADS1M KKLW - MHI
30^{hb} MAJLIS PENYAMPAIAN ADS1M KKLW



- 28 MEI 2015
ADS1M KKLW
DI MALAYSIA HARI INI (MHI)
- 30 MEI 2015
MAJLIS PENYAMPAIAN
ADS1M KKLW
PERINGKAT KEBANGSAAN



30^{hb}

MAJLIS PENYAMPAIAN ADS1M KKLW

MAJLIS PENYAMPAIAN ADS1M KKLW





JUL

OGOS

31^{hb} MAJLIS SAMBUTAN YB MENTERI DAN YB TIMBALAN MENTERI

6^{hb} MAJLIS WARNA-WARNI AIDILFITRI KKLW 2015



- 31 JUL 2015
MAJLIS SAMBUTAN
YANG BERHORMAT MENTERI DAN
YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI
- 6 OGOS 2015
MAJLIS WARNA-WARNI
AIDILFITRI KKLW 2015



6^{hb}

MAJLIS WARNA-WARNI AIDILFITRI KKLW 2015





10th MAJLIS PELANCARAN KUD 2015



● 10 OGOS 2015
MAJLIS PELANCARAN KUD 2015
 KARNIVAL USAHAWAN DESA



26^{hb}

KUD 2015 - SELAMAT PAGI 1MALAYSIA

OGOS

27^{hb}

MAJLIS RAMAH MESRA
JKKKP SELANGOR

SEPT

3^{hb}

MAJLIS PELANCARAN KUD 2015



- 26 MEI 2015
KUD 2015
DI SELAMAT PAGI 1MALAYSIA
- 27 OGOS 2015
MAJLIS RAMAH MESRA
JKKKP SELANGOR
- 3 SEPTEMBER 2015
MAJLIS PELANCARAN
KUD 2015





9^{hb}

KARNIVAL USAHAWAN DESA 2015

PASCA KARNIVAL USAHAWAN DESA 2015



1^{hb}

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW



- 9 SEPTEMBER 2015
PASCA KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) 2015
 DI SELAMAT PAGI MALAYSIA
- 1 OKTOBER 2015
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW



1^{hb}

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW

10^{hb}

HARI SUKAN NEGARA

OKT



● 10 OKTOBER 2015
HARI SUKAN NEGARA



10^{hb}

HARI SUKAN NEGARA



OKT

29^{hb}

MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN PKPKM KE-20

● 29 OKTOBER 2015

**MESYUARAT AGUNG
DWI-TAHUNAN PKPKM KE-20**
[PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-
PEKEBUN KECIL MALAYSIA]



31^{hb}

MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI BERSAMA JKKK NEGERI PERAK

20^{hb}

100 HARI YB MENTERI DI KKLW



● 31 OKTOBER 2015

**MAJLIS RAMAH MESRA
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAKOB**
BERSAMA JAWATANKUASA KEMAJUAN
DAN KESELAMATAN KAMPUNG
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

● 20 NOVEMBER 2015

100 HARI YB MENTERI
DI KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH



20^{hb} 100 HARI YB MENTERI DI KKLW

23^{hb} HARI INOVASI KKLW 2015



● 23 NOVEMBER 2015
HARI INOVASI KKLW 2015



23^{hb} HARI INOVASI KKLW 2015

25^{hb} TRANSFORMASI PENDIDIKAN KKLW DAN UM

25^{hb} WAWANCARA YB MENTERI DI MHI



- 25 NOVEMBER 2015
TRANSFORMASI PENDIDIKAN KKLW DAN UM
- 25 NOVEMBER 2015
WAWANCARA YB MENTERI DI MALAYSIA HARI INI [MHI]



DIS

1hb

KONGRES PEMERKASAAN LUAR BANDAR

KONGRES PEMERKASAAN LUAR BANDAR



● 1 DISEMBER 2015
**KONGRES PEMERKASAAN
 LUAR BANDAR**



3^{hb}

PERHIMPUNAN JKKK & JKKKP MALAYSIA 2015

10^{hb}

PAMERAN KKLW DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015



- 3 DISEMBER 2015
PERHIMPUNAN JKKK & JKKKP MALAYSIA 2015
- 10 DISEMBER 2015
PAMERAN KKLW DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015



10th

PAMERAN KKLW DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015



28th

PERTANDINGAN RBC 2015 - KATEGORI IDEA PERNIAGAAN



● 28 DISEMBER 2015
**PERTANDINGAN RURAL
 BUSINESS CHALLENGE (RBC)
 2015 KATEGORI IDEA PERNIAGAAN**



28th

PERTANDINGAN RBC 2015 - KATEGORI IDEA PERNIAGAAN



Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah



E-mail: aduan@rurallink.gov.my
www.rurallink.gov.my

Layari:

facebook.com/kklw
twitter.com/kklw_gov



No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia

Phone: +603-8000 8000